

MALAYSIA

Perspektif, Sejarah dan Politik

INGATAN TULUS IKHLAS

daripada

PENERBIT

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

MALAYSIA

Perspektif, Sejarah dan Politik

Kassim Thukiman

**Penerbit
Universiti Teknologi Malaysia
Skudai
Johor Darul Ta'zim
2002**

Edisi Pertama 2002
© KASSIM THUKIMAN 2002

Hak cipta terpelihara. Tiada dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan cara apa jua sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanik, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Timbalan Naib Canselor (Pembangunan & Perancangan Korporat), Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Skudai, Johor Darul Ta'zim, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Kassim Thukiman

Malaysia : perspektif sejarah dan politik /Kassim Thukiman.

Mengandungi indeks

Bibliografi : ms. 193-222

ISBN 983-52-0271-0

1. Malaysia--History. 2. Malaysia--Politics and government.

I. Judul.

959.5

Editor: MOHD AZHAR ABDUL HAMID
Pereka Kulit: ZALAWATI SUFIAN

Diatur huruf oleh / *Typeset by*
PANTAS SET SDN. BHD.,
6A, Jalan Pandan 2/1,
Pandan Jaya, Cheras,
55100 Kuala Lumpur, MALAYSIA.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*

PENERBIT

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

34 - 38 Jalan Kebudayaan 1,

Taman Universiti,

81300 Skudai,

Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA.

(PENERBIT UTM anggota PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA/
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION dengan no. keahlian 9101)

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by:*

CETAK RATU SDN. BHD.,

No. 12, Jalan Permatang,

Taman Desa Jaya,

81100 Johor Bahru

Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA.

M
a59.5
KAS

RM30.00

M

1195982

28 JUL 2005

Perpustakaan Negara
Malaysia

KANDUNGAN

<i>Kandungan</i>	v
<i>Prakata</i>	vii
<i>Kata Pengantar</i>	ix
I Beberapa Perspektif Ilmu Sejarah	1
II Konsep dan Pengertian Politik	15
III Kesultanan Melayu Melaka dalam Tamadun Politik Melayu	27
IV Perkembangan Agama Islam di Malaysia	39
V Sistem Pendidikan Pondok dan Madrasah di Tanah Melayu	49
VI Penerbitan Awal Surat Khabar di Tanah Melayu	59
VII Penjajahan British di Tanah Melayu	73
VIII Gerakan AntiBritish di Tanah Melayu	83
IX Nasionalisme Melayu di Tanah Melayu	91
X Parti Komunis Malaya dan Darurat di Tanah Melayu	105
XI Kegiatan Politik di Tanah Melayu Selepas Perang Dunia Kedua	117
XII Penjajahan Jepun di Tanah Melayu	129

XIII	Sejarah Awal Pilihan Raya di Tanah Melayu	141
XIV	Sabah dan Sarawak dalam Sejarah Malaysia	153
XV	Perkembangan Perlembagaan Malaysia	163
XVI	Penubuhan Malaysia	173
XVII	Malaysia dan Hubungan Antarabangsa	183
	RUJUKAN	193
	INDEKS	223

PRAKATA

Pertama-tamanya, saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah S.W.T. yang memberi kekuatan, taufik dan hidayah kepada saya untuk menyiapkan dan menyempurnakan penulisan buku ini. Selawat dan salam buat Nabi Muhammad s.a.w. yang membawa obor menyinari kehidupan kita semua.

Dalam menyiapkan buku ini, penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pensyarah saya di Universiti Malaya khususnya Prof. Dato' Dr. Khoo Kay Kim, Prof. Dr. Abdullah Zakaria Ghazali, Prof. Dato' Dr. Ramlah Adam, Prof. Madya Dr. Adnan Hj. Nawang, Prof. Madya Dato' Mahadzir Md. Khir, Prof. Madya Dr. Ridzuan Othman, En. Aziz Mat Ton, dan En. Abdullah Azmi Khalid. Mereka telah banyak berjasa memberi ilmu dan berkongsi pengalaman dengan penulis.

Di samping itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan di jabatan dan fakulti tempat saya bertugas yang sentiasa memberi dorongan dan motivasi kepada saya untuk menyiapkan penulisan buku ini.

Ucapan terima kasih juga tidak ketinggalan untuk seluruh keluarga saya terutamanya isteri Rohaya A. Razak dan anak-anak yang sering 'tertinggal' kerana keinginan penulis menyiapkan dan menyelenggarakan penerbitan buku ini.

Kepada pihak Universiti Teknologi Malaysia, saya mengucapkan terima kasih kerana meluluskan cuti sabatikal saya untuk menyiapkan kerja-kerja penulisan ini.

Kepada para pembaca yang budiman, saya serahkan untuk saudara/i menilai dan memberikan pandangan balas sekiranya terdapat kecacatan dalam

penulisan buku ini. Mudah-mudahan ia dapat menyumbangkan kepada khazanah ilmu dalam pembinaan tamadun masyarakat Malaysia.

Kassim bin Thukiman

Jabatan Pembangunan Sumber Manusia
Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia
Universiti Teknologi Malaysia
Skudai, Johor.

2002

KATA PENGANTAR

Sejarah Malaysia adalah merupakan sesuatu yang sangat unik dan mengkagumkan. Kegemilangannya telah menjadi tarikan kepada para pengkaji, penyelidik dan sarjana dari seluruh dunia. Kedudukannya yang strategik di Asia Tenggara menyebabkan ia menjadi tumpuan semua golongan penduduk dari pelbagai negara. Kewujudan kesultanan Melayu Melaka umpamanya, telah menjadi pengasas kepada budaya politik, ekonomi dan sosial bagi negara Malaysia sehingga hari ini. Penduduk Malaysia yang berbilang kaum telah turut mewarnai perkembangan sejarah Malaysia.

Buku ini merupakan kumpulan esei yang dihasilkan dan dianalisis oleh penulis secara ilmiah. Saya berpendapat kebanyakan pelajar, sama ada di peringkat sekolah atau universiti, sering terdedah kepada buku yang dikarang oleh penulis Barat. Ini sudah tentu sedikit sebanyak menyebabkan timbulnya penulisan sejarah Malaysia bercorak *western centric*. Saya berharap agar sumbangan penulis ini dapat memperkayakan lagi khazanah penulisan sejarah Malaysia.

Buku ini mengandungi beberapa bab yang disusun oleh penulis berdasarkan kronologi. Ini untuk memudahkan para pembaca melihat secara langsung perkembangan sejarah Malaysia. Di samping itu, penulis juga menggunakan pendekatan fenomenologi untuk melihat sejarah Malaysia menerusi perspektif yang lebih luas dan pelbagai. Walau bagaimanapun, saya berpendapat adalah di luar kemampuan penulis untuk menggarap kesemua tajuk yang relevan dalam pensejarahan Malaysia. Mudah-mudahan ini akan menguatkan lagi azam beliau untuk terus mengarang tentang sejarah Malaysia.

Saya berharap buku kecil ini dapat dimanfaatkan oleh semua pihak, khususnya mereka yang berminat dalam sejarah Malaysia. Penulis buku ini sentiasa bersifat terbuka untuk menerima teguran dan pandangan daripada

semua pihak untuk memperbaiki penulisan sejarah Malaysia agar ia lebih berkualiti dan komprehensif.

Professor Dr. Abdullah Zakaria Ghazali

Ketua Jabatan Sejarah

Universiti Malaya

59100 Kuala Lumpur

I

BEBERAPA PERSPEKTIF ILMU SEJARAH

Melalui bab ini, adalah diharapkan para pembaca dapat:

- mengetahui secara ilmiah konsep dan pengertian sejarah.
- memahami secara kritis bentuk penulisan sejarah Malaysia.
- menilai semula penulisan sejarah Malaysia menurut perspektif nasional.

Sejarah merupakan satu cabang ilmu yang sangat penting baik daripada segi ilmiah ataupun pembangunan negara. Sejarah bukan sekadar boleh membangkitkan perasaan bangga terhadap negara, tetapi ia juga boleh menjadi satu alat yang penting untuk mencipta keperibadian kebangsaan (Zainal Abidin, 1992). Walaupun kepentingan ilmu sejarah itu telah terbukti, namun terdapat juga di kalangan sesetengah pihak yang memandang sepi dan negatif terhadap disiplin ilmu sejarah. Sebenarnya berlaku kesilapan dalam pemikiran mereka bahawa sejarah adalah suatu bidang yang hanya mengungkapkan peristiwa masa lalu. Sesungguhnya, sejarahlah yang menjadi cermin masyarakat sama ada ia mencapai peradaban tinggi atau sebaliknya.

Sejarah juga seringkali menjadi satu perkara yang kontroversial, bukan sahaja daripada segi pelaksanaan pengajarannya, tetapi juga isi kandungan yang klasik dan bersifat tradisional. Malah pada suatu ketika, kedudukan mata pelajaran sejarah sebagai satu cabang ilmu sains sosial pernah digugat oleh perancang dasar pendidikan negara. Namun begitu, keadaan tersebut kini telah berubah apabila ilmu sejarah dijadikan mata pelajaran teras kepada semua golongan pelajar tanpa mengira aliran pengkhususan. Malahan pada peringkat

institusi pengajian tinggi, mata pelajaran sejarah yang dikenali sebagai mata pelajaran kenegaraan turut diutamakan dalam pembentukan kurikulumnya. Kesemua ini bertujuan untuk menghasilkan kefahaman yang mendalam tentang keperibadian negara dan peradaban masyarakat Malaysia yang unik dan kompleks.

Sistem pengajaran dan pembelajaran sejarah pada semua peringkat memang berada pada tahap yang lama dan tradisional yang menjadi sinonim kepada sifat sejarah itu sendiri. Pendekatan pengajarannya masih lagi berdasarkan kaedah tradisional yang telah usang. Lebih menyedihkan lagi, sesetengah pendidik termasuklah guru, pensyarah maktab dan universiti, masih terikat kuat dengan fakta yang lapuk dan klasik. Mereka kurang berusaha untuk membuat penyelidikan bagi menambahkan ilmu pengetahuan yang bersifat terkini. Hal ini amat bercanggah dengan sifat ilmu sejarah yang merupakan suatu bidang ilmu yang sentiasa progresif. Collingwood (1986) pernah menyarankan agar fakta sejarah sentiasa dikaji semula dan diberi interpretasi atau penilaian yang sewajarnya agar ia benar-benar bersifat objektif dan terkini. Sesungguhnya, sejarah adalah suatu bidang ilmu yang amat menitikberatkan penyelidikan. Tanpa penyelidikan bermakna kita hanya memutarakan sahaja fakta dan maklumat yang lama lagi klasik. Menurut Collingwood lagi, sejarah bukan sahaja tentang masa lalu, tidak juga cuma tentang pemikiran sejarawan, tetapi sebenarnya tentang hubungan timbal balik antara keduanya. Tegasnya, semua sejarah adalah sejarah pemikiran dan sejarah adalah perlakuan semula dalam fikiran sejarawan mengenai pemikiran yang cuba dikajinya (Md. Salleh, 1975/77).

Menurut Toynbee pula, pengkajian sejarah memerlukan kepada hujah yang logik daripada fakta yang diperolehinya, iaitu dengan sistem bergerak dari satu kesimpulan ke satu kesimpulan lain yang menuju kepada suatu kesatuan (Ab. Murat, 1975/77). Tegasnya, pembelajaran sejarah bermakna belajar untuk mengerti tentang kesatuan sejarah dan oleh setiap orang supaya dapat menjelaskan makna dan tujuannya. Sebab itulah amat bersalahan sama sekali sekiranya ada pihak yang mengambil mudah dan memandang remeh tentang pengajaran dan pembelajaran sejarah. Sejarah juga merupakan disiplin ilmu yang saintifik seperti bidang ilmu yang lain. Ia memerlukan penelitian yang mendalam, keupayaan menyaring fakta dan seterusnya menggabungkannya sebagai suatu fenomena yang menyeluruh. Pada akhirnya, pembelajaran sejarah juga memerlukan pengkajian secara perbandingan untuk melihat keseluruhan sesuatu peradaban masyarakat dengan menggunakan kaedah empirikal. Kajian perbandingan juga penting agar pengkaji sejarah dapat melihat konsep universal dalam penulisan dan pengajaran sejarah. Suatu

yang tidak digalakkan adalah perbandingan secara melulu antara masa lalu dengan masa kini. Perbandingan yang sedemikian selalunya menghasilkan persepsi bias atau berat sebelah di kalangan pengkaji dan pelajar sejarah.

Menurut Mohamad Abu Bakar, sejarah sering dilihat dari sudut pandangan yang negatif. Beliau berperidapat bahawa pandangan negatif mengenai kehadiran atau kedudukan sejarah ini berpunca daripada kegagalan memahami sejarah itu sendiri. Sejarah sering dilihat hanya sebagai sesuatu yang berlaku pada waktu yang benar-benar silam, dan yang tidak mempunyai hubungan langsung dengan realiti masa kini. Sejarah juga sering dilihat sebagai catatan berbentuk tarikh-tarikh yang beku dan mati, atau yang ketiadaan fungsi (Berita Harian, 19 Nov. 1986). Oleh sebab itulah, faktor kesinambungan yang berasaskan kronologi sangat penting dalam disiplin sejarah. Penekanan kepada aspek kesinambungan dalam tradisi kehidupan bukan sahaja boleh memberi penuntut gambaran yang komprehensif tentang masa lalu, tetapi juga melengkapkan mereka dengan satu pengetahuan untuk berhubungan dengan realiti sekeliling. Konsep kesinambungan ini amat wajar diperhalusi oleh pengkaji dan pelajar sejarah. Tanpa memahami kepentingan konsep tersebut, seolah-olah kita tidak tahu di mana kita bermula. Begitu jugalah dengan sejarah yang lain. Sebab itulah, sejarah merupakan pengalaman yang amat berharga dan boleh dijadikan 'guru' untuk mengelakkan kesilapan masa lalu dan pada masa yang sama merancang dan bertindak untuk masa depan. Keupayaan dan kemampuan kita menguasai dan memahami sejarah dengan betul, boleh mengelakkan kita daripada bersikap melampau. Sejarah memberi tauladan dan menunjukkan batasan. Ia juga mendorong kita mencari kebenaran dan bersikap kritis terhadap sesuatu peristiwa dan kejadian yang berlaku.

Walau bagaimanapun, kita harus mencari penyelesaian agar ilmu sejarah sentiasa berkembang dan bersifat dinamik. Bab ini cuba memfokuskan aspek kandungan sejarah, khususnya sejarah Malaysia. Terdapat sarjana yang mencadangkan agar buku sejarah lama dikaji dan ditulis kembali supaya dapat memberi perspektif yang lebih objektif (Syed Hussien Al-Attas, 1985). Banyak buku sejarah Malaysia kini lebih cenderung menggunakan *pendekatan kronologi*. Ini menyebabkan ramai di kalangan pelajar sejarah cepat merasa bosan dan bersikap negatif terhadap ilmu sejarah kerana ia mendorong para pelajar cenderung kepada bentuk penghafalan dan bukannya pemahaman, yang seringkali dilihat sebagai suatu catatan berbentuk tarikh, tokoh dan tempat yang mati dan tidak berfungsi. Jarang sekali di kalangan penulis sejarah terdahulu yang cuba menghidupkan sejarah melalui pentafsirannya yang tersendiri. Zainal Abidin (1992: 7) pernah menyatakan bahawa:

"mentafsir peristiwa sejarah bukanlah senang. Kemuktamadan sukar dicapai. Kita cuba menghampiri kebenaran sedekat mungkin. Bagi sejarah Malaysia, soal kekurangan sumber, jurang masa, penguasaan bahasa, perbezaan kebudayaan dan soal psikologi menjadi masalah tambahan."

Kita tidak menafikan kepentingan kronologi dalam sejarah, tetapi biarlah aspek sejarah yang lain juga dititikberatkan. Satu kaedah pengajaran sejarah yang terbaru adalah dengan menggunakan *pendekatan fenomenologi* (Ismail Raji Al-Faruqi, 1991: 2). Pendekatan ini cuba melihat sesuatu peristiwa sejarah dengan menggunakan pelbagai perspektif yang melingkunginya agar kita mendapat maklumat dan keterangan yang seimbang. Sesuatu penghasilan sejarah yang bersifat objektif memerlukan pengkajian mendalam menurut pelbagai sudut dan perspektif. Kita juga perlu membuat andaian bahawa sesuatu perkara atau fenomena tidak akan berlaku kerana satu faktor sahaja. Di sinilah pengkaji sejarah akan melihat sesuatu secara holistik dengan menggunakan *pendekatan pandangan helikopter*. Oleh yang demikian, ahli sejarah dapat mengurangkan kemungkinan bersifat bias dalam menghasilkan penulisan sejarah.

Penulisan sejarah Malaysia yang awal kebanyakannya memang dikuasai oleh penulis Barat, termasuklah pegawai tanah jajahan. Mereka lebih cenderung menonjolkan kewibawaan golongan kulit putih yang dianggap sebagai pencetus tamadun dan pentadbiran di Malaysia. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa mereka lebih cenderung menulis sejarah tentang orang Barat di Tanah Melayu dengan tujuan untuk mengukuhkan konsep *white mans burdannya*. Penulisan sejarah seperti ini juga disebut sebagai penulisan yang berbentuk cenderung ke Barat atau *western centric*. Menurut Malek Munip, ... *for a long time, local history was written by non-Malay historians using the perspective and the format of earlier writers who looked at Malaysian history from the western perspective* (New Straits Times, 8 Oct. 1986). Oleh yang demikian, kesan langsung daripada pendekatan tersebut adalah kebanyakan pelajar lebih mengenali tokoh dari Barat seperti Francis Light, Stamford Raffles, Frank Swettenham, J.W.W. Birch, Hugh Low dan sebagainya. Manakala tokoh tempatan seperti Dol Said, Tok Janggut, Dato' Bahaman, Dato' Maharaja Lela, Haji Abdul Rahman Limbong, Rosli Dhobi dan lain-lain seringkali dikesampingkan. Malahan mereka diberi pelbagai label yang negatif seperti penderhaka atau pemberontak. Sepatutnya kita sebagai rakyat Malaysia yang rasional mesti berfikir bahawa penulisan sejarah seperti itu merupakan suatu penyelewangan yang besar dan bersifat pro-

paganda yang sarat dengan prasangka. Kita tidak boleh menerima bulat-bulat apa sahaja yang ditulis oleh mereka. Oleh itu, pengkaji dan pelajar sejarah harus meneliti secara mendalam dan ilmiah, apakah maksud dan agenda mereka yang menghasilkan penulisan yang sedemikian rupa. Dalam keadaan yang lebih kritis, kita perlu mengenal siapa penulis atau pengarangnya, jangka masa tempoh yang dikaji dan apakah mauduk penulisannya. Hal ini amat penting dan kalau tidak berbuat demikian, kita bukan sekadar tidak mempunyai jati diri, tetapi juga akan menjadi alat yang terus-menerus sentiasa dilambung oleh gelombang globalisasi imperialisme.

Sebenarnya, penulisan sejarah tersebut hanya melahirkan penulisan yang bersifat *centricism* yang memihak, berat sebelah dan tidak objektif. Penulisan sejarah Malaysia haruslah meliputi jangka waktu sebelum kedatangan penjajah Barat. Hal ini bertujuan untuk memperlihatkan perkembangan peradaban masyarakat dan kesinambungannya dalam sejarah (Carr, 1961). Ini bersesuaian dengan pentakrifan sejarah yang pernah dikemukakan oleh E.H. Carr, iaitu *sejarah ialah suatu proses interaksi yang berterusan di antara sejarawan dan fakta-faktanya, dan dialog yang tidak putus-putus di antara masa kini dengan masa lalu*. Kita seharusnya memulakan pensejarahan Malaysia lebih awal lagi dengan Kesultanan Melayu Melaka dan kerajaan Melayu yang lain sebagai pengasas tradisi berkerajaan di Tanah Melayu. Malahan sejak kebelakangan ini, suatu yang menarik perhatian adalah pengkajian sejarah Malaysia yang awal berasaskan *kaedah arkeologi* telah diusahakan dan dijalankan oleh sarjana tempatan seperti Prof. Dato' Dr. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, Prof. Dato' Dr. Zuraina Majid, Prof. Madya Leong Sau Heng dan lain-lain lagi. Hasil penyelidikan mereka telah memperolehi pelbagai penemuan terbaru. Oleh yang demikian, kita akan dapat melihat bagaimana perkembangan tamadun masyarakat di negara ini termasuklah di kalangan orang Melayu akan turut mengalami perubahan mengikut arus zaman yang menjangkau masa yang panjang (Nik Hassan Suhaimi, 1977/79).

Apa yang digambarkan dan terpancar dalam pemikiran kita selama ini, seperti yang diungkapkan dalam buku sejarah, bahawa orang Melayu merupakan golongan yang statik, mundur dan tidak berkembang. Apabila mereka membincangkan tentang soal ekonomi, peranan orang Melayu di kesampingkan sama sekali. Sedangkan semasa zaman penjajahan, kita mendapati orang Melayu juga telah berusaha dengan pelbagai cara untuk survival dan menyesuaikan diri dengan sistem kehidupan yang diperkenalkan oleh penjajah British (Gullick, 1977). Menurut penulis sejarah tersebut, sumbangan orang Cina dan India juga penting kepada pembangunan ekonomi negara, terutamanya dalam sektor perlombongan dan perladangan. Namun

begitu, terdapat suatu pernyataan yang keterlaluan pernah dibuat dalam penulisan Victor Purcell (1968), iaitu:

"The fact is that without them Malaya would still be more or less as it was over most of its extent eighty years ago...."

Tambahan pula, penulisan tentang golongan imigran Cina dan India tidak dilakukan secara menyeluruh dan menggambarkan keadaan yang terpisah. Konsep *plural society* atau masyarakat majmuk yang dicetuskan oleh J.S. Furnivall (1939) yang telah usang masih terpakai hingga masa kini. Kemajmukan masyarakat yang dicipta oleh kolonial British di Tanah Melayu telah diperkukuhkan dengan penulisan yang bersifat kemajmukan itu. Oleh yang demikian, sehingga negara kita mencapai kemerdekaan sejak sekian lama, masih terdapat penulisan sejarah yang berkecenderungan untuk menulis tentang masyarakat majmuk yang konsepnya semakin rapuh dan klise (Freedman, 1960). Walhal konsep masyarakat Malaysia hari ini lebih tepat dan sesuai dikenali sebagai masyarakat pelbagai kaum atau *multi-racial society*.

Perkembangan agama Islam pula tidak pernah disentuh secara menyeluruh. Sama seperti bidang lain, penulisan yang berkaitan agama Islam juga telah mengalami *proses sekularisasi* (Nik Abd. Aziz, 1977/79). Apa yang lebih ditonjolkan ialah kedatangan dan perkembangan agama Islam ke Asia Tenggara ditanggapi menurut kaca mata golongan orientalis. Mereka dikatakan telah berjaya menghasilkan teori-teori baru tentang kedatangan Islam di Asia Tenggara (Ahmad, 1985). Penulisan mereka hanya bersandarkan kepada bukti monumen dan logik. Sebenarnya para orientalis cuba memesongkan pemikiran umat Islam daripada melihat realiti yang sebenarnya. Dalam pada itu, Islam juga dilihat sebagai agama bersifat ritual semata-mata. J.M. Gullick (1978: 200) umpamanya pernah menyatakan bahawa agama dalam bentuk magis, dan agama Islam bukanlah satu agama rasmi negara. Semasa British menjajah dan mentadbir negara ini, antara usaha yang dilakukannya ialah mengurangkan secara beransur-ansur elemen beragama dalam kehidupan bermasyarakat. Justeru itu, mereka menubuhkan Majlis atau Jabatan Agama Islam, yang tujuan utamanya adalah untuk menyekat perkembangan agama Islam di negara ini. Agama Islam hanya terhad kepada persoalan nikah kahwin (munakahat), pembahagian harta (faraid), zakat fitrah dan sebagainya (Nik Abd. Aziz, 1986: 170). Hal-hal yang berkait rapat dengan isu umat Islam yang lebih besar telah berjaya ditenggelamkan atau dengan perkataan lain, British mula menjalankan dasar *deislamisasi* di negara ini. Sebaliknya, apabila kita melihat perspektif yang lebih menyeluruh, kita dapat bagaimana agama

Islam mengambil alih peranan agama terdahulu dan turut berperanan dalam membangunkan orang Melayu dari segi fizikal dan spiritual (Syed Muhammad Naguib Al-Attas, 1984).

Di Tanah Melayu pula, proses penerimaan agama Islam bukan bermula dari masyarakat bawahan tetapi dari istana, iaitu pemerintah. Ini telah menyebabkan agama Islam dapat berkembang dengan meluas di Tanah Melayu. Sesungguhnya kedatangan Islam di Tanah Melayu telah membawa zaman baru kepada masyarakat Melayu. Islam telah memisahkan mereka dari zaman Hindu dan Buddha, sekaligus dan telah memberi suatu keperibadian yang tinggi dalam kehidupan masyarakat Melayu. Pada umumnya, kedatangan kuasa penjajah tidak dapat mengubah iktiqad (kepercayaan) dan aspek kerohanian masyarakat Melayu yang lain (Nik Abd. Aziz, 1986:168). Malah orang Melayu inilah yang bertindak balas dan bersikap responsif terhadap kedatangan penjajah di Tanah Melayu (Abdullah Zakaria, 1980). Mereka begitu prihatin terhadap setiap dasar yang diperkenalkan oleh penjajah. Sesungguhnya siri penentangan yang dilakukan oleh orang Melayu dalam gerakan anti penjajahan, banyak berkait rapat dengan pengaruh agama dan tarikat (Abdul Rahman, 1994).

Penulis Melayu tradisional pula terlalu memberi tumpuan kepada persekitaran istana sahaja. Pendekatan yang mereka gunakan berasaskan *palace centric*, yang berdasarkan *sumber historiografi Melayu tradisional* (Nik Abd. Aziz, 1986: 165). Antaranya termasuklah *Hikayat Raja-Raja Pasai* (Samudera-Pasai), *Sejarah Melayu* (Melaka), *Misa Melayu* (Perak), *Hikayat Merong Mahawangsa* (Kedah) dan *Salasilah Melayu dan Bugis* (Johor). Sebenarnya, sumber historiografi Melayu tersebut sangat penting dalam pensejarahan Malaysia. Malahan, ia dapat menggambarkan keadaan sebenarnya dalam sejarah beberapa buah negeri di Tanah Melayu (Muhammad Yusoff, 1988). Namun begitu, terdapat juga di kalangan ahli sejarah yang merendah-rendahkan hasil pengkaryaan yang bersifat *magnum opus* tersebut. Tulisan J.C. Bottoms (1965) umpamanya, mendakwa penulisan sejarah tersebut hanya bersifat hiburan semata-mata, yang mencampurkan unsur sejarah, mitos dan legenda. Sebenarnya, hasil pengkaryaan sejarah yang sedemikian rupa menggambarkan tahap pemikiran, *world view*, kebudayaan, tahap psikologi, dan sistem masyarakat ketika itu. Malangnya dalam beberapa hal, mereka jarang sekali meninjau tentang perkembangan masyarakat sama ada dari segi sosial, ekonomi dan politik. Ini tentunya bercanggah dengan konsep dan sifat sejarah yang menurut Ibn Khaldun, sejarah ialah *information about human social organization ...* (Md. Salleh, 1975/77: 159). Fenomena tersebut wujud lahir daripada ketaatan yang keterlaluan kepada pihak istana.

Persoalannya, bukankah sifat taat itu merupakan suatu kemestian dalam nilai kehidupan ketika itu? Konsep daulat dan derhaka amat dihormati dan disanjung oleh masyarakatnya. *Sejarah Melayu* karangan Tun Sri Lanang jelas menggambarkan keadaan tersebut. Pengarang hanya memfokuskan golongan aristokrat bangsawan sahaja. Pemerihalannya mengenai golongan rakyat semacam tidak dipentingkan, malah di ketepikan. Bagaimanapun, penulisan yang sedemikian rupa mula berubah dengan kemunculan penulis yang dianggap kontroversial seperti Munshi Abdullah. Ramai pula sarjana yang berasa curiga dengan sikap beliau yang terlalu cenderung kepada pihak Barat, terutamanya British. Munshi Abdullah dalam karya-karyanya, cuba menulis dan menanggapi sejarah masyarakat Melayu secara lebih realistik (Abdullah, 1974).

Kalau diteliti penulisan sejarah Malaysia secara kritis, memang kita dapati bahawa proses pensejarahan Malaysia hanyalah dimulakan dengan kedatangan British (Khuo, 1973: 138-139). Penulisan sedemikian hanya menggambarkan seolah-olah masyarakat tempatan langsung tidak berperanan dalam mewarnai sejarahnya sendiri. Orang Melayu digambarkan sebagai statik, tidak peka dengan perubahan zaman. Pada hal, orang Melayulah yang terpaksa meneruskan kelangsungan dan menyesuaikan diri dengan perubahan zaman. Keadaan ini harus diubah agar penulisan sejarah yang seimbang dapat dihasilkan. Fenomena ini juga menjelaskan bahawa sejarah Malaysia amat muda usianya dan tidak mendatangkan natijah dan manfaat yang besar kepada perkembangan dan pembinaan tamadun sesebuah bangsa dan negara.

Dalam penulisan sejarah Malaysia moden pula, dari tahun 1900 ke atas, kebanyakan penulis menggambarkan bahawa *penjajah British* memainkan peranan amat penting untuk memberi kemerdekaan kepada negara. Apa yang sebaliknya berlaku, kita melihat bagaimana peranan para pejuang tempatan ditenggelamkan dalam sejarahnya sendiri. Mereka dianggap sebagai pemberontak dan perderhaka, bukan sebagai wira negara. Malah peranan golongan pejuang kemerdekaan telah dinafikan oleh British dengan menggantikan mereka dengan orang tempatan yang pro-British. William R. Roff yang dianggap sebagai sarjana terkenal juga telah memutarbelitkan fakta kebangkitan nasionalisme di Tanah Melayu pada awal abad ke-20. Perbincangan mengenai kegiatan nasionalisme amat statik dan tidak memperlihatkan proses kesinambungannya. Malahan Roff pernah menyatakan bahawa kemunculan *Kaum Muda* dan penerbitan akhbar *Al-Imam* hanyalah *it must be stressed that Al-Imam's first concern was with religious, and not directly with social, even less political, change* (Roff, 1980: 57). Pendapat beliau telah disanggah secara ilmiah oleh sarjana tempatan yang menunjukkan bahawa kegiatan antipenjajah telah

melahirkan tokoh-tokoh di kalangan golongan berpendidikan agama yang mempelopori kebangkitan menentang penjajah (Abdul Aziz, 1972/73). Dalam pada itu, perbezaan pendapat antara *Kaum Muda* dengan *Kaum Tua* telah diperbesar-besarkan yang akhirnya menonjolkan perpecahan bangsa Melayu. *Kaum Muda* digambarkan sebagai golongan modernis dan reformis, manakala *Kaum Tua* dilihat sebagai golongan ulama yang pro pemerintah dan berfahaman konservatif. Malangnya sehingga kini, masih ramai di kalangan kita yang berpegang kepada pendapat Roff yang rapuh itu.

Penulisan sejarah Malaysia sebenarnya memerlukan pelbagai kemahiran seperti memperolehi sumber maklumat atau fakta serta pelbagai ilmu pengetahuan lain. Jalinan fakta yang didapati melalui sumber sejarah, primer atau sekunder, kebenaran dan persangkutannya ditentukan oleh sejarawan, menjadikan suatu sejarah yang kebenaran faktanya sudah ditentukan. Selain itu, kaedah lisan juga digunakan untuk mengukuhkan kesahihan sesuatu fakta sejarah. Ia juga memerlukan kemahiran untuk menggunakannya (Nadzan, 1979/80). Pengkaji perlu membezakan antara *tradisi lisan* dengan *sejarah lisan*. Tradisi lisan bermaksud maklumat yang dikutip bukan dikumpulkan melalui temu ramah atau wawancara atau soal jawab. Untuk dinilai sebagai bahan sejarah, tradisi lisan memerlukan bantuan disiplin lain seperti arkeologi, linguistik dan etnografi. Sejarah lisan pula adalah suatu proses mengumpulkan sumber sejarah melalui teknik temu bual. Kemudiannya ia disalin semula ke dalam tulisan dan disediakan untuk kegunaan penyelidik. Penulisan sejarah Malaysia yang awal khususnya yang berkaitan dengan masyarakat Melayu, memerlukan kaedah sejarah atau tradisi lisan kerana kekurangan sumber yang bertulis (Khoo, 1968). Ini penting untuk melihat perkembangan peradaban sesebuah masyarakat. Oleh yang demikian, kini terdapat kecenderungan di kalangan sarjana tempatan yang menghasilkan karya sejarah bercorak sejarah sosial.

Khoo Kay Kim (1973) pernah menggariskan beberapa cadangan untuk mengkaji semula penulisan sejarah Melayu yang mementingkan perkembangan masyarakatnya, tetapi masih lagi berdasarkan *kaedah periodisasi atau per-zamanan*. Antara cadangan beliau adalah:

- (1) Pengkajian negeri-negeri awal di Semenanjung Tanah Melayu yang meliputi abad ke-13 hingga abad ke-17.
- (2) Penulisan tentang kemunculan kerajaan baru di antara abad ke-18 hingga pertengahan abad ke-19.
- (3) Penelitian sejarah Malaysia pada pertengahan abad ke-19.

- (4) Pengkajian perkembangan politik Tanah Melayu dan dihubungkan dengan perkembangan masyarakat majmuk sehingga selepas Perang Dunia Kedua.
- (5) Pengkajian sejarah Malaysia pada zaman kemerdekaan dan selepasnya.

Berdasarkan beberapa pernyataan tersebut dan disokong oleh kajian sejarah mutakhir, kita harus menyusun semula kandungan dan penulisan pensejarahan Malaysia agar penulisan sejarah yang seimbang dan objektif dapat dihasilkan. Penulisan semula sejarah Malaysia berdasarkan penelitian yang mendalam berdasarkan dokumen terbaru diharapkan lebih serasi dengan penulisan sejarah bersifat *Malaysian centric*. Oleh yang demikian, adalah diharapkan proses pengajaran dan pembelajaran sejarah menjadi lebih menarik dan bermakna. Sesungguhnya keberkesanan ilmu sejarah sebagai suatu disiplin ilmu banyak bergantung kepada keupayaan para pendidik memahami secara jelas apakah falsafah dan kaedah pengajian ilmu tersebut?

Untuk memahami pengajian ilmu sejarah, kita harus mendalami beberapa kupasan tentang konsep dan pengertian sejarah. Sejarah ialah suatu disiplin ilmu yang menekankan tentang keperluan membuat kajian atau penyelidikan secara saintifik dan sistematik. Ini bersesuaian dengan istilah sejarah itu sendiri yang diambil daripada perkataan Greek, iaitu *historia*, *history* (bahasa Inggeris) dan *histoire* (bahasa Perancis) yang bermaksud penyelidikan atau penyiasatan (Abdul Rahman, 1994). Leopold von Ranke (1795–1886) yang mempelopori aliran sejarah objektif atau sejarah saintifik, menjelaskan bahawa matlamat pengajian sejarah adalah untuk menggambarkan kejadian sebagaimana sebenarnya berlaku. Ia perlu dilakukan berasaskan fakta dan dokumen yang dikaji secara saintifik. Aliran sejarah saintifik ini tentunya amat berlainan dengan aliran sejarah subjektif yang menjelaskan bahawa sebenarnya manusialah yang memberi nilai baik atau buruk terhadap sesuatu, bukannya nilai asli yang terdapat pada sesuatu benda atau fenomena itu.

Benedetto Croce (1886–1952), seorang tokoh idealis menegaskan bahawa semua sejarah ialah sejarah masa kini. Ia dikaitkan dengan pemikiran subjektif sejarawan yang hidup pada masa kini. Robin G. Collingwood (1889–1943) pula berpendapat bahawa semua sejarah ialah sejarah pemikiran. Menurutnya lagi, semua fakta sejarah harus diberi 'nyawa' dengan memberi interpretasi (penilaian) secara objektif dan menyeluruh. Oleh yang demikian, semua sejarah ialah pementasan kembali pemikiran masa lampau di dalam akal fikiran sejarawan.

Herodotus (484–425 S.M.) pula pernah diiktiraf sebagai Bapa Sejarah kerana sumbangannya dalam mempelopori dan mengembangkan disiplin

sejarah. Dalam menghasilkan penulisan ulungnya berjudul *The Persian War*, Herodotus menggabungkan dua jenis penyelidikan, iaitu mendapatkan butiran mengenai Peperangan Parsi dan mengembara ke Asia Barat untuk mengumpul pelbagai maklumat yang berkaitan. Jelasnya sejarah amat memerlukan sumber utama (*primer*) untuk menghasilkan suatu pengkaryaan dalam penulisan sejarah (Abdullah Al-Hadi, 1975/77).

Menurut Ibn Khaldun, sejarah merupakan maklumat tentang perubahan-perubahan yang berlaku pada sifat-sifat masyarakat itu. Ini bermaksud tidak ada yang terkecuali daripada catatan sejarah. Tegasnya, sejarah merangkumi semua kegiatan manusia. Dalam pada itu, Ibn Khaldun menekankan bahawa sejarah merupakan suatu proses ilmu pengetahuan yang mencari kebenaran (*tahqiq*). Kebenaran sejarah itu pula amat bergantung kepada kebenaran fakta dan sumber seperti dokumen, catatan, inskripsi dan lain-lain serta bergantung kepada sejarawan itu sendiri (Md. Saleh, 1975/77). Ibn Khaldun juga telah mempelopori suatu penulisan yang unik apabila ia menggabungkan disiplin sosiologi dan sejarah dalam karya agungnya berjudul *Mukadimah*. Ia tidak melihat sejarah daripada aspek perkembangan atau kronologi sahaja, sebaliknya turut memasukkan perkembangan sesebuah masyarakat dan negara.

Sebenarnya pada masa kini, telah terdapat usaha yang bersungguh-sungguh untuk menyatukan disiplin ilmu sejarah dan sosiologi. Ini bertujuan untuk memantapkan lagi aktiviti penyelidikan dan penulisan terutama yang berkaitan dengan sejarah Malaysia. Memandangkan kepada kepentingan dan kedinamikan ilmu, maka adalah semakin penting untuk merapatkan jurang yang memisahkan sosiologi dan sejarah. Jurang yang wujud antara sosiologi dengan sejarah ini kerana masing-masing bidang itu kurang mengetahui tentang kaedah dan hasil usaha yang satu lagi. Malah dengan adanya usaha-usaha seumpama ini, maka wujudlah satu sub bidang dalam disiplin sosiologi yang dikenali sebagai *historical sociology* atau *sosiologi sejarah* (Rahimah, 1990). Dalam konteks penulisan sejarah Malaysia, telah ramai sarjana yang menerokai pendekatan ini. J.M. Gullick umpamanya telah berjaya menghasilkan penulisannya yang begitu teliti, terperinci, kritis dan komprehensif mengenai sejarah Malaysia.

Ibn Khaldun mencadangkan beberapa perkara untuk menghasilkan sesuatu penulisan sejarah yang mantap, iaitu:

- (1) memerlukan pengetahuan yang komprehensif tentang keadaan semasa dalam semua aspek.

- (2) berupaya membandingkan antara persamaan atau perbezaan antara masa lalu dengan masa kini.
- (3) memeriksa berita yang disampaikan dengan prinsip dasar, dan apabila memenuhi syarat-syarat itu, maka ia akan diterima sebagai benar.
- (4) Historiografi mempunyai nilai yang tinggi dan disertai sarjana-sarjana Muslim awal (Dewan Budaya, April 1995).

Oleh sebab disiplin ilmu sejarah mencakupi hampir semua perkara, benda atau fenomena, maka terdapat beberapa pengklasifikasian tentang ilmu sejarah. Ini memungkinkan para pelajar dan pengkaji sejarah mendalaminya secara lebih terperinci. Namun begitu, setiap cabang dalam disiplin sejarah itu sendiri saling berkaitan dan bukannya terpisah. Antara cabang-cabang sejarah termasuklah:

- (1) Sejarah Politik
- (2) Sejarah Sosial
- (3) Sejarah Ekonomi
- (4) Sejarah Kebudayaan
- (5) Sejarah Pemikiran
- (6) Sejarah Agama
- (7) Sejarah Dunia
- (8) Sejarah Wilayah
- (9) Sejarah Negara
- (10) Sejarah Tempatan
- (11) Falsafah Sejarah
- (12) Sosiologi Sejarah dan,
- (13) Psikologi Sejarah.

Sesungguhnya, sejarah merupakan suatu bidang ilmu yang begitu kompleks dan mencabar. Ia memerlukan pelbagai bentuk kemahiran, pengetahuan dan pengalaman yang melampaui satu bidang untuk melahirkan suatu bentuk penulisan yang sistematik dan bersifat objektif. Kerelevanan sejarah berkait rapat dengan disiplin sejarah itu sendiri yang berakar umbi kepada aspek falsafah. Justeru itu, masyarakat moden perlu meneliti dan menilai semula setiap penulisan sejarah yang dihasilkan agar kita dapat membezakan di antara fakta atau propaganda. Secara tidak langsung, sejarah akan menajamkan pemikiran dan bersifat lebih kritis daripada hanya menerima sesuatu secara membuta tuli. Yang lebih mustahak, setiap daripada kita harus mengakui dan menginsafi bahawa sejarah adalah merupakan satu alat

untuk mencapai perpaduan nasional, melahirkan keperibadian kebangsaan, memupuk sikap yang kritis dan ingin mencari kebenaran serta mengurangkan kemelampauan. Sesungguhnya sejarah adalah cermin kehidupan masyarakat.

II

KONSEP DAN PENGERTIAN POLITIK

Melalui bab ini, adalah diharapkan para pembaca dapat:

- mengetahui secara ilmiah konsep dan pengertian politik.
- memahami perkembangan politik dari zaman tradisional, zaman peralihan kepada zaman moden.
- mengkaji secara perbandingan tentang ideologi politik, sistem politik dan amalan politik dalam masyarakat hari ini.

Politik merupakan suatu bidang yang agak kompleks tetapi menarik. Tidak kurang juga ada yang berpendapat sebaliknya, iaitu membosankan dan mengelirukan. Namun begitu, politik memerlukan pengkajian secara ilmiah yang sistematik dan saintifik. Aristotle pernah menyatakan bahawa setiap orang memang terlibat dalam politik dan ilmu politik itu ialah ibu kepada semua ilmu (Syed Ahmad, 1995). Pernyataan kedua mungkin bersifat keterlaluan, tetapi apa yang perlu dibincangkan adalah politik merupakan sesuatu yang penting dan amat menentukan dasar dan hala tuju sesebuah negara dan kadangkala bersifat antarabangsa. Untuk menelaah secara ilmiah dan bersifat intelektual, kita perlu memahami beberapa disiplin ilmu asas, iaitu *sains politik*, *sejarah politik* dan *sosiologi politik*.

Sains politik merupakan satu cabang ilmu sains sosial yang mengkaji pelbagai perspektif mengenai politik termasuklah teori-teori kenegaraan, organisasi, kepimpinan, kerajaan dan negara secara praktikal. Sejarah politik pula bertujuan untuk mengkaji perkembangan peradaban sesebuah masyarakat tentang kehidupan bernegara. Pendekatan sejarah ini membolehkan kita mengambil pengajaran dan membuat penelitian secara kritis daripada

fenomena politik yang telah berlaku pada masa lepas. Manakala sosiologi politik pula mengkaji tentang penglibatan masyarakat keseluruhannya dalam menentukan bentuk dan sistem politik yang diamalkan. Ini disesuaikan dengan sistem dan amalan sesebuah masyarakat itu sendiri. Pengkhususan mengenai kajian ilmu politik mula dikesan pada abad ke-16. Jean Bodin dan Montesquieu umpamanya, menghubungkan politik dengan kerajaan dan undang-undang. Walau bagaimanapun, bidang ilmu politik telah berkembang pada abad ke-20, menerusi perbincangan yang meluas dalam institusi politik seperti parti politik dan kumpulan berkepentingan, aspek kuasa dan pengaruh, kepimpinan, kelakuan, budaya politik dan penglibatan rakyat (Syed Ahmad Hussein, 1995).

Penggunaan istilah politik agak mengelirukan dan sangat kacau kerana ramai orang menggunakannya secara *arbitrary* atau sewenang-wenang. Istilah politik sebenarnya berasal daripada istilah Yunani, iaitu polis yang bermaksud negara-bandar. Dalam konteks ini, kita harus memahami dan membezakan konsep berikut, iaitu parti, kerajaan (*government*), dewan perundangan (*legislative*), pentadbiran (*executive*) dan sistem kehakiman (*judiciary*) dan sebagainya. Sebenarnya kuasa dalam politik bukan sekadar untuk memerintah sahaja, tetapi lebih luas lagi, iaitu meliputi pembinaan sesebuah tamadun dalam bidang ekonomi, pentadbiran dan kemasyarakatan.

Politik melibatkan suatu proses yang melambangkan gelagat dan tingkah laku manusia yang mengandungi konflik antara kebaikan pada sebelah pihak dengan kehendak kumpulan pada pihak yang lain, yang penyelesaiannya ialah melalui persaingan kuasa sama ada secara sah (*legitimacy*) atau tidak. Sebagai contoh, pilihanraya di Malaysia diadakan setiap lima tahun sekali untuk menentukan kuasa secara sah. Manakala contoh rampasan kuasa atau *coup de tat* di Thailand sering berlaku sejak Revolusi Thai 1932 (Nordlinger, 1986). Peristiwa yang terakhir berlaku ketika rampasan kuasa oleh Jeneral Suchinda Kaprayoon pada tahun 1990 dan akhirnya beliau sendiri telah digulingkan. Pada masa kini, Thailand sudah pun mengamalkan sistem demokrasi berdasarkan pilihan raya.

DEFINISI POLITIK

Politik mempunyai definisi dan pengertian yang pelbagai. Menurut Aristotle, politik tercipta oleh perjuangan untuk kehidupan sempurna oleh sesuatu pertubuhan atau komuniti. Namun begitu, dalam masyarakat moden, konsep sempurna diganti dengan kehidupan yang lebih mewah. Beliau juga berpendapat bahawa *man is by nature a political animal*. Politik dikatakan sebagai sesuatu yang kotor. Sebenarnya tanggapan sebegini adalah merupakan

fahaman sekularisme yang mahu memisahkan agama dengan kehidupan seharian.

Niccolo Machiavelli pula pernah menyatakan bahawa *politics is the art of possible*. Menurutnya, pelbagai kemungkinan boleh berlaku dalam politik untuk mendapatkan kuasa. Beliau juga menggagaskan konsep *the end justifies the means* atau 'matlamat menghalalkan cara' dalam perjuangan politik (Niccollo Machiavelli, 1989). Konsep politik yang sedemikian rupa adalah bercanggah dan tidak bersesuaian dengan amalan *sistem politik Islam*, yang amat menekankan persoalan moral dan akhlak dalam kepimpinan politik. Hal-hal yang sedemikian pernah dibincangkan oleh Plato (*Republic*), al-Mawardi (*Al-Ahkam al-Sultaniyyah*) dan Ibn Taymiyya (*Al-Siyasa*).

Menurut H.S. Laswell pula, definisi politik adalah mudah (simple) iaitu 'siapa mendapat apa', 'bila' dan 'bagaimana'? Sebenarnya terdapat tiga unsur penting dalam politik iaitu:

(i) Dasar (*policy*)

Dasar merujuk kepada perbezaan pendapat dan matlamat dalam kegiatan berpolitik. Ia juga dikenali sebagai *ideologi politik*. Biasanya sesebuah parti atau kumpulan akan memperjuangkan apa yang difikirkannya sebagai benar dan realistik. Hal-hal yang sedemikian rupa dapat kita lihat menerusi pembentukan sesebuah manifesto dalam sesuatu pilihan raya. Sebenarnya sesuatu ideologi yang diperjuangkan oleh mana-mana kumpulan atau parti politik memang bersifat idealistik. Namun, inilah dinamakan perjuangan dalam politik.

(ii) Pertentangan (*conflict*)

Dalam amalan politik, memang akan berlaku persaingan untuk mencapai kuasa. Biasanya pertentangan ini melibatkan dua pihak atau lebih. Pendekatan untuk berkuasa akan melibatkan perspektif politik yang lain, iaitu konflik, pengurusan konflik dan kaedah penyelesaian konflik. Marx menyatakan bahawa politik ialah pertentangan yang berterusan antara dua kelas dalam sesebuah masyarakat. Ali Shariati pula menganjurkan pendekatan *intizar* yang menganalisis fenomena politik melalui konflik masyarakat manusia.

(iii) Kuasa (*power*)

Kuasa sangat penting dalam mana-mana sistem politik. Ia menekankan persoalan kuasa, kesahan kuasa dan penggunaan kuasa. Kuasa melibatkan unsur paksaan (*coercion*) dan sekatan, dan pengorbanan atau perlucutan hak

(*deprivation*) yang ketara. Kuasa lebih melibatkan perintah, pengaruh lebih melibatkan pujukan dan mereka yang tidak mengikut perintah akan menghadapi hukuman (Syed Ahmad, 1995). Kuasa yang sah dipanggil *autoriti*. Max Weber membahagikan kuasa kepada tiga jenis autoriti:

- (a) *Autoriti tradisional* – kuasa turun-temurun atau *divine right* yang berunsur kedewaan atau ketuhanan.
- (b) *Autoriti karisma* – keperibadian luar biasa seperti Ayatullah Khomeini, Sukarno, Hitler dan lain-lain.
- (c) *Autoriti legal-rasional* – disahkan oleh kedudukan politik dan bukan unsur-unsur peribadi. Ia ditentukan oleh undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

EVOLUSI POLITIK

Sistem politik juga mengalami perkembangan yang berterusan yang dinamai *proses evolusi*. Proses tersebut boleh diringkaskan seperti berikut:

Sistem Politik Tradisional

Era ini wujud sebelum berlakunya *zaman Revolusi Industri*. Terdapat dua lapisan masyarakat, iaitu golongan atasan (aristokrat-istana) dan golongan bawahan (rakyat biasa). Dalam sistem politik ini, golongan atasan memiliki pelbagai keistimewaan untuk mencapai kuasa, kekayaan, pangkat dan sebagainya. Manakala kegiatan politik golongan bawahan hanya tertumpu kepada urusan kehidupan biasa di kampung dan daerah. Konsep muafakat atau mesyuarah lebih diutamakan dan amat jarang berlaku persaingan dalam politik. Hal ini disebabkan politik dalam masyarakat tradisional setia pada norma yang dianjurkan oleh tradisi, kebudayaan dan agama. Sebagai contoh, seorang penghulu atau ketua kampung yang telah dilantik oleh masyarakat tradisi akan terus dihormati. Ini memungkinkan pewarisnya akan mengambil tempat atau kedudukan ayahnya yang telah meninggal dunia. Di Malaysia, zaman ini meliputi zaman kesultanan Melayu sejak tertubuhnya Kerajaan Melayu Melaka yang telah mengasaskan tradisi berkerajaan sehinggalah kedatangan penjajah.

Sistem Politik Peralihan (dari tradisional kepada moden)

Zaman peralihan ini timbul daripada beberapa peristiwa seperti:

- (i) *Renaissance* di Eropah pada abad ke-16 yang menekankan tentang hak-hak kebebasan dan semula jadi bagi setiap individu.
- (ii) Kemunculan kelas pemodal yang muncul akibat Revolusi Industri yang menuntut hak dan kebebasan dalam perniagaan.
- (iii) Revolusi Industri mulai abad ke-18 dan perjuangan hak asasi golongan bawahan dan buruh.
- (iv) Penyerapan budaya sains dan teknologi yang meluas dalam kehidupan masyarakat.
- (v) Kemunculan konsep negara-bangsa yang menjadi tempat kesetiaan yang tertinggi.
- (vi) Idea tentang hak asasi individu, kedaulatan rakyat, dan negara tersebar melalui kegiatan imperialisme abad ke-19.

Sistem Politik Modern

Konsep negara dan kenegaraan amat dipentingkan dan menjadi organisasi politik yang terulung sejak abad ke-19. Semua negara mementingkan hak asasi manusia, walaupun ukuran amalannya berbeza-beza. Kedaulatan rakyat sangat diutamakan. Ia berikutan daripada munculnya konsep "dari rakyat, oleh rakyat, untuk rakyat" yang dipopularkan oleh Abraham Lincoln. Konsep dan amalan demokrasi yang dijalankan oleh pihak barat semakin meluas di seluruh dunia dan menjadi saingan utama kepada sistem politik komunis. Persaingan ideologi politik ini dikenali sebagai *zaman Perang Dingin*.

IDEOLOGI POLITIK

Dalam politik, timbul pula soal ideologi yang berkaitan dengan fahaman pemikiran yang lebih cenderung kepada sesuatu kepercayaan yang bersesuaian dengan pendapat dan prinsip hidup. Ideologi ialah suatu penyelarasan dan penggabungan pola pemikiran dan kepercayaan, atau pemikiran bertukar menjadi kepercayaan, menerangkan sikap manusia tentang hidup. Secara umum, ideologi bolehlah dianggap sebagai satu sistem idea. Pengkajian tentang ideologi selalu dianggap sebagai *the science of ideas*. T.W. Adorno berpendapat ideologi ialah susunan atau organisasi pendapat, sikap dan nilai, dan melaluinya, satu cara untuk berfikir dan bertindak, tentang manusia dan masyarakat. Ideologi menentukan bagaimana manusia harus berkelakuan, bertindak dan berfikir dan seterusnya mempertahankan sesuatu sistem nilai dan mempertikaikan sistem nilai yang lain.

Sebenarnya sesuatu ideologi ciptaan manusia berkait rapat dengan empat perkara, iaitu teori, program, kebenaran dan sokongan. Ideologi sentiasa

mengalami perubahan untuk disesuaikan dengan keperluan setempat, umpamanya soal stratifikasi sosial (susun lapis masyarakat), kekayaan atau kemiskinan, buruh atau petani dan sebagainya. Menurut Karl Marx, setiap masyarakat terdiri daripada dua golongan yang disebut sebagai golongan proletariat atau marhaenism yang sentiasa ditindas oleh golongan tuan tanah (borjuis). Contohnya, Mao Tse-Tung tidak mengambil secara bulat ideologi komunis Marxist-Leninnist, tetapi beliau menyesuaikannya dengan masyarakat Cina yang majoriti penduduknya terdiri daripada golongan petani. Ini disebabkan dalam susun lapis masyarakat di China, golongan petani merupakan kelas atasan dan golongan peniaga merupakan kelas bawahan. Begitu juga dengan Julius Nyerere dari Tanzania yang menyesuaikan ideologi sosialisme dengan keperluan masyarakatnya, khususnya yang berkait dengan soal kekeluargaan. Antara ideologi terbesar di dunia masa kini termasuklah:

Komunisme

Komunisme ialah suatu ideologi berasaskan ideologi ciptaan Karl Marx (Das Kapital) dan diperkukuhkan oleh Lenin (Marxist-Leninnist). Mereka berjaya mewujudkan negara Rusia selepas berlakunya Revolusi Bolshevik 1917. Negara China pula dikuasai Parti Komunis China pimpinan Mao Tse-Tung pada tahun 1949 setelah berjaya menggulingkan kerajaan nasionalis Koumintang pimpinan Dr. Sun Yat Sen. Ideologi komunisme ialah ideologi yang matlamat akhirnya untuk membentuk masyarakat tanpa kelas, yang sama rata dari segala aspek kehidupan (masyarakat yang adil secara hakiki). Di dalamnya, tidak ada hak milik individu kerana negara mempunyai kuasa memiliknegerakan semua harta individu. Sistem komunis mengamalkan sistem politik satu parti. Persaingan kuasa adalah antara individu tetapi masih berada dalam satu parti yang sama. Ideologi ini menekankan gerakan revolusi untuk menghapuskan penindasan golongan kapitalis (pemodal). Yang berkuasa ialah golongan proletariat (pekerja) dengan menghapuskan golongan borjuis.

Sosialisme

Sosialisme ialah suatu ideologi yang menekankan aspek kebajikan bersama. Ideologi ini menekankan tentang kepentingan rakyat menerusi pemilikan bersama. Mereka turut mengamalkan pemiliknegeraan harta benda, menghapuskan perhambaan dan diskriminasi. Konsep ini timbul daripada Revolusi Peranchis, iaitu manusia dilahirkan bebas. Aliran sosialisme menekankan tiga persoalan asas dan program, iaitu:

- (i) keutamaan diberi kepada soal ekonomi, iaitu aktiviti manusia yang berkait dengan pengeluaran dan pembahagian barangan dan perkhidmatan dalam masyarakat.
- (ii) keinginan untuk menghapuskan sistem ekonomi yang menindas, iaitu di mana manusia mendapat faedah dan keuntungan melalui penindasan ke atas manusia lain.
- (iii) rombakan sistem ekonomi untuk menghapuskan penderitaan dan kehidupan serba kekurangan di kalangan ahli masyarakat, melalui satu rangka yang sama rata dan perkongsian bersama.

Nasionalisme

Nasionalisme ialah suatu ideologi yang diguna pakai hampir sebahagian besar negara. Penentuan pembentukan sebuah negara-bangsa (*nation-state*) yang ditentukan oleh majoriti rakyat negara itu sendiri. Ideologi ini menuntut kesetiaan yang tinggi daripada kalangan rakyat sesebuah negara. Terdapat dua jenis nasionalisme, iaitu *nasionalisme terbuka* yang menekankan tentang kepentingan warganegara yang sama seperti di Amerika Syarikat, Australia, Malaysia dan sebagainya. Kedua, *nasionalisme tertutup* yang berdasarkan keturunan bangsa yang sama seperti yang diamalkan di Jepun, Itali, Perancis, China, Korea, Jerman dan sebagainya. Ideologi ini berkait rapat dengan konsep demokrasi, iaitu pemerintahan rakyat (*demos* – rakyat, *kratia* – pemerintahan). Ia menekankan “pemerintahan rakyat; dari rakyat dan untuk rakyat”.

Zionisme

Zionisme yang berasal dari nama *Zion*, sebuah bukit di Baitul Muqaddis. Kongres pertama Zionisme di Basle pada 1897. Ideologi ini merupakan pergerakan nasionalisme Yahudi. Tujuan awal dan utama ideologi ini ialah menubuhkan sebuah negara di Palestine. Mereka berjaya selepas penubuhan negara Israel pada tahun 1948. Ideologi zionisme mendapat sokongan kuat beberapa negara Eropah, Amerika Syarikat dan Russia. Pergerakan Yahudi kini sudah menguasai kepimpinan politik di Amerika Syarikat dan Eropah, khususnya dalam lapangan politik dan ekonomi. Walaupun bilangan mereka kecil, tetapi pengaruhnya sangat meluas. Pada masa kini, elemen globalisasi mempunyai begitu banyak kepentingan ideologi tersebut termasuklah dalam bidang politik, ekonomi, perdagangan, kewangan, pengiklanan, sukan, kebudayaan, media dan sebagainya.

Islam

Islam adalah suatu ideologi atau sistem yang berdasarkan sumber al-Qur'an (wahyu Allah) dan al-Hadith (sunnah Rasulullah s.a.w.). Sistem ini tidak boleh dikaitkan dengan ideologi yang biasa kerana sumber utama yang mendasari sistem politik Islam bukan ciptaan manusia. Sistem ini amat mementingkan keadilan sejagat dan tidak melihat ke Barat atau Timur sebagai sumber rujukannya. Terdapat lima prinsip utama dalam sistem politik Islam, iaitu:

- (i) *syura*, iaitu keputusan bersama ulama' hasil daripada bermesyuarah. Ia bukan diambil berdasarkan daripada pendapat seseorang sahaja.
- (ii) *keadilan*, iaitu orang yang berkuasa mesti berlaku adil tanpa batas. Tiada diskriminasi dan tiada siapa yang kebal daripada segi undang-undang.
- (iii) *persamaan*, iaitu tiada kasta dalam Islam. Yang utama ialah orang yang bertaqwa di sisi Allah S.W.T. Cuma ada marhalah, dalam konteks hubungan seseorang dengan Allah (ilmu tasawuf).
- (iv) *kebebasan* yang menekankan bahawa setiap individu mempunyai kebebasan tetapi bukan bersifat mutlak. Agama dijadikan sebagai kawalan sosial kepada perilaku seseorang.
- (v) *tanggungjawab ketua negara*, iaitu bukan sahaja menjadi pemimpin dalam ibadah, tetapi juga meliputi aspek pentadbiran negara.

KEPIMPINAN

Dalam politik juga sangat dititikberatkan soal pemilihan pemimpin yang harus mempunyai kriteria tertentu. Beberapa pendapat mengenai kepimpinan pernah dikemukakan seperti berikut:

- (a) *Machiavelli* – mestilah seorang yang kuat dan tidak berperikemanusiaan untuk membolehkan seseorang pemimpin mewujudkan dan mengekalkan perpaduan kebangsaan. Tetapi hal ini boleh dipertikaikan berdasarkan (i) selama mana pemimpin seperti itu dapat bertahan seperti Hitler (ii) masyarakat yang ditindas akhirnya akan bangkit juga seperti hancurnya Republik Soviet Union dan Eropah Timur.
- (b) *Plato* – orang yang bijaksana, lebih mengetahui pelbagai bidang berbanding dengan rakyat keseluruhannya. Beliau menganalisis tentang keadilan dan bagaimana mencapainya.
- (c) *Al-Farabi* – pemimpin mempunyai fikiran, jasmani dan akhlak yang sempurna.

- (d) *Demokrat* – pemimpin yang dedikasi dan sentiasa menjunjung kepentingan majoriti rakyat.
- (e) *Nazi Jerman* – pemimpin yang berbakat dan berjaya melepasi segala cabaran.
- (f) Terdapat juga pendapat, iaitu pemimpin perlu mempunyai sifat karismatik, untuk menarik sokongan pengikut.
- (g) *Al-Mawardi* menyoal tentang tanggungjawab pemimpin dalam menjaga kepentingan agama, melaksanakan keadilan dan menghormati hak rakyat.

PEMBENTUKAN KERAJAAN

- (a) *Machiavelli* – keunggulan sesuatu kerajaan akan diukur sejauhmana kerajaan itu berjaya mengekalkan perpaduan rakyat.
- (b) *Thomas Hobbes* – menilai kebolehan kerajaan daripada segi melindungi rakyat. Beliau mementingkan ketenteraman masyarakat dan penggunaan undang-undang.
- (c) *John Locke* – mempertahankan bahawa manusia lazimnya dikurniakan hak kehidupan, kebebasan dan memiliki harta. Kerajaan akan hilang kewibawaannya sekiranya gagal melindungi hak tersebut.
- (d) *Jeremy Bentham* – tugas utama kerajaan ialah menjayakan harapan dan pencapaian sebahagian besar penduduk.
- (e) *Confucius* – tujuan keredaan menentukan kebajikan dan menjamin kebahagiaan rakyatnya. Kerajaan yang baik pasti akan mendapat kepercayaan dari rakyat.
- (f) *Mahatma Gandhi* – rakyat bertanggungjawab di atas segala tindakan kerajaan. Jika tindakan kerajaan membahayakan negara, adalah menjadi kewajipan rakyat untuk menarik balik sokongan.
- (g) *Ibn Khaldun* – menganalisis teori pusingan tamadun manusia yang terus menerus melalui zaman kelahiran, keagungan dan kehancuran.
- (h) *Karl Marx* pula mempersoalkan tentang penindasan manusia oleh manusia dalam perjuangan mereka menuju kebebasan hakiki.

PARTI POLITIK

Dalam amalan berpolitik, seseorang tidak boleh bergerak secara individu. Mereka perlu bergerak secara berkumpulan (jamaah) atau parti yang bertujuan untuk menyebarkan ideologi atau memperjuangkan sesuatu idealisme. Terdapat dua jenis parti politik, iaitu;

- (a) *Parti tradisional atau elitis* – pergabungan orang ternama di sekeliling mana parti itu sebenarnya bergerak. Ahlinya dipilih secara berhati-hati dan tidak mementingkan bilangan yang ramai.
- (b) *Parti massa* – sering dikaitkan dengan parti sosialis, komunis, nasionalis dan fasis yang terdapat di seluruh dunia. Ia menggalakkan keahlian yang ramai dan secara psikologi, ia menggambarkan kekuatan dan sokongan ramai.

Parti politik memainkan pelbagai peranan dan fungsi. Antaranya adalah:

- (i) menyatukan dan menstabilkan proses politik.
- (ii) berusaha mendapatkan kuasa dan cuba mendapat sokongan dengan meluas.
- (iii) menghubungkan antara kerajaan dengan rakyat.
- (iv) melatih badan kepimpinan politik.
- (v) menimbulkan isu dan memberi panduan matlamat, nilai, ideologi dan falsafah kepada masyarakat.
- (vi) berperanan sebagai broker kepada idea dengan memilih isu-isu yang tertentu bagi menjaga kepentingan masyarakat.
- (vii) berperanan sebagai agen pembangunan negara.
- (viii) menjalankan fungsi kebajikan masyarakat.

Sistem parti boleh dikategorikan kepada enam jenis, iaitu:

- (i) *Sistem satu parti tulen* – larangan mewujudkan parti-parti melainkan satu parti sahaja seperti di negara komunis.
- (ii) *Sistem satu parti dominan* – undang-undang membenarkan kepelbagaian parti tetapi terdapat hanya satu parti yang dominan seperti Parti Liberal Demokrat (LDP) di Jepun, Parti Tindakan Rakyat (PAP) di Singapura dan Barisan Nasional (BN) di Malaysia yang menentukan siapa yang berkuasa.
- (iii) *Sistem dua parti* – sistem yang mengamalkan dua parti yang dominan seperti di Amerika Syarikat (Parti Demokrat dan Parti Republikan), Britain dan Australia (Parti Buruh dan Parti Konservatif).
- (iv) *Sistem pelbagai parti* – terdapat pelbagai parti bersaing dalam arena politik dan wujud kerajaan campuran.
- (v) *Sistem atomised* – terlalu banyak parti politik sehingga sukar menentukan siapa sebenarnya yang berkuasa.

- (vi) *Sistem tiada parti* – tiada parti politik dan mengamalkan sistem monarki seperti Arab Saudi, Kuwait dan Brunei.

SISTEM DAN AMALAN POLITIK

Dalam amalan politik yang berlaku di seluruh dunia, biasanya ia berkaitan dengan anutan sesuatu ideologi yang dipegang oleh sesebuah negara. Berikut merupakan beberapa contoh amalan sistem politik di dunia:

- (i) *Demokrasi* – Amerika Syarikat dan Australia
- (ii) *Demokrasi dan Raja Berperlembagaan* – Britain, Thailand, Malaysia dan Jepun
- (iii) *Demokrasi Terpimpin* – Indonesia (terutama pada zaman Presiden Soeharto)
- (iv) *Pemerintahan Tentera* – Nigeria dan Algeria
- (v) *Monarki (Beraja)* – Arab Saudi, Kuwait dan Brunei
- (vi) *Komunis* – China dan Cuba
- (vii) *Sosialis* – Vietnam dan Laos
- (viii) *Islam* – Iran dan Sudan

Kesimpulannya, oleh kerana bidang politik ini sebagai sesuatu yang penting dalam menentukan pembentukan sesebuah negara, maka ia memerlukan suatu pengkajian ilmiah secara terperinci dan saintifik. Kefahaman tentang bidang ini tentunya memerlukan pembacaan yang mendalam, analisis yang kritis dan penyelidikan yang berterusan. Ini disebabkan pergolakan politik pada masa kini agak berbeza dengan kegiatan politik pada masa lalu. Pada masa kini, percaturan politik melibatkan isu dalam negeri dan juga persekitaran antarabangsa. Tambahan pula, kekacauan politik terus menerus berlaku walaupun Perang Dingin telah diisytiharkan tamat. Sesungguhnya zaman globalisasi juga mempunyai elemen penjajahan yang berwajah baru. Apa yang lebih penting, menerusi ilmu sains politik kita dapat melihat kepelbagaian unsur dan ideologi dalam politik serta membolehkan kita mencari alternatif terbaik sistem dan amalan politik yang boleh dipraktikkan di dunia pada masa depan.

III

KESULTANAN MELAYU MELAKA DALAM TAMADUN POLITIK MELAYU

Melalui bab ini, adalah diharapkan para pembaca dapat:

- mengetahui tentang sistem politik tradisional yang berasaskan sistem kesultanan.
- memahami secara ilmiah permasalahan sumber dalam pensejarahan awal.
- melihat secara kritis sumbangan sistem politik awal terhadap tamadun politik Melayu.

Perbincangan mengenai Kesultanan Melayu Melaka di antara tahun 1400–1511 memerlukan penelitian yang mendalam dan bersifat kritis. Tambahan pula sumber primer mengenainya amat terhad. Sehingga kini, ramai sarjana cuba menggali dan mengumpul sebanyak mungkin sumber pensejarahan Melaka sama ada yang bersifat tempatan seperti *Sejarah Melayu* atau dari luar, iaitu sumber China, India dan Portugis yang sezaman dengannya. Sehingga kini, terdapat sumber Portugis yang menjadi pelengkap kepada *Sejarah Melayu* iaitu *Suma Oriental* yang dihasilkan oleh Tome Pires. Walaupun kitab *Sejarah Melayu* karangan Tun Sri Lanang mempunyai banyak unsur dongeng dan mitos, namun terdapat kebenaran fakta masih lagi wujud. Tidak kurang juga yang menganggap *Sejarah Melayu* sebagai penulisan sastera bercorak sejarah (Winstedt, 1977). Namun, *magnum-opus* Melayu ini merupakan pembekal maklumat yang paling berharga bagi sesiapa juga menanggapi perkembangan masyarakat Melayu ketika itu. Sebenarnya, kitab *Sejarah Melayu* mempunyai peranan untuk memperluangkan lagi sumber tentang pensejarahan kerajaan Melaka.

Masalah pensejarahan Melaka yang berdasarkan Sejarah Melayu menggambarkan persepsi umum tentang Kesultanan Melayu Melaka lebih tertumpu kepada kehidupan persekitaran istana dan peristiwa yang dramatis. Ia lebih merupakan penulisan sejarah istana untuk mengharumkan atau mengagungkan pemerintahan seseorang raja. Pemerihalhan Sejarah Melayu yang sedemikian rupa haruslah dipandang dalam konteks pengabdian pengarangnya untuk meninggikan kedaulatan dan keagungan pemerintahan serta negeri Melaka sendiri. Perbincangannya lebih menonjolkan ketokohan beberapa personaliti sahaja seperti *Tun Perak*, *Hang Tuah*, *Parameswara*, *Sultan Mahmud Shah* dan lain-lain. Tumpuan kitab Sejarah Melayu secara menyeluruh banyak diberikan kepada golongan atasan; gambaran tentang kehidupan dan keadaan rakyat jelata tidak dipaparkan dengan terperinci (Khoo, 1975). Perkembangan kehidupan masyarakat langsung di kesampingkan. Sepatutnya yang lebih ditonjolkan adalah peradaban atau tamadun yang dihasilkan di Melaka itu sendiri. Rekod-rekod Ming agak terhad laporannya pada tiga puluh tahun pertama abad kelima belas. Selepas itu, negeri China telah mengasingkan diri daripada dunia luar. Manakala sumber Portugis, iaitu *Suma Oriental* lebih banyak memusatkan laporannya selepas tahun 1511, iaitu zaman kejatuhan Melaka (Cortesao, 1944). Oleh yang demikian, penggabungan sumber ini membolehkan kita melahirkan suatu perbincangan dan dapatan yang lebih komprehensif dan objektif.

Kesultanan Melayu Melaka yang diasaskan pada tahun 1400 adalah pengasas budaya politik bagi Semenanjung Tanah Melayu (Khoo, 1991). Walaupun kerajaan Melaka sering dilihat daripada segi kekuatan politiknya dan kepentingannya sebagai sebuah pelabuhan perdagangan entrepot antarabangsa, tetapi yang lebih penting ialah kerajaan Melaka telah meninggalkan suatu tradisi yang sehingga kini mendasari sistem politik Malaysia (Khoo, tt: 1). Menurut Muhammad Yusoff (1989), walaupun tempoh pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka agak singkat, yang berlangsung lebih satu abad, tetapi kekesan sejarah, warisan kebudayaan, adat istiadat Melayu, falsafah dan konsep bermasyarakat dan institusi politik yang ditinggalkan oleh kerajaan ialah dalam ruang dan perspektif prasejarah Malaysia, dari dulu sampai sekarang, amatlah bermakna dan besar ertinya.

Pengasas Kesultanan Melayu Melaka ialah *Parameswara*. Sejarah Melayu pula mengaitkan Parameswara berasal dari Bukit Si Guntang Mahameru dan jurai genealoginya daripada cucu Raja Iskandar Dzulkarnain. Ini merupakan sebahagian daripada proses tokok tambah oleh pengarang Sejarah Melayu. Sebenarnya, Parameswara berasal dari Sri Vijaya (Palembang). Apabila kerajaannya mengalami keruntuhan akibat asakan dan serangan Majapahit,

beliau telah melarikan diri ke Temasik (Singapura). Semasa di Temasik, beliau berkonflik dengan pemerintah Siam dan berikutan itu beliau telah membunuh Tamagi, wakil Gabenor Siam. Peristiwa ini menyebabkan beliau terpaksa melarikan diri dan akhirnya menubuhkan kerajaan di Melaka.

Walau bagaimanapun, terdapat perselisihan pendapat di kalangan sarjana berdasarkan sumber sejarah tentang beberapa orang Sultan Melaka. Sebenarnya, Parameswara telah mangkat pada tahun 1414. Oleh yang demikian, pendapat yang menyatakan baginda telah memeluk agama Islam pada tahun 1414 adalah kurang tepat. Kajian telah menunjukkan bahawa Parameswara dan *Megat Iskandar Shah* adalah dua personaliti yang berbeza (Wang Gungwu, 1968). Menurut sumber asing melalui laporan *Ma Huan*, Megat Iskandar Shah memeluk agama Islam kerana telah mengahwini puteri Raja Pasai dari Sumatera. Ketika itu, baginda berusia tujuh puluh dua tahun. Fakta tersebut telah menafikan penulisan Sejarah Melayu yang mengaitkan penganutan agama Islam baginda dengan peristiwa mimpi berjumpa Nabi Muhammad. Begitu juga halnya mengenai Sultan Melaka yang terakhir. Ramai penulis sejarah tempatan dan Barat lebih banyak memfokuskan tentang ketokohan *Sultan Mahmud Shah* sebagai Sultan Melaka yang terakhir. Sebenarnya, sumber Sejarah Melayu telah menjelaskan proses peralihan kuasa pada zaman kejatuhan Melaka, iaitu selepas peristiwa pembunuhan ke atas *Bendahara Tun Mutahir* dan keluarganya. Sultan Mahmud Shah telah menyerahkan kuasa pemerintahan kepada puteranya Raja Ahmad dan baginda telah menetap di Kampar. Oleh itu, *Sultan Ahmad Shahlah* yang mewarisi pemerintahan dan menjadi pemimpin utama menghadapi serangan Portugis ke atas Melaka (Muhammad Yusof, 1982).

Institusi politik yang diasaskan oleh Parameswara adalah bersifat kebangsawanan Melayu. Dalam institusi politik ini, bentuk pemerintahan dan susun lapis pentadbiran Melaka adalah seperti Rajah 3.1 berikut:



Rajah 3.1 Susun lapis pentadbiran Melaka

Dalam institusi politik Melaka ini, sultan atau raja mempunyai kedudukan yang paling tinggi lagi istimewa dan berkuasa mutlak. Sebelum kedatangan Islam, bersesuaian dengan konsep agama Hindu, raja selalu dianggap sebagai bayangan Tuhan di muka bumi. Raja atau sultan adalah pembuat undang-undang dan ini menyebabkan kedudukan mereka adalah mengatasi undang-undang. Malah sebelum wujudnya undang-undang bertulis, segala titah raja atau sultan boleh dianggap sebagai undang-undang. *Hukum Kanun Melaka* ada menjelaskan tentang kedudukan dan tugas seseorang raja, iaitu:

“Adapun pada segala raja-raja itu, pertama-tama menjadikan bendahara, kedua perlu menjadikan temenggung, ketiga menjadikan penghulu bendahari, keempat menjadikan syahbandar, maka terpeliharalah segala raja-raja itu dengan segala rakyatnya. Adapun maka dibahagi hukum itu atas tiga bahagian. Pertama, pada bendahara, kedua pada temenggung, ketiga pada syahbandar” (Liaw, 1976: 64).

Kedudukan raja atau sultan ini diperkukuhkan dengan adanya konsep daulat dan derhaka dalam masyarakat Melayu. Raja yang memerintah dianggap sebagai berdaulat. Konsep tersebut juga dikaitkan dengan konsep spiritual dan kepercayaan tradisi tentang derhaka. Kedua-dua konsep tersebut amat berkait rapat dan dititikberatkan dalam masyarakat Melaka agar tidak wujud sebarang penentangan terhadap sultan. Sesiapa yang menderhaka kepada rajanya akan mendapat ketulahan atau penyakit (Muhammad Yusoff, 1989). Oleh sebab itu, terdapat pepatah Melayu yang menyatakan bahawa pantang anak Melayu menderhaka kepada rajanya. Banyak contoh dalam Sejarah Melayu yang menunjukkan pengukuhan kuasa sultan berdasarkan konsep daulat dan derhaka ini seperti peristiwa pembunuhan anak Tun Perak, kezaliman terhadap Hang Jebat dan pembunuhan ke atas keluarga Bendahara Tun Mutahir. Walau bagaimanapun, kemuncak daripada pengukuhan konsep tersebut telah membawa kepada peristiwa pembunuhan ke atas Sultan Mahmud II di Kota Tinggi, Johor pada tahun 1699. Kedudukan sultan yang istimewa itu pula dibezakan dengan rakyat biasa daripada segi penggunaan warna pakaian dan bahasa yang dipertuturkan serta alat kebesaran diraja. Selain itu, terdapat juga peralatan budaya dan protokol adat istiadat serta undang-undang.

Pada kebiasaannya pelantikan sultan adalah berdasarkan keturunan dan ia disahkan oleh golongan pembesar yang lain. Walau bagaimanapun, tidak terdapat sebarang undang-undang yang menentukan Raja Muda akan dilantik sebagai sultan selepas kemangkatan ayahandanya. Oleh sebab, tidak ada

sistem penggantian yang tetap, ini menyebabkan seringkali teretusnya pergeseran peribadi di kalangan putera raja yang menyebabkan berlakunya perang saudara. Biasanya sistem yang digunakan berasaskan sistem warisan yang menjadi asas tradisi kekeluargaan Melaka, iaitu *sistem patrimonial*, jurai dan perut sebelah bapa lebih diutamakan (Muhammad Yusof, 1989). Dengan perkataan lain, adat Temenggong lebih banyak pemakaiannya dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat dan istana Melaka.

Kedudukan sultan dalam pemerintahan dan pentadbiran kerajaan Melaka dibantu oleh institusi pembesar istana dan pembesar yang dilantik di kalangan masyarakat. Secara umum, institusi pembesar Melaka terbahagi kepada enam jawatan penting, iaitu (Abu Hassan, 1973/74):

(1) Bendahara

Jawatan yang paling utama dan kanan dalam pemerintahan Melaka. Bendahara menjadi ketua eksekutif seluruh mekanisme kerajaan Melaka. Bendahara mempunyai kuasa pemerintahan dan pentadbiran secara fizikal dan mempunyai kawasan pegangan yang tersendiri dan kedudukan ekonominya agak kukuh dan terjamin. Kedudukan dan fungsi Bendahara dilihat dari sudut tugas awam sebagai ketua pentadbir dan dalam tugas tentera sebagai ketua turus hulubalang di darat dan laut. Malah pada zaman Melaka, Bendahara pernah memangku jawatan sultan semasa ketiadaan baginda sultan. Ini menunjukkan bahawa kedudukan Bendahara mempunyai taraf yang sama dengan kerabat Diraja. Walaupun proses penggantian bagi jawatan Bendahara tidaklah secara automatik, namun dalam sejarah Melaka menunjukkan berlakunya pelantikan berdasarkan keturunan. Salasilah Bendahara Melaka bermula dari Bendahara Seri Wak Raja yang mati akibat meminum racun, diikuti Tun Perak, Tun Perpatih Putih (adik Tun Perak) dan Bendahara Melaka yang terakhir ialah Paduka Tuan (anak Tun Perak).

(2) Penghulu Bendahari

Biasanya pelantikan jawatan ini berdasarkan faktor kekayaan. Tugasnya yang utama ialah memegang dan menjaga harta benda dan hasil mahsul kerajaan. Sebagai menteri kewangan, Penghulu Bendahari juga menjadi wakil menerima ufti dari kawasan takluk dan jajahan Melaka. *Tun Ali* umpamanya, walaupun beliau berketurunan Melayu-Tamil, oleh kerana kekayaan hartanya, beliau pernah dilantik menjadi Sri Nara Diraja. Pelantikan beliau yang mencetuskan perang saudara yang berpanjangan antara Melayu jati dengan Melayu-Tamil, sehingga membawa kepada kejatuhan Melaka. Masyarakat

Melayu Melaka telah berpecah dua, iaitu penyokong bendahara dan penyokong penghulu bendahari. Selain daripada menjaga perbendaharaan kerajaan Melaka, penghulu bendahari juga bertindak sebagai ketua istiadat dan acara rasmi diraja di istana.

(3) **Temenggung**

Mengikut Tome Pires, jawatan Temenggung itu sebagai majistret (hakim) dan ketua pengawal. Biasanya kes pengadilan akan diselesaikan terlebih dahulu sebelum diserahkan kepada Bendahara. Bidang kuasa Temenggong yang diperuntukkan dalam *Hukum Kanun Melaka* adalah

“Adapun hukum yang diserahkan kepada Temenggung itu barang yang dihukumkan di dalam negeri seperti tahafus menafahus dan tangkap menangkap orang yang jahat di dalam negeri” (Muhammad Yusoff, 1989: 174).

Biasanya pelantikan Temenggung Melaka berdasarkan keturunan keluarga pembesar Melaka sendiri. Umpamanya, setelah Tun Mamat dinaikkan pangkat dari Temenggung kepada Bendahara, jawatan beliau digantikan oleh anaknya bernama Tun Hassan.

(4) **Laksamana**

Jawatan ini merupakan jawatan baru yang wujud pada zaman pemerintahan *Sultan Mansur Shah*, setelah Hang Tuah berjaya membunuh Hang Kasturi (sebenarnya Hang Jebat) yang dikatakan menderhaka. Jawatan ini juga dikenali sebagai *Seri Bija Diraja*. Menurut Tome Pires, fungsi laksamana ialah *a kind of admiral* atau *the chief of all fleet at sea*. Bagaimanapun, fungsinya berubah-ubah kerana memainkan peranan utama di istana dan kadangkala dilantik menjadi utusan atau duta ke sesebuah negara. Tetapi tugas utama Laksamana ialah dalam bidang ketenteraan. Semasa di darat, tugas Laksamana adalah mengawal keselamatan raja apabila berangkat dan mengawal keselamatan Bendahara ketika sedang menghadiri perbicaraan. Laksamana Hang Tuah juga pernah menjadi utusan kerajaan Melaka ke empayar Vijayanagar, di India Selatan (Singaravelu, 1983). Selepas Hang Tuah, jawatan laksamana telah diberikan kepada dua orang menantunya, iaitu Khawaja Hassan dan kemudian Hang Nadim. Tetapi yang jelas, kenaikan taraf Hang Tuah sebagai laksamana adalah merupakan suatu mobiliti sosial dalam masyarakat Melaka berdasarkan sifat kepahlawanannya.

(5) Syahbandar

Jawatan ini diwujudkan kerana peranan Melaka yang penting disebabkan kegiatan perdagangan entrepot. *Syahbandar* ialah istilah Parsi yang bererti pemerintah pelabuhan, yang merupakan ketua organisasi pelabuhan dan wakil saudagar asing daripada kalangan pelbagai etnik peniaga. Kedudukan Syahbandar adalah di bawah bidang kuasa Bendahara. Terdapat empat orang Syahbandar untuk menguruskan hal ehwal perniagaan di Melaka dalam sesuatu tempoh masa. Syahbandar memerlukan kemahiran pelbagai bahasa kerana kehadiran pedagang asing yang begitu ramai dari pelbagai pelusuk dunia. Tugas utamanya adalah menyambut kapten kapal dan dibawa menghadap Bendahara untuk mendapat kebenarannya sebelum menjalankan urusan perdagangan. Jawatan ini juga pernah dipegang oleh orang asing. *Raja Mendaliar* umpamanya, berketurunan India Muslim, telah dilantik menjadi sebagai Syahbandar di Melaka (Shellabear, 1980).

(6) Mandulika

Jawatan ini juga tidak kurang penting kerana Melaka mempunyai kawasan taklukan yang luas. Tugas utama *Mandulika* ialah menjaga keamanan dan mentadbir kawasan taklukan Melaka. Di samping itu, ia juga akan menyediakan kekuatan tentera untuk menentang musuh. Kawasan taklukan ini terpaksa tunduk kepada undang-undang dan adat istiadat yang diamalkan oleh kerajaan Melaka. Selain itu, Mandulika juga dikehendaki memungut cukai dan menghantar ufti tahunan kepada kerajaan Melaka. Kawasan taklukan juga mesti menunjukkan kedaulatan dan *political superiority* kerajaan Melaka (Muhammad Yusof, 1989). Tun Perak umpamanya, sebelum beliau dilantik menjadi Bendahara Melaka, pernah menjadi Mandulika di Kelang, Selangor.

Dalam lapisan masyarakat bawahan, pembesarnya ialah penghulu dan ketua kampung. Ia memainkan peranan sebagai penghubung dan pengantara antara golongan atasan dengan bawahan yang bersifat *reciprocal* atau timbal balas. Kesimpulannya, sistem pentadbiran kerajaan Melaka adalah berasaskan sistem hierarki. Terdapat juga peraturan dan undang-undang yang diwujudkan untuk menitikberatkan jurang antara pemerintah dengan rakyat.

Kesultanan Melayu Melaka telah mencetuskan tamadun berpolitik yang tinggi. Undang-undang secara bertulis telah mula dilaksanakan pada zaman pemerintahan Sultan Megat Iskandar Shah. Pengenalan undang-undang bertulis juga menunjukkan bahawa masyarakat Melaka telah mencapai sifat yang kompleks dan kosmopolitan. Kehadiran pedagang asing menyebabkan masyarakat Melaka menjadi lebih kompleks (Yusof, 1982). Secara umum,

undang-undang bertulis terbahagi kepada dua, iaitu (Liaw, 1976 dan Muhammad Yusoff, 1989):

(1) **Hukum Kanun Melaka**

Bidang kuasa undang-undang ini merangkumi pusat kerajaan negeri Melaka sendiri, anak sungai, dusun dan yang tertakluk pada negeri itu. Kandungan undang-undang ini antara lain meliputi tanggungjawab raja serta pembesar, pantang larang di kalangan anggota masyarakat, hukuman ke atas kesalahan jenayah dan awam, undang-undang keluarga, permasalahan ibadah dan muamalat yang amat jelas, hukum perhumaan dan sebagainya.

(2) **Undang-undang Laut Melaka**

Peruntukan undang-undang ini hanya bersabit dengan hal-hal di laut. Antaranya adalah tanggungjawab pegawai kapal, atur cara pelayaran dan perniagaan, hukuman atas kesalahan jenayah dan syariah Islam dan menentukan bidang kuasa nakhoda kapal.

Undang-undang di Melaka merupakan gabungan antara *hukum adat* dengan *undang-undang Islam* (Muhammad Yusoff, 1980:4). Hukum adat berdasarkan kepada Adat Temenggung, manakala perundangan Islam lebih banyak merujuk kepada Mazhab Syafie. Adat Temenggung merupakan elemen yang dipusakai dari Palembang yang menjadi asas pembentukan hukum adat di Melaka (Muhammad Yusoff, 1989). Kedatangan Islam bukan bermakna penyingkiran secara menyeluruh unsur dan nilai peribumi. Malahan adat resam dan hukuman setempat yang meliputi resam, norma dan etika menjadi *part and parcel* seluruh undang-undang tersebut. Umpamanya, bagi orang yang memaki seseorang, ia boleh dihukum gocoh atau dicabut giginya. Manakala orang yang berjual titah atau memalsukan titah raja, hukumannya ialah boleh dibunuh atau dibelah lidahnya atau dikupas kepalanya. Kedatangan Islam ke Melaka menyebabkan berlakunya perubahan dalam kebudayaan atau peradaban masyarakat Melayu Melaka. Dalam hal ini, bidang undang-undang tidak terkecuali. Apatah lagi, penerimaan agama Islam dalam masyarakat Melayu Melaka adalah bermula dari istana, kemudian diikuti oleh rakyat. Semasa zaman pemerintahan *Sultan Alaudin Riayat Shah*, hukuman ke atas penjenayah mula ditentukan berdasarkan hukum Islam, iaitu potong tangan atau kudung tangan bagi mereka yang mencuri. Dalam Hukum Kanun Melaka, Fasal 7: 2 pernah menyebut bahawa:

"Adapun jikalau ia mencuri, maka tertangkap lalu dibunuhnya maka kenalah denda akan dia setengah harganya ... Adapun pada hukum

Allah orang yang mencuri itu tiada harus dibunuh, melainkan dipotong tangannya" (Muhammad Yusof, 1989: 206).

Peraturan Islam dalam masyarakat Melayu Melaka lebih ketara dalam kehidupan seharian. Selepas kedatangan agama Islam, terdapat pelbagai aktiviti agama seperti bersembahyang raya di masjid, mengarak serban raja-raja ke masjid, raja bersembahyang tarawih pada bulan Ramadhan dan lain-lain.

Kewujudan undang-undang ini menggambarkan bahawa kerajaan Melaka adalah bersifat *kerajaan kelautan*. Tambahan pula, Tome Pires menyatakan bahawa Melaka merupakan pusat perdagangan yang termasyhur di sebelah Timur, sama seperti pelabuhan Venice di Itali. Menurut Pires, *whoever is lord of Malacca has his hand on the throat of Venice* (Tome Pires, 1944). Duarte Barbosa, seorang Portugis pernah menyifatkan Melaka sebagai:

"... the richest trading port and possesses the most valuable merchandise, and most numerous shipping and extensive traffic that is known in all the world" (Muhammad Yusoff, 1989: 15).

Pelabuhan entrepot Melaka yang mempunyai kedudukan strategik telah berjaya menarik perhatian golongan pedagang dari seluruh dunia. Menurut Francois Valentijn, seorang Belanda, pada abad ke-17 masih banyak kapal yang datang ke Selat Melaka terutamanya dari Benggala, Coromandel, Surat, Parsi, Ceylon, Jawa, Sumatera, Siam, Tonkin dan China. Tome Pires melaporkan bahawa *Malacca is a city that was made for merchandise, fitter than any other in the world ...* yang berjaya menarik ramai pedagang dari seluruh dunia (Tome Pires, 1944: 286). Terdapat lebih daripada lapan puluh empat jenis bahasa pernah dipertuturkan oleh golongan pedagang di Melaka pada zaman keagungannya. Sejarah Melayu juga menggambarkan kehebatan pelabuhan Melaka yang menjadi tumpuan para pedagang asing. Menurutnya, *maka negeri Melaka makin makmurlah, masyhurlah peri kebesaran Melaka itu dari atas angin datang ke bawah angin* (Shellabear, 1980: 111).

Kemantapan dan kehebatan Melaka sebagai pusat perdagangan entrepot, hasil daripada kebijaksanaan pemerintahnya, telah diperkukuhkan lagi dengan peranannya sebagai pusat pengajian dan penyebaran agama Islam di rantau ini (Zubir, 1982 dan Yahaya, 1982). Menurut Meilink Roelofs, walaupun agama Islam telah sampai lebih awal di beberapa bahagian di Tanah Melayu, namun Melaka menjadi lebih penting dan terkenal kerana pusat perdagangan kelautannya. Tidak kurang penting dinyatakan bahawa penerimaan agama Islam itu sendiri telah menempatkannya sebagai kuasa yang ulung di persekitaran selat yang turut mengikuti namanya, iaitu *Selat Melaka*.

Pengislaman dalam kerajaan Melaka lebih menyeluruh sifatnya. Ini disebabkan proses pengislaman berlaku dari atas, iaitu yang melibatkan pihak istana atau pemerintah. Dengan yang demikian, proses penyebaran agama Islam di kalangan rakyat dalam negeri Melaka dan jajahan takluknya menjadi lebih meluas. Di samping itu, terdapat banyak faktor lain seperti proses perkahwinan, pengaruh politik, perdagangan dan gerakan dakwah sufi, yang menyebarkan lagi agama Islam di rantau ini. Proses pengislaman yang berlaku di Tanah Melayu yang menjangkau masa yang lama dan tidak henti-henti itu telah mempengaruhi kebudayaan masyarakat Melayu keseluruhannya (Syed Muhammad Naguib Al-Attas, 1972). Serentak dengan perkembangan agama Islam dan kegiatan perdagangan, penggunaan bahasa Melayu sebagai *lingua franca* di Nusantara bertambah pesat dan menjadi pendorong kepada kemajuan kegiatan-kegiatan tersebut. Penggunaan tulisan jawi yang berasaskan al-Quran juga semakin meluas di Asia Tenggara.

Kekuatan dan pengaruh kerajaan Melayu Melaka juga boleh dilihat dalam perspektif hubungan antarabangnya. Dasar luar kerajaan Melaka yang dibentuk nampaknya diasaskan kepada beberapa perkara penting. Pertamanya, keperluan untuk menjaga dan mengekalkan keamanan di Selat Melaka untuk menjadikan Melaka sebagai pelabuhan perdagangan antarabangsa. Hal ini disebabkan faktor keamanan sangat mempengaruhi aktiviti perdagangan di Selat Melaka. Ia akan menggalakkan lagi kehadiran para pedagang yang membawa barang-barang dagangan yang begitu banyak dari seluruh dunia. Kedudukan pelabuhannya yang amat strategik, di samping melaksanakan perdagangan yang agak bebas, telah menarik pedagang dari seluruh dunia (Tome Pires, 1944). Kekuatan tarikan dasar perdagangan inilah mendorong para pedagang khususnya pedagang Islam untuk menjalankan urusan perniagaan dengan pelabuhan Aceh, apabila Melaka dikalahkan oleh penjajah Portugis pada tahun 1511.

Di samping itu juga, Melaka turut berperanan untuk menjadi pusat penyebaran agama Islam di rantau ini (Zainal Abidin, 1990). Maka, tidak hairanlah kerajaan Melaka mengadakan dasar terbaik-baik dengan semua negara terutamanya yang dianggap kuasa besar ketika itu seperti Siam, China, Jepun (Ryukyu), Majapahit dan India (Wang Gungwu, 1964 dan Liang Liji, 1996). Kerajaan Melaka juga telah mengukuhkan kedudukan mereka di kalangan negara-negara jiran. Pada ketika itu, terdapat tiga buah kerajaan yang dianggap setaraf dengan Melaka, iaitu *Majapahit*, *Pasai* dan *Haru*. Namun begitu, kerajaan Haru yang pernah berperang dengan Melaka telah mengalami kekalahan dan akhirnya Haru minta berdamai. Pada masa yang sama kerajaan Melaka memperluaskan kuasanya melalui kegiatan penaklukan dan

penyebaran agama Islam di rantau ini. Terdapat beberapa buah kerajaan di Sumatera yang dikatakan bernaung di bawah kesultanan Melaka. Manakala beberapa buah kerajaan di semenanjung yang membayar ufti kepada kerajaan Melaka seperti Klang, Beruas dan Perak. Ini menunjukkan kewibawaan Melaka yang begitu dikagumi dalam bidang ekonomi, politik dan juga agama.

Kesimpulannya, kemantapan Kesultanan Melayu Melaka yang diasaskan oleh Parameswara ini sebagai kerajaan kelautan dan pusat penyebaran agama Islam adalah disebabkan struktur pentadbirannya yang tersusun. Pengenalan undang-undang secara bertulis melicinkan lagi perjalanan masyarakatnya yang kosmopolitan. Sifat keantarabangsaan kerajaan Melaka itu amat jelas apabila bahasa Melayu telah diterima sebagai *lingua-franca* di seluruh dunia. Maka tidak bersalahan jika dinyatakan bahawa Melaka merupakan pengasas budaya politik bagi Malaysia masa kini. Lebih menarik lagi kalau dikaitkan dengan dua slogan dan ungkapan yang mengingatkan kita dengan Kesultanan Melayu Melaka, iaitu *Takkan Melayu Hilang di Dunia* oleh Laksamana Hang Tuah dan *Di atas Robohan Kota Melaka, Kita Dirikan Jiwa Merdeka* oleh Dr. Burhanuddin Al-Helmi (Nik Hassan Shuhaimi dan Yahaya, 1987: 118).

IV

PERKEMBANGAN AGAMA ISLAM DI MALAYSIA

Melalui bab ini, adalah diharapkan para pembaca dapat:

- mengetahui tentang teori penyebaran Islam di Asia Tenggara.
- memahami perkembangan Islam di rantau ini.
- mengkaji kesan-kesan penting penyebaran Islam dalam bidang politik, ekonomi, kebudayaan, sosial dan sebagainya.

Bab ini cuba menjelaskan sejarah perkembangan agama Islam di rantau Asia Tenggara, khususnya yang meliputi Tanah Melayu. Ia berkait rapat dengan beberapa teori kedatangan agama Islam yang pernah dikemukakan oleh beberapa sarjana tempatan dan orientalis. Di samping itu, bab ini juga akan menggambarkan bagaimana pengaruh kedatangan Islam dan penerimaannya oleh masyarakat Melayu yang pada akhirnya telah merubah pandangan dunia atau *world view* tentang nilai dan kebudayaan masyarakatnya.

Sejarah kedatangan Islam ke Asia Tenggara, termasuk Tanah Melayu, telah berlangsung dalam jangka masa yang begitu panjang. Kedatangan agama Islam sering dihubungkan dengan peranan golongan mubaligh, terutamanya dari Semenanjung Tanah Arab, Parsi, India dan China. Walau bagaimanapun, ramai pengkaji Barat atau orientalis cuba menafikan pendapat yang cenderung kepada peranan dari Timur Tengah. Mereka cuba mengutarakan suatu gagasan baru berdasarkan penemuan arkeologi dan tinggalan kebudayaan masyarakat yang mendiami rantau ini pada zaman awal.

Gagasan teori kedatangan Islam ke Asia Tenggara dari atau melalui India, telah dicetuskan oleh Professor Pijnappel dari Universiti Leiden, Belanda. Teori ini telah diperkukuhkan oleh Snouck Hurgronje pada tahun 1883 (Fatimi,

1963). Pijnappel membuat kesimpulan bahawa perkembangan dan penyebaran Islam ke Asia Tenggara didokongi oleh orang Arab yang bermazhab Shafie dari *Gujerat* dan *Malabar*. Pengaruh Parsi pula adalah lebih kuat dihubungkan dengan bahagian barat India. Oleh yang demikian, Pijnappel pernah menyatakan bahawa:

"Thus the preaching of Islam is still thought of as proceeding from Arabs, but these no longer come directly from Arab countries, but from India, and in particular from the west coast - from Gujerat and Malabar. Neither the east coast, that is, the Coromandel, called in Arabic Ma'bar (passage, corridor, i.e. between the mainland and Ceylon), North India nor Bengal come into consideration" (Drewes, 1968: 440).

Pada tahun 1907, Snouck Hurgronje pernah menyatakan bahawa pengkajian mengenai kedatangan agama Islam ke Asia Tenggara menghadapi masalah yang hampir serupa. Masalah tersebut ialah *our supply of factual data on the earliest period of Islam in the East Indies is poor*. Menurut Drewes pula, tiada sesiapaupun yang boleh menafikan bahawa amat sedikit maklumat yang diperolehi dalam menyelidik sejarah awal kedatangan Islam di Asia Tenggara. Namun begitu, pengkajian mengenainya haruslah dibuat penelitian yang mendalam. Van Leur pernah menyatakan bahawa *Indonesia was observed by the foreigners from the deck of the ship, the wall of the fort, or the verandah of the trading-station*. Kajian seterusnya tentang kedatangan Islam telah melahirkan beberapa teori yang bersandarkan kepada bukti-bukti tersebut. Kernail Singh Sandhu menyatakan bahawa terdapat sedikit persamaan di kalangan sarjana mengenai asal-usul dan perkembangan Islam di Asia Tenggara. Begitu juga berhubung dengan pengasasan dan kemajuan Kesultanan Melayu Melaka. Walau bagaimanapun, beliau berpendapat bahawa orang *India Muslim* memainkan peranan utama dan dominan dalam memajukan Melaka dan menjadikannya sebagai bandar pelabuhan Islam yang terpenting di Asia Tenggara (Kernail Singh, 1969).

Jika dilihat dari sejarah awal kedatangan Islam ke rantau ini, pengaruh Arab dan Parsi memang tidak dapat dinafikan lagi. Golongan pedagang Arab memainkan peranan yang penting di Lautan Hindia (S. Maqbul Ahmad, 1964 dan Syed Suleyman Nadvi, 1934). Semasa China menjadi sebuah kuasa politik yang unggul, hubungan perdagangan melalui Selat Melaka menjadi bertambah giat dan selamat. Pada masa ini, telah wujud petempatan-petempatan di kalangan pedagang Arab. Fenomena ini begitu ketara di zaman dinasti Tang dan Sung. Walau bagaimanapun, hubungan awal ini tidak melibatkan kegiatan politik dan keagamaan di kalangan masyarakat tempatan

(Marrison, 1957). Tahap ini juga memperlihatkan perkembangan pengaruh Islam yang begitu ketara di India Selatan. Pedagang dan mubaligh dari wilayah ini telah sampai ke Samudera-Pasai pada sekitar tahun 1280. Samudera-Pasai menjadi kerajaan yang pertama di Asia Tenggara menerima agama Islam dan menjadikannya sebagai agama rasmi (Marrison, 1951).

Perkembangan agama Islam di Asia Tenggara juga dihubungkan dengan pengaruh sufi di kalangan golongan mubaligh. Golongan sufi memang memainkan peranan penting dalam konteks penyebaran Islam di rantau ini (Cesar Adib Majul, 1964). Ia diperlihatkan apabila pemerintah Ma'bar (Malabar) Coast meletak jawatan sebagai raja dan telah bersama-sama Sheikh Ismail ke Sumatera sebagai pendakwah atau ahli sufi. Menurut S.Q. Fatimi, gerakan golongan sufi ke seluruh dunia begitu ketara pada pertengahan kedua abad yang ke-13. Ia merupakan faktor utama yang menyebabkan berlakunya penyebaran Islam di Asia Tenggara (Fatimi, 1963: 23). Ini menunjukkan peranan orang-orang Arab dalam menyebarkan Islam di rantau ini.

Terdapat juga catatan dari China yang menyatakan bahawa Muawiyah, pengasas kerajaan Umayyah (41-60 H/661-679 M), dan pengasas armada (angkatan laut) Islam, telah merancang hendak menyerang Gugusan Kepulauan Melayu pada tahun 674 M. Tetapi beliau terpaksa membatalkan rancangan itu bila diketahui bahawa kawasan tersebut berada dalam keadaan aman tenteram dan pemerintahannya yang adil di bawah pentadbiran seorang Ratu bernama Sima. Pernyataan ini menunjukkan bahawa orang Arab juga telah mengetahui tentang petempatan di Asia Tenggara. Kedatangan orang Arab ke Asia Tenggara lebih ketara selepas kejatuhan kerajaan Baghdad di tangan kuasa Mongol pada tahun 1258. Ini terbukti dengan peranan orang Arab yang menyebarkan agama Islam di beberapa tempat di Sumatera.

Kajian M.J. Djamil mendapati bahawa sebuah kerajaan Islam telah lahir di Perlak pada bulan Muharram 225 H (840 M). Sultannya yang pertama ialah Sayid Maulana Abdul Aziz Syah (peranakan Arab Quraisy dengan puteri Meurah Perlak) dan bergelar Sultan Alaidin Sayid Maulana Abdul Aziz Syah (Wan Hussein, 1980). *Kerajaan Islam Perlak* itu terus hidup hingga akhir abad ke-13 M dengan sultannya yang terakhir bernama Sultan Makhdom Alaidin Malik Abdul Aziz Johan Berdaulat yang memerintah di antara tahun 662-692 H (1263-1292 M). Akhirnya kerajaan Islam Perlak telah disatukan ke dalam kerajaan Samudera-Pasai pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Malik Al-Dhahir yang memerintah di antara tahun 688-725 H (1289-1326 M). Kesemuanya ini menunjukkan bahawa peranan orang-orang Arab dalam menyebarkan Islam di Asia Tenggara termasuklah Malaysia.

Sementara itu, T.W. Arnold dalam gagasannya menyatakan bahawa akan peri pentingnya peranan golongan mubaligh dari *India Selatan* dalam konteks penyebaran Islam ke Tanah Melayu. Kebanyakan golongan mubaligh yang datang ke Asia Tenggara berasal dari India Selatan, yang mempunyai persamaan mazhab dengan orang-orang Islam di rantau ini. Sebahagian besar masyarakat Islam di Asia Tenggara bermazhab Shafie. Mazhab ini juga begitu dominan di pantai Coromandel dan Malabar pada pertengahan abad ke-14, semasa lawatan Ibn Batutah (Arnold, 1913). Kedudukan India Selatan yang strategik daripada segi jalinan jalan perdagangan laut di antara Timur dengan Barat, menyebabkan pengaruh Islam berkembang begitu cepat di rantau ini. Oleh yang demikian, perkembangan perdagangan yang dijalankan oleh pedagang India Muslim telah menjadi faktor penting, selaras dengan perkembangan Islam di Asia Tenggara (Tibbetts, 1957).

Ramai lagi sejarawan Barat cuba menafikan peranan yang dimainkan terus dari Arab dan Parsi. R.O. Winstedt umpamanya, telah menyatakan bahawa ... *the bulk of Muhammadan missionaries came from India, and were natives of Gujerat and Malabar* (Winstedt, 1920: 5). Dengan beberapa bukti yang berdasarkan penemuan arkeologi, beliau menyatakan bahawa tiada bukti yang menunjukkan pengaruh Parsi ke atas masyarakat Melayu, tetapi sebenarnya adalah melalui pengaruh India (Marrison, 1955). Dalam artikelnya yang lebih awal, R.O. Winstedt menafikan langsung peranan orang Arab. Menurutnyanya, ... *the early missionaries were not only Arabs, but Indians from Gujerat and Malabar or Kalinga as it was then called* (Winstedt, 1917: 171). Brian Harrison mengukuhkan pendapat tersebut dengan menyatakan bahawa Asia Tenggara selalu melihat hubungan kebudayaan dan perdagangannya dengan India dan bukannya Parsi atau Arab. Penyebaran Islam ke Asia Tenggara adalah disebabkan peranan golongan pedagang India Muslim yang terlibat dalam kegiatan perdagangan di seberang laut. Perkembangan ini bukan hanya bermula pada abad ke-13, tetapi sejak peranan yang dimainkan oleh golongan pedagang dari Gujerat dan Cambay yang lebih awal (Harrison, 1957). Schrieke juga berpendapat bahawa ... *the important role played by Gujeratis in the trade of the Indies and its impact on the spread of Islam* (Fatimi, 1963: 5).

Ramai di kalangan orientalis Barat menyokong teori yang menonjolkan peranan orang India dalam menyebarkan agama Islam di Asia Tenggara. Sokongan mereka berdasarkan kepada tiga perkara iaitu (Wan Hussein, 1980: 138);

- (i) Perhubungan perniagaan yang teguh antara India dengan Gugusan Kepulauan Melayu. Apabila orang India memeluk agama Islam, mereka

- telah datang ke Gugusan Kepulauan Melayu termasuklah Malaysia dan membawa bersama-sama mereka agama Islam.
- (ii) Mengikuti Von Ronkel, terdapat banyak bukti daripada segi iktiqad dan bahasa yang menunjukkan pengaruh India, salah satunya ialah perkataan *lebai* (istilah dari India Selatan) yang diambil dari perkataan *labaigam* atau 'saudagar'.
- (iii) Kesan sejarah yang dijumpai oleh J.E. Moquette pada tahun 1912 M, iaitu batu nisan makam Maulana Malik Ibrahim di Gerisik dengan tarikh yang menunjukkan waktu pembinaannya pada 1419 M. Dari batu itu mereka membuat kesimpulan bahawa batu makam yang pertama telah dibawa masuk dari pelabuhan Cambay di Gujerat, India. Satu kesan sejarah juga telah dijumpai di tebing sungai Kedah, iaitu perkuburan Islam tua; ukiran dan tulisan yang didapati di atas batu nisan di perkuburan yang diukir menurut cara Cambay, India.

Dalam banyak hal, Van Leur dan Nicolaas Krom menyetujui pendapat bahawa penyebaran agama Islam ke rantau Asia Tenggara mempunyai persamaan dengan penyebaran agama Hindu sebelumnya.

"The adoption of Islam, like that of Hinduism, "was a result of pacific penetration carried on by traders who after settling permanently perhaps had initiated more countrymen, including nontraders, to follow their example" (Van Leur, 1955: 91).

Krom berpendapat bahawa proses *Moslemization* dan *Hindunization* di Asia Tenggara melalui proses yang hampir serupa. Menurutnya;

"Trader's from India and Malacca settled on Java, just in turn a large Javanese colony lived in a quarter of Malacca at the beginning of the sixteenth century. Marriages of the foreigners with maidens of the country had the establishment of Hinduism, and as far as religion is concerned the effect must have been even more immediate, since the wife of Mohammedan must after all have embraced Islam herself" (Van Leur, 1955: 113).

Kesemua pendapat yang dikemukakan menggambarkan kemungkinan agama Islam datang ke Asia Tenggara dari atau melalui India. Menurut Drewes, ia bersandarkan *artificial and superficial nature of theories linking the spread of Islam with merchants* (Drewes, 1968: 438). Kebanyakan gagasan teori tersebut dipelopori oleh golongan orientalis Barat. Namun begitu, timbul pula reaksi yang menyanggah teori tersebut. Terdapat banyak kajian semula

mengenai pelbagai teori yang pernah dikemukakan (Syed Hussein Alatas, 1963; Syed Farid Alatas, 1985 dan Paul Coatalen, 1981). Syed Muhammad Naguib Al-Attas umpamanya, pernah menyangkal dan menafikan teori yang digagaskan itu. Menurutnya:

"maka teori bahawa Islam itu datangnya dari India dan dibawa serta disebar oleh orang-orang India harus kita tolak dan singkirkan pengenaannya terhadap sejarah asal usul Islam di sini [Asia Tenggara]" (Syed Muhammad Naguib Al-Attas, 1972: 33).

Pengukuhan teori yang cenderung tentang peranan wilayah dan orang India hanyalah berdasarkan penemuan arkeologi. Penemuan tersebut yang bersifat luaran yang nampak melalui pancaindera bukanlah suatu kesimpulan yang bersifat objektif dan muktamad. Menurut beliau lagi, sekiranya Moquette berpendapat bahawa beberapa batu nisan Islam yang penting yang ditemui di Pasai dan Gerisik membayangkan kesamaan rupa bentuk di Gujarat, pernyataan ini tidaklah bermakna bahawa kewujudan Islam di Asia Tenggara ini berasal dan disebar oleh orang-orang India Muslim dari Gujarat.

Namun begitu, pada hemat penulis pernyataan yang sedemikian tidaklah sekali-kali bertujuan untuk mengabaikan atau menafikan sama sekali peranan orang India Muslim dalam memperkembangkan Islam di rantau ini. Apa yang jelas ialah peranan orang-orang India Muslim telah ditonjolkan oleh golongan orientalis terhadap sejarah Tanah Melayu. Hakikat ini menggambarkan bahawa seolah-olah ia menonjolkan sesuatu pihak dan menafikan suatu pihak yang lain. Syed Muhammad Naguib Al-Attas menegaskan bahawa Islam memainkan peranan penting dalam mengubah nilai kebudayaan masyarakat tempatan, khususnya masyarakat Melayu. Menurutnya:

"Islam came to the Archipelago couched in Sufi metaphysics. It was through tasawwuf that the highly intellectual and rationalistic religious spirit entered the respective mind of the people, effecting a rise of rationalism and intellectualism not manifested in pre-Islamic time" (Syed Naguib Al-Attas, 1969: 5-6).

Beliau juga menyatakan bahawa kedatangan agama Hindu sebelum zaman Islam tidak merubah pandangan hidup masyarakat Melayu-Indonesia. Ia hanya merupakan suatu *weltanschauung* yang berdasarkan seni dan bukan falsafah (Syed Muhammad Naguib Al-Attas, 1972). Namun begitu, pandangan beliau masih dipersoalkan oleh ramai sarjana, yang masih mempertahankan

bahawa agama Hindu turut sama terlibat dalam pembentukan pengaruh kebudayaan ke atas masyarakat tempatan (Wolters, 1970).

Satu lagi teori yang tidak kurang penting ialah peranan orang Cina dalam mengembangkan agama Islam ke Asia Tenggara. Emanuel Godinho Eredia, seorang ahli matematik Eropah pernah menulis pada tahun 1613, iaitu ... *akidah Muhammad telah diterima terlebih dahulu di Patani dan Pam di pesisir pantai Timur, dan selepas itu barulah diterima dan disebar oleh Parameswara di Melaka pada tahun 1411* (Wan Hussein, 1980: 138). Terdapat juga catatan menunjukkan pada zaman pemerintahan Dinasti Sung (960-1279 M), agama Islam telah berkembang dengan meluasnya di sepanjang pantai laut China pada tahun 977 M. Terdapat juga riwayat yang menyatakan bahawa agama Islam telah sampai ke China pada zaman Nabi Muhammad s.a.w. Terdapat catatan China yang menunjukkan bahawa agama Islam telah sampai pada zaman pemerintahan Thai Sung (627-655 M). Muslimin yang pertama tiba di China ialah Ibn Hamzah Ibn Hamzah, anak Saidina Hamzah Ibn Abu Talib, sepupu Nabi Muhammad s.a.w. bersama-sama dengan tiga ribu orang muhajirin dan tinggal di San Gan Fou. Kemudiannya, agama Islam semakin berkembang dengan meluasnya di China dan kebanyakannya tinggal di wilayah Yunnan (selatan China). Ini juga menunjukkan bahawa hubungan perdagangan telah terjalin antara China dengan Arab dan Parsi.

Walau apapun teori yang dikemukakan, proses penyebaran agama Islam ke Asia Tenggara telah melibatkan komitmen pelbagai golongan masyarakat sama ada dari Arab-Parsi, India dan China. Satu aspek yang menarik perhatian, perkembangan ajaran agama Islam di Asia Tenggara kelihatan selari dengan perkembangan kegiatan perdagangan di rantau ini. Walaupun kegiatan perdagangan telah bermula sebelum kedatangan Islam, tetapi kawasan pasarannya tidaklah begitu meluas. Hanya selepas kedatangan agama Islam, kegiatan perdagangan berjalan semakin rancak dan subur serta pasarannya semakin meluas ke pelabuhan antarabangsa termasuklah di Asia Tenggara (Syed Muhammad Naguib Al-Attas, 1972).

Agama Islam mula bertapak di Asia Tenggara pada akhir abad ke-13. Sumatera Utara adalah merupakan wilayah yang paling awal didatangi dan dipengaruhi ajaran agama Islam (Shellabear, 1980). Pada awal abad ke-15, agama Islam tersebar ke Tanah Melayu semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka. Pada tahap ini, perkembangan agama Islam adalah selari dengan perkembangan kegiatan perdagangan di pelabuhan entrepot Melaka. Keadaan ini telah menjadikan Melaka sebagai pusat perdagangan dan pusat penyebaran agama Islam di Asia Tenggara (Yahaya, 1984). Penyebaran agama Islam di Melaka bukan sekadar meliputi penduduk tempatan sahaja,

malah menembusi pihak istana. Perkembangan agama Islam semakin pesat di Melaka, selepas pemerintahannya yang kedua Sultan Megat Iskandar Shah, memeluk agama Islam dan diikuti oleh rakyatnya. Tome Pires melaporkan bahawa:

"At last, when he was seventy-two years old, the said King Xaquem Darxa [Muhammad Iskandar Shah] turned Moor, with all his house and married the said King of Pase's daughter. And not only did he himself turn Moor, but also in the course of time he made all his people do the same. And in this way the said king turned Moor, and from thenceforward they were so until the capture of Malacca; and he lived in matrimony for eight years surrounded by mollahs, and he left a grown-up son, who also turn Moor, born of his first wife, who inherited the kingdom and was called Modafarxa [Muzaffar Shah]" (Cortesao, 1944: 242).

Fenomena di Melaka memperlihatkan sesuatu yang berbeza. Biasanya penerimaan agama Islam di Asia Tenggara bermula dari golongan bawahan, iaitu daripada penduduk atau rakyat sesebuah tempat. Pemerintah akan memeluk agama Islam selepas terdapat *proses Islamisasi* yang semakin giat dan merata. Tindakan pemerintah ini akan menggalakkan dan mempercepat perkembangan agama Islam di rantau ini (Syed Hussein Al-Attas, 1964.). Ini menyebabkan agama Islam menjadi suatu yang dominan dalam beberapa buah kerajaan di Tanah Melayu.

Walaupun Melaka dianggap sebagai pusat perdagangan dan penyebaran agama Islam yang terkenal di Asia Tenggara, namun ia bukanlah merupakan daerah yang paling awal didatangi agama Islam. Penemuan batu bersurat di Terengganu pada tahun 1303 telah menafikan dakwaan bahawa Melaka sebagai daerah pertama di Tanah Melayu yang menerima agama Islam (Syed Naguib Al-Attas, 1970 dan Omar Awang, 1980). Tambahan pula, Terengganu pernah menjadi pelabuhan perdagangan yang terpenting di rantau ini (Khoo, 1974). Walau bagaimanapun, pelabuhan Melaka mempunyai kelebihan dan keistimewaan yang tersendiri. Kedudukannya yang strategik dan hubungannya yang baik dengan dunia luar, menyebabkan kegiatan perdagangan dapat berjalan dengan lancar.

Pelabuhan Melaka semakin terkenal dan dikunjungi oleh ramai golongan saudagar dari seluruh dunia. Menurut laporan Tome Pires, pada tahun 1515 didapati bahawa ramai golongan pedagang yang menjalankan perniagaan di Melaka. Antaranya termasuklah pedagang-pedagang Arab, Parsi, Gujerat, Bengal, Cina dan lain-lain lagi (Cortesao, 1944). Moshe Yegar menyatakan

bahawa *India Muslim has contributed to the Islamization of Malaya since the fourteenth century* (Yegar, 1979: 15).

Perkembangan pelabuhan Melaka telah menyebabkan penduduknya bertambah kompleks dan bersifat kosmopolitan. Menurut Tome Pires, terdapat 84 jenis bahasa yang berbeza-beza pernah dipertuturkan di pelabuhan Melaka (Cortesao, 1944). Walau bagaimanapun, *bahasa Melayu* dijadikan bahasa perantaraan untuk perhubungan di kalangan para pedagang. Pedagang-pedagang Islam merupakan golongan pedagang yang terbesar bilangannya. Oleh sebab itu, proses penyebaran agama Islam berjalan dengan giat di Asia Tenggara.

Selepas kejatuhan Melaka di tangan Portugis (1511) dan kemudiannya Belanda (1641), pengaruh agama Islam di Melaka mulai merosot. Namun begitu golongan pedagang Islam dari India dan Arab masih dapat meneruskan kegiatan perdagangan seperti biasa. Pengaruh mereka dalam urusan pemerintahan menjamin survival dan mengekalkan penguasaannya dalam kegiatan perdagangan dan sekaligus dapat menyebarkan agama Islam di rantau ini (Cesar Adib Majul, 1964). Pada peringkat awal, kehadiran kuasa Barat melalui *proses imperialismenya* tidak banyak memberi kesan kepada kegiatan perdagangan di kalangan pedagang Islam (Furber, 1976). Malah kedatangannya juga tidak dapat menghapuskan sama sekali pengaruh Islam yang telah bertapak di Tanah Melayu. Agama Islam telah menyerap masuk dan sebatik ke dalam kebudayaan masyarakat tempatan. Kedatangan agama Islam dengan ketinggian nilai intelektual dan agama yang rasional, yang memasuki pemikiran manusia, telah menghasilkan nilai nasionalisme dan intelektualisme, yang tidak pernah muncul sebelum zaman pra-Islam (Syed Muhammad Naguib Al-Attas, 1972).

Oleh yang demikian, seorang sarjana menyatakan dengan tersebarunya Islam dan terlaksananya ajarannya maka timbullah pemupukan ilmu yang menentukan ciri kebudayaan Islam di Nusantara (Muhammad Uthman El-Muhammady, 1982). Sejak dari awal lagi, tersebarlah ilmu yang membahaskan *world view* Islam yang menghuraikan dasar aqidah (kepercayaan) berasaskan usuluddin atau metafizik, ibadat, akhlak dan perundangan. Kesemua ini akan menjelaskan timbulnya tamadun Islam di rantau ini. Fenomena ini tentunya bertepatan dengan firman Allah S.W.T., iaitu:

"(Dengan kedatangan Islam itu masuk) katakanlah: Kebenaran sudah datang dan kepalsuan lenyap sesungguhnya kebatilan pasti senyap" (Surah al-Isra': 81).

Pada zaman penjajahan British ke atas Tanah Melayu yang bermula secara rasmi pada tahun 1874, agama Islam memang sudah kukuh di kalangan masyarakat Melayu. Institusi kebudayaan masyarakat Melayu banyak diresapi oleh unsur dan nilai Islam. Bagaimanapun, menurut J.M. Gullick, Islam tidak memberi kesan ke atas sistem politik masyarakat Melayu. Ia hanya dijadikan sebagai agama rasmi di setiap negeri Melayu (Gullick, 1980). Selepas kedatangan British, perkembangan agama Islam semakin merosot dan terhad pemakaiannya. Ini disebabkan kerajaan British telah menginstitusikan bidang agama menyebabkan ia menjadi sangat birokratik.

Abad ke-19 merupakan satu tahap penting dalam gerakan kebangkitan Islam di seluruh dunia melalui gerakan Islah Islamiyyah atau dikenali juga sebagai *gerakan Pan-Islamisme* (Naimur Rahman, 1983 dan Mohd. Sarim, 1982). Ancaman kegiatan imperialisme adalah antara faktor utama yang mencetuskan gerakan kebangkitan Islam ini. Keadaan yang sama telah berlaku di Tanah Melayu pada awal abad ke-20, yang memperlihatkan kemunculan peranan Kaum Muda yang cuba membangkitkan kesedaran di kalangan orang Melayu agar kembali kepada perjuangan Islam yang sebenar berdasarkan ajaran *al-Quran* dan *Hadis*. Walau bagaimanapun, perjuangan politik yang berasaskan Islam masih berterusan, malah menjadi faktor terpenting dan dominan di Tanah Melayu hingga masa kini.

Sebagai kesimpulannya, didapati bahawa sejarah kedatangan dan penyebaran agama Islam di Asia Tenggara, termasuk Malaysia, telah melalui jangka masa yang begitu panjang, iaitu sejak abad ke-13 lagi. Walaupun pelbagai teori pernah dikemukakan, yang masih diperbahaskan dan tidak muktamad, namun yang lebih penting harus ditonjolkan ialah peranan semua golongan masyarakat Islam dari seluruh dunia dalam menyumbangkan komitmen mereka dalam proses penyebaran agama Islam di Asia Tenggara. Kedatangan Islam dan penerimaannya dalam masyarakat Melayu itu telah menyebabkan nilai kebudayaan masyarakat Melayu turut mengalami perubahan.

V

SISTEM PENDIDIKAN PONDOK DAN MADRASAH DI TANAH MELAYU

Melalui bab ini, adalah diharapkan para pembaca dapat:

- mengetahui tentang sistem pendidikan orang Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.
- memahami perkembangan sistem pendidikan orang Melayu terutamanya institusi pondok dan madrasah.
- melihat perjuangan orang Melayu dalam bidang pendidikan.

Masyarakat Melayu telah sekian lama mempunyai sistem pendidikan yang tersendiri. Walaupun ia dianggap klasik dan tradisional, namun sistem pendidikan tersebut turut menyumbangkan ke arah kemajuan dan perkembangan masyarakat Melayu. Falsafah pendidikan orang Melayu ini sebenarnya menggambarkan *weltanschauung* masyarakat Melayu itu sendiri. Lebih menarik lagi, sistem pendidikan Melayu pada peringkat awal bukanlah sebagai landasan untuk mencapai mobiliti sosial atau merubah kedudukan sosioekonomi, tetapi bertujuan untuk memenuhi tuntutan kerohanian dalam kehidupan beragama dan menyebarkan pula kepada masyarakat Melayu keseluruhannya. Namun begitu, pencapaian tinggi dalam bidang pendidikan secara langsung dan tidak langsung, turut membawa perubahan besar dalam kehidupan sosioekonomi di kalangan masyarakat Melayu.

Sistem pendidikan Melayu yang paling tua dan berpengaruh adalah persekolahan pondok atau dikenali juga sebagai *pengajian al-Qur'an*. Pendidikan Islam tradisional telah bermula dan berkembang bersama dengan penyebaran agama Islam di rantau ini. Golongan mubaligh dan ahli sufi dari Asia Barat dan India Selatan turut memainkan peranan penting dalam kegiatan

tersebut (Muhammad Uthman El-Muhammady, 1984). Sistem pendidikan Melayu ini juga telah menggerakkan masyarakat Melayu untuk menangani permasalahan politik, ekonomi dan sosial pada zaman penjajahan dan turut sama terlibat dalam memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu.

Walau bagaimanapun, sistem pendidikan Melayu telah mengalami proses perubahan selari dengan perubahan zaman. Namun begitu, apa yang jelas adalah sistem pendidikan Melayu yang asal ini masih lagi menunjangi sistem pendidikan Melayu masa kini. Pernyataan ini merupakan sanggahan kepada pendapat yang menyatakan ... *hakikat tidak wujud lagi hari ini, ketika mana persekolahan pondok tidak menjadi teras dalam pendidikan Islam semasa, atau ketika mana pendidikan Islam tidak lagi memerlukan sokongan sistem pondok untuk menempa kemajuan-kemajuan baru* (Mohammad Abu Bakar, 1980: 1). Paradoksnya, sekolah-sekolah pondok memainkan peranan cukup penting dalam menyebarkan dakwah Islamiah di negara ini. Menurut Muhammad Uthman El-Muhammady (1982:159), ... *tanpa pusat-pusat pengajian Islam yang setulin ini, maka masyarakat Islam tidak dapat wujud di Tanah Melayu*. Bagi Awang Had Salleh pula, pondok merupakan satu institusi yang total, di mana sistem kemasyarakatannya adalah bersifat kekal dan tidak sementara. Tambahan pula, *institusi pondok* adalah sebaik-baik contoh pembelajaran seumur hidup, iaitu satu konsep yang sedang dihidupkan kembali di negeri-negeri yang melalui *proses industrialisasi* (Awang Had, 1977).

Sistem pendidikan pondok telah mula dipraktikkan sejak zaman Nabi Muhammad s.a.w. pada zaman Madinah. Baginda telah memulakan tradisi pengajian pondok untuk menyampaikan ajaran Islam dan dalam masa yang sama menyebarkan agama Islam di kalangan keturunannya (Muhammad Uthman El-Muhammady, 1984). Semasa zaman Nabi Muhammad s.a.w., semua mata pelajaran berdasarkan al-Quran dan Hadith (as-Sunnah). Membaca dan menulis juga telah diperkenalkan. Sistem pendidikan Islam yang mudah ini telah berkembang secara evolusi menjadi *sistem pengajian madrasah*. Madrasah yang paling terkenal ialah Madrasah Nizamiyyah di Baghdad yang telah diasaskan oleh Nizamul-Mulk. Kewujudan sistem madrasah ini adalah perubahan awal yang ketara kerana ia bukan sahaja menyampaikan ajaran yang terkandung dalam agama Islam tetapi juga mata pelajaran yang bersifat duniawi.

Perkataan *pondok* berasal dari bahasa Arab yang bererti *tempat penginapan*, tetapi menurut istilah yang dikenal dalam dunia pendidikan bererti institusi pendidikan dan pengajaran agama Islam, umumnya dengan cara tanpa kelas formal, yang mana seorang ulama (tok guru) mengajar ilmu agama Islam kepada para pelajar yang mengelilinginya. Pondok terdiri daripada

rumah-rumah kecil yang dibina daripada kayu atau buluh yang dibina berhampiran dengan rumah orang alim yang juga dikenali sebagai tuan guru, tok guru, ustaz, kiyai dan sebagainya. Biasanya pembinaan pondok adalah berhampiran dengan madrasah, surau atau masjid. Menurut Mohammad, (1980:1) *sesbuah persekolahan pondok yang ideal ialah sebuah pusat atau centre kehidupan dalam ertikata yang sebenar; ia menarik perhatian dan pengamatan luar, ia melahir pengaruh dan mengembangkan nilai, dan ia bertindak sebagai paksi kepada putaran dan pusaran perjalanan individu dan sosial dalam daerah operasinya.*

Sistem pendidikan pondok dipercayai telah bermula di Tanah Melayu sejak abad ketujuh belas. Sistem persekolahan ini dapat dikesan di Terengganu yang diasaskan penubuhannya oleh *Syeikh Abdul Malek bin Abdullah* atau dikenali juga sebagai *Tok Pulau Manis*. Namun begitu, persekolahan pondok amat ketara di Tanah Melayu pada separuh kedua abad kesembilan belas. Sistem pendidikan pondok amat meluas di Kelantan, Terengganu dan Kedah. Kemunculan tokoh-tokoh agama atau ulama' di bahagian utara Semenanjung adalah lebih ketara dan ramai, terutamanya selepas kerajaan Siam menyerahkan Negeri-negeri Melayu Utara kepada British pada tahun 1909 melalui Perjanjian Bangkok. Tambahan pula, selepas serangan yang dilakukan oleh pemerintah Siam ke atas *Patani* kerana enggan menghantar ufti, juga telah menyebabkan penghijrahan begitu ramai penduduk, termasuklah para ulama' ke selatan.

Patani merupakan pusat penyebaran agama Islam yang terpenting di Semenanjung pada abad kesembilan belas dan sejak awal abad kedua puluh (Winzeler, 1974). Pada awal abad kedua puluh, ramai ulama' yang pulang ke tanah air setelah menamatkan pengajian dari Timur Tengah, khususnya dari tiga buah masjid, iaitu Masjidil Haram (Makkah), Masjid An-Nabawi (Madinah) dan Masjid Al-Azhar (Kaherah) (Che Man, 1988). Oleh yang demikian, boleh dikatakan bahawa *Patani* merupakan pusat yang mengasaskan pengajian pondok di Tanah Melayu dan telah melahirkan tokoh ulama' yang terkenal. Pernyataan ini sebenarnya bukanlah bertujuan untuk menafikan peranan pusat pengajian Islam yang lain yang turut memainkan peranan dalam penyebaran agama Islam di Asia Tenggara. Seorang sarjana menjelaskan:

"Kenyataan sejarah tidak dapat dimungkiri bahawa Patani ketika masih dikuasai oleh raja-raja Melayu yang beragama Islam, pernah menjadi pusat tamadun Islam di rantau ini. Masuk dan berkembangnya Islam di Patani berkait erat dengan perkembangan Nusantara" (Abdul Latif, 1986).

Kelantan dan Terengganu adalah dua buah negeri yang paling banyak mempunyai sistem persekolahan pondok. Kemungkinan yang pertama disebabkan kedua-dua buah negeri tersebut merupakan antara tempat yang pertama didatangi Islam dan pernah memainkan peranan sebagai pusat penyebaran agama Islam di rantau ini (Wan Hussein, 1980). Kedua, kedudukan geografinya yang berhampiran dengan Patani dan ketiga, kemungkinan disebabkan majoriti penduduk di negeri tersebut ialah masyarakat Melayu tani (Abdullah, 1989). Malah, Kelantan pernah bergelar sebagai *serambi Mekah* kerana peranannya yang begitu aktif dalam pengembangan agama Islam khususnya menerusi bidang keilmuan ini.

Golongan ulama' yang wujud di Kelantan dan di beberapa negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu adalah lahir daripada pengajian pondok di Patani. Pengasasnya yang termasyhur ialah *Tuan Tabal atau Haji Abdul Samad bin Mohd Salleh* (Nik Abdul Aziz, 1983). Beliau adalah pengasas ilmu agama yang mendalam di Kelantan dan juga merupakan ulama' sufi yang berwibawa. Selain daripada itu, terdapat juga ulama' lain yang berpengaruh di Kelantan seperti *Tok Kenali* (Mohd. Yusoff bin Mohd. Datuk) (Abdullah Al-Qari, 1974). Tok Khurasan, Haji Wan Musa Haji Abdul Samad (anak Tuan Tabal), Haji Nik Abdullah Haji Wan Musa (cucu Tuan Tabal), Haji Abdullah Tahir, Haji Omar Ismail Nuruddin dan lain-lain lagi. Golongan ulama' ini memang banyak mendirikan persekolahan pondok di Kelantan dan Terengganu (Shafie, 1984). Selain itu, terdapat juga ulama' yang telah menghasilkan karya-karya agama yang masih digunakan sehingga masa kini. Antaranya ialah *Syeikh Daud bin Abdullah bin Idris* dari Patani dan Tuan Tabal sendiri dengan karya yang termasyhur yang merangkumi bidang tasawuf, usuluddin dan fiqh (Winstedt, 1972).

Persekolahan pondok juga tumbuh dengan meluas di Kedah dan Pulau Pinang (Seberang Prai). Pada tahun-tahun 1870-an, telah wujud hampir sepuluh buah pusat pengajian pondok di Kedah. Antara pondok yang terkenal adalah di Yan, Pokok Pisang, Langgar dan Titi Gajah. Pelopor pengajian persekolahan pondok di Kedah ialah *Tuan Hussein* yang telah mendirikan enam buah persekolahan pondok di antara tahun 1897-1929 (Halim Man, 1983). Kewujudan persekolahan pondok di Pulau Pinang, khususnya di Seberang Prai juga banyak dipengaruhi oleh perkembangan pengajian ini di Kedah dan Patani. Antara persekolahan pondok yang terkenal ialah Pondok Tuan Minal (Haji Zainal Abidin Patani) di Permatang Sungai Dua, *Pondok Haji Abdullah Fahim* di Kepala Batas dan *Pondok Syeikh Othman Jalaluddin* di Penanti (Mohamad, 1980).

Sistem pengajian pondok memang mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Sistem persekolahan pondok diwujudkan atas konsep berdikari, yang meliputi aspek penyediaan fizikal (bangunan), tenaga pengajar dan kehidupan pelajarinya. Sifat istimewa ini juga dilihat daripada aspek kekekalan institusi pondok hingga masa kini, kerana untuk menjadi anggota atau pelajar pengajian pondok tidak sama sekali secara terpaksa. Mereka yang memasuki institusi ini adalah dengan kerelaan sendiri untuk menuntut ilmu pengetahuan. Hal ini tentunya amat berbeza dengan sekolah moden yang mana pemergian pelajar ke institusi tersebut kebanyakannya kerana desakan ibu bapa atau keluarga. Sistem pengajian pondok juga merupakan sistem pengajian berasrama penuh. Pelajarnya juga diajar supaya bersifat berdikari. Masa pembelajaran adalah sepanjang masa; sama ada yang merangkumi pelajaran formal dan tidak formal. Ilmu pengajian pondok pula diintegrasikan dalam kehidupan yang realistik. Kesemua ini menggambarkan keunikan sistem pendidikan masyarakat Melayu yang berteraskan *pendidikan Islam* (Shafie, 1984).

Sistem pendidikan masyarakat Melayu telah mengalami perubahan pada awal abad kedua puluh. Ini disebabkan beberapa kelemahan institusi pengajian pondok yang hanya menumpukan aspek yang berkaitan dengan mata pelajaran agama sahaja. Dengan perkataan lain, organisasi institusi pengajian pondok adalah longgar dan tujuan utamanya hanya menekankan soal ibadat yang khusus. Sistem pelajaran di pondok kurang cergas dalam memperkembangkan cara berfikir dan berhijrah. Ada banyak ulasan menyerupai pendapat yang mengatakan bahawa *tiga bulan belajar di madrasah lebih kurang sama pendapatan tiga tahun belajar di pondok* (Abdul Aziz, t.t.: 5). Tambahan pula, kedudukan sosioekonomi Tanah Melayu ketika itu menuntut agar orang Melayu harus menumpukan kepada pembangunan manusia yang seimbang. Ini telah menyebabkan institusi pendidikan masyarakat Melayu juga turut berubah mengikut arus zaman.

Pada masa yang sama, telah muncul golongan cendekiawan Melayu yang mendokong *cita-cita Islah* atau permurnian dalam masyarakat Islam. Idea Islah atau permurnian masyarakat Islam ini dipelopori oleh *Syeikh Muhammad Abduh* dan *Jamaluddin al-Afghani* dari Timur Tengah (Mohd. Sarim, 1982). Antara tokoh Islah di Tanah Melayu termasuklah *Syeikh Tahir Jalaluddin Al-Azhari*, *Syed Syeikh Al-Hadi*, *Syeikh Mohd. Salim Al-Khalali*, *Haji Abas Mohd. Taha*, *Syeikh Abdul lah Maghribi* dan lain-lain. Di samping adanya tokoh Islah, tidak kurang juga antara ulama' pondok yang turut terlibat mengasaskan penubuhan persekolahan madrasah. Ini menunjukkan bahawa ulama' pondok juga peka terhadap perkembangan dan kepentingan pendidikan di kalangan

masyarakat Melayu. Mereka cuba membangkitkan kesedaran masyarakat Melayu melalui bidang pendidikan yang merupakan asas kemajuan sesebuah masyarakat. Kebanyakan tokoh Islah ini yang juga dikenali sebagai *Kaum Muda* adalah berketurunan Arab (Mahayudin, 1980). Mereka bukan sahaja merupakan golongan ulama' yang turut sama membangunkan masyarakat Melayu, tetapi mereka juga ialah golongan peniaga yang kaya. Syed Syeikh Al-Hadi umpamanya, telah menggunakan kekayaan hartanya untuk menerbitkan majalah *Al-Imam* pada tahun 1906 dan mendirikan beberapa buah madrasah di Tanah Melayu (Abdul Aziz, 1972/73).

Majalah *Al-Imam* diterbitkan bertujuan untuk memberi kesedaran yang mendalam di kalangan masyarakat Melayu. Motto penerbitannya untuk mengingatkan mana yang lalai dan menjagakan mana yang tidur dan menunjukkan mana yang sesat dan menyampaikan suara yang menyeru dengan kebajikan kepada mereka itu (orang Melayu) (Abdul Aziz, 1972/73:29). Dalam penerbitannya sebanyak 31 keluaran, *Al-Imam* terlalu banyak menumpukan masalah pendidikan sehingga disentuh seolah-olah daripada akar ke pucuknya, tidak habis-habis dibincangkan dan digalakkan sehinggalah beberapa rancangan perubahan persekolahan yang patut disediakan oleh kerajaan untuk orang bumiputera di Alam Melayu. *Al-Imam* juga sentiasa berkempen mendirikan dan memajukan madrasah untuk orang Islam. Kesemua ini menggambarkan motto penerbitan *Al-Imam* sendiri, iaitu sebagai Majalah Pengetahuan, Pelajaran dan Perkhabaran. Selain daripada itu, terdapat banyak lagi akhbar yang diterbitkan di Tanah Melayu oleh golongan Kaum Muda di atas tujuan yang sama, seperti akhbar *Saudara*, *Cahaya*, *Pengasuh*, *Al-Ikhwān* dan lain-lain.

Syed Syeikh Abdullah Maghribi, tokoh Kaum Muda adalah berasal dari Tripoli, Libya telah berhijrah ke Tanah Melayu untuk menyebarkan ajaran agama Islam melalui pendidikan (Mohd. Sarim, 1975-1977). Beliau banyak terlibat dalam mengasaskan dan memajukan beberapa buah madrasah di Pulau Pinang dan Perak. Begitu juga dengan ketokohan Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin dan Haji Abbas Mohd. Taha, (Mohd Sarim, 1977&1978) yang telah mengorbankan seluruh keupayaannya untuk memajukan umat Islam di Tanah Melayu. Ini menunjukkan bahawa peranan dan sumbangan Kaum Muda dalam program Islah masyarakat Melayu adalah sesuatu yang amat besar natijahnya kepada bangsa Melayu itu sendiri.

Sistem pendidikan madrasah di kalangan masyarakat Melayu amat meluas penubuhannya di Tanah Melayu pada awal abad kedua puluh. Kalau pengajian pondok berpusat di bahagian utara dan timur Semenanjung, sebaliknya persekolahan madrasah pula lebih banyak ditubuhkan di bahagian Pantai

Barat Semenanjung terutamanya di Singapura, Pulau Pinang, Melaka dan Perak. Sebenarnya penubuhan madrasah ini berkait rapat dengan penubuhan sekolah mubaligh Kristian. Dengan perkataan lain, penubuhan madrasah ini secara tidak langsung untuk mengimbangi perkembangan sekolah Inggeris di Tanah Melayu pada waktu itu. Bagi sesetengah masyarakat Melayu, madrasah adalah alternatif bagi anak mereka untuk mendapatkan pendidikan yang lebih tinggi, di samping dapat mempertahankan akidah Islamiyyah mereka.

Rumusannya, sementara pendidikan pondok masih dalam kemasyhuran-nya di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, di Negeri-negeri Selat ia sudah menjadi sesuatu yang *anakronistik* (ketinggalan zaman) dan telah digantikan pula oleh sistem pendidikan madrasah. Di Negeri-negeri Melayu Bersekutu pula, persekolahan pondok sudah mula beransur hilang (Abdul Aziz, t.t.: 4). Sebenarnya perkembangan tahap pendidikan yang berdasarkan pembahagian secara wewenang atau *arbitrary* ini, sedikit sebanyak menolong menjelaskan mengapa terdapat perbezaan ethos atau *indiosyncrasy* kelompok masyarakat Melayu Semenanjung pada awal abad kedua puluh ini.

Madrasah Al-Iqbal Al-Islamiyyah di Singapura yang ditubuhkan pada tahun 1907, merupakan madrasah yang paling awal ditubuhkan di Tanah Melayu. Berbeza dengan pengajian pondok, sistem pendidikan madrasah telah menyeimbangkan kurikulum pengajarannya yang merangkumi aspek dunia dan akhirat. Walau bagaimanapun, ia memang berbeza dengan sekolah sekular kerana pendidikan agama masih diberi penekanan. Biasanya bahasa pengantar yang digunakan dalam sistem pendidikan madrasah ialah bahasa Melayu, Arab dan Inggeris. Di sinilah terletaknya keistimewaan dan kelebihan sistem pendidikan madrasah. Lulusan pengajian madrasah sekurang-kurangnya berkemampuan untuk memahami bahasa Inggeris. Mereka juga lebih terbuka kepada pemikiran politik antarabangsa khususnya di Asia Barat dan boleh berbahasa Arab dan dapat mengupas perundangan Islam melalui semangat ijtihad yang telah hampir setengah abad dicanangkan.

Walaupun bagaimanapun, pada peringkat awal penubuhan pendidikan madrasah, ia kurang mendapat sambutan yang menggalakkan kerana idea pembaharuan ini dianggap bertentangan dengan fahaman Kaum Tua yang masih lagi berpegang kuat kepada amalan tradisional dan bersikap konservatif. Pada tahun 1917, Syed Syeikh Al-Hadi telah mengasaskan penubuhan *Madrasah Al-Hadi* di Banda Kaba, Melaka. Bagaimanapun, madrasah ini tidak kekal lama. Selepas kegagalan tersebut, Syed Syeikh Al-Hadi berhijrah ke Pulau Pinang dan mendirikan *Madrasah Al-Masyhur Al-Islamiyyah*. Sebuah

lagi madrasah yang terkenal hingga kini di Pulau Pinang ialah *Madrasah Al-Masriyyah* yang diasaskan oleh Mohd. Salleh Masri.

Sementara itu, pendidikan madrasah juga telah ditubuhkan di Johor dan Pahang. Pengasas madrasah di dua buah negeri itu ialah Syed Habib Hassan Al-Attas. Madrasah yang paling masyhur ialah *Madrasah Al-Attas Al-Arabiah* di Johor Bahru, yang siap didirikan pada tahun 1914. Manakala di Pahang, beliau telah mengasaskan penubuhan Madrasah Al-Attas, Ketapang, Pekan pada tahun 1923. Sebuah lagi ialah Madrasah Al-Attas, Kuala Tekal, Temerloh. Habib Hassan ialah anak Syed Ahmad bin Syed Hassan Al-Attas, iaitu seorang saudagar dan merupakan keturunan Syed dan ulama' yang terkemuka di Pahang pada awal abad kedua puluh ini (Mahayudin, 1984). Kesemua ini menunjukkan bahawa sumbangan golongan ulama' yang berketurunan Arab adalah sangat besar kepada penduduk Tanah Melayu. Mereka telah dicatat sejak dari awal lagi sebagai pendakwah agama dan pendidikan Islam di negara ini.

Sistem pendidikan madrasah juga tidak kurang penting di Perak. Malahan kalau ditinjau daripada perspektif evolusi pendidikan, negeri tersebut merupakan sebaik-baik contoh untuk dijadikan model kepada perkembangan pendidikan masa kini. Lebih menarik lagi, sistem pendidikan yang wujud di Perak telah mencetuskan kegiatan nasionalisme dan berpolitik di kalangan orang Melayu pada separuh pertama abad kedua puluh seperti *Maktab Melayu Kuala Kangsar*, *Maktab Perguruan Sultan Idris*, Tanjung Malim dan beberapa madrasah yang terkenal. Antara madrasah yang pernah ditubuhkan di Perak ialah *Madrasah al-Dinniah*, Kuala Kangsar, Madrasah Kg. Lalang, Padang Rengas dan yang terpenting ialah *Ma'ahad Il-Ihya As-Syariff*, Gunung Semanggol. Madrasah ini turut memainkan peranan penting dalam episod politik Tanah Melayu khususnya selepas Perang Dunia Kedua (Nabir, 1976).

Fenomena yang agak menarik adalah penglibatan dan sokongan serta sumbangan yang diberikan oleh golongan atasan, khususnya pemerintah istana untuk mendirikan madrasah di Tanah Melayu. Di Perak umpamanya, Sultan Idris telah mengundang Syeikh Abdullah Maghribi untuk membangunkan *Madrasah Idrisiah* di Kuala Kangsar. Tengku Mahmud Ibn Sultan Ahmad Tajuddin, Pemangku Raja Kedah, telah mewakafkan tanahnya untuk kegunaan *Madrasah Hamidiah* (sekarang dikenali Maktab Mahmud) dan Raja Perlis telah terbabit secara langsung dalam pembinaan *Madrasah Alwiyah Al-Dinniah* (Mohamad Abu Bakar, 1980). Begitu juga dengan penglibatan Sultan Pahang dan Sultan Johor dalam pembinaan madrasah di Pekan, Pahang dan di Wadi Hana, Johor Bahru (Mahayudin, 1984). Kesemua ini merupakan suatu lanjutan yang menunjukkan peranan istana sejak zaman

Kesultanan Melaka untuk menyebarkan ajaran agama Islam di kalangan masyarakat Melayu di negara ini.

Kesimpulannya, orang Melayu juga mempunyai sistem pendidikan yang tersendiri. Sistem pendidikan ini pula mempunyai kaitan yang rapat dengan pemupukan akidah di kalangan masyarakat Melayu yang majoritinya beragama Islam. Namun begitu, oleh kerana tuntutan untuk menghadapi perubahan, sistem pendidikan orang Melayu juga diserasikan dengan zaman kemajuan dan pembangunan, tanpa meninggalkan aspek kepercayaan dan kerohanian. Sistem pendidikan tradisional berasaskan pengajian pondok dan madrasah yang dipunyai masyarakat Melayu ini terus diwarisi, menjadi teras pendidikan dan diwarnai dengan beberapa perubahan. Yang lebih penting, sistem pendidikan tersebut telah mencernakan dan mencetuskan perkembangan pemikiran masyarakat Melayu dalam bidang pendidikan. Kalau dahulu, pendidikan hanyalah dilihat untuk memenuhi keperluan kerohanian, tetapi kini telah menjadi agen untuk menggerakkan kemajuan bangsa Melayu secara menyeluruh.



[The text in this section is extremely faint and illegible. It appears to be a series of lines of text, possibly a list or a set of instructions.]

- 1. [Illegible text]
- 2. [Illegible text]
- 3. [Illegible text]
- 4. [Illegible text]
- 5. [Illegible text]
- 6. [Illegible text]
- 7. [Illegible text]
- 8. [Illegible text]
- 9. [Illegible text]
- 10. [Illegible text]
- 11. [Illegible text]
- 12. [Illegible text]
- 13. [Illegible text]
- 14. [Illegible text]
- 15. [Illegible text]
- 16. [Illegible text]
- 17. [Illegible text]
- 18. [Illegible text]
- 19. [Illegible text]
- 20. [Illegible text]
- 21. [Illegible text]
- 22. [Illegible text]
- 23. [Illegible text]
- 24. [Illegible text]
- 25. [Illegible text]
- 26. [Illegible text]
- 27. [Illegible text]
- 28. [Illegible text]
- 29. [Illegible text]
- 30. [Illegible text]
- 31. [Illegible text]
- 32. [Illegible text]
- 33. [Illegible text]
- 34. [Illegible text]
- 35. [Illegible text]
- 36. [Illegible text]
- 37. [Illegible text]
- 38. [Illegible text]
- 39. [Illegible text]
- 40. [Illegible text]
- 41. [Illegible text]
- 42. [Illegible text]
- 43. [Illegible text]
- 44. [Illegible text]
- 45. [Illegible text]
- 46. [Illegible text]
- 47. [Illegible text]
- 48. [Illegible text]
- 49. [Illegible text]
- 50. [Illegible text]

VI

PENERBITAN AWAL SURAT KHBAR DI TANAH MELAYU

Melalui bab ini, adalah diharapkan para pembaca dapat:

- mengetahui tentang kegiatan penerbitan surat khabar di Tanah Melayu yang berkait dengan perkembangan intelektual.
- memahami secara kritis bahawa penerbitan surat khabar merupakan saluran perjuangan orang Melayu.
- melihat penglibatan orang India Muslim dalam mengaktifkan penerbitan surat khabar.

Penerbitan surat khabar Melayu telah bermula sejak akhir abad ke-19. Golongan *India Muslim* merupakan perintis dan memainkan peranan penting dalam kegiatan penerbitan persuratkhabaran Melayu di Tanah Melayu. Pada masa yang sama juga, mereka turut aktif dalam kegiatan perdagangan di Selat Melaka, malahan di rantau Asia Tenggara (Andaya, 1978). Sebelum surat khabar *Jawi Peranakan* diterbitkan, telah disebut bahawa terdapat sebuah surat khabar berbahasa Tamil telah diterbitkan pada 4 Julai 1887.

"Kemudian daripada Jubli itu telah keluarlah suatu akhbar Keling bernama Shengkei Nesan daripada Kampong Penghulu Kesang oleh nombornya bertarikh empat hari bulan Julai 1887" (Mohd. Taib, 1964: 46).

Surat khabar ini mengandungi dan memuatkan banyak berita sama ada dari dalam ataupun luar negeri. Akhbar ini juga mempunyai gaya bahasa yang begitu baik dan indah, ketika memuatkan berita yang memberi faedah yang besar kepada penduduk Singapura, khususnya orang berketurunan India.

"Adapun akhbar Keling ini nampaknya terlalu molek dengan gaya penuh dengan khabar yang indah-indah akan menjadi besar faedah kepada sekalian orang-orang Islam Keling dan lagi dan membawa ramai di dalam Singapura kerana ada akhbar Inggeris, Melayu, China dan Keling" (Jawi Peranakan, 11 Julai 1887).

Namun demikian, surat khabar *Shengkei Nesan* terpaksa menghadapi saingan yang kuat daripada penerbitan akhbar lain. Persaingan inilah yang memungkinkan akhbar tersebut tidak dapat bertahan lebih lama. Rencana pengarang *Jawi Peranakan* pernah menyeru supaya memberi sokongan yang kuat kepada akhbar *Shengkei Nesan*. Menurutnyanya:

"Harap kita tuan pengarangnya itu menjalankan menurut undang-undang akhbar dan selamatkan akhbar selama-lamanya jangan menjadi seperti dahulu-dahulu sudah tiga empat akhbar Keling yang demikian ini telah menjadi lemah sebab tiada cukup belanjanya" (Jawi Peranakan, 11 Julai 1887).

Ia juga mengharapakan agar "... akhbar *Shengkei Nesan* ini harap berdiri tetap selama-lamanya" (Jawi Peranakan, 11 Julai 1887).

Pada abad ke-19, selari dengan perkembangan perdagangan di Semenanjung Tanah Melayu, perkembangan persuratkhabaran juga tertumpu di Negeri-negeri Selat, terutamanya di Singapura dan Pulau Pinang. Peralatan teknologi percetakan telah berkembang maju di Negeri-negeri Selat pada abad ke-15 (Byrd, 1991). Kegiatan penerbitan bermula di Pulau Pinang (*prince of Wales Island*) pada tahun 1806; di Melaka pada tahun 1815 dan di Singapura pada tahun 1822. Percetakan di Pulau Pinang lebih cenderung untuk kegiatan perniagaan, manakala di Singapura dan Melaka, kegiatan percetakan dikendalikan oleh *London Missionary Society* (LMS). LMS merupakan sebuah badan yang aktif dalam penyebaran agama Kristian di rantau ini. Tambahan pula, Singapura pula telah menjadi pusat perkembangan Islam di rantau Asia Tenggara ketika itu. Sifat kosmopolitannya itu telah menonjolkan golongan Jawi Peranakan atau keturunan India Muslim begitu berwibawa dan berpengaruh. Keistimewaan Singapura pernah dijelaskan, iaitu:

"Pada akhir abad ke sembilan belas Singapura amat terkenal sebagai pusat kehidupan dan pengajian Islam lantaran di kota itulah para jemaah haji dari kepulauan Melayu-Indonesia singgah dan justeru kerana di Singapura kedapatan banyaknya tersebar buku-buku dan risalah mengenai agama. Juga hadirnya suku kaum Arab dan India Muslim yang agak ramai bilangannya menyebabkan Singapura dalam

abad ke sembilan belas itu menjadi kota yang mempunyai potensi untuk membiaknya perusahaan percetakan dan penerbitan" (Ahmat, 1988: 28-29).

William R. Roff (1964) pula menjelaskan bahawa:

"Singapore's reputation as a centre of Islamic life and learning in the late nineteenth century was widespread, though it rested less on possession of a school religious thought (or even on particular teachers) than its position in relation to the pilgrimage and Arab migration, and not least on its role as a publication and distribution centre for religious writing" (Roff, 1964: 82-83).

Berlatar belakangkan situasi inilah, maka pada tahun 1876, kelahiran surat khabar mingguan *Jawi Peranakan* yang diterbitkan oleh percetakan kaum Jawi Peranakan di Singapura. Jawi Peranakan merupakan surat khabar Melayu yang pertama dan menggunakan tulisan jawi diterbitkan di alam Semenanjung Tanah Melayu (Muhammad, 1940).

Pada abad ke-19, Singapura memainkan peranan yang amat penting sebagai pusat kegiatan kesusasteraan dan penerbitan yang didominasi oleh golongan Melayu-Muslim dan Peranakan India. Kehadiran Munshi Abdullah yang berhijrah dari Melaka ke Singapura umpamanya, telah menggerakkan dan menggiatkan lagi lapangan penulisan dan pengkaryaan (Hill, 1985). Malahan beliau telah dianggap sebagai pengasas penulisan sastera Melayu moden. Perkembangan ini diperkukuhkan ... *with the added stimulus of more frequent and intensive communication with the Middle East, and the growing use first of the lithograph and then of the printing press.* Menurut E.W. Birch:

"Towards the end of the year 1876 an association, entitled the 'Jawi Peranakan' (Straits born), established a Malay printing office and began the publication of a weekly newspaper under that name" (E.W. Birch, 1879: 51).

Bagaimanapun, tarikh bermulanya surat khabar itu diterbitkan masih belum dapat ditentukan dengan tepat. Tetapi menurut keterangan yang termuat dalam rencana pengarangnya pada 23 Oktober 1893 ada menyebutkan bahawa umur surat khabar itu telah melebihi 17 tahun. Maka melalui agakan, akhbar tersebut mula diterbitkan ialah pada tahun 1876 (Mohammad, 1940: 90-91). Menurut rencana pengarangnya:

"Alhamdulillah ada pun Jawi Peranakan ini telah lebih 17 tahun beredar laksana lang-lang buana sehingga kalau dilihat di dalam

penonton Chicago pun telah ada akhbar ini dipertunjukkan mereka kepada khalayak yang menonton ajaib khanah itu" (Mohd. Taib, 1964: 46).

Penerbitan surat khabar ini dipelopori oleh golongan Jawi Peranakan atau India Muslim di Singapura. Kewibawaan mereka ini telah disebutkan oleh William R. Roff, iaitu:

"Malay journalism, like book publication in Malay, owes its origin very largely to local-born Indian Muslims in Singapore, or, to be more exact, to the community known as Jawi Peranakan" (Roff, 1964: 86).

Namun begitu, penglibatan mereka dalam bidang dan kegiatan intelektual Melayu, terutama pada lewat abad yang ke-19, amat kurang diberi perhatian ramai atau diabaikan sumbangannya yang amat bernilai itu.

Penerbit dan pengarangnya yang pertama sekali ialah Munshi Muhammad Said, kemudian digantikan oleh Munshi Mohammad Ali dan seterusnya diikuti oleh Munshi al-Thani (Jawi Peranakan, 23 Oktober, 1893). Akhbar Jawi Peranakan ini mempunyai wakil di beberapa tempat termasuk di London, Pulau Pinang, Melaka, Klang, Kuala Kangsar, Johor, Deli, Padang, Betawi dan Sarawak (Birch, 1879). Oleh yang demikian, surat khabar ini bukan sahaja diedarkan di Singapura dan Negeri-negeri Selat yang lain, malah tersebar ke lain-lain tempat di kawasan sekitarnya termasuk Riau, Sumatera Barat, Betawi dan Semarang (Ahmat, 1988).

Apa yang menarik dalam membincangkan perkembangan persuratkhabaran Melayu pada peringkat awal ini, jelas menunjukkan golongan India Muslim memainkan peranan yang begitu penting. Walaupun bilangan mereka tidak begitu besar, namun penglibatan mereka inilah yang memungkinkan menonjolkan kewibawaan mereka yang begitu bernilai. Terdapat pula suatu signifikan, iaitu golongan India Muslim memang berminat menjadi penulis dan penterjemah. Kemungkinan mereka mewarisi tradisi ini memang besar. Ini disebabkan sebelum penjajahan British, zaman pemerintahan Kesultanan Melayu pada abad ke-18, terdapat ramai di kalangan para pedagang India Muslim ini bertindak sebagai juru bahasa atau penterjemah (Marsden, 1984). Oleh yang demikian, peranan dan penglibatan mereka dalam bidang penulisan kelihatan meneruskan kesinambungannya pada abad ke-19.

Pengarang dan penerbit surat khabar *Jawi Peranakan* yang pertama sekali ialah Munshi Mohd. Said bin Dada Mohyiddin. Beliau berkhidmat lebih kurang 12 tahun, iaitu di antara tahun 1876–1888. Walaupun tidak diketahui dengan tepat berkaitan dengan tempat dan tarikh lahir beliau, tetapi adalah dipercayai bahawa Munshi Mohd. Said dilahirkan di Pulau Pinang. Beliau

juga mendapat pendidikan awal di Pulau Pinang. Hal ini pernah diterangkan oleh rencana pengarang *Jawi Peranakan*, iaitu:

"Khabarnya Munshi Mohd. Said itu peranakan Pulau Pinang di dalam bandar ia belajar di Pulau Pinang" (Jawi Peranakan, 16 Mei 1887).

Kemudiannya Munshi Mohd. Said telah pergi ke Kedah untuk mencari "sedikit-sedikit ilmu Melayu", di bawah seorang Hakim Kedah yang bernama Hakim Abdullah. Beliau adalah merupakan seorang jurutulis Yang Di pertuan Kedah yang masyhur kerana kebijaksanaannya (Nik Ahmad, 1963). Munshi Mohd. Said mempunyai pengalaman, pelayaran yang begitu banyak dan pernah melawat Aceh, Perak, Selangor, Deli, Serdang, Batu Baru, Asahan, Pahang, Terengganu dan lain-lain tempat di rantau Asia Tenggara. Hasil daripada lawatannya itu, telah menjadikan Munshi Mohd. Said boleh menguasai dan mahir dalam pelbagai bahasa termasuklah bahasa Arab dan Hindustan. Kewibawaannya itu menyebabkan beliau disanjung tinggi oleh masyarakat.

"Maka sebanyak yang kita ketahui terpakai jua iaitu kepada tuan-tuan Arab Melayu Keling apa lagi kepada orang-orang putih bebas ia di dalam tiga buah negeri ini demikian jua dengan raja-raja Melayu dihormat orang akan dia" (Jawi Peranakan, 16 Mei 1887).

Munshi Mohd. Said adalah seorang daripada tokoh yang amat terkenal dan dihormati di Singapura khususnya dan di Semenanjung Tanah Melayu umumnya. Kesemuanya ini adalah disebabkan oleh kewibawaannya yang tinggi. Selain menjadi pengarang akhbar, beliau juga memegang beberapa pekerjaan sambilan yang lain seperti mengajar *bahasa Melayu* di Raffles Institution dan bertindak sebagai juru bahasa kepada pegawai British semasa mereka membuat lawatan ke beberapa buah negara. Beliau juga pernah pergi ke Muar bersama-sama dengan Lt. Gabenor Anson, yang memangku jawatan Gabenor di Singapura. Pada hari Jumaat bersamaan 13 Mei 1887 pula, beliau telah mengiringi Gabenor Singapura atau Negeri-negeri Selat, Sir Frederick Wells dan Ketua Komandan, pergi ke Brunei untuk menyelesaikan sesuatu perkara yang kusut di situ (Jawi Peranakan, 16 Mei, 1887).

Munshi Mohd. Said juga melibatkan diri dalam bidang keagamaan, terutamanya yang berkaitan dengan pengurusan masjid. Beliau telah menjadi Pengerusi Majlis Amanah bagi Masjid Keling, Telok Ayer, Singapura dan Ahli Jawatankuasa Masjid Kampung Jawa dan Makam Al-Marhum Habib Noh (Jawi Peranakan, 16 Mei 1887). Oleh yang demikian, berdasarkan kepada

sumbangan dan peranannya yang begitu penting, terutamanya di lapangan penerbitan persuratkhabaran, pendidikan serta kebajikan telah menonjolkan imej kewibawaannya yang tersendiri. Oleh itu, menurut rencana pengarangnya:

“... kita nampak sebab ia suatu orang baik laku lagi laris dengan selamat orang tua itu” (Mohd. Taib Osman, 1964: 78).

Selepas kematiannya pada tahun 1888, jawatan yang disandang sebagai penerbit dan pengarang akhbar *Jawi Peranakan* telah diambil alih oleh balunya yang bernama Che Sawiah. Ini disebabkan anaknya bernama Mohd. Salleh, adalah terlalu muda untuk menyandang pengurusan dan percetakan akhbar tersebut. Di antara 1 Oktober 1888 hingga 1 Januari 1895, beliau telah menggajikan empat orang untuk meneruskan penerbitannya dengan beliau sendiri bertindak sebagai Pengurus Pentadbiran (Nik Ahmad, 1963).

Tahun-tahun selepas kematian pengasasnya, akhbar *Jawi Peranakan* telah mengalami zaman kemerosotan. Akhbar ini telah mulai kurang mendapat sambutan daripada orang ramai. Oleh yang demikian, satu iklan telah disiarkan dalam akhbar tersebut pada 29 Oktober 1888, yang menyeru kepada para pembaca untuk memberi sumbangan dan kerjasama kepada akhbar *Jawi Peranakan*. Surat khabar *Jawi Peranakan* telah mendapat nafas semula untuk meneruskan penerbitan dan percetakannya, berikutan dengan pelantikan Munshi Mohd. Ali al-Hindi sebagai pengarangnya. Beliau juga merupakan seorang daripada tokoh yang amat dikenali dalam dunia kesusasteraan Melayu. Sebelum ini, Munshi Mohd. Ali al-Hindi telah memimpin sidang pengarang akhbar *Sekolah Melayu* yang merupakan saingan kuat kepada akhbar *Jawi Peranakan*. Berdasarkan kepada nama dan gelarannya, jelas menunjukkan bahawa beliau bukan orang Melayu jati, tetapi berketurunan India Muslim. Ada suatu yang menarik untuk dinyatakan bahawa selepas Munshi Mohd. Ali mengambil alih teraju pimpinan pengarangnya, dasar kepengarangannya juga mengalami perubahan. Untuk pertama kalinya dalam sejarah, terdapat komen pengarang mengenai bahasa dan puisi, yang mana sebelumnya hanya memuatkan tajuk di sekitar peristiwa semasa dan cuaca seharian.

Munshi Mohd. Ali juga menyatakan kesediaannya untuk menerima pandangan dan pendapat yang berhubung dengan soal bahasa, yang beliau percaya, dengan cara inilah beliau dapat menyumbangkan ke arah memaju dan mempertingkatkan mutu bahasa Melayu. Bagaimanapun, usaha beliau tidak dapat diteruskan kerana usia akhbar *Jawi Peranakan* tidak berpanjangan. Penerbitan akhbar tersebut telah ditamatkan pada tahun 1895. Oleh yang demikian, usaha Munshi Mohd. Ali untuk mengembalikan populariti akhbar *Jawi Peranakan*, yang mulai malap selepas kematian pengasasnya Munshi

Mohd. Said, telah tidak tercapai berikutan penutupan penerbitan akhbar tersebut (A.M. Iskandar, 1980).

Sebelum menjadi pengarang akhbar *Jawi Peranakan*, Munshi Mohd. Ali bin Ghulam al-Hindi telah memulakan penerbitan akhbar mingguan Sekolah Melayu pada 1 Ogos 1888, bersama-sama dengan Faidha Ali. Selepas kematian Faidha Ali pada 24 April 1889, Mohd. Ali menguruskan penerbitannya bersendirian (Nik Ahmad, 1963). Akhbar ini dinamakan *Sekola Melayu*, yang bertujuan untuk membekalkan bahan bacaan tambahan untuk pelajar di sekolah Melayu di Singapura (Roff, 1972). Terdapat suatu signifikan, iaitu adanya hubungan yang rapat antara perkembangan penerbitan persuratkhabaran Melayu pada abad ke-19 ini dengan perkembangan pendidikan khususnya untuk orang Melayu. Oleh yang demikian, penglibatan dan sumbangan golongan India Muslim juga meliputi soal kemajuan pendidikan Melayu, selain daripada bidang perdagangan yang memang mereka ceburi secara giat dan aktif. Secara umum memang terdapat perbezaan yang begitu ketara daripada segi persembahan isi kandungan antara *Sekola Melayu* dengan *Jawi Peranakan*. William R. Roff (1972) menerangkan:

"In general, Sekola Melayu provided less in the way of news or comment than its contemporary, Jawi Peranakan, though it should said that it was not in any detectable sense a children's newspaper."

Tidak seperti akhbar *Jawi Peranakan*, akhbar *Sekola Melayu* yang bertujuan untuk digunakan di sekolah-sekolah Melayu, bahagian rencana pengarangnya banyak memuatkan perbincangan yang berhubung dengan bahasa dan nahu. Kesemuanya ini memberi suatu signifikan dalam sejarah perkembangan persuratkhabaran Melayu. Buat kali pertamanya persoalan bahasa telah diutarakan dan dibincangkan secara terbuka dalam ruangan rencana pengarangnya (Nik Ahmad, 1963). Bagaimanapun, penerbitan akhbar ini telah diberhentikan pada tahun 1893, berikutan dengan penyertaan pengarangnya Munshi Mohd. Ali ke dalam akhbar *Jawi Peranakan* (Mohd. Taib, 1964).

Kewujudan dan kemunculan akhbar *Sekolah Melayu* pimpinan Munshi Mohd. Ali itu adalah untuk mengambil alih edaran pembaca dari akhbar *Jawi Peranakan* yang mengalami kemerosotan selepas kematian pengarangnya, Munshi Mohd. Said. Bagaimanapun, apabila melihatkan usia akhbar *Shamsul Kamar* dan *Nujum ul-Fajar* yang tidak panjang sebelum itu, cukup membimbangkan penerbitnya.

"... tetapi apabila teringat hamba akan kedua-dua akhbar yang telah mati itu gementarlah rasanya jari hamba waktu hendak menyuratkan

iklan Sekola Melayu ini kerana dipalu oleh sering berdebar-debar itu sebab takut hamba kalau-kalau siapa tahu menjadi kelak seperti kedua-duanya akhbar itu tiada karar” (Sekola Melayu, 1 Ogos 1888).

Namun begitu, adalah diharapkan kemunculan penerbitan akhbar *Sekola Melayu* ini dapat menggantikan penerbitan akhbar *Jawi Peranakan* yang mulai malap dan merosot.

“... tetapi apabila hamba melihatkan hal Jawi Peranakan pada masa Mohd. Said itu sakit tiada berketentuan keadaannya maka itulah mulanya hamba berniat hendak mengeluarkan suatu surat khabar yang lain oleh takut hamba itu arakian apabila telah mati Munshi itu sayangi hamba lihat makinlah berkacau pula Jawi Peranakan itu sebagai lagi ada pula hamba lihat satu kenyataan dalam akhbar itu hendak dijual mereka tempat cap itu dan pengarangnya pun seorang Nasrani maka dukacita rasanya hamba oleh melihatkan sekalian perkara ini” (Sekola Melayu, 1 Ogos 1888).

Penerbitan surat khabar ini juga didorong oleh:

“... hamba lihat ada dalam jadual pemeriksaan sekolah-sekolah itu ada suatu darjah imtihan membaca surat khabar maka sesungguhnya telah yakinlah hamba ada jua tilik rahmat company di atas surat khabar Melayu ini istimewa pula di atas kanak-kanak Melayu” (Sekola Melayu, 1 Ogos 1888).

Akhbar *Sekola Melayu* ini memang menjadikan sekolah Melayu sebagai tumpuan utama pasarannya. Ia selari dengan perkembangan sekolah Melayu yang didirikan oleh kerajaan British. Sokongan yang diberi oleh Gabenor sendiri telah mendorong semangat penerbitnya, sepertimana dalam rencana pengarangnya, iaitu:

“... seperti yang telah diperjanjikan oleh Yang Maha Mulia Tuan Governor kita yang terutama itu hendak menolong kita dengan mengambil beberapa banyak akhbar ini bagi sekalian sekolah-sekolah Melayu sebagai lagi menerima kasihlah kita teramat sangat akan pemerintah itu kerana belas kasihannya hampir-hampir sekalian kita telah mengetahui menyurat dan membaca maka berpuluhlah sekolah telah dibangunkan bagi kita sekalian anak Melayu maka oleh yang demikian kita pun samalah pula menumpang jasa kalau boleh memberi faedah akhbar ini di dalam sekolah-sekolah Melayu maka sebab itulah kita memperusahakan diri menjadi pembantu sekolah Melayu ini ...” (Sekola Melayu, 1 Ogos 1888).

Sepertimana yang telah dijelaskan, akhbar ini diterbitkan bertujuan untuk meninggikan taraf mutu bahasa Melayu. Oleh itu, pengarang akhbar *Sekola Melayu* sangat prihatin kepada penggunaan bahasa Inggeris yang begitu berleluasa di sekolah Melayu. Menurutnyanya:

"Bahawasanya pelik dan bingung kita memikir akan hal kita di Selat ini gemar sangat menggunakan bahasa Inggeris sehingga hampir-hampir menjadi basahan pada kita maka yang terutama di sekolah-sekolah pula yang terlebih" (Sekola Melayu, 1 Ogos 1888).

Bagaimanapun, pengarang akhbar itu menyokong tindakan Tuan Jackson, yang memegang jawatan Nazir bagi sekolah-sekolah, untuk mengatasi masalah penggunaan bahasa Inggeris sekolah Melayu. Hal ini disebabkan:

"... selalu diperbaiki oleh tuan bijaksana itu iaitu jika sekolah Melayu dikehendaknya semata-mata bahasa Melayu tiada ia mahu dicampuri baik daripada perbahasan atau kelakuan maka sekarang pun haraplah kita tuan itu berbuat akan jasa ke atas bahasa kita iaitu dipinta kerasi jangan sekali-kali mereka memakai bahasa Inggeris" (Sekola Melayu, 16 Januari 1889).

Oleh yang demikian, surat khabar *Sekola Melayu* amat menggalakkan pelajar di sekolah Melayu untuk menggunakan *bahasa Melayu* sepenuhnya kerana ... *pada fikiran kita daripada mengambil bahasa Inggeris maka baik dipergantikan dengan bahasa ibu kita* (Sekola Melayu, 16 Januari 1889).

Selain daripada akhbar *Jawi Peranakan* dan *Sekola Melayu*, akhbar orang India Muslim juga menerbitkan akhbar *Tanjung Penegeri*. Penerbitan pertama telah dikeluarkan pada 4 Oktober 1894, di bawah pimpinan pengarangnya bernama S.P.S.K. Kadar Sahib (A.M. Iskandar, 1980). Akhbar yang diterbitkan dua kali seminggu itu merupakan akhbar berbahasa Melayu yang pertama muncul di Pulau Pinang. Pimpinan pengarangnya S.P.S.K. Kadar Sahib juga merupakan seorang yang berketurunan Jawi Peranakan. Akhbar ini juga mempunyai sambutan yang meluas dan pegerdarannya sampai ke Brunei dan Sri Lanka (Ahmat, 1988). Menurut Muhammad bin Dato' Muda, nama Tanjung Penegeri adalah berasal dari nama Tanjung Penaga, iaitu asal nama tempat yang menjadi bandar Pulau Pinang yang sekarang bernama George Town (Muhammad, 1940). Akhbar *Tanjung Penegeri* yang diterbitkan itu juga mengandungi berita sama ada di dalam mahupun di luar negeri.

"Isi kandungannya terdiri dari berita-berita tentang Kedah, berita-berita yang dikutip dari surat-surat kabar [khabar] di Sumatera, rencana-rencana mengenai peperangan Cina dan Jepun, negeri-negeri

di Timur Tengah dan Eropah serta iklan dan khabar perniagaan”
(Ahmat, 1988: 35).

Oleh yang demikian, akhbar ini turut menjadi sumber maklumat pada abad yang ke-19. Apa yang menarik, selain daripada memuatkan berita semasa dan juga rencana, aspek perniagaan tidak pernah di kesampingkan oleh pengarangnya. Ini menunjukkan adanya ikatan kukuh antara perkembangan persuratkhabaran dengan kegiatan perdagangan, yang didominasi oleh pedagang India Muslim. Akhbar sudah mula dijadikan alat untuk aktiviti pengiklanan dan pemasaran. Peranan golongan Jawi Peranakan dalam kegiatan persuratkhabaran ini pernah diakui oleh ramai sarjana. Ahmat Adam menyimpulkan bahawa:

“Kalau di Indonesia surat khabar yang dikendalikan oleh orang-orang peranakan Indo dan Cina itu yang membuka fikiran dan penglibatan penduduk peribumi maka di Negeri-negeri Selat, golongan kaum Jawi Peranakanlah yang banyak memainkan peranan dalam perkembangan pers (persuratkhabaran) pada abad yang lalu (abad ke-19)” (Ahmat, 1988: 39).

Di Semenanjung Tanah Melayu, istimewa Negeri-negeri Selat, peranan dan sumbangan akhbar dalam membentuk cara berfikir masyarakat adalah agak jelas. Penulis dan pengarang Jawi Peranakan ini telah menjadikan Islam sebagai wadah untuk mereka mendefinisikan dan memperihalkan istilah Melayu itu. Agama Islamlah yang menyebabkan mereka menganggap dan memperkenalkan diri mereka sebagai orang Melayu. Oleh yang demikian, perkembangan kegiatan perdagangan dan persuratkhabaran tidak pernah mengeneipkan agama Islam. Dengan yang demikian, mereka begitu mudah menerima dan menjalani proses asimilasi ke dalam pembentukan budaya Melayu. Berikutan dengan itu pula, masyarakat Melayu tempatan boleh menerima kehadiran mereka ke dalam masyarakat Melayu dan sama sekali tidak menganggap mereka sebagai orang asing.

Apa yang menarik berhubung dengan kemajuan dan penerbitan persuratkhabaran, akhbar *Jawi Peranakan* dapat bertahan lebih lama usianya berbanding dengan akhbar lain yang muncul pada abad yang ke-19 itu. Malah akhbar *Jawi Peranakan* yang merupakan surat khabar Melayu yang pertama diterbitkan adalah juga merupakan akhbar yang paling lama usianya sehingga tahun 1941. Ia berada dalam edaran penerbitan sehingga bulan April 1895, iaitu lebih kurang 19 tahun (Roff, 1972). Lebih menarik lagi, kemunculan akhbar-akhbar lain seperti *Nujum ul-Fajar*, *Shamsul Kamar* dan *Sekola Melayu* yang merupakan saingan kuat kepada akhbar *Jawi Peranakan*, tidak pernah

menggugat edaran penerbitannya. Akhbar itu bukan sahaja mendapat saingan daripada segi pasaran pembacanya, tetapi juga sentiasa mendapat kritikan yang tajam daripada akhbar lain yang tumbuh ketika itu. Rencana pengarang *Jawi Peranakan* pernah menyatakan bahawa:

"Maka di dalam zamannya itu telah menjadi turunlah bagi Nujum ul-Fajar, Syamsul Kamar dan Sekola Melayu. Maka apabila zahiriah ketiga akhbar itu amboi bukannya borang-borang digodai mereka akan Jawi Peranakan ini kerana maklumlah tabiat orang muda berdiri di atas hemah mudanya itu maka puaslah sumpah seranah mereka itu dipertanggunggi oleh Jawi Peranakan ini dengan tertib dilayani juga akan mereka itu kadar kuasanya" (*Jawi Peranakan*, 23 Oktober 1893).

Bagaimanapun, kritikan tersebut tidak mematahkan usaha akhbar *Jawi Peranakan* untuk meneruskan peranannya sebagai agen penyebar maklumat kepada masyarakat khususnya di Singapura. Malah, akhbar tersebut yang menjadi saingan utama kepada akhbar *Jawi Peranakan* tidak panjang usianya dan hanya tinggal nama sahaja.

"Akhirnya oleh kebenaran Jawi Peranakan ini dan sebab takbur mereka itu sekeliannya telah tercebur sekadar tinggal nama sahaja lagi pada masa ini" (*Jawi Peranakan*, 23 Oktober 1893).

Dengan nada sinis, akhbar *Jawi Peranakan* menyindir akhbar yang pernah mengkritiknya.

"... tiadalah kita malukan perinya sesuatu layang-layang itu jikalau terlampau keras tiupan angin tak dapat tiada putuslah kelak terajunya akhirnya terjunamlah ia tiada memilih lembah atau paya seperti Nujum ul-Fajar, Syamsul Kamar dan Sekola Melayu itu adanya" (*Jawi Peranakan*, 23 Oktober 1893).

Akhbar *Jawi Peranakan* itu telah dapat bertahan dengan lebih lama kerana ia sentiasa berlandaskan kepada dua perumpamaan Melayu iaitu *berapa tinggi terbang bangau itu akhirnya ke paya juga* dan *ayam beroga itu jika diberi makan di dalam mangkok emas sekalipun halanya ke hutan juga*. Dengan yang demikian, *diamlah kita diperlandasi orang syukur dengan ikhsan sekalian langganan kita telah kararlah kita sampai ke hari ini* (*Jawi Peranakan*, 23.10.1893). Akhirnya akhbar *Jawi Peranakan* juga bukan sekadar penyebar maklumat dan berita sama ada di dalam ataupun di luar negeri, tetapi juga bertindak sebagai guru khususnya dalam aspek kebahasaan.

"Syahadan dapatlah kita mengatakan bahawa kebanyakan bahasa yang telah lenyap dahulu itu telah timbul oleh jasa kita pada kita pada hal waktu kita memakai bahasa itu berpuluh-puluh bahkan beratus-ratus orang mengatai kita" (Jawi Peranakan, 23 Oktober 1893).

Seterusnya, ia menerangkan kepada pembacanya agar jangan membuat salah tanggapan terhadapnya yang bertindak sebagai guru.

"... sebab kita mengaku menjadi guru itu kerana telah kita ketahui adapun alam ini semakin lama semakin luas dan pada zaman purbakala kalau seseorang telah uzur matanya maka hilanglah penglihatannya. Maka sekarang telah banyak cermin mata terkedai di segenap simpang dapat mereka mengambil bantuannya. Maka oleh yang demikian tiadalah mustahil pada kita yang kecualinya kebanyakan mereka apabila baharu-baharu tumbuh misalnya sentiasa diurut-urutnya tetapi hendaklah diketahuinya oleh kebanyakan urutannya itu kalau tergugur kelak" (Jawi Peranakan, 23 Oktober 1893).

Dengan perasaan rendah diri, rencana pengarang akhbar *Jawi Peranakan* menyatakan bahawa kehadirannya dalam pengedaran bukanlah bertujuan untuk menunjukkan kepandaian atau hendak mencerca orang, tetapi hanyalah hendak *menguliti sekalian yang sudi diperulit itu* (Jawi Peranakan, 23.10.1893).

Kesimpulannya, peranan dan penglibatan golongan India Muslim dan *Jawi Peranakan* dalam lapangan persuratkhabaran memang tidak boleh diperkecilkan sumbangannya. Perkembangan dan kemajuan persuratkhabaran Melayu pada abad ke-19 itu sesungguhnya telah membuahkan ciri-ciri kemasyarakatannya. Daripada aspek yang lain, akhbar dan majalah Melayu yang diterbitkan dalam lingkungan abad yang ke-19 itu, menjadi sumber sejarah kepada masyarakatnya yang begitu penting (Khoo, 1984). Ia juga berperanan untuk menyebarkan maklumat tempatan dan serantau serta menyebarkan penggunaan bahasa Melayu (Ahmat, 1988). Apa yang lebih menarik, suatu tradisi golongan India Muslim yang berperanan sebagai penulis dan juru bahasa. Pada abad ke-19 telah menyaksikan penglibatan mereka secara langsung dan aktif serta memberi sumbangan yang begitu berharga dalam bidang kesusasteraan Melayu. Kewujudan dan penerbitan akhbar-akhbar ini telah menjadi perangsang kepada perkembangan kegiatan penerbitan surat khabar pada abad ke-20, khususnya yang dipelopori oleh orang Melayu. Penerbitan surat khabar telah dijadikan saluran maklumat bagi perjuangan orang Melayu keseluruhannya, terutamanya dalam memperjuangkan kepentingan dan hak orang Melayu di negara ini. Akhirnya akhbar

yang diterbitkan kemudiannya turut menjadi peniup semangat kebangkitan orang Melayu dalam gerakan menentang penjajah British ke arah perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu.

VII

PENJAJAHAN BRITISH DI TANAH MELAYU

Melalui bab ini, adalah diharapkan para pembaca dapat:

- mengetahui tentang dasar penjajahan British di Tanah Melayu.
- mengkaji kesan penjajahan British di Tanah Melayu.
- melihat bagaimana tujuan utama penjajahan British untuk melaksanakan konsep *white's man burden*.

Penjajahan British di Tanah Melayu merupakan sebahagian daripada proses persaingan antara kuasa Barat untuk menguasai tanah jajahan dan mengeksploitasi kegiatan ekonomi di Asia Tenggara terutamanya pada abad ke-19. Sebab itulah strategi awal penjajahan British di Tanah Melayu adalah menumpukan kawasan perdagangan (pelabuhan) dan kemudiannya ke atas negeri yang mempunyai kekayaan hasil bumi seperti bijih timah. Penjajahan British menjalankan dasar diplomasi yang sangat berhati-hati dengan sultan dan pembesar Melayu. Namun begitu, hakikatnya mereka sering menggunakan kaedah *diplomasi kapal perang* atau cara ugutan dengan mana-mana pemerintah di Tanah Melayu (Abdullah Zakaria, 1984).

Cara dan kaedah ini digunakan bertujuan untuk mengelakkan penentangan khususnya daripada orang Melayu. Oleh sebab itulah, kedatangan British di Tanah Melayu tidak merombak dan menghapuskan keseluruhan institusi politik Melayu tradisional (Emerson, 1964; Sadka, 1970 dan Thio, 1969). Yang berubah hanyalah daripada segi kuasa sahaja, iaitu dari tangan sultan dan pembesar kepada residen dan pegawai Inggeris. Dengan kehadiran British, kedudukan raja hanyalah bersifat *official ceremony* sahaja. Walaupun mereka dikekalkan kedudukan asal sebagai sultan dan pembesar, tetapi

hakikat sebenarnya kuasa yang ada pada mereka amat terhad sekali. Jika pun ada, kuasa sultan hanyalah meliputi bidang agama Islam dan adat istiadat Melayu.

Secara keseluruhannya, perkembangan sejarah sosiopolitik bumiputera dalam jangka masa di sekitar pertengahan abad sembilan belas, adalah peringkat yang paling mundur dalam proses perpecahan dan keruntuhan tamadun mereka semenjak zaman keagungan kerajaan Melayu Melaka. Kemunculan unit-unit politik negeri yang menjadi jelas pada abad kesembilan belas, sentiasa menghadapi masalah pergolakan dan persaingan politik sama ada di dalam negeri atau antara satu negeri dengan satu negeri yang lain (Abdul Malek, 1977). Pengaruh asing, sama ada yang bersifat serantau atau barat, semakin menguasai perkembangan politik di negeri Melayu. Pengaruh orang Bugis semakin dominan di Johor dan Selangor, manakala orang Minangkabau meluaskan pengaruhnya di Negeri Sembilan. Oleh itu, pertengahan abad sembilan belas menggambarkan keadaan sosiopolitik bumiputera yang paling daif. Implikasinya kedudukan ekonomi bumiputera, yang juga merupakan sebahagian daripada keseluruhan sistem sosiopolitik turut menjadi mangsa. Oleh yang demikian, gambaran ekonomi tradisional di Tanah Melayu pada jangka masa itu akhirnya ditenggelamkan oleh kepesatan ekonomi moden yang dibawa oleh pihak Barat menjelang abad kedua puluh.

Penjajahan British di Tanah Melayu telah meninggalkan implikasi yang bukan sedikit sama ada daripada segi politik, ekonomi, sosial termasuklah pendidikan. Penulisan bab ini cuba menumpukan tiga bidang tersebut secara seimbang agar dapat memberikan gambaran secara lebih jelas mengenai pensejarahan Malaysia pada zaman kolonial. Dalam bidang politik, jelas menunjukkan bahawa pada peringkat awal lagi, penjajahan British telah menggunakan kuasanya secara ugutan dan kekerasan untuk mempengaruhi pemerintah di Tanah Melayu. Masalah dalaman yang berlaku di dalam negeri Melayu yang berpunca berlakunya perang saudara antara pembesar dengan kegiatan kongsi gelap Cina, merupakan suatu cara yang menghalalkan mereka campur tangan secara langsung dalam negeri Melayu (A. Talib, 1986). Yang lebih utama dan penting adalah kemasukan mereka ke dalam negeri Melayu bertujuan untuk menguasai pentadbirannya dan mengeksploitasi hasil kekayaan buminya secara maksimum yang mungkin. Faktor kemanusiaan yang dijelaskan oleh Frank Swettenham (1948) sekadar mengaburi pandangan penduduk Tanah Melayu ke atas muslihat sebenar British yang penuh diplomasi. Mereka mengaplikasikan konsep *matlamat menghalalkan cara* dalam kegiatan *imperialisme* dan *kolonialismenya* di Tanah Melayu.

Implikasi politik yang paling ketara ialah penghakisan kuasa sultan dan pembesar di negeri Melayu (Gullick, 1948). *Sistem Residen* yang juga dikenali sebagai *Sistem Penasihat* telah mengambil alih segala kuasa birokratik dan perundangan yang selama ini dipegang oleh sultan dan para pembesar. Para sultan bukan sahaja kehilangan kuasa, malahan telah dinafikan peranan mereka dalam pentadbiran British. Inilah yang menyebabkan berlakunya gerakan kebangkitan anti-British di Tanah Melayu. Dalam pelantikan sultan dan pembesar, ia bukan lagi ditentukan oleh Majlis Jemaah Diraja atau golongan pembesar, tetapi mesti mendapat persetujuan British. Keadaan ini pernah berlaku umpamanya semasa pelantikan Sultan Husain Shah oleh Stamford Raffles di Johor dan semasa pelantikan Sultan Abdullah oleh Andrew Clarke di Perak. Keadaan yang sama berlaku selepas penjajahan Jepun di Tanah Melayu. Sultan yang menyokong Jepun telah diturunkan takhtanya, seperti yang berlaku di Perak, Selangor dan Terengganu (Stockwells, 1979). Ini jelas menunjukkan pihak British telah turut campur tangan dalam bidang adat istiadat Melayu. Begitu juga kuasa sultan dalam bidang agama. Kuasa ini telah diambil alih oleh kerajaan British menerusi penubuhan Majlis atau Jabatan Agama Islam Negeri.

Pengukuhan kuasa British dalam bidang politik dan pentadbiran begitu ketara dengan penubuhan dua pusat pentadbirannya iaitu Negeri-negeri Selat (1826) yang diketuai oleh Gabenor dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (1896) yang diketuai oleh Residen-General. Pembentukan dua sistem pentadbiran tersebut merupakan langkah awal British mengukuhkan kedudukan mereka di Tanah Melayu. Tambahan pula Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu adalah merupakan kawasan yang paling strategik daripada segi politik dan ekonomi. Setelah menguasai negeri-negeri tersebut, British telah memperluaskan kuasanya ke atas Negeri-negeri Melayu Utara melalui *Perjanjian Bangkok* yang ditandatangani pada tahun 1909. Strategi pengukuhan kuasa British semakin terserlah dengan perlaksanaan dasar desentralisasinya di antara tahun 1910-1941, yang bertujuan untuk menyatukan keseluruhan negeri-negeri di Tanah Melayu di bawah satu unit pentadbiran (Abdul Latiff, 1981). Walaupun dasar tersebut mengalami kegagalan, tetapi British telah berjaya menyatukan pentadbiran seluruh Tanah Melayu secara paksaan menerusi *Perlembagaan Malayan Union* pada 1 April 1946 (Stockwell, 1979). Kesemuanya ini menunjukkan bahawa pada peringkat awal penjajahan British, mereka cuba memusatkan kuasa dengan menggabungkan beberapa unit politik di Tanah Melayu.

Walaupun penjajah British menggunakan dasar diplomasi di Tanah Melayu, tetapi kebangkitan penentangan masih tetap wujud terutamanya di

kalangan sultan dan pembesar. Ini disebabkan kedatangan penjajah British mengakibatkan kuasa pentadbiran dan perundangan yang selama ini mereka pegang telah mula terhakis. Sultan tidak lagi mempunyai kuasa mutlak dalam semua bidang kuasa. Mereka terpaksa tunduk kepada nasihat yang mesti dipatuhi yang diberikan oleh *Residen British*. Manakala golongan pembesar tidak lagi mempunyai kuasa ke atas kawasan pegangannya, khususnya dalam bidang pentadbiran dan kuasa memungut cukai. Struktur sosiopolitik masyarakat tradisional bumiputera mula rapuh, khususnya di kalangan golongan pembesar dan raja, kerana mereka tidak lagi dapat berfungsi untuk menguasai kegiatan ekonomi. Sedangkan kekayaan ekonomi itulah yang menjadi alat penting untuk menjamin kedudukan politik mereka (Abdul Malek, 1977).

Oleh yang demikian, telah timbul beberapa siri kebangkitan anti-British di beberapa negeri di Tanah Melayu (Haji Buyong Adil, 1975 dan Abdullah Zakaria, 1980). Kebangkitan anti-British ini telah bermula di Naning di antara tahun 1830–1833 yang diketuai oleh *Penghulu Dol Said* (Abdullah Zakaria, 1977/78). Ia diikuti dengan kebangkitan anti-British di Perak (1875) oleh *Sultan Abdullah* dan para pembesarnya (Abdullah Zakaria, 1988), di Pahang (1891–1895) oleh *Dato' Bahaman* (Jang Aisyah, 1972), di Kelantan (1915) oleh *Engku Besar Jeram* dan *Tok Janggut* dan kebangkitan di Terengganu (1922–1928) diketuai oleh *Haji Abdul Rahman Limbong* (Abdullah Zakaria, 1982 dan Timah, 1981). Walaupun kebangkitan anti-British telah mengalami kegagalan dan tidak dapat dianggap sebagai suatu gerakan nasionalisme, tetapi fenomena tersebut menggambarkan sikap dan tindak balas masyarakat tempatan terhadap kegiatan penjajahan British. Yang lebih penting, gerakan kebangkitan anti-penjajahan ini telah menjadi asas kepada kegiatan nasionalisme Melayu pada awal abad kedua puluh.

Penjajahan British turut memberi kesan ke atas sistem sosial penduduk di Tanah Melayu. Dasar imigrasi yang diperkenalkan oleh kerajaan British adalah terlalu longgar. Malah mereka telah menggalakkan lagi penghijrahan beramai-ramai orang Cina dan India ke Tanah Melayu (Purcell, 1967, Kernail Singh Sandhu, 1969 dan Arasaratnam, 1972). Mereka diberikan pelbagai kemudahan seperti melantik wakil imigresen dan pengangkutan untuk berhijrah ke Tanah Melayu. Kolonial British juga mewujudkan jabatan khas dan melantik pegawai khas untuk melindungi dan menjaga kebajikan orang Cina dan India di Tanah Melayu. Walaupun pada peringkat awal, penghijrahan mereka bersifat sementara, tetapi akhirnya terutama selepas Perang Dunia Kedua, mereka menjadi penduduk tetap di negara ini. Ini diperkukuhkan lagi dengan pemberian taraf kerakyatan *jus soli* melalui perlembagaan

Malayan Union. Menerusi perlembagaan tersebut, setiap penduduk Tanah Melayu mempunyai status kerakyatan yang sama secara automatik (Allen, 1967).

Dasar imigrasi ini telah menyebabkan pembentukan masyarakat majmuk di Tanah Melayu dan diperkukuhkan oleh penjajah British melalui dasar *pecah dan perintah*. Dasar ini telah menyebabkan pihak British sendiri menentukan dan memisahkan tentang penglibatan setiap kaum dalam bidang ekonomi, tempat tinggal, sistem pendidikan dan sebagainya. Kesemuanya ini tidak memungkinkan berlakunya proses asimilasi dan sosialisasi di kalangan penduduk di Tanah Melayu. Dasar ini bertujuan untuk memudahkan penjajah British mentadbir Tanah Melayu dan mengeksploitasi ekonomi secara maksimum dengan menggunakan tenaga buruh dari India dan Cina dalam sektor perladangan getah dan perlombongan bijih timah. Selain itu, orang Cina juga dikerah secara besar-besaran, terutamanya di Johor dan Seberang Perai dalam pertanian komersial yang dipanggil *Sistem Kangchu*. Dasar ini terus mempengaruhi penduduk Tanah Melayu yang berbilang bangsa dalam kegiatan berpolitik. Setiap kaum cenderung untuk menonjolkan kelangsungan kaum masing-masing. Inilah yang telah menjadi asas yang kuat kegiatan politik di Tanah Melayu bercorak perkauman (Ratnam, 1977; Means, 1970 dan Goh, 1988). Yang lebih menarik dan menjadi semakin penting sehingga kini ialah isu politik yang sering diperjuangkan di kalangan golongan imigran adalah penentuan hak dan taraf yang sama sebagai bumiputera untuk menikmati pelbagai keistimewaan yang terdapat di negara ini.

Kedudukan ekonomi Tanah Melayu turut mengalami perubahan yang besar akibat penjajahan British. Kesan utama yang paling jelas ialah terhapusnya *sistem ekonomi tradisional* di Tanah Melayu. Sistem ekonomi sara diri telah diganti dengan *sistem ekonomi komersial* yang dikuasai oleh golongan kapitalis atau kaum pemodal. Kegiatan perdagangan juga tidak lagi menggunakan *sistem tukaran barang dagangan* atau *barter trade*, tetapi telah menggunakan sistem pertukaran mata wang. Penglibatan golongan kapitalis menyebabkan kemajuan ekonomi di Tanah Melayu dikuasai sepenuhnya oleh syarikat British dan Cina. Matlamat ekonomi memang merupakan tujuan utama kedatangan penjajah British di Tanah Melayu (Khoo, 1984). Pada peringkat awal, pedagang British yang telah menguasai kegiatan ekonomi di Negeri-negeri Selat, secara beransur-ansur mereka mengadakan kerjasama melalui sistem pajakan, juga dikenali *sistem Ali Baba* dengan pembesar Melayu untuk memajukan sektor perlombongan. Pada masa yang sama, pihak British telah menghapuskan sistem perhambaan yang diamalkan oleh golongan istana dan pembesar. Sebenarnya penghapusan sistem itu bukanlah untuk menghapuskan

ketidakadilan dalam masyarakat, tetapi ia bertujuan untuk melumpuhkan kedudukan ekonomi masyarakat Melayu (Gullick, 1990). Kewujudan dan perkembangan ekonomi duaan yang berasaskan sistem ekonomi tradisional dan kapitalis, telah menghalang kemajuan masyarakat bumiputera secara seimbang (Abdul Malek, 1977).

Kedudukan orang Melayu dalam bidang ekonomi semasa zaman penjajahan British terus dibiarkan dan ketinggalan. Dasar kolonial British untuk mengekalkan *status quo* masyarakat Melayu tradisional sebagai petani dan nelayan, serta dalam masa yang sama British telah mengiktiraf, memelihara dan memperkukuhkan lagi hierarki struktur sosial masyarakat Melayu. Petempatan mereka juga masih kekal di kawasan pedalaman dan pinggir bandar. Sementara itu, orang-orang Cina dan India diberi peluang untuk terlibat secara aktif dalam bidang ekonomi terutamanya di sektor perlombongan, perniagaan dan perladangan. Kesemuanya ini turut menyebabkan pembangunan yang tidak seimbang bagi Semenanjung Tanah Melayu. Bahagian pantai barat lebih banyak menarik golongan imigran untuk menguasai kegiatan ekonomi. Manakala kawasan yang majoritinya didiami oleh orang Melayu terus ketinggalan daripada arus kemajuan dan pembangunan infrastruktur.

Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna kedudukan ekonomi masyarakat Melayu adalah jumud dan statik. Mereka juga bertindak balas dengan perubahan sistem ekonomi moden dan terpaksa menyesuaikan diri dengan keadaan tersebut untuk survival kehidupan. Orang Melayu turut berperanan menyumbangkan sumber makanan untuk penduduk di kawasan bandar. Mereka juga tidak terlepas dengan undang-undang, British seperti peraturan hak milik tanah dan sistem cukai (Wilson, 1975). Pada masa yang sama, secara beransur-ansur orang Melayu turut melibatkan diri dalam kegiatan perladangan getah tetapi dalam bentuk kebun-kebun kecil yang biasanya tidak melebihi lima ekar. Tetapi yang jelas, mereka terpaksa bersaing dengan syarikat-syarikat British yang mempunyai modal yang banyak dan pasaran yang meluas.

Walau bagaimanapun, orang Cina dan India juga turut berperanan memajukan ekonomi Tanah Melayu. Tetapi yang perlu ditegaskan bahawa kekaguman kita terhadap kemajuan orang Cina khususnya, seharusnya dilihat daripada segi sokongan yang diberikan oleh kolonial British kepada mereka. Walaupun pada peringkat awal, mereka lebih berperanan untuk memenuhi kepentingan ekonomi penjajah, tetapi akhirnya mereka berjaya membebaskan diri untuk menguasai kegiatan ekonomi dan perniagaan di Tanah Melayu. Pertumbuhan bandar pentadbiran dan pelabuhan hasil kemajuan ekonomi

memperlihatkan penglibatan aktif orang Cina dan India dalam bidang perdagangan. Ini digambarkan pula kemajuan pesat ekonomi bahagian pantai barat Semenanjung dengan pelbagai prasarana dan jalan perhubungan berbanding dengan bahagian lain yang dikuasai oleh golongan bumiputera.

Bidang pendidikan juga mengalami perubahan yang pesat akibat penjajahan British. Ini disebabkan British bukan sahaja berminat ke atas kuasa politik dan ekonomi sahaja, tetapi juga melibatkan bidang lain termasuklah pendidikan (Ibrahim, 1986 dan Abu Zahari, 1980). Sebenarnya dasar pendidikan kolonial jelas sekali memaparkan adanya perhitungan supaya pelajaran menjadi sebagai agen perubahan sosial yang berkesan (Abdul Malek, 1977). Oleh sebab itulah, wujudnya diskriminasi dalam sistem pendidikan yang diberikan oleh kolonial British kepada penduduk Tanah Melayu. Oleh kerana penduduk Tanah Melayu berbilang bangsa, maka British memperkenalkan *sistem persekolahan berbentuk vernakular*. Sekolah-sekolah ini ditubuhkan berasaskan bahasa pengantar yang berbeza, iaitu sekolah Melayu, Cina dan India. Fenomena ini mengukuhkan lagi konsep pembentukan masyarakat majmuk di negara ini. Di samping sistem pendidikan vernakular yang mempunyai matlamat yang begitu minimum, penjajah British juga melalui golongan mubaligh Kristian, telah mengasaskan penubuhan banyak sekolah Inggeris di pantai barat Semenanjung. Ini juga merupakan satu bukti jelas bahawa British juga membawa elemen agama dalam *proses kristianisasi* semasa menjajah di negara ini. Keadaan ini menimbulkan rasa gelisah di kalangan orang Melayu, yang kebanyakannya beragama Islam. Sebab itulah muncul pendidikan madrasah yang diusahakan alim ulama' untuk menyeimbangkan pendidikan duniawi dan agama. Ia menjadi alternatif kepada orang Melayu untuk mendapatkan pendidikan.

Jika dibuat perbandingan secara umum, memang terdapat perbezaan yang ketara. Sistem pendidikan yang diterima oleh orang Melayu begitu rendah mutunya dan daif prasarananya berbanding dengan sekolah Inggeris. Pihak British mengadakan sistem pendidikan kepada masyarakat Melayu adalah bertujuan untuk mengurangkan kadar buta huruf, di samping untuk mengekalkan *status quo* orang Melayu sebagai petani dan nelayan. Pada tahun 1920, G.W. Maxwell pernah menjelaskan mengenai dasar pendidikan British ke atas orang Melayu, iaitu:

“... untuk membaiki keadaan kebanyakan orang Melayu, dan mereka menjadikan anak-anak nelayan atau petani yang lebih baik dari bapanya dan menjadikannya seorang yang memahami nasibnya sesuai dengan keadaan penghidupan di sekelilingnya” (Ibrahim, 1986: 14).

Malah, pihak British cuba memisahkan taraf pendidikan Melayu berdasarkan martabat atau kelas sesuatu golongan. Bagi masyarakat Melayu kelas bawahan, pengajian mereka yang paling tinggi sekali ialah *Maktab Perguruan Sultan Idris (S.I.T.C.)* Tanjung Malim yang ditubuhkan pada tahun 1922 (Awang Had, 1980). Manakala bagi masyarakat golongan atasan, mereka diberi pelbagai keistimewaan memasuki *Maktab Melayu Kuala Kangsar (M.C.K.K.)* yang ditubuhkan pada tahun 1905 (Khasnor, 1984). Penubuhan dua institusi pendidikan yang berbeza menggambarkan sikap diskriminasi British terhadap masyarakat Melayu. Penjajah British bukan sahaja menjalankan *dasar pecah dan perintah* ke atas penduduk Tanah Melayu, tetapi juga hendak memecahkannya mengikut tahap kedudukan dan kelas dalam masyarakat. Menurut William R. Roff:

"On the one hand, at Kuala Kangsar, there were the sons of traditional ruling class and the wealthy, undergoing training for entry into the English-speaking world of government and administration and occasionally the professions; on the other, at S.I.T.C., the sons of the peasantry and the poor, undergoing training for return to the Malay-speaking world of the rural village school" (Roff, 1980: 143).

Guru lulusan S.I.T.C. sekadar kembali semula ke kampung untuk mengajar di sekolah Melayu. Manakala bagi lulusan M.C.K.K., mereka diberi keistimewaan untuk memenuhi jawatan dalam *Perkhidmatan Tadbir Melayu (M.A.S.)* dalam kerajaan British, yang merupakan perkhidmatan sokongan selepas *Perkhidmatan Tadbir Tanah Melayu (M.C.S.)*. Menurut Khasnor Johan, sekali imbas dapat dikatakan bahawa pegawai Melayu dalam skim perkhidmatan M.A.S. memainkan peranan sebagai *junior partner* kepada pegawai British dalam skim perkhidmatan M.C.S., tetapi dalam praktiknya mereka lebih merupakan pembantu daripada *partner* (Khasnor, 1982). Sebenarnya kerajaan British mewujudkan skim perkhidmatan M.A.S. ini adalah merupakan satu konsesi kepada raja Melayu yang ingin anak mereka mendapat tempat dalam pentadbiran kolonial, manakala British memang memerlukan tenaga perkeranian dalam sistem birokrasi mereka. Oleh yang demikian, peranan M.A.S. adalah sangat terhad. Tambahan pula, penjajah British sendiri memang meragukan tentang kebolehan orang Melayu. Akibatnya sehingga Perana Dunia Kedua, M.A.S. kekal sebagai satu perkhidmatan kecil dan sangat *inferior*.

Akhirnya sistem pendidikan kolonial yang bersifat diskriminasi telah menyebabkan timbulnya kesedaran semangat kebangsaan di kalangan pelajar-pelajar di S.I.T.C. Fenomena ini terbit hasil gabungan pemikiran tenaga

pengajar dan pelajarnya sendiri. Mereka bergabung tenaga daripada kekuatan intelektual Melayu ketika itu untuk membangkitkan kesedaran di kalangan masyarakat Melayu untuk mencapai kebebasan daripada belenggu penjajahan. Pada tahap inilah, perkembangan media cetak di Tanah Melayu telah digunakan dengan sepenuhnya oleh golongan intelektual Melayu untuk menyalurkan idea dan gagasan bernas untuk kemajuan bangsa Melayu. Pada masa yang sama, usaha telah dijalankan untuk menggerakkan kebangkitan orang Melayu melalui organisasi berpersatuan.

Kesimpulannya, kesemua fakta tersebut menunjukkan bahawa penjajahan British meninggalkan kesan yang begitu banyak, yang meliputi aspek politik, ekonomi dan sosial ke atas Tanah Melayu. Ini ditambahkan lagi amalan dasar penjajahan masih lagi diwarisi oleh pemerintah Tanah Melayu walaupun kemerdekaan telah dicapai sekian lama. Ini juga menunjukkan bahawa penjajahan British di Tanah Melayu bukan sahaja bersifat fizikal, tetapi juga melibatkan penjajahan pemikiran. Sebelum meninggalkan negara ini, British telah melatih dan mengindoktrin terlebih dahulu pemimpin politik yang akur dengan dasar dan sistem pentadbiran penjajah di negara ini. Maka tidak hairanlah, sekiranya Dr. Burhanuddin Al-Helmi pernah menegaskan bahawa *kemerdekaan yang dicapai pada tahun 1957 itu adalah satu kemerdekaan yang tiada bermakna, kosong! dan perjuangan kita sekarang ialah mengisi kemerdekaan ini dengan corak dan kandungan yang dikehendaki oleh rakyat* (Saliha, 1986). Tanah Melayu dan kemudiannya Malaysia mewarisi pelbagai dasar yang ditinggalkan oleh penjajah British. Inilah yang menyebabkan Malaysia terpaksa mengikis dan menghapuskan pengaruh tersebut secara beransur-ansur melalui pindaan perlembagaan yang menunjangi sistem politik di negara ini.

VIII

GERAKAN ANTIBRITISH DI TANAH MELAYU

Melalui bab ini, adalah diharapkan para pembaca dapat:

- mengetahui tentang penjajahan British di Tanah Melayu.
- memahami secara menyeluruh gerakan antipenjajahan di Tanah Melayu.
- mengkaji secara ilmiah bahawa pergerakan antiBritish ke arah perjuangan menuntut kemerdekaan di negara ini.

Tanah Melayu merupakan kawasan yang paling strategik di rantau ini. Ia menjadi laluan perdagangan antarabangsa yang menghubungkan Timur dan Barat. Justeru itu, ia menjadi tumpuan kepada kuasa Barat yang sentiasa berusaha memperluaskan tanah jajahan mereka menerusi kegiatan *imperialisme* dan *kolonialisme*. Kedatangan Portugis dan Belanda di Melaka pada abad ke-15 dan ke-17 adalah merupakan permulaan daripada kegiatan tersebut. Ini menyebabkan timbulnya gerakan penentangan terhadap kedatangan penjajah di kalangan penduduk tempatan. Namun begitu, suatu pernyataan yang perlu dijelaskan ialah Tanah Melayu memang sentiasa dicemburui dan diminati oleh pihak luar. Sejak wujudnya zaman kesultanan lagi, kuasa luar khususnya Siam, China dan Majapahit berusaha menguasai Semenanjung Tanah Melayu.

Kegiatan *imperialisme* dan *kolonialisme* ini telah menyebabkan pelbagai perubahan baru diperkenalkan ke dalam masyarakat tempatan sama ada dari segi politik, ekonomi dan sosial. Menurut Abdullah Zakaria (2001), kedatangan British menyebabkan institusi politik tempatan mula tergugat dan kedudukan serta kedaulatan raja Melayu mula tercabar. Berikutan kekalahan dalam pertempuran dengan pihak penjajah atau mereka dipaksa menandatangani

perjanjian dengan kuasa penjajah telah menyebabkan kuasa dan kewibawaan raja semakin berkurangan atau kerajaan mereka hilang. Fenomena ini telah menimbulkan beberapa siri kebangkitan antiBritish di beberapa negeri di Tanah Melayu (Haji Buyong Adil, 1975 dan Abdullah Zakaria, 1980). Walaupun kebangkitan gerakan antiBritish telah mengalami kegagalan dan tidak dapat dianggap sebagai suatu gerakan nasionalisme, tetapi fenomena tersebut menggambarkan sikap dan tindak balas masyarakat tempatan terhadap kegiatan penjajahan British. Yang lebih penting, gerakan kebangkitan antipenjajahan ini telah menjadi asas kepada kegiatan nasionalisme Melayu pada awal abad ke-20.

Dalam proses penjajahan British di Tanah Melayu, ramai pengkaji Barat menyatakan kehadiran British adalah semata-mata atas faktor kemanusiaan. Tetapi kesemua pernyataan itu adalah sesuatu yang bukan bersifat fakta. Apa yang jelas, begitu banyak ugutan, paksaan dan tekanan dikenakan oleh penjajah British untuk menguasai sesebuah negeri. *Diplomasi kapal perang* pernah digunakan oleh kolonial British beberapa kali seperti yang berlaku di Kedah, Perak, Terengganu dan Sarawak (Abdullah Zakaria, 1984). Bermula di Pulau Pinang pada tahun 1789, penjajah British menguasai negeri lain sehinggalah akhirnya di Johor pada tahun 1914. Kehadiran British bukanlah dalam keadaan senang kerana mereka terpaksa menghadapi gerakan kebangkitan khususnya di kalangan orang Melayu.

GERAKAN DI NANING

Kebangkitan gerakan antiBritish ini telah bermula di Nanning di antara tahun 1830–1833 yang diketuai oleh *Penghulu Dol Said*. Walaupun perjuangan British di Nanning lebih merupakan untuk mempertahankan hak-hak keistimewaan tradisional, tetapi ia merupakan suatu perjuangan menentang penjajah British (Abdullah Zakaria, 1977/78). Namun begitu, faktor sebenarnya yang menyebabkan timbulnya gerakan penentangan di Nanning kerana British mendakwa Nanning adalah sebahagian daripada wilayah Melaka. Ini bermakna pemerintah di Nanning tidak mempunyai sebarang kuasa autonomi. Justeru itu, Nanning dikehendaki membayar hasil tahunan sebanyak satu per sepuluh kepada pemerintah British di Melaka. Gerakan penentangan mempunyai ertian yang sangat penting apabila perjuangan orang Melayu ini telah berjaya mengalahkan pemerintah kolonial British pada tahun 1831. Kejayaan ini disebabkan *Penghulu Dol Said* telah mendapat sokongan yang kuat daripada penduduk Nanning dan negeri-negeri jiran seperti Rembau, Seri Menanti, Sungai Ujong dan Muar.

Kekalahan tersebut menyebabkan British mengatur strategi lebih berhati-hati untuk menyerang Naning kali kedua. Pemerintah British di Melaka telah membuat muslihat untuk bekerjasama dengan pembesar Rembau *Yam Tuan Ali*, Yang Dipertuan Seri Menanti, *Datuk Kelana Putera* Sungai Ujong, *Penghulu Johol* dan *Temenggung Muar*. Kolonial British yang pada awalnya menawarkan hadiah sebanyak \$1,000 Sepanyol telah menaikkan kepada \$2,000 Sepanyol bagi sesiapa yang berjaya menangkap Dol Said. Pasukan tentera tambahan juga dihantar dari Madras, Burma dan Singapura untuk menyerang Naning. Akhirnya kerajaan British berjaya menawan Naning, tetapi gagal untuk menangkap *Penghulu Dol Said*. Namun demikian, *Penghulu Dol Said* telah menyerah diri kepada British pada 4 Februari 1833. Beliau dihadiahkan pencen sebanyak \$30 rupee sebulan dan sebuah rumah di Melaka. Kemudian, pencen tersebut ditambah kepada \$100 rupee sebulan dan British membina sebuah rumah yang lebih besar berharga tidak kurang daripada \$1,000 rupee. Kemudahan ini diperolehinya selagi beliau masih hidup, tidak menentang British atau melarikan diri. *Penghulu Dol Said* meninggal dunia pada bulan Ogos 1849.

GERAKAN DI NEGERI SEMBILAN

Gerakan penentangan di Negeri Sembilan telah berlaku di Sungai Ujong pada tahun 1875. British mengambil kesempatan daripada perebutan kedudukan Yam Tuan antara *Tengku Antah* dan *Datuk Kelana*. Kolonial British memang bercita-cita menguasai Negeri Sembilan kerana ia mempunyai sumber galian yang banyak iaitu bijih timah. Dalam konflik tersebut, *Datuk Kelana* dikatakan lebih memihak kepada Tengku Ahmad Tunggal berbanding dengan Tengku Antah untuk menjawat jawatan Yam Tuan. *Datuk Kelana* yang mendapat sokongan British pula bertindak lebih agresif apabila mendakwa Terachi adalah miliknya. Pasukan tentera British yang kecil jumlahnya yang diketuai oleh Lt. Hinxman telah dihantar ke Terachi. Keadaan menjadi lebih tegang apabila British memutuskan Terachi adalah milik kawalan *Datuk Kelana*. Konflik mula meletus antara pasukan tentera *Yam Tuan Antah* dengan tentera British. Pada awalnya, gerakan ini mencapai kemenangan dan berjaya menguasai Bukit Putus dan Paroi, tetapi akhirnya terpaksa berundur ke Johor. Ini disebabkan pasukan tentera British telah datang dari beberapa kawasan seperti Singapura, Pulau Pinang dan Melaka. Satu perjanjian telah ditandatangani oleh kerajaan British dengan *Yam Tuan Antah* pada tahun 1876, yang menghadkan kawasan lingkungan pentadbirannya hanya meliputi Seri Menanti sahaja.

GERAKAN DI PERAK

Perak merupakan negeri pertama *Sistem Residen* dilaksanakan oleh kerajaan British selepas termeterinya *Perjanjian Pangkor* pada 20 Januari 1874. Menurut perjanjian tersebut, semua kuasa sultan dan pembesar telah beralih kepada kolonial British kecuali dalam bidang agama dan adat istiadat Melayu. Semua kuasa eksekutif mentadbir negeri di bawah kawalan Residen. Keadaan ini telah menyebabkan timbulnya perasaan tidak puas hati di kalangan pemerintah tradisional. Keadaan ini ditambah dengan sikap rakus residen *J.W.W. Birch* yang melakukan pelbagai perubahan secara drastik dan menggunakan cara paksaan. Gerakan kebangkitan antiBritish di Perak yang bermula pada 1875 diketuai sendiri oleh Sultan Abdullah dan para pembesarnya. Beberapa siri mesyuarat diadakan untuk merancang melakukan gerakan penentangan secara teliti terhadap kolonial British. Mereka memutuskan untuk membunuh Birch dengan menggunakan tiga cara. Setelah usaha untuk meracun dan bermain hantu telah gagal, mereka bersetuju untuk membunuh. Akhirnya satu rancangan diatur pada 2 November 1875 di Pasir Salak, di mana *J.W.W. Birch* telah ditikam dengan menggunakan lembing oleh *Pandak Indut*, *Se Tuah* dan *Seputum* (Abdullah Zakaria, 1988).

Berikutan peristiwa pembunuhan Birch ini, kerajaan British telah bertindak balas menyebabkan para pejuang di Perak gagal mempertahankan kedudukan mereka. Pasukan tentera British dari India, Singapura dan Hong Kong telah didatangkan ke Perak untuk menumpaskan gerakan ini. Setelah perbicaraan diadakan di hadapan Hakim Raja Muda Yusuf dan Raja Alang Husin, para pejuang *Dato' Maharaja Lela*, *Dato' Sagor*, *Pandak Indut* dan *Seputum* telah didapati bersalah dan dihukum gantung sampai mati. Hukuman ini dijalankan pada 20 Januari 1877. Kemudiannya, melalui *J.G. Davidson* (Residen British), Sir William Jervis mengarahkan supaya Kulup Ali, *Se Tuah*, Panjang Bur dan Ngah Jabor dipenjarakan seumur hidup. Beberapa orang tokoh termasuklah Sultan Abdullah, Menteri, Laksamana juga didapati bersalah dan dibuang negeri ke Pulau Seychelles. Hanya pada tahun 1922, Sultan Abdullah dibenarkan pulang ke Perak. Manakala Sultan Ismail, *Dato' Wan* dan Panglima Perang dibuang negeri ke Johor. Akhirnya pada tahun 1887, *Raja Muda Yusuf* telah ditabalkan menjadi Sultan Perak. Akibat dari peristiwa tersebut, pihak kolonial British sangat berhati-hati untuk melaksanakan dasar pentadbirannya di Perak. Manakala bagi rakyat pula, mereka mula berasa dikongkong semasa di bawah penjajahan British.

GERAKAN DI PAHANG

Gerakan pemberontakan di Pahang mula tercetus apabila *J.P. Rodger* dilantik sebagai *Residen British* pada tahun 1888. Pengenalalan dan pelaksanaan pelbagai dasar pentadbiran kolonial British di Pahang telah mencabar dan menggugat kekuasaan tradisional yang selama ini dipegang oleh sultan dan pemerintah. Gerakan antiBritish di Pahang yang berlaku di antara tahun 1891–1895 diketuai oleh *Dato' Bahaman*, Orang Kaya Semantan (Jang Aisyah, 1972). Akibat penjajahan British, beliau telah kehilangan kuasa, gelarannya dilucutkan dan elaunnya turut dipotong. Daerah Semantan yang sebelum ini di bawah kawalan pengaruhnya, telah dikuasai sepenuhnya oleh kerajaan British. Sebagai contoh, pihak kolonial British telah mendirikan sebuah balai polis di Lubuk Terua, dalam daerah Semantan tanpa mendapat kelulusan daripadanya. Gerakan kebangkitan ini turut disertai oleh beberapa orang tokoh seperti *Mat Kilau* dan ayahnya *Tok Gajah* dari daerah Budu. Kekuatan pemberontakan ini ditambah dengan penglibatan Tok Raja dan panglima Muda Jempol. Gerakan penentangan terhadap British mulai malap apabila pihak British berjaya mendapatkan sokongan daripada sultan. Sultan Pahang telah mengerahkan pasukan tenteranya yang terdiri daripada orang Melayu untuk memerangi pembontak-pemberontak tersebut. Akhirnya tokoh pemberontak telah mengundurkan diri ke sempadan hingga ke Kelantan dan Terengganu kerana enggan menghadapi pasukan tentera sultan yang boleh dianggap menderhakainya (Abdul Rahman, 1994). Semasa berada di Terengganu, para pejuang telah mendapat inspirasi untuk menentang British, khususnya dari seorang ulama' bernama *Sayyid Abdul Rahman al-Idrus* atau *Tok Ku Paloh*. Tidak berapa lama kemudian, mereka telah datang semula ke Pahang dan menyerang Jeram Ampai. Mereka telah mencapai kejayaan buat seketika sahaja kerana pihak British telah menghantar pasukan tenteranya ke Jeram Ampai. Para pejuang terpaksa berundur sekali lagi ke Kelantan dan Terengganu.

GERAKAN DI KELANTAN

Gerakan ini timbul selepas pelantikan W.A. Graham sebagai Penasihat British di Kelantan mulai tahun 1903. Seperti di negeri lain, fungsi pembesar telah hilang sama sekali. *Engku Besar Jeram*, pembesar di Pasir Puteh juga mengalami nasib yang sama. Gerakan kebangkitan di Kelantan (1915) dipelopori oleh *Engku Besar Jeram Tun Ahmâd* dan *Tok Janggut* (Haji Mat Hasan). Tok Janggut, dengan dibantu oleh beberapa orang tokoh lain, telah menjalankan kempen menentang pengenalan dasar baru yang dijalankan oleh

kerajaan British. Pengenalan undang-undang cukai padi pada tahun 1905 sangat menyusahkan dan membebaskan masyarakat kampung. Penentangan secara terbuka telah berlaku apabila Sarjan Che Wan telah dihantar oleh Pegawai Daerah untuk menangkap *Tok Janggut*. Dalam suatu pertengkaran, Sarjan Che Wan telah mati dibunuh oleh *Tok Janggut*. Tidak berapa lama kemudian, para pejuang telah berjaya menguasai dan menduduki daerah Pasir Puteh selama tiga hari. Ini menyebabkan British menghantar satu pasukan tentera dari Singapura. Akhirnya pertempuran telah berlaku di Kampung Dalam Pupuh dan *Tok Janggut* telah terkorban. Mayatnya telah dibawa ke Kota Bharu, diarakkan serta disaitkan dan dikebumikan di Pasir Pekan.

GERAKAN DI TERENGGANU

Kehadiran dan penglibatan British dalam hal ehwal pentadbiran di Terengganu juga menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan penduduk tempatan khususnya para ulama dan pentadbir. Yang Dipertuan Terengganu menerima pelantikan Agen British pada tahun 1910 dan Penasihat British pada tahun 1919. Dato' Seri Amar Diraja misalnya, juga menentang campur tangan British, tetapi tidak secara terang-terangan. Golongan ulama seperti *Haji Abdul Rahman Limbong* dan *Haji Musa Abdul Ghani* yang tidak suka kepada campur tangan British dalam pentadbiran di Terengganu menjalankan kempen kepada masyarakat terutamanya di kawasan pendalaman (Timah, 1981). Boleh dikatakan hampir seluruh penduduk Terengganu menyertai gerakan antiBritish kecuali penduduk di Besut dan Kemaman. Di Terengganu, unsur agama begitu ketara dalam gerakan antiBritish. Mereka mengatakan bahawa segala pelaksanaan yang dijalankan oleh kerajaan British adalah sistem kafir. Ini tentunya bercanggah dengan undang-undang Islam (Abdullah Zakaria, 1977: 32). Antara undang-undang yang baru diperkenalkan adalah melarang melepaskan ternakan, melarang memburu, membuka tanah dan mengambil hasil hutan. Pengenalan peraturan baru ini sangat menyusahkan kehidupan masyarakat khususnya masyarakat kampung. Haji Musa telah menanamkan semangat antiBritish kepada penduduk di Kuala Brang supaya jangan mengambil pas dan membayar hasil. Selain daripada itu, Haji Abdul Rahman ada menegaskan bahawa tanah adalah hak Allah dan negeri tidak boleh mengambil cukai ke atas tanah. Berbeza di negeri lain, gerakan di Terengganu yang dipelopori ulama bukan atas kepentingan peribadi. Justeru itu, saranan golongan ulama sangat berpengaruh.

Keadaan ini telah merangsang gerakan untuk menentang British mulai tahun 1922 dan berakhir pada tahun 1928. Setelah kebangkitan ini, tauliah

yang dianugerahkan kepada Haji Musa untuk mengajar dan memungut zakat telah dibatalkan oleh *Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah*. Dalam peristiwa lain, pasukan polis bantuan telah dihantar dari Negeri-negeri Melayu Bersekutu untuk memerangi gerakan ini dan menangkap pemimpin-pemimpinnya. British telah membicarakan dan menjatuhkan hukuman ke atas tokoh-tokoh ini. Haji Kia dihukum tujuh tahun penjara dengan kerja berat, Ismail Kuala Por lima belas tahun penjara dengan kerja berat, Abu Bakar Chinting dan Abdullah Jurukaka sepuluh tahun penjara dan kerja berat, Engku Mat, Haji Tahir, Mamat Tok Pitas dan Lebai Hassan dihukum lima tahun penjara dan kerja berat. Haji Abdul Rahman Limbong pula, setelah dibicarakan didapati bersalah dan beliau dibuang negeri ke Mekah (Abdullah Zakaria, 1982). Beliau telah membuat permohonan untuk kembali ke Terengganu tetapi tidak dibenarkan oleh *Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah*. Akhirnya beliau telah meninggal dunia di Mekah kerana sakit pada tanggal 14.6.1348 [16 November 1929] (Abdullah Zakaria, 1976).

GERAKAN DI SARAWAK

Penentangan terhadap British di Sarawak begitu ketara pada tahun 1946, apabila Sarawak diserahkan oleh keluarga Brooke kepada kerajaan British. Gerakan anti penyerahan dijalankan secara organisasi politik. *Parti Kebangsaan Melayu Sarawak* atau *Malay National Union of Sarawak* (MNUS) yang ditubuhkan pada tahun 1936 telah menentang rancangan penyerahan Sarawak. Begitu juga dengan sebuah lagi pertubuhan yang mewakili kepentingan kaum Iban, iaitu *Persatuan Dayak Sarawak* atau *Dayak Association of Sarawak* yang ditubuhkan selepas Perang Dunia Kedua (Ongkili, 1986: 141). Gerakan anti penyerahan mencapai kemuncaknya apabila *Duncan Stewart*, Gabenor Sarawak yang kedua telah mati dibunuh oleh *Rosly bin Dhoby* di Sibul pada awal bulan Disember 1949. Sebaliknya bagi masyarakat Cina pula, mereka menyokong penyerahan Sarawak di bawah pentadbiran kolonial British kerana mereka akan mendapat lebih banyak faedah.

GERAKAN DI SABAH

Pemerintahan syarikat berpiagam di Sabah juga mendapat reaksi penentangan daripada penduduk tempatan. Gerakan yang paling kuat adalah diketuai oleh *Mat Salleh*, seorang pahlawan keturunan campuran Bajau dan Sulu, yang meletus pada tahun 1895. Namun gerakan ini dapat dipatahkan oleh pemerintah British pada tahun 1905. *Mat Salleh* sendiri telah terkorban pada tahun 1900.

Yang jelas, pentadbiran syarikat berpiagam British yang memang sentiasa mencari keuntungan telah mengenakan pelbagai cukai yang menyusahkan kehidupan masyarakat tempatan. Tambahan pula, pembinaan landasan keretapi merentas negeri menambahkan kegelisahan di kalangan penduduk (Andaya, Barbara & Leonard, 1983).

Sesungguhnya gerakan kebangkitan antiBritish telah berlaku hampir di seluruh negara. Nama pejuang terus diabadikan dalam tinta sejarah sebagai tokoh yang berani mempertahankan kemerdekaan tanah air. Walaupun hakikat menunjukkan bahawa gerakan kebangkitan antiBritish tidak mencapai kejayaan yang menyeluruh dan berterusan, namun gerakan ini cukup menggambarkan sikap dan reaksi penduduk tempatan terhadap kedatangan British. Mereka begitu responsif dan reaktif terhadap pengenalan dan pelaksanaan dasar kolonial yang menyusahkan dan membebankan rakyat. Tambahan pula, kedatangan kolonial British telah merubah seluruh kehidupan masyarakat sama ada daripada segi politik, ekonomi dan sosial. Penduduk Tanah Melayu dirangsang untuk mempunyai keyakinan yang tinggi, semangat juang yang kental dan strategi yang berkesan untuk memerangi kehadiran penjajah British. Fenomena inilah yang dijadikan suatu kesinambungan kepada perjuangan kemerdekaan tanah air pada tahun 1957.

IX

NASIONALISME MELAYU DI TANAH MELAYU

Melalui bab ini, adalah diharapkan para pembaca dapat:

- mengetahui secara ilmiah tentang konsep nasionalisme.
- memahami secara kritis perkembangan nasionalisme orang Melayu yang dikaitkan dengan perkembangan pendidikan.
- melihat tindak balas British terhadap pergerakan nasionalisme di Tanah Melayu.

Konsep *nasionalisme* dalam pengertian yang paling dasar bermakna *semangat kebangsaan* atau *semangat cintakan bangsa dan negara* (Kamus Dwibahasa, 1985: 820). Batasan cinta terhadap negara ini tidak pula termesti hanya pada bumi mana seseorang itu berada. Kemungkinan seseorang itu tinggal di Tanah Melayu tetapi semangat kebangsaannya selaras dengan negeri tempat kelahirannya. Fahaman kebangsaan ini adalah melampaui batasan sempadan politik (Mohd. Nor, 1967/68). Contoh yang jelas apabila fenomena ini dihubungkan dengan kegiatan nasionalisme di kalangan orang Cina dan India di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.

Dalam bukunya berjudul *Asian Century*, J. Romein telah merumuskan tiga perkara utama dalam mentakrifkan tentang semangat kebangsaan. Antaranya ialah:

- (i) keinginan hendak bebas daripada penjajahan
- (ii) keinginan hendak bebas daripada belunggu ekonomi asing
- (iii) keinginan melihat taraf hidup bangsa sendiri sama dengan bangsa lain yang maju dalam bidang ekonomi, sosial dan politik.

Walau bagaimanapun, timbul persoalan lain, iaitu sejauhmana penerimaan orang Asia terhadap imperialisme dan kolonialisme Barat. Adakah faham kebangsaan ini akan muncul tanpa kedatangan Barat? Jawapannya, tanpa kedatangan Barat sekalipun, kesedaran kebangsaan tetap akan muncul. Ia sebagai penerimaan rakyat Asia terhadap permodenan atau dengan lain perkataan, terdapat suatu keinginan untuk melihat perubahan dalam masyarakat itu sendiri.

Konsep nasionalisme telah berkembang dan diberi penelitian yang lebih terperinci oleh beberapa orang sarjana. Hans Kohn umpamanya, telah berjaya mentakrifkan konsep tersebut secara lebih komprehensif dan menggarap banyak tulisan tentang konsep nasionalisme yang ada sebelumnya. Menurutnya;

"Nationalism is a political creed that underlies the cohesion of modern societies and legitimizes their claim to authority. Nationalism centers the supreme loyalty of the overwhelming majority of the people upon the nation-state, either existing or desired. The nation-state is regarded not only as the ideal, 'natural', or 'normal' form of political organization but also as the indispensable framework for all social, cultural, and economic activities. Yet nationalism and the nation-state are comparatively recent historical development" (Hans Kohn, 1960: 3-24).

Secara umum, nasionalisme bermaksud "satu keadaan fikiran yang menyerap masuk di kalangan semua anggotanya; dia mengiktiraf negara sebagai bentuk organisasi yang paling unggul, dan bangsa sebagai punca bagi segala kehidupan budaya yang membina dan punca kesejahteraan ekonomi. Oleh itu, kesetiaan ulung manusia adalah tertumpu kepada bangsanya, kerana kehidupannya sendiri adalah dipercayai berdasarkan kepada dan dimungkinkan oleh kebajikan bangsanya" (Suntharalingam, 1985: 2). Dalam hal ini, konsep negara bangsa merupakan suatu elemen penting bagi membincangkan tentang kegiatan nasionalisme. Tanpa wujud salah satu daripadanya, kegiatan nasionalisme akan pincang dan tidak bermakna. Menurut Hans Kohn, percantuman antara negara dengan bangsa akan melambangkan kewujudan ciri kedaulatan rakyat dan negara. Dengan ini, kemunculan nasionalisme sebagai satu fahaman yang matang melibatkan pengiktirafan gagasan kedaulatan rakyat (Suntharalingam, 1985).

Sebagai kesimpulan, nasionalisme boleh dirumuskan sebagai satu fenomena universal, yang mengiktiraf hak setiap bangsa di dunia ini untuk menubuhkan negaranya yang tersendiri, memindahkan kedaulatan kepada rakyat, serta menuntut kesetiaan ulung individu yang disalurkan kepada negara-

bangsa itu. Kegiatan nasionalisme telah bermula tidak lewat dari pertengahan kedua abad yang ke-18. Kemunculannya dimanifestasikan dalam *Revolusi Perancis*, yang telah memberi satu idea gerakan baru yang meningkatkan daya tekanan yang kuat dan dinamik daripada kalangan rakyat yang tidak berpuas hati terhadap pemerintahan monarki. Gerakan *nasionalisme* yang berlaku di Eropah adalah secara terpisah. Sebelum abad ke-18, kewujudan kegiatan nasionalisme memang tidak diketahui. Ia bermula di bahagian Barat Laut Eropah dan Amerika Utara, dan kemudiannya tersebar ke seluruh dunia pada pertengahan abad ke-20. Nasionalisme telah menjadi suatu *universalidee-force* di seluruh dunia pada masa kini. Akhirnya nasionalisme telah menjadi ideologi yang bertentangan sekali dengan konsep *demokrasi*, *fasisme*, *sosialisme* dan *komunisme*. Oleh yang demikian, abad ke-19 lebih dikenali sebagai *the age of nationalism* dan seterusnya tersebar meluas di benua Eropah, yang dikenali sebagai *pan-nationalism*.

Secara umum, terdapat tiga peringkat perkembangan nasionalisme di seluruh dunia, iaitu:

- (i) *Pertengahan abad ke-18*: Kemunculannya di Barat Laut Eropah dan Amerika Utara. Ciri utamanya ialah pembentukan *cultural self-determination* atau pembentukan kebudayaan yang tersendiri. Keadaan ini pernah berlaku di Perancis dan Jerman.
- (ii) *Abad ke-19 dan awal abad ke-20*: Perkembangan kegiatan ini di benua Asia dan Afrika, selari dengan perkembangan kegiatan imperialisme dan kolonialisme oleh kuasa Barat. Berlaku kemunculan beberapa buah negara-bangsa yang baru dengan ciri utamanya anti-penjajahan.
- (iii) *Pertengahan abad ke-20*: Kegiatan nasionalisme telah menjadi *supra-national ideologi*. Konsep negara-bangsa telah diberi pengesahan oleh dunia antarabangsa dengan penubuhan badan Bangsa-bangsa Bersatu selepas Perang Dunia Kedua. Piagam PBB termaktub untuk mengiktiraf mana-mana negara di dunia, walau sekecil mana sekalipun, dalam penentuan kedaulatannya sendiri.

Terdapat ramai pelajar dan pengkaji sejarah Malaysia cuba menghubungkan beberapa peristiwa penentangan di kalangan orang Melayu terhadap British sebelum tahun 1909 sebagai suatu gerakan *nasionalisme*. Malah ada sarjana yang mencetuskan idea bahawa kemunculan gerakan *nasionalisme* di Tanah Melayu telah bermula sejak awal abad ke-16, iaitu semasa penentangan orang Melayu Melaka terhadap penjajah Portugis. Pendapat ini kurang tepat berdasarkan beberapa faktor, iaitu (Abdullah Zakaria, 1982: 103):

- (i) Idea dan konsep nasionalisme hanya muncul pada abad ke-18.
- (ii) Gerakan penentangan bertujuan untuk mengembalikan *establishment* pemerintah dan pembesar Melayu.
- (iii) Gerakan kebangkitan bukan melibatkan golongan massa, jauh sekali untuk menentukan kedaulatan rakyat.
- (iv) Kebangkitan antiBritish di Tanah Melayu adalah bersifat kenegerian yang bertentangan dengan konsep negara-bangsa.
- (v) Gerakan penentangan tersebut adalah diakibatkan semata-mata oleh campur tangan British dan bukan bertujuan untuk menentang kerajaan atau sultan.

Siri kebangkitan orang Melayu terhadap penjajahan British berterusan melalui kebangkitan Dol Said di Nanning (1831–1832), kebangkitan Dato' Maharaja Lela di Perak (1875), pemberontakan Dato' Bahaman di Pahang (1891–1895), penentangan Tok Janggut di Kelantan (1915) dan gerakan kebangkitan Haji Abdul Rahman Limbong di Terengganu (1922–1928). Amat sukar untuk menerima siri-siri kebangkitan antiBritish itu sebagai gerakan nasionalisme. Ia mungkin lebih sesuai dikategorikan sebagai suatu gerakan *patriotisme*, sebagai suatu tindak balas penentangan di kalangan penduduk tempatan terhadap kedatangan penjajah.

Kegiatan nasionalisme di Tanah Melayu hanya bermula pada awal abad ke-20. Walau bagaimanapun, kegiatan nasionalisme pada tahap ini sehingga Perang Dunia Kedua lebih cenderung bersifat perkauman. Kegiatan nasionalisme di kalangan orang Cina dan India di Tanah Melayu amat peka dan sentiasa bertindak balas terhadap perkembangan politik di negara asal mereka. Namun begitu, kenyataan ini tidaklah bermakna bahawa orang Cina dan India langsung tidak peduli tentang kelangsungan hidup mereka dalam bidang politik dan ekonomi di Tanah Melayu. Secara umumnya, perkembangan kegiatan nasionalisme Melayu sebelum Perang Dunia Kedua terbahagi kepada tiga peringkat yang utama (Roff, 1980).

<i>Peringkat 1</i>	1900–1920	:	golongan berpendidikan agama
<i>Peringkat 2</i>	1920–1930	:	golongan berpendidikan Melayu
<i>Peringkat 3</i>	1930–1941	:	golongan berpendidikan Inggeris

William R. Roff membahagikan tahap perkembangan ini berdasarkan latar belakang pendidikan yang diterima oleh golongan nasionalis yang terlibat. Menurutnya, latar belakang pendidikan ini amat mempengaruhi corak gerakan bagi setiap peringkat. Manakala, Radin Soenarno (1960) pula membuat

pembahagian berdasarkan matlamat dan tujuan yang berbeza bagi setiap perkembangan nasionalisme, iaitu:

- Peringkat 1* 1906 – 1926 : peringkat keagamaan
- Peringkat 2* 1926 – 1937 : peringkat ekonomi dan sosial
- Peringkat 3* 1937 – 1941 : peringkat politik

Kedua-dua pembahagian ini adalah merupakan suatu usaha untuk melihat kerelevanan sesuatu peringkat. Namun begitu, kita harus menilai semula pemeringkatan tersebut kerana ia telah menafikan suatu konsep penting dalam sejarah, iaitu aspek kesinambungan. Jelasnya, sejarah tidak digambarkan secara menyeluruh dan berterusan. Kebanyakan kegiatan nasionalisme Melayu pada peringkat awal dipelopori oleh golongan berpendidikan agama. Pada 23 Julai 1906, majalah *Al-Imam* telah diterbitkan oleh *Kaum Muda* di Singapura dengan motto “Majalah Pelajaran, Pengetahuan, Perkhawaran”. Penerbitannya didokong oleh pengikut gerakan Islah Islamiyyah di seluruh dunia yang dipelopori oleh *Sheikh Jamaluddin Al-Afghani*, *Sheikh Muhammad Abduh*, *Muhammad Rashid Rida* dan lain-lain lagi (Naimur Rahman, 1983 dan Reid, 1967). Majalah ini dinamakan *Kaum Muda* sebagai *Al-Imam*, yang bererti pemimpin dengan harapan untuk:

“... mengingatkan mana yang lalai dan menjagakan mana yang tidur dan menunjukkan mana yang sesat dan menyampaikan suara yang menyeru dengan kebajikan kepada mereka itu [orang Melayu]” (Abdul Aziz, 1972/73: 29).

Walau bagaimanapun, majalah ini hanya sempat diterbitkan sebanyak 31 keluaran sebelum terhenti disebabkan masalah kewangan. Namun begitu, ia menggambarkan kegiatan intelektualisme masyarakat Melayu yang intipati pengajarannya masih belum usang hingga masa kini. Usaha intelektualisme *Al-Imam* yang meliputi keseluruhan bidang termasuk ekonomi, politik, sosial dan agama cuba dinafikan oleh William R. Roff. Menurutnyanya:

“*Al-Imam's first concern was with religion and not directly with social, even less with political, change*” (William R. Roff, 1980: 57).

Al-Imam memuatkan lebih daripada apa yang dihuraikan oleh Roff. Pandangan ini mungkin disebabkan pemahaman Roff yang dangkal tentang Islam itu sendiri. Beliau cuba melihat Islam menerusi perspektif sekular. Akhirnya, ia memperlihatkan Islam itu terpisah dengan kehidupan lain yang meliputi aspek politik, ekonomi dan sosial.

Antara tokoh-tokoh yang terkemuka dalam kegiatan *Kaum Muda* termasuklah Syeikh Mohd. Tahir b. Jalaluddin Al-Azhari, berasal dari Minangkabau, editor pertama; Syed Syeikh Ahmad Al-Hadi, lahir di Melaka dan berbangsa Melayu-Arab; Haji Abbas Mohd. Taha berasal dari Singapura editor kedua; dan Syeikh Mohd Salim Al-Khalali, pedagang Aceh dan pernah menjadi pengarah majalah *Al-Imam* untuk tempoh dua tahun yang pertama (Roff, 1980). Seorang lagi tokoh Kaum Muda yang termasyhur di Pulau Pinang dan Perak ialah Syed Syeikh Abdullah Maghribi. Walaupun kebanyakan pendukung gerakan Islah ini terdiri daripada bukan berdarah Melayu tempatan kecuali Haji Abbas Mohd. Taha, namun mereka telah menganggap Tanah Melayu sebagai negeri mereka sendiri dan telah mengasimilasikan diri ke dalam masyarakat tempatan. Syeikh Mohd. Salim pernah mengatakan bahawa:

"Sudah minum kami akan air susunya dan telah tumbuh daripadanya daging darah kami dan telah terbit daripadanya nikmat perhatian kesenangan kami. Tidakkah jadi terhutang kami kepada negerinya dan anak-anaknya" (Abdullah, 1984: 86).

Kaum Muda menjadikan Singapura sebagai pangkalan untuk memperjuangkan cita-cita Islah Islamiyyah di Tanah Melayu. Sementara itu, kemajuan Singapura yang begitu pesat memperlihatkan orang Melayu jauh ketinggalan terbelakang berbanding bangsa yang lain. Jurang kekayaan amat ketara dalam kehidupan masyarakat yang bersifat kosmopolitan di Singapura. Kemudahan teknologi alat cetak yang banyak terdapat di Singapura juga turut membolehkan penerbitan surat khabar untuk menyalurkan idea perjuangan *Kaum Muda* di Tanah Melayu. Pemusatan kegiatan di Singapura juga dimungkinkan oleh kebimbangan mereka terhadap serangan yang berterusan dari pihak istana dan *Kaum Tua*. Hal ini disebabkan kuasa mengenai agama dan adat istiadat Melayu adalah terletak di bawah bidang kuasa sultan, seperti mana yang termaktub dalam *Perjanjian Pangkor 1874*. Lebih menarik perhatian ialah Singapura diberi perhatian yang istimewa dalam konteks perkembangan agama Islam pada lewat abad ke-19 dan awal abad ke-20. Roff mengatakan bahawa:

"Singapore reputation as a centre of Islamic life and learning in the late nineteenth century was widespread, though it rested less on possession of a school of religious thought (or even on particular teachers) than on its position in relation to the pilgrimage and Arab migration, and not least on its role as a publication and distribution centre for religious writing" (Roff, 1964: 82-83).

Kesemua ini menjadikan Singapura sebagai pusat pertumbuhan dan perkembangan kesusasteraan dan penerbitan yang terpenting pada abad ke-19 di Asia Tenggara.

Majalah *Al-Imam* merupakan pencanang kepada gerakan Islam yang bergerak di bawah prinsip kembali kepada al-Quran dan Hadis. Perjuangan Kaum Muda adalah berpandukan kepada fatwa melalui konsep ijtihad yang tentunya bertentangan dengan fahaman Islam yang dipegang oleh Kaum Tua. Sebaliknya, Kaum Tua amat bergantung kepada taklid buta yang masih mengamalkan perkara bida'ah dan khurafat, yang dikatakan bercanggah dengan ajaran agama Islam (Roff, 1991: 3-4). Terdapat banyak pihak yang menjadi sasaran *Al-Imam* dalam usaha untuk memajukan orang Melayu.

Dari aspek politik, memang terdapat banyak isu yang diutarakan oleh Kaum Muda. *Al-Imam* sebagai suatu saluran banyak menyindir penjajah British yang dianggap sebagai bangsa ajni di merata tempat termasuk di Mesir, Afghanistan, China dan Tanah Melayu sendiri. Namun begitu, sindiran dan serangannya ke atas penjajah dibuat secara kias ibarat kerana zaman itu diwariskan dengan lingkaran penjajahan (Abdul Aziz, 1972/73). *Al-Imam* juga telah menuduh raja dan pembesar Melayu yang dikatakan *tidak mahu memikirkan dan memilik dan menyediakan bagi masa yang akan datang dan mengadakan pelajaran bagi anak-anak watan mereka itu*. Pada hal begitu ramai di kalangan mereka yang berkemampuan untuk membiayai perbelanjaan anak-anak mereka.

Al-Imam menasihatkan raja dan pembesar Melayu supaya mengambil iktibar terhadap kebangkitan orang Cina menentang pemerintahan monarki. Menurutnya, nasib yang sama akan berlaku di kalangan masyarakat Melayu yang ditindas oleh pemerintahnya. *Al-Imam* juga menyeru orang Melayu supaya menoleh ke negeri Jepun. Menurutnya, rakyat Jepun menerima perubahan atau menjalankan Islah dalam bidang politik, ekonomi dan juga pertahanan, tetapi mereka masih tetap dengan agama yang mereka anuti. Kesimpulannya, agama tidak menjadi masalah dan bukannya penghalang untuk mengejar sebarang kemajuan (Abdullah, 1980).

Dalam aspek sosial, *Al-Imam* juga memberi perhatian yang serius dengan mengkritik, mencadangkan dan menganjurkan pelbagai gagasan untuk menempa kemajuan bangsa Melayu. Ia meliputi perkara-perkara mengenai pendidikan kanak-kanak, perjuangan *emansipasi wanita*, persoalan kegiatan ekonomi, menggalakkan penubuhan syarikat kerjasama (koperasi), kepentingan perpaduan dan tidak ketinggalan galakan pembacaan serta kegiatan kesusasteraan.

Menurut *Al-Imam*, faktor yang membawa kemunduran di kalangan orang Melayu ialah kejahilan dalam memahami kehendak agama Islam yang sebenarnya. Ia juga disebabkan oleh sikap orang Melayu sendiri yang suka bergantung kepada usaha bangsa lain dalam kebanyakan hal, terutamanya dalam bidang ekonomi. Orang Melayu juga diseru supaya berusaha bersungguh-sungguh terutama dalam *membesarkan jalan perniagaan dan pertukangan* serta dalam lapangan pertanian untuk faedah dan mempertingkatkan kemajuan bangsa Melayu.

Dari keseluruhan perbincangan, memang tidak dapat disangkal lagi akan peri pentingnya peranan Kaum Muda melalui saluran media *Al-Imam* dalam menyumbangkan kemajuan orang Melayu pada awal abad ke-20 ini. Kepentingannya adalah dalam menentukan perkembangan masyarakat dan idea-idea yang dikemukakan serta sejauhmana golongan Kaum Muda berjaya mempengaruhi masyarakat Melayu keseluruhannya.

Gagasan dan saranan Kaum Muda melalui majalah *Al-Imam* ini telah mendapat tindak balas daripada orang Melayu. Pembaharuan yang digagaskan itu mendapat sambutan yang baik daripada masyarakat Melayu. Fenomena ini telah mencetuskan pertentangan di kalangan pengamal tradisi yang konservatif yang masih mempertahankan nilai-nilai *establishment* sebagai Kaum Tua. Kaum Tua mendapat sokongan daripada pelbagai pihak terutamanya pihak pemerintah (sultan dan pembesar Melayu) dan penjajah British sendiri. Mereka merasakan kedudukan sebagai pihak yang paling kanan dalam pentadbiran Islam telah tergugat. Malahan idea yang digagaskan oleh Kaum Muda itu memang bertentangan sama sekali dengan apa yang selalu disebarkan oleh Kaum Tua. Pertentangan antara Kaum Muda dengan Kaum Tua, pernah tersiar dalam akhbar *Al-Ikhwan* pada tahun 1929. Antara lain, ia mengatakan bahawa:

"... Kaum Tua are those who hold that as we must believe in the Kuran and the words of the Prophet, so is it obligatory [wajib] to believe in whatever is given us by the ulama whereas the Kaum Muda hold that all that is obligatory in [our] religion is to believe in the Kuran and Hadith, for there is no man but the Prophet free from error" (Roff, 1962: 163).

Sebenarnya ramai yang menganggap pertentangan antara Kaum Muda dengan Kaum Tua sebagai satu perkara kecil dalam masyarakat Melayu. Pernyataan sebegini adalah terlalu cepat dan mudah kerana kurangnya pengkajian dan penelitian yang mendalam. Roff pernah menyatakan bahawa:

"The roots of the conflict between Kaum Muda and the Kaum Tua alliance of religious conservatism and traditional elite, though expressed indoctrinal and ritual controversies of varying substance, may be seen in threat offered by the former to the very basis of customary authority" (Roff, 1980: 77).

Untuk menegakkan kebenarannya, Kaum Tua membalas serangan Kaum Muda. Mereka turut menggunakan saluran akhbar untuk menyanggah idea-idea pembaharuan Kaum Muda. Umpamanya, akhbar *Lidah Benar* telah diterbitkan oleh Kaum Tua di Klang, Selangor. Dengan menggunakan media ini, Kaum Tua *urged opposing points of view and condemned the Kaum Muda as irreligious* (Roff, 1980: 79-80). Penentangan Kaum Tua juga menggunakan saluran penguatkuasaan undang-undang agama dalam pentadbiran Islam di negeri-negeri Melayu. Antara lain, Enakmen Undang-undang Islam tahun 1904 melarang atau menegah sama sekali sesiapa pun menyebarkan ajaran agama Islam kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis daripada sultan. Akhbar yang diterbitkan oleh Kaum Muda juga tidak dibenarkan masuk ke beberapa buah negeri. Enakmen 1904 (pindaan) yang diluluskan pada tahun 1925-26, menyatakan bahawa sejumlah denda akan dikenakan ke atas sesiapa yang menerbit dan mencetak bahan penulisan berkaitan dengan agama Islam tanpa mendapat surat izin daripada sultan.

Pihak British sendiri telah menubuhkan dua buah badan penyiasat, iaitu *Jabatan Siasatan Jenayah* atau *Criminal Intelligence Department* (1918) dan *Biro Siasatan Politik* atau *Political Intelligence Bureau* (1922). Badan-badan ini turut digunakan oleh penjajah British untuk mengawal gerakan Islam Islamiyyah ini. Penentangan daripada Kaum Tua dan pihak pemerintah British ini merupakan suatu manifestasi kebimbangan mereka terhadap pengaruh Islam yang dianjurkan oleh Kaum Muda. Dengan pelbagai cara dan saluran, mereka seboleh mungkin menyekat perkembangan gerakan Islam Islamiyyah di Tanah Melayu.

Suatu yang menarik perhatian tentang gerakan nasionalisme Melayu pada awal abad ke-20 ini adalah kebanjiran bahan penulisan bercetak, terutamanya akhbar dan novel, yang memperbanyakkan lagi khazanah kesusasteraan Melayu (Zainal Abidin bin Ahmad, 1941). Banyak penerbitan akhbar dihasilkan untuk menyebarkan idea Islam termasuklah *Seruan Azhar*, *Semangat Islam* dan *Pilihan Timur*. Kebanyakan akhbar tersebut diterbitkan oleh bekas pelajar dari Timur Tengah, khususnya dari Kaherah atau Beirut (Radin Soenarno, 1960: 8-9). Cara penulisan sebeginilah yang mengandungi kritikan tajam yang berjaya mempengaruhi pemikiran masyarakat Melayu.

Selain daripada penghasilan bahan penulisan, terdapat pertambahan bilangan madrasah di Tanah Melayu untuk menyebarkan idea-idea Islah dan menambahkan ilmu pengetahuan di kalangan masyarakat Melayu. Golongan Kaum Muda sendiri mempelopori penubuhan beberapa buah madrasah di Tanah Melayu (Khoo, 1980). Langkah ini merupakan sebahagian daripada saranan akhbar *Al-Imam* yang sentiasa menekankan peri pentingnya orang Melayu menuntut ilmu untuk kemajuan bangsa Melayu sendiri. Oleh yang demikian, sistem pendidikan orang Melayu telah mencapai kemajuan setapak lagi. Walau bagaimanapun, sistem pengajian pondok masih berfungsi seperti biasa di beberapa buah negeri (Muhammad Uthman El-Muhammady, 1984 dan Awang Had, 1977). Antara madrasah yang terkenal di Tanah Melayu termasuklah Madrasah Al-Iqbal di Singapura, Madrasah Al-Hadi di Melaka, Madrasah Al-Masyhor dan Masriyyah di Pulau Pinang, Madrasah Idrisiah, Al-Dinniah, Al-Ulum dan Il-Ihya As-Syariff di Perak, Madrasah Hamidiah di Kedah dan Madrasah Muhammadiyah di Kelantan (Khoo, 1980: 8-14). Roff menyatakan bahawa;

"It is in fact in the field of the new education that the immediate impact of the reformist group may be most clearly seen, both in its encouragement of religious schools of a more ambitious and elaborate kind than had hitherto existed and in the formulation of a system of education which, ideally, would take account of the need not only for a purified Islam but for modern secular knowledge as well" (Roff, 1980: 66).

Peranan madrasah dalam meniupkan semangat *Islah Islamiyyah* di Tanah Melayu pada awal abad ke-20 memang tidak dapat disangkal lagi. Kemunculan beberapa orang tokoh Islah pada tahun-tahun 1920-an dan 1930-an menunjukkan betapa pengaruh dan minat terhadap idea Islah ini mulai terasa dan menyerap hampir ke setiap peringkat akar umbi dalam masyarakat Melayu. Secara umum, didapati bahawa tahap pertama kebangkitan nasionalisme Melayu ini lebih bercorak menyedar, membangun dan mengukuhkan lagi konsepsi agama Islam. Perjuangan Kaum Muda bukan setakat tahun-tahun 1920-an sahaja, malah ia menunjangi kegiatan-kegiatan politik di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua.

Kegiatan nasionalisme Melayu telah mengalami perubahan pada tahun-tahun 1920-an. Radin Soenarno membuat tanggapan bahawa gerakan nasionalisme Melayu pada tahap ini lebih banyak menumpukan kepada aspek ekonomi dan sosial (Radin Soenarno, 1960). Pada suku kedua abad kedua puluh, kemunculan akhbar-akhbar Melayu telah memainkan peranan penting

dan memberi faedah yang besar bagi masyarakat Melayu keseluruhannya. Ia bukan sekadar menyiarkan berita atau laporan, tetapi lebih jauh dari itu merupakan gelanggang perdebatan berhubung soal agama, sosial, ekonomi dan politik semasa. Umumnya, akhbar-akhbar Melayu yang diusahakan oleh orang Melayu juga merupakan saluran pengucapan orang-orang Melayu.

Kegiatan nasionalisme pada peringkat kedua ini banyak dipelopori oleh tokoh nasionalis yang berpendidikan Melayu. Kebanyakan daripada mereka adalah lepasan dari *Maktab Perguruan Sultan Idris* (MPSI), Tanjung Malim (Awang Had, 1980). Terdapat juga yang mendapat pendidikan dari *Kolej Teknik Kuala Lumpur* dan *Kolej Pertanian Serdang*. MPSI yang ditubuhkan pada tahun 1922 merupakan institusi pengajian paling tinggi bagi orang Melayu kelas bawahan. Ia bertujuan untuk melahirkan bakal guru untuk memenuhi jawatan guru di sekolah Melayu (Radin Soenarno, 1960). Pengelompokan pelajar Melayu dari seluruh Tanah Melayu ini telah melahirkan kesedaran di kalangan mereka untuk turut serta menangani masalah masyarakat Melayu ketika itu. Kegiatan intelektual Melayu terus berjalan dengan penerbitan *Majalah Guru*, bermula pada tahun 1924 di bawah pimpinan Mohd. bin Dato' Muda.

Pelantikan *Mohammad Eunus Abdullah* sebagai ahli Majlis Perundangan Negeri-negeri Selat pada tahun 1924, memperlihatkan penglibatan secara langsung orang Melayu dalam pentadbiran di Tanah Melayu. Kemudiannya pada 14 Mei 1926, beliau telah mengasaskan penubuhan *Kesatuan Melayu Singapura*. Penubuhannya telah mendapat sokongan Tengku Abdul Kadir dan Embuk Suluh, yang antara lain bertujuan untuk mempertingkatkan kemajuan ekonomi dan sosial untuk faedah bangsa Melayu. Penubuhan Kesatuan Melayu Singapura telah diikuti oleh beberapa buah persatuan negeri lain pada tahun-tahun 1930-an.

MPSI yang menjadi pusat kegiatan nasionalisme Melayu pada tahun-tahun 1920-an telah menjadi tumpuan pentadbiran British di Tanah Melayu. Mereka melihat perkembangan di MPSI dengan penuh bimbang dan curiga. Institusi yang hanya bertujuan mengurangkan kadar buta huruf di kalangan orang Melayu telah menjadi pusat penyebaran nasionalisme. Kesedaran nasionalisme Melayu ini bukan sahaja meliputi di kalangan pelajar, tetapi juga melibatkan guru atau tenaga pengajarnya. Mereka telah memberi maklumat dan menyumbangkan idea yang berguna lagi radikal bagi menggerakkan kebangkitan nasionalisme Melayu. Antara tenaga pengajar yang paling aktif termasuklah *Cikgu Buyong Adil*, *Abdul Hadi Hassan*, *Zainal Abidin Ahmad* atau *Za'ba* dan lain-lain lagi (Abdullah dan Khalid, 1974). Keadaan ini telah menyebabkan pihak pentadbiran British menjalankan *gerakan pembersihan*

ke atas institusi tersebut agar penentangan terhadap British dapat dikurangkan. Berikutan tindakan itu, Cikgu Za'ba telah dipinjamkan ke Jabatan Penerangan Singapura, manakala Cikgu Abdul Hadi Hassan telah dinaikkan pangkat sebagai Nazir Sekolah-sekolah Melayu di Kelantan (1929), *Cikgu Harun Aminurrashid* dilantik sebagai Pengarah Pelajaran Melayu di Brunei (1939), manakala Pengetua MPSI, iaitu *O.T. Dussek* telah dipencenkan di England pada tahun 1936.

Kesatuan Melayu Muda (KMM) telah ditubuhkan pada tahun 1938. KMM merupakan kesatuan politik yang agak radikal berbanding dengan persatuan yang lain. Matlamat perjuangannya adalah antiBritish, antifeudal dan kemerdekaan bersama Indonesia Raya. Ramai pengikutnya terdiri daripada golongan guru dan wartawan. Antara tokoh utamanya termasuklah *Ibrahim Haji Yaakob, Hassan Manan, Abdul Karim Rashid* dan *Isa Mohamad*. KMM juga dikatakan merupakan pertubuhan pertama di negara ini menuntut kemerdekaan dari British. Penubuhan KMM juga merupakan manifestasi kebangkitan dan ledakan semangat orang Melayu yang berpendidikan yang berpusat di MPSI, Tanjung Malim, Kolej Pertanian Serdang dan Kolej Teknik Kuala Lumpur.

Jangka masa sepuluh tahun terakhir sehingga Perang Dunia Kedua, gerakan dan kegiatan nasionalisme Melayu semakin ketara. Matlamat politik tidak lagi dikesampingkan. Banyak persatuan telah ditubuhkan untuk menjaga kepentingan masyarakat Melayu. Pada tahun 1934, *Persaudaraan Sahabat Pena Malaya* (PASPAM) telah ditubuhkan di Pulau Pinang. Antara tokoh yang memelopori penubuhan persatuan ini termasuklah *Mohd. Al-Khatib, Ariffin Ishak* dan *Syed Alwi Al-Hadi*. Pada peringkat awal, akhbar *Saudara* telah dijadikan wadah kegiatan persatuan ini. Yang lebih menarik, persatuan ini dinaungi oleh tokoh Kaum Muda, iaitu Syeikh Abdullah Maghribi, yang bertindak sebagai Penasihat Umum. Walaupun persatuan ini sering dilihat sebagai persatuan kesusasteraan dan bukan persatuan politik, namun peranannya dalam gerakan nasionalisme Melayu tidak kurang penting. Persatuan ini telah menganjurkan beberapa persidangan kebangsaan bagi penyatuan bangsa Melayu. Dalam buku berjudul *UMNO 10 Tahun*, terdapat catatan, iaitu:

"The PERSAUDARAAN SHAHABAT PENA appeared by its name, as literary organization, the main aim of which was improved of the Malay Language; but in reality it was a political movement, believing in "Hidup Bahasa, Hiduplah Bangsa" (Alive the Language, Alive is the Nation). Their political activities were hidden behind the facade of their literary activities" (Radin Soenarno, 1960: 18).

Menurut Abdul Latiff Abu Bakar (1985), walaupun PASPAM merupakan persatuan bercorak sosial dan kebudayaan, tetapi ia telah dapat membangkitkan semangat kebangsaan di kalangan orang Melayu di Tanah Melayu, Singapura, Borneo, Sarawak dan Brunei.

Lanjutan daripada penubuhan Kesatuan Melayu Singapura, persatuan-persatuan negeri yang lain juga ditubuhkan termasuklah *Persatuan Melayu Perak* (18 Sept. 1937) yang dipimpin oleh Wan Mohd. Nur Wan Nasir, *Persatuan Melayu Pahang* (Mac 1938) oleh Tengku Muhammad bin Sultan Ahmad dan Dato' Hussain Mohd. Taib, dan *Persatuan Melayu Selangor* (Jun 1939) oleh Tengku Ismail bin Tengku Mohd. Yasin (Roff, 1968). Kesemua ini menunjukkan bahawa kegiatan nasionalisme Melayu turut mempengaruhi dan melibatkan golongan aristokrat bangsawan yang rata-rata mendapat pendidikan Inggeris, khususnya dari *Maktab Melayu Kuala Kangsar* (Khasnor, 1984). Walaupun institusi MCKK merupakan yang paling awal ditubuhkan, iaitu pada tahun 1905, namun kesedaran nasionalisme di kalangan penuntut mereka agak lewat. Kemungkinan ini disebabkan hubungan yang begitu rapat antara pihak British dengan golongan istana. Oleh sebab itulah, kebanyakan persatuan ini hanya menumpukan aspek ekonomi dan sosial orang Melayu. Beberapa siri kongres Melayu telah dijalankan atas inisiatif dan anjuran Persatuan Melayu Selangor dan Kesatuan Melayu Singapura. Antaranya ialah (Ramlah Adam, 1978):

- (i) Kongres I pada 9 Ogos 1939 di Kuala Lumpur.
- (ii) Kongres II pada 25-26 Disember 1940 di Singapura.
- (iii) Kongres III pada tahun 1941 yang dijadualkan di Ipoh telah dibatalkan disebabkan meletusnya *Perang Dunia Kedua*.
- (iv) Kongres IV pada 1-3 Mac 1946 di Kuala Lumpur yang telah melahirkan penubuhan *Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu* (UMNO).

Kesimpulannya, dalam membincangkan tentang perkembangan nasionalisme di Tanah Melayu, kita dapati sistem pendidikan yang dilalui oleh masyarakat Melayu itu memang amat penting dan berkait rapat dengan corak gerakan dan trend pemikiran golongan nasionalis itu. Walau apa pun, kesemuanya itu banyak menyumbangkan ke arah menyedar dan membangunkan bangsa Melayu keseluruhannya. Satu lagi aspek yang penting dan perlu dinyatakan ialah gerakan nasionalisme Melayu sebelum Perang Dunia Kedua ini telah menjadi asas kepada suatu gerakan yang lebih besar dan menyeluruh bagi orang Melayu selepas Perang Dunia Kedua sehinggalah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.

X

PARTI KOMUNIS MALAYA DAN DARURAT DI TANAH MELAYU

Melalui bab ini, adalah diharapkan para pembaca dapat:

- mengetahui tentang perkembangan Parti Komunis Malaya.
- memahami secara kritis peristiwa di sebalik tahun 1948.
- melihat penglibatan British untuk mengatasi perkembangan pengaruh PKM di zaman darurat.

Sebelum Perang Dunia Kedua, kegiatan politik di Tanah Melayu banyak dipengaruhi oleh perkembangan politik sebelumnya. Perkembangan nasionalisme yang berdasarkan perjuangan kaum sangat ketara pada tahap ini. *Dasar pecah dan perintah* kerajaan British telah mengukuhkan lagi keadaan tersebut. Perkembangan sistem pendidikan tambah mengukuhkan kesedaran di kalangan penduduk untuk memperjuangkan kelangsungan hidup mereka dalam lapangan ekonomi, politik dan sosial. Suatu fenomena yang menarik perhatian, kedatangan orang Cina dan India yang pada awalnya bertujuan untuk menyertai sektor ekonomi perlombongan dan perladangan, akhirnya turut serta terlibat dalam kegiatan politik di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, adalah jelas menunjukkan bahawa pada tahap ini kegiatan politik orang Cina dan India amat bertindak balas dengan perubahan politik di negara asal mereka (Purcell, 1978 dan Arasaratnam, 1979). Bab ini bertujuan untuk membincangkan penglibatan politik orang Cina khususnya yang berkaitan dengan *Parti Komunis Malaya* (PKM). Jangka masa darurat 1948-1960 juga akan diberi tumpuan kerana kewujudannya amat berkaitan dengan perjuangan PKM.

Penubuhan PKM sangat berkait rapat dengan perubahan politik yang berlaku di negeri China. Setelah *Parti Komunis China* (PKC) ditubuhkan pada

tahun 1921, mereka menjalankan gerakan melalui dasar *Barisan Bersatu* atau *United Front* dengan *Parti Koumintang* (Cheah, 1982 dan Rupawan, 1984/85). Pada tahap ini, selewat-lewatnya di antara tahun 1921–1922, juga menunjukkan bahawa terdapat beberapa percubaan untuk menyebarkan ideologi komunis di Tanah Melayu di kalangan orang Cina (Khoo, 1971/72). Walaupun pengaruh fahaman komunisme tidak begitu jelas dan meluas pada tahap ini, namun keadaan telah berubah. Hal ini ada kaitan dengan perubahan politik di negara China. Pada tahun 1927, *Parti Koumintang* telah memutuskan hubungan kerjasama dengan *Parti Komunis China*. Ini telah menyebabkan PKM muncul sebagai badan tersendiri pada bulan April 1930 di Singapura. Sebelum daripada itu, sejurus berlaku perpecahan, lima orang agen PKC tiba di Singapura untuk menubuhkan *Nan-yang-kung-chan-tang* (*South Seas Communist Party*). Matlamat utama penubuhan PKM adalah untuk menjadikan Tanah Melayu sebagai sebuah Republik Komunis. Ini berdasarkan suatu resolusi yang dikeluarkan oleh mesyuarat kader PKM yang dikuasai oleh *Far Eastern Bureau of the Comintern*, iaitu:

"To carry on the struggle for national liberation, formulate a military programme for the overthrow of imperialism and feudal aristocracy and to establish the Soviet Republic of Malaya by the co-ordinated efforts of the proletariat and peasantry" (Ramlan, 1973/75: 58).

Dari saat kelahirannya, PKM berpegang kepada segala arahan fahaman Marxism-Leninism dan langkah-langkah diambil bagi menyusun program-program yang berbentuk revolusioner dalam menentang imperialisme dan feodalisme. Segala haluan komunis juga diarahkan untuk mengusir pemerintah British keluar dari Tanah Melayu dan dengan sekali gus pula mengajak rakyat menjayakan slogan pembebasan nasional dan seterusnya meniti ke arah suatu fahaman yang dimulai dengan sosialisme dan kemudiannya komunisme (Mahmud, 1992). Penubuhan PKM dapat dianggap sebagai bermulanya kegiatan berpolitik berparti di Tanah Melayu. Parti yang dikuasai kaum Cina ini secara tidak langsung adalah merupakan percantuman anasir anarkis yang muncul pada tahun-tahun 1920-an. Walau bagaimanapun, terdapat juga orang Melayu yang terlibat dalam pergerakan PKM dan persatuan sulit yang lain (Khoo, 1976/77). Menurut satu laporan, di antara tahun 1928 hingga 1929, empat orang komunis Cina telah bertemu beberapa kali dengan tiga orang Melayu yang hanya dikenali sebagai Ali, Ahmad dan Abdul Rahman. Ali dipercayai telah menubuhkan suatu cawangan pertubuhan komunis di kalangan orang Melayu yang diberi nama *Liga Menentang Penjajah* atau *League Against Imperialism*. Bukti ini menunjukkan

bahawa pertubuhan komunis bukanlah keseluruhannya dianggotai oleh orang Cina.

Berdasarkan dokumen-dokumen Jepun semasa zaman perang, Gene Z. Hanrahan (1954) berpendapat bahawa tokoh-tokoh komunis dari Indonesialah yang paling awal mengambil langkah untuk menyebarkan ideologi komunis di Singapura dan Tanah Melayu. Khoo Kay Kim pernah menyatakan bahawa kegiatan komunis di Tanah Melayu sebenarnya bermula akibat pengaruh politik di Indonesia (Khoo, 1983:104). Antara tokoh yang memainkan peranan penting termasuklah *Alimin* dan *Tan Malaka*. Mereka pernah singgah di Singapura untuk menggalakkan penyebaran idea dan fahaman komunisme. Pada tahun 1925, Tan Malaka yang berasal dari Sumatera pernah mendesak PKM yang berpusat di Canton supaya menghantar wakilnya guna menyusup anasir radikal di Singapura (Khoo, 1984). Fenomena ini amat ketara selepas kegagalan pemberontakan komunis di Jawa, Indonesia pada tahun 1926 dan 1927. Ramai di kalangan mereka telah melarikan diri ke Singapura termasuklah Tan Malaka, *Alimin*, *Soebakat*, *Tamin* dan *Musso* (Ramlan, 1973/75). Malah, tokoh-tokoh komunis Belanda dan Indonesia pernah tiba lebih awal di Singapura. *Darsono*, *Baars* dan *Sneevliet* berada di Singapura pada bulan Mei 1921 dalam perjalanan mereka ke Shanghai. *Semaoen* ketika melarikan diri daripada polis di Indonesia juga singgah di Singapura sebelum dia pergi ke Moscow melalui Shanghai. *Sneevliet* melawat Singapura sekali lagi pada bulan Mei 1922 dalam perjalanannya ke Belanda. Walau bagaimanapun, laporan rasmi Jabatan Siasatan Jenayah Negeri-negeri Selat menyatakan bahawa:

"The influence of the agitation in the Netherless East Indies does not seem to have spread to F.M.S., representatives visiting Malaya appear to get no further than Singapore and are not reported as being very successful in the seaport."

Secara umumnya, perkembangan PKM boleh dibahagi kepada empat peringkat yang berdasarkan dasar perjuangan parti yang berbeza mengikut tahap dan keadaan tertentu:

- (i) 1930–1941: Menjalankan gerakan secara rahsia (gerakan bawah tanah). Tumpuan mereka ialah sekolah malam, kesatuan sekerja dan persatuan Cina.
- (ii) 1941–1945: Menjalankan gerakan secara terbuka menjalinkan kerjasama dengan pihak British melalui pertubuhan *Malayan People Anti-Japanese Army* (MPAJA).

- (iii) 1946–1948: Pergerakan secara berperlembagaan dan diplomasi kerana PKM menuntut agar ia diiktiraf sebagai pertubuhan politik yang sah.
- (iv) 1948–1960: Menjalankan gerakan bersenjata dengan melancarkan pemberontakan dan hartal di Tanah Melayu.

Organisasi PKM mula berkembang dengan pembentukan *Liga Pemuda Komunis* atau *Communist Youth League* (CYL) pada tahun 1926 di Singapura, yang kemudiannya meluaskan kegiatannya ke Semenanjung. Di antara tahun 1926 hingga awal tahun 1930, gerakan komunis di Tanah Melayu adalah merupakan sebahagian daripada gerakan komunis di negeri China. Hal yang sama juga berlaku pada *Parti Koumintang*. Pada peringkat awal ini, kegiatan PKM bergerak secara sulit atau gerakan bawah tanah. PKM terpaksa mengambil masa yang panjang untuk memperkukuhkan kedudukannya, terutama dalam meletakkan imejnya sebagai sebuah badan komunis yang bukan bersifat perkauman. Ini disebabkan dasar kerajaan British sendiri yang sememangnya mengamalkan dasar antikomunis. Pergerakan ini merupakan suatu penerusan kepada kegiatan politik yang mereka lakukan pada awal tahun 1920-an. Di kalangan penduduk Tanah Melayu, kegiatan PKM lebih banyak memusatkan kepada orang Cina berbanding dengan kaum lain.

Walau bagaimanapun, pada masa yang sama PKM dikehendaki berusaha mendapatkan sokongan daripada orang Melayu dan India. PKM juga diminta memberi perhatian kepada kaum petani khususnya di kalangan bumiputera. Penyebaran penerbitan komunis dalam bahasa Cina merupakan langkah pertama untuk menyemai benih ideologi komunis di Tanah Melayu. Langkah PKM selanjutnya adalah untuk mengendalikan organisasi kaum buruh dan di samping itu memperluaskan pengaruh komunis melalui sekolah malam dan sekolah persendirian. Gerakan propaganda PKM telah berjaya mempengaruhi terutamanya golongan belia dan pelajar-pelajar yang radikal. Dua buah badan, iaitu *Malayan Communist Youth* dan *Malayan General Labour Union* telah ditubuhkan sebagai sayap untuk mengukuhkan lagi pergerakan PKM (Mahmud, 1972).

Suatu hakikat yang menarik perhatian tentang perjuangan PKM ialah peranan orang Cina *suku Hailam* yang merupakan pendokong kuat, iaitu lebih kurang 80 peratus daripada anasir komunis, di belakang gerakan sayap kiri itu. Harry Miller dalam bukunya berjudul *Menace in Malaya* pernah menyatakan bahawa sebab utama *suku Hailam* begitu kuat berkecimpung dalam PKM kerana mereka mempunyai sifat kompleks rendah diri yang amat runcing. Tetapi faktor utama yang menyebabkan penglibatan mereka ialah faktor sejarah di negara mereka sendiri khususnya di Pulau Hainan di mana

perjuangan mereka yang dipengaruhi komunis adalah bertentangan sama sekali dengan *Parti Koumintang* yang dipimpin oleh *Dr. Sun Yat Sen* (Mahmud, 1991). Oleh yang demikian, ramai di kalangan *suku Hailam* yang kebanyakannya bekerja sebagai orang gaji, pelaut, buruh di ladang-ladang getah dan sebagainya yang mempunyai keahlian telah bergerak dengan giat di Tanah Melayu untuk mengukuhkan pengaruh komunis di sebelah sini (Khoo, 1971/72).

Pertubuhan-pertubuhan buruh komunis juga telah ditubuhkan pada tahun 1926. Kesatuan Buruh Am Nanyang telah diasaskan di Singapura pada bulan Mei 1926, setelah diadakan suatu mesyuarat yang dihadiri oleh wakil beberapa kesatuan buruh di seluruh Tanah Melayu. Beberapa cawangannya telah ditubuhkan di seluruh Tanah Melayu, Hindia Timur Belanda, Siam dan Sarawak. Lima buah cawangan telah diasaskan pada bulan Mei 1926 dan keanggotaannya berjumlah seribu orang. Keadaan ini semakin meningkat setahun kemudian, dengan 42 buah cawangan baru diwujudkan yang keahliannya seramai lima atau enam ribu orang. Jadual 10.1 boleh menggambarkan kekuatan PKM di Singapura pada tahun 1931 (Mahmud, 1992).

Pergerakan PKM terjejas sedikit apabila seorang agen *Comintern* (*Communist International*) Peranchis, *Joseph Ducroux* ditangkap oleh kerajaan British di Singapura pada bulan Jun 1930. Berikutan penangkapan tersebut, pihak berkuasa British berjaya memberkas 14 orang lagi pemimpin kanan komunis. Walau bagaimanapun, ini tidak melemahkan pergerakan PKM. Pada tahap ini, jelas menunjukkan bahawa PKM sangat cergas dalam pergerakan kesatuan sekerja, terutama dalam usaha membangkitkan perogokan di kalangan pekerja. Ini menyebabkan kerajaan British mengambil tindakan tegas menerusi *undang-undang buang negeri* atau *Banishment*

Jadual 10.1 Keahlian badan-badan komunis

Bil.	Nama badan-badan komunis	Keahlian
I	Singapore General Labour Union	1,700
II	Anti-Imperialist League	835
III	Revolutionary Aid Society	3,550
JUMLAH		6,085

Sumber: (Mahmud, 1992: 10)

Ordinance. Di bawah ordinan ini, 20 orang pegawai kanan PKM yang bergiat dalam kesatuan sekerja telah dibuang negeri pada tahun 1937. Untuk mengawal organisasi kesatuan sekerja daripada sebarang anasir komunis, kerajaan telah meluluskan *Enakmen Kesatuan Sekerja* atau *Trade Unions Enactment* pada tahun 1940. Tindakan ini menyebabkan PKM kurang popular di Tanah Melayu. Sehingga tahun 1939, PKM yang dipimpin oleh *Lai Teck* dikatakan berjaya menarik keahlian seramai 37,000 orang ahli di Tanah Melayu, sementara 18,820 orang ahli lagi di Singapura.

Semasa Jepun menduduki Tanah Melayu dalam Perang Dunia Kedua, PKM telah menjalankan dasar perjuangan yang berbeza dengan zaman sebelumnya. Pada tahap ini, PKM telah bertindak lebih agresif untuk menentang Jepun. Ini merupakan satu tindak balas daripada pihak PKM kerana Jepun pernah menyerang dan menduduki China mulai 7 Julai 1937. Semasa berlakunya Perang China-Jepun, pelbagai usaha telah dilakukan oleh orang Cina di Tanah Melayu untuk memberi bantuan dan mempertahankan negaranya. Semangat nasionalisme di kalangan orang Cina di seberang laut amat kuat. Oleh yang demikian, PKC cuba mendapatkan sokongan dari orang Cina di Tanah Melayu untuk menentang Jepun. PKM telah mengadakan kerjasama dengan Kerajaan British untuk menghadapi musuh mereka yang sama, iaitu tentera Jepun. Kerjasama ini memberi kesan terhadap dasar British di Tanah Melayu (Oong, 1990). Secara tidak langsung, dalam jangka masa perang, PKM seperti telah diiktiraf oleh kerajaan British. Kesemua dasar PKM diputuskan dalam mesyuaratnya yang diadakan di Singapura pada bulan Februari 1942. Antaranya adalah:

- (i) menyatukan seluruh rakyat dan membantu British menentang Jepun
- (ii) mempersenjatai ahli-ahli parti dan golongan massa
- (iii) menghapuskan semua agen musuh dan pengkhianat
- (iv) menghalang Jepun daripada dapat mengesan dan memperolehi rahsia pergerakan PKM.

Tahap 1942 hingga 1945 merupakan suatu *period of material and psychological preparation* bagi PKM (Short, 1965:151). PKM telah mempelopori sebuah badan ketenteraan yang dikenali sebagai *Malayan People's Anti-Japanese Army* (MPAJA). Pada masa ini, PKM telah mendapat bantuan ketenteraan sama ada daripada segi peralatan senjata atau latihan ketenteraan khususnya di 101 Special Training School dari kerajaan British. PKM yang menerajui kepimpinan MPAJA telah menjalankan perang gerila sehingga pertengahan bulan Ogos 1945. Unit MPAJA yang dikenali sebagai

Independence Force mempunyai empat cawangan operasi; unit pertama di Kuala Lumpur Utara dan Selangor Utara, unit kedua di Negeri Sembilan, unit ketiga di Johor Utara dan unit keempat di Johor Selatan. Dalam masa lebih kurang dua minggu yang dikenali sebagai zaman kekosongan, antara masa Jepun menyerah kalah dengan pihak tentera British kembali ke Tanah Melayu, MPAJA telah menguasai keseluruhan Tanah Melayu. Semasa kedatangan semula British ke Tanah Melayu, melalui *Pentadbiran Tentera British* atau *British Military Administration* (BMA), PKM tidak diharamkan. Ini merupakan suatu balasan yang diperolehi oleh PKM kerana hubungan kerjasama yang mereka jalin semasa zaman perang. Tetapi suatu hakikat yang tidak boleh dinafikan ialah PKM tidak mengambil peluang dan kesempatan untuk menjadikan negara ini sebagai Republik Komunis Tanah Melayu. Sebaliknya dalam zaman interregnum ini, PKM lebih menonjolkan faham perkauman kecinaan yang menebal dengan melancarkan serangan balas dendam terhadap orang Melayu yang dianggap sebagai tali barut Jepun. PKM telah mengkesampingkan matlamat dan prinsip ideologi. Maka tercetuslah apa yang disebut sebagai konflik atau perang Cina-Melayu (Cheah, 1987).

Selepas Perang Dunia Kedua, PKM bergerak secara berperlembagaan atau diplomasi. Ini berlaku terutamanya di antara tahun 1946-1948. PKM mengharapkan agar kerajaan British mengiktirafnya sebagai sebuah pertubuhan siasah yang sah, sama seperti parti politik yang lain. Ini merupakan lanjutan daripada kerjasama yang terjalin antara PKM dengan kerajaan British semasa menentang penjajahan Jepun melalui MPAJA. Pada tempoh ini menunjukkan bahawa pemimpin PKM menyusup masuk ke dalam parti politik radikal khususnya. Antaranya ialah *Parti Kebangsaan Melayu Malaya* (PKMM) dan *Malayan Democratic Union* (MDU) (Abdul Aziz, 1988 dan Cheah, 1968/69). Terdapat pula pernyataan yang menunjukkan bahawa dasar ini berkait rapat dengan cara kepimpinan *Lai Teck* (Loi Tak) yang dikatakan begitu lemah dan tidak berwibawa. Hal ini disebabkan kebanyakan dasar PKM adalah ditentukan sendiri oleh Setiausaha Umum PKM. Beliau telah menghilangkan diri pada bulan Mac 1947 dan tempatnya telah diambil alih oleh *Chin Peng*, setelah mendapat surat pelantikan dari *Chou En-Lai* (Short, 1965).

Walau bagaimanapun, tahun 1948 merupakan titik tolak kepada perjuangan PKM yang lebih radikal melalui pemberontakan bersenjata. Pada tahap ini, sejarah PKM meliputi *disrupt the economy, to engage and defeat the police and the army, to win local support, and thus accomplish its task of overthrowing the colonial government*. Pemberontakan bersenjata PKM ini menyebabkan Pesuruhjaya Tinggi British *Sir Edward Gent* telah mengumumkan Ordinan Persekutuan, iaitu *Akta Darurat* pada tanggal 18 Jun

1948. Ordinan ini dikuatkuasakan setelah berlakunya pembunuhan tiga orang berbangsa Eropah di kawasan Sungai Siput, Perak (Tan, 1984: 27).

Pembunuhan dan kegiatan subversif telah dianggap sebagai satu rancangan PKM untuk merampas kuasa secara kekerasan. Terdapat banyak faktor, dalaman dan luaran, yang menyebabkan berlakunya pemberontakan komunis. Faktor luaran termasuklah arahan dari badan-badan komunis antarabangsa melalui Persidangan Pemuda Calcutta dan selepas kegagalan dasar Barisan Bersatu. Lawrence Sharkey, seorang pemimpin komunis Australia telah singgah di Singapura, selepas menghadiri *Kongres Pemuda Asia* di Calcutta pada bulan Februari 1948. Beliau menyampaikan resolusi kongres yang mendesak PKM memulakan pemberontakan bersenjata selaras dengan pemberontakan lain di Asia Tenggara (Ramlan, 1973/75). Walau bagaimanapun, jelas menunjukkan bahawa kegagalan dasar Barisan Bersatu merupakan faktor terpenting yang menyebabkan PKM terpaksa mengubah dasarnya kepada lebih anarkis dan radikal (Tan, 1984). PKM menjalankan dasar mempengaruhi golongan massa untuk menentang imperialis British. Sebahagian besar organisasi PKM digerakkan untuk mengendalikan pemberontakan tersebut. Adalah dianggarkan seramai 4,000 hingga 5,000 orang ahli PKM telah menghilangkan diri ke hutan-hutan untuk menyertai pemberontakan. Pada 1 Februari 1949, badan ketenteraan PKM diubah menjadi *Malayan Races Liberation Army* (MRLA) untuk menarik sokongan dari kalangan orang Melayu dan India. Regimen kesepuluh MRLA dianggotai orang Melayu yang kebanyakannya berasal dari Indonesia (Ramlan, 1973/75). Jadual 10.2 boleh menggambarkan kekuatan pasukan gerila PKM (Short, 1965).

Jadual 10.2 Unit-unit dalam PKM

Bil.	Badan PKM	Keahlian
I	<i>Malayan Races Liberation Army</i> (MRLA)	3,250
II	Min Yuen Units (<i>partly armed service corps</i>)	3,800
III	Masses executive (<i>intelligence and material support units outside jungle</i>)	7,400
JUMLAH		14,450

Sumber: (Short, 1965: 160)

Walau bagaimanapun, ancaman pemberontakan PKM hanya menonjol pada empat tahun yang pertama sahaja, iaitu sehingga tahun 1951. Pada bulan Oktober 1951, Pesuruhjaya Tinggi British Sir Henry Gurney telah mati ditembak dalam satu serang hendap, semasa dalam perjalanannya ke Bukit Fraser (Ismail, 1984). Banyak faktor yang menjelaskan kegagalan pemberontakan komunis ini. Antaranya adalah kegagalan pemimpin PKM untuk menyesuaikan strategi *Mao Tze Tung* dengan keadaan sosial dan alam persekitaran di Tanah Melayu. Tambahan pula, Russia gagal memberi bantuan kepada PKM melalui *Comintern*. Dasar agresif British yang agresif dan menggunakan pendekatan psikologi yang diperkenalkan oleh Sir Gerald Templer turut menyumbang kepada kegagalan perjuangan PKM. Templer menggunakan *operation psychological warfare to gain the hearts and minds of the people*. Beberapa rancangan lain turut diatur dan dilaksanakan seperti *Rancangan Briggs* untuk menempatkan kampung-kampung baru, bantuan ketenteraan dari negara-negara sekutunya khususnya Komanwel, mengadakan sistem kad pengenalan bagi penduduk Tanah Melayu dan mengisytiharkan kawasan putih dan hitam. Pelaksanaan Rancangan Briggs oleh *Harold Briggs* pada 1 Jun 1952 telah berjaya melumpuhkan mekanisme saluran bantuan golongan *Min Yuen* dan pemberontakan komunis.

Satu lagi faktor penting ialah sikap pemimpin PKM sendiri yang terlalu mementingkan soal perkauman yang mengatasi ideologi utama perjuangannya. Tambahan pula, kegiatan komunis di Tanah Melayu dilihat sebagai suatu fenomena orang Cina. Walaupun terdapat kaum lain yang menyertai PKM, namun orang Cina kelihatan lebih terserlah mendominasi pergerakan tersebut. Kepimpinan yang kurang berwibawa merupakan satu faktor yang menyebabkan kegagalan PKM. Keradikalan dan keganasan PKM sukar mendapat simpati dari rakyat, sekali gus menyebabkan pergerakan itu tidak popular di kalangan rakyat Tanah Melayu. Ideologi komunisme juga menolak keperluan hidup untuk kehidupan beragama, yang menurut ideologi mereka agama adalah candu masyarakat. Ini menjadi punca utama penolakan orang Melayu terhadap ideologi tersebut.

Perjuangan PKM untuk menentang imperialis British juga semakin berakhir, apabila pada tahun 1951 kerajaan British mengumumkan dan mengambil beberapa langkah ke arah kemerdekaan Tanah Melayu. Antaranya adalah melantik beberapa pemimpin tempatan sebagai menteri kabinet melalui *Sistem Ahli* atau *Member System* dan mengadakan pilihanraya peringkat majlis tempatan dan Persekutuan. Persetujuan Chin Peng menyertai *Rundingan Baling* pada tanggal 28 Disember 1955 juga membuktikan kekuatan PKM semakin lemah dan tidak berwibawa (Wan Hamzah, 1985 dan Nik Anuar,

1990). Rundingan tersebut berakhir dengan kegagalan kerana PKM enggan menyerah diri walaupun diberi pengampunan oleh kerajaan. Tunku Abdul Rahman sendiri telah menolak permohonan PKM untuk bergerak sebagai sebuah parti politik yang halal. Sesungguhnya zaman darurat memperlihatkan dengan jelasnya bahawa British tidak sanggup menerima ideologi komunis yang diperjuangkan oleh PKM, tetapi sebaliknya mereka berpaling kepada rakyat Tanah Melayu yang bukan berfahaman komunis (Ongkili, 1973/74).

Zaman darurat meninggalkan kesan yang mendalam bagi penduduk Tanah Melayu. Hubungan antara kaum khususnya antara orang Melayu dengan Cina semakin renggang kerana menganut fahaman ideologi politik yang berbeza. Walaupun bukan semua orang berketurunan Cina itu menganggotai PKM, tetapi ia telah menyuburkan prasangka kaum di kalangan penduduk Tanah Melayu. Selain daripada itu, zaman darurat telah mendatangkan bencana kemalangan jiwa bagi penduduk Tanah Melayu. Pada tahun 1953, jumlah anggota PKM yang terkorban telah meningkat kepada 6,500 orang. Ini memaksa PKM mencari rekrut baru tetapi usaha tersebut menjadi semakin rumit. Jadual 10.3 berikut menunjukkan kesan-kesan bencana darurat di antara tahun 1948–1960 (Short, 1965).

Pelaksanaan Akta Darurat di Tanah Melayu mulai tahun 1948, menggambarkan bahawa sebahagian daripada sejarah Malaysia dipenuhi dengan ketegangan dan suasana tidak stabil. Pengalaman keganasan ini akibat keradikalan perjuangan PKM menyebabkan kerajaan mengambil tindakan yang berhati-hati terhadap dasar dan perjuangan komunisme. Ia juga mempengaruhi tindakan kerajaan untuk tidak mengadakan hubungan diplomatik dengan negara-negara blok komunis terutamanya di bawah kepimpinan Tunku Abdul Rahman. Suatu hakikat menunjukkan betapa

Jadual 10.3 Kesan bencana darurat 1948–1960

	Mati	Cedera	Ditangkap @ Hilang	Serah Diri
Gerila PKM	6,711	n.a	1,289	2,704
Pasukan Keselamatan	1,865	2,560	-	-
Orang Awam	2,473	1,385	810	-
JUMLAH	11,049	3,945	2,099	2,704

Sumber: (Short, 1965: 160)

ideologi yang diperjuangkan oleh PKM itu tidak dapat diterima oleh majoriti penduduk Tanah Melayu. *Persidangan Haadyai* pada tahun 1989, iaitu perisytiharan pembubaran organisasi PKM telah membuktikan pengaruh PKM di negara ini sudah hilang bisanya dan semakin tidak bermakna. Walau bagaimanapun, rakyat negara ini perlu berhati-hati dengan fahaman dan ideologi komunisme agar cita-cita membentuk suatu masyarakat Malaysia yang bersatu padu menjadi suatu realiti.

XI

KEGIATAN POLITIK DI TANAH MELAYU SELEPAS PERANG DUNIA KEDUA

Melalui bab ini, adalah diharapkan para pembaca dapat:

- mengetahui tentang kegiatan politik dan politik berparti selepas Perang Dunia Kedua.
- memahami secara kritis peristiwa di sebalik tahun 1948.
- melihat penglibatan British secara langsung dalam menentukan kepimpinan politik negara selepas merdeka.

Kegiatan politik orang Melayu selepas Perang Dunia Kedua adalah merupakan suatu proses kesinambungan daripada perjuangan mereka semasa sebelum zaman perang. Penjajahan Jepun ke atas Tanah Melayu di antara tahun 1941-1945, semakin menggiatkan lagi kesedaran orang Melayu dalam kegiatan berpolitik. Beberapa perubahan dalam politik antarabangsa khususnya di Asia, telah menuntut perubahan sikap di kalangan penduduk di Tanah Melayu. Dasar kerajaan British yang lebih agresif selepas perang menyebabkan timbulnya tindak balas khususnya daripada masyarakat Melayu (Turnbull, 1987). Jika diperhalusi secara kritis, jelas menunjukkan bahawa kegiatan politik di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua sangat berkait rapat dengan dasar pentadbiran penjajah British itu sendiri. Malah, kadangkala penentuan kegiatan berpolitik banyak berdasarkan kepada kehendak British. Oleh yang demikian, dalam jangka masa ini, golongan politik radikal sama ada orang Melayu atau bukan Melayu telah dinafikan segala bentuk pemikiran dan corak kegiatan politiknya.

Kerajaan British kembali mentadbir Tanah Melayu mulai 14 Ogos 1945 melalui *sistem Pentadbiran Tentera British* atau *British Military Administration*

(BMA) di bawah kelolaan *Lord Louis Mountbatten* (Ahmad Fawzi, 1992). Pentadbiran corak ini berterusan sehinggalah kerajaan British melaksanakan dasar kolonial sepenuhnya menerusi perlembagaan *Malayan Union* mulai 1 April 1946. BMA merupakan kerajaan peralihan yang melaksanakan perancangan *Malayan Planning Unit*, iaitu perlembagaan *Malayan Union*. Pentadbiran ini mempunyai dua komponen utama, iaitu formasi ketenteraan yang menjalankan operasi ketenteraan dan organisasi yang menjalankan pentadbiran awam. British menggunakan sistem BMA dengan harapan untuk memulihkan keamanan di Tanah Melayu yang pada ketika itu agak huru-hara dan suasana yang tidak stabil disebabkan masalah perkauman yang menebal antara orang Cina dengan Melayu. *Zaman kekosongan pemerintah* atau *inter-regnum* membuktikan kewujudan perang perkauman tersebut. Dalam jangka masa ini, PKM melalui pasukan Bintang Tiga berusaha membalas dendam terhadap orang Melayu yang dituduh bersubahat dengan Jepun semasa Perang Dunia Kedua (Cheah, 1987). Walaupun peristiwa tersebut hanya mengambil masa dua minggu, tetapi kesan hubungan kaum terus berpanjangan. Soal ideologi perjuangan PKM, iaitu untuk menjadikan Tanah Melayu sebagai Republik Komunis telah dikesampingkan sama sekali.

Pelaksanaan kerajaan *Malayan Union* di Tanah Melayu telah mendapat tindak balas yang sengit daripada masyarakat Melayu. Persatuan-persatuan Melayu secara spontan telah bangkit menentang dasar *Malayan Union* kerana kesemuanya mendatangkan kerugian yang amat besar kepada bangsa Melayu. Antara perkara utama yang menimbulkan perasaan tidak puas hati orang Melayu ialah soal kerakyatan *jus soli*, kedudukan raja-raja Melayu, hak istimewa orang Melayu, perundangan dan kedudukan Singapura yang diasingkan dari Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, soal kerakyatan menjadi isu yang paling utama (Ramlah, 1992). Ini disebabkan pemberian kerakyatan *Malayan Union* adalah terlalu longgar dan mudah. Orang-orang yang boleh mendapat kerakyatan ini adalah (Ramlah, 1978):

- (i) yang dilahirkan di dalam negeri-negeri Union atau tanah jajahan Singapura
- (ii) yang pada tarikh dikuatkuasakan perintah Majlis Mesyuarat telah tinggal di sini selama 10 tahun dan 15 tahun yang lalu
- (iii) yang telah tinggal di Negeri Union atau di tanah jajahan Singapura selama 5 tahun
- (iv) rakyat British yang boleh mendapat kerakyatan ini tanpa hilang kerakyatan Britishnya
- (v) orang (kecuali yang dilahirkan di sini) yang mengangkat sumpah setia kepada *Malayan Union*.

Pada 1-4 Mac 1946, suatu perhimpunan yang melibatkan lebih kurang 41 buah persatuan Melayu telah diadakan di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur yang bertujuan melaksanakan program untuk menentang pelaksanaan dasar Malayan Union di Tanah Melayu. Akhbar Melayu turut memainkan peranan penting meniupkan semangat kebangsaan untuk membangkitkan kegiatan penentangan terhadap penjajah British. Persidangan ini berakhir dengan pembentukan *Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu* atau '*United Malays National Organisation*' (UMNO) yang dipimpin oleh *Dato' Onn bin Ja'afar* dari Pergerakan Melayu Semenanjung Johor (Ishak, 1960). Penubuhan UMNO secara rasmi telah berlangsung di Johor Bahru pada 19 Mei 1946. Za'ba adalah tokoh yang mencadangkan nama pertubuhan UMNO itu (Stockwell, 1979). Slogan perjuangan mereka yang utama ialah *Hidup Melayu dan Tumbangkan Malayan Union*. Antara pemimpin yang bertanggungjawab untuk menidakkan rancangan British itu ialah *Dato' Abdul Rahman Yassin*, tokoh dari Johor (Stockwell, 1977). Beliau menyatakan bahawa orang Melayu tidak boleh selama-lamanya bersikap *yes man* atau menyetujui apa sahaja yang dibuat oleh kerajaan British. Beliau pernah menyatakan bahawa:

"To a Muslim, loyalty is reciprocal. The fact that the Malays have hitherto, through ignorance or otherwise, been blindly obedient does not reduce loyalty to a one sided affair."

Beberapa rancangan diatur bagi seluruh Tanah Melayu dengan mengadakan tunjuk-tunjuk perasaan dan berkabung selama tujuh hari untuk membantah dan menzahirkan perasaan tidak puas hati mereka terhadap rancangan Malayan Union (Ahmad, 1984). Dengan ini, jelaslah bahawa Malayan Union telah ditentang habis-habisa oleh semua peringkat orang Melayu dari raja hinggalah kepada rakyat biasa. Daripada perjuangan inilah wujudnya konsep *raja rakyat, rakyat raja* (Mohammad Yunus, 1961).

Bagi orang Melayu keseluruhannya, pelaksanaan dasar Malayan Union memang sengaja dijalankan oleh kerajaan British di Tanah Melayu kerana ingin membalas dendam terhadap orang Melayu yang mereka dakwa bekerjasama dengan pemerintah Jepun semasa berlakunya Perang Dunia Kedua. Ini boleh dibuktikan dengan tujuan Kerajaan British mengemukakan dasar mengenai Malayan Union. Dipercayai bahawa ada tiga tujuan utama dalam tanggungjawab British terhadap dasar Malayan Union, iaitu menyediakan Tanah Melayu bagi mencapai pemerintahan sendiri, mencipta suatu dasar ketenteraan yang lebih mudah dapat dipertahankan dan timbulnya perasaan kecewa terhadap orang Melayu (Allen, 1967). Sesungguhnya

matlamat utama British melaksanakan Malayan Union untuk menjajah sepenuhnya seluruh Tanah Melayu yang sebelum itu terbahagi kepada tiga sistem pentadbiran yang berbeza, iaitu Negeri-negeri Selat, Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Dengan hal yang demikian, ia membolehkan British memaksimumkan usahanya untuk mengeksploitasikan dasar ekonomi, politik dan sosial di negara ini.

Sebenarnya, dasar Malayan Union telah dirancang dengan begitu rapi mulai tahun 1943. Pada bulan Julai 1943, *Jabatan Perang* dan *Tanah Jajahan* di London telah menubuhkan sebuah jawatankuasa yang dinamakan Malayan Planning Unit yang diketuai oleh *Jeneral Ralph Hone* (Stockwell, 1979). Rancangan ini dikenali sebagai *Reconstruction of Malaya* (Ramiah, 1978). Ia bertujuan untuk merangka satu perlembagaan baru bagi Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua. Ini membuktikan bahawa penjajah British memang merancang sistem pentadbiran yang hendak dilaksanakan di Tanah Melayu (Turnbull, 1974). Malah kalau dilihat dengan dasar pentadbirannya sebelum perang, jelas menunjukkan bahawa British ingin menyatukan pentadbiran bagi seluruh Tanah Melayu yang merupakan suatu proses kesinambungan daripada *dasar desentralisasi* yang telah mengalami kegagalan (Abdul Latiff, 1984). Dasar desentralisasi telah diusahakan oleh kerajaan British melalui empat orang Pesuruhjaya Tinggi British mulai tahun 1909, tetapi tidak berjaya.

Penentangan orang-orang Melayu terhadap Malayan Union mempunyai kesan langsung ke atas raja-raja Melayu. Orang-orang Melayu tidak bersetuju dengan sesetengah raja yang mengenenpikan pandangan rakyat keseluruhannya. Tambahan pula cara *Harold MacMichael* yang memaksa raja-raja Melayu adalah bercanggah dengan adat dan kebudayaan Melayu. Setelah tiba di Port Swettenham pada 11 Oktober 1945, MacMichael telah meneruskan usaha mendapat tandatangan daripada kesemua raja-raja untuk mempersetujui pelaksanaan perlembagaan Malayan Union. Dalam masa dua bulan, iaitu di antara 20 Oktober 1945 hingga 21 Disember 1945, beliau berjaya mendapat perkenan daripada raja-raja Melayu (Mohamed Noordin, 1976). Kejayaan MacMichael mendapat persetujuan raja-raja ini adalah disebabkan beberapa faktor. Pertama, strategi beliau yang berkesan daripada segi psikologi. Beliau telah berjaya mendapat persetujuan yang pertama daripada *Sultan Ibrahim Johor*, yang merupakan sultan paling kanan di Tanah Melayu. A.J. Stockwell menyatakan bahawa:

"His Highness seems to have been anxious to avoid any unpleasantness which might have delayed his return to the delights of London" (A.J. Stockwell, 1979: 51).

Kedua, beliau mendapatkan persetujuan daripada sultan secara berasingan di setiap negeri. Ini menyebabkan sultan-sultan tidak boleh berunding sesama sendiri. Ketiga, beliau menggunakan kaedah ugutan terhadap sultan yang berkeras enggan menandatangani surat itu menerusi perlucutan takhtanya. Keempat, kesemua tandatangan tersebut diambil semasa pelaksanaan sistem Pentadbiran Tentera British, di mana tentera lebih berkuasa daripada golongan pentadbir yang lain. Beliau hanya menghadapi beberapa masalah di beberapa buah negeri seperti di Kedah, Kelantan dan Negeri Sembilan. Akhirnya, setelah mendapat persetujuan dari kesemua sultan, kertas putih Malayan Union 6724 telah diisytiharkan dalam Warta Kerajaan British pada 22 Januari 1946 (Ramlah, 1978).

Dalam penentangan terhadap pelaksanaan dasar Malayan Union, memang terdapat perbezaan yang ketara di kalangan orang Melayu sendiri. Bagi kumpulan yang agak radikal, organisasi mereka adalah di bawah *Parti Kebangsaan Melayu Malaya* (PKMM). Pemimpin pertamanya ialah *Mukhtaruddin Lasso* yang berfahaman sosialis. Tetapi kemudiannya setelah Mukhtaruddin menghilangkan diri, tempat beliau telah diganti oleh pemimpin tempatan, iaitu *Dr. Burhanuddin Al-Helmi* (Saliha, 1974). PKMM yang ditubuhkan di Ipoh pada 17 Oktober 1945 menjadi satu wadah bagi pergerakan Melayu kiri daripada pelbagai ideologi seperti nasionalis, sosialis dan Islam. PKMM adalah merupakan parti politik pertama yang ditubuhkan di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua. Mereka menggunakan akhbar *Suara Rakyat* untuk menyalurkan idea perjuangannya (Firdaus, 1985).

Pada peringkat awal, PKMM turut serta dalam kongres orang-orang Melayu anjuran UMNO yang bertujuan menyatupadukan rakyat dan raja-raja Melayu dan menuntut penghapusan Malayan Union. Walau bagaimanapun, PKMM tidak sependapat dengan UMNO dalam cara mereka menangani dasar Malayan Union itu. Ini disebabkan slogan perjuangan PKMM ialah berusaha mencapai kemerdekaan bagi Tanah Melayu dengan kadar segera. PKMM mengkritik cara UMNO yang begitu sederhana dan berlembut dengan pihak penjajah British. PKMM menganggap UMNO dengan semboyannya *Hidup Melayu* dipimpin oleh orang-orang Melayu yang proInggeris dan profeudal adalah terlalu mengalah dan bertolak ansur dengan pihak British sehingga sanggup pula melambatkan tuntutan kemerdekaan. Tindakan politik PKMM ini sebenarnya boleh dihubungkan dengan pemikiran dan cita-cita politik Dr. Burhanuddin sendiri yang berlandaskan dua perkara asas, iaitu Kebangsaan Melayu dan cita-cita politik Islam (Saliha, 1986).

Sesungguhnya tahun 1947 adalah merupakan era baru dalam pergerakan politik di Tanah Melayu. Buat pertama kalinya orang Melayu dan bukan

Melayu bersetuju untuk mengadakan suatu perundingan untuk mencadangkan perlembagaan baru sebagai alternatif kepada perlembagaan Malayan Union. PKMM yang menerajui *Pusat Tenaga Rakyat* (PUTERA) di bawah kepimpinan *Dr. Burhanuddin Al-Helmi* telah mengadakan perundingan dengan *Tan Cheng Lock* yang mewakili *All Malayan Council of Joint Action* (AMCJA) (Soh, 1960). Pada tanggal 4-7 Julai 1947, kedua-dua pertubuhan ini bersetuju mencadangkan *Perlembagaan Rakyat* kepada kerajaan British yang mengandungi sepuluh perkara asas dalam perlembagaan yang dipersetujui bersama. Unsur utama perlembagaan ini merangkumi hak demokrasi rakyat, pemerintahan beraja yang berperlembagaan dan konsep hak ketuanan Melayu serta konsep kebangsaan Melayu yang diperjuangkan oleh *Dr. Burhanuddin* (Saliha, 1986). Enam prinsip yang awal diputuskan oleh AMCJA, manakala empat prinsip lagi dicadangkan oleh PUTERA (Kamarudin, 1980).

- (i) Malaya bersatu, termasuk Singapura.
- (ii) Satu dewan perundangan pusat bagi seluruh Malaya dengan keseluruhan ahlinya dipilih oleh orang ramai.
- (iii) Hak-hak politik yang sama bagi semua orang yang menganggap Malaya sebagai tanah airnya dan sebagai tumpuan taat setianya.
- (iv) Sultan Melayu haruslah mengambil tempatnya sebagai raja berperlembagaan yang berdaulat penuh menerima nasihat rakyat melalui institusi-institusi yang demokratik bukan 'penasihat-penasihat' British.
- (v) Perkara yang berhubung dengan agama Islam dan adat istiadat Melayu haruslah diletakkan di penguasaan orang Melayu semata-mata.
- (vi) Perhatian khas haruslah diberikan kepada kemajuan orang Melayu.
- (vii) Bahasa Melayu haruslah menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal bagi Malaya.
- (viii) Pertahanan dan hal ehwal luar negeri haruslah menjadi tanggungjawab bersama kerajaan Malaya dan kerajaan British.
- (ix) Kerakyatan Malaya haruslah dinamakan Melayu dan,
- (x) Merah dan putih haruslah dimasukkan sebagai latar bendera kebangsaan Malaya.

Walau bagaimanapun, cadangan perlembagaan ini telah ditolak oleh kerajaan British kerana mereka hanya menjalankan perundingan dengan UMNO dan raja Melayu. Golongan politik berfahaman kiri telah di kesampingkan sama sekali. Golongan politik kiri ini bukan sahaja diketepikan, malah kebanyakan daripada tokoh mereka telah ditangkap dan dipenjarakan melalui pelaksanaan *Akta Darurat* di Tanah Melayu mulai bulan Jun 1948. Terdapat

juga di kalangan pemimpin golongan kiri PKMM yang menyusup masuk ke dalam UMNO untuk mengelakkan daripada ditangkap. Antaranya termasuklah Aishah Ghani, Ghafar Baba dan ramai lagi. Penyusupan masuk golongan kiri Melayu ini dikatakan berjaya mempengaruhi perjuangan UMNO daripada Hidup Melayu kepada slogan kemerdekaan. Manakala bagi pemimpin Cina, *Tan Cheng Lock* telah mengubah arah aliran politiknya dengan menubuhkan *Malayan Chinese Association* (MCA) pada bulan Februari 1949 yang ditaja oleh kerajaan British (Heng, 1988). Penubuhan MCA adalah bertujuan menyatukan orang Cina, di samping untuk melarikan pandangan orang Cina daripada ideologi komunisme. Kerajaan British mengambil masa yang panjang, iaitu selama 12 tahun (1948–1960) untuk melancarkan *Akta Darurat* bagi gerakan pembersihan di kalangan golongan radikal yang menentang British dan golongan subversif komunis (Wan Hamzah, 1985).

Setelah mendapat bantahan keras daripada orang Melayu, akhirnya dengan beberapa perubahan dalam perlembagaan, kerajaan British telah menggantikan perlembagaan *Malayan Union* dengan *Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu* pada 1 Februari 1948. Walau bagaimanapun, Singapura masih kekal sebagai satu unit entiti yang berasingan. Soal kewarganegaraan telah diperketatkan syaratnya, tetapi masih membolehkan golongan imigran mendapat hak kerakyatan yang sama dengan orang Melayu. Kedudukan raja Melayu telah dikekalkan tarafnya sepertimana sebelumnya. Sebenarnya, bagi kebanyakan sarjana perubahan perlembagaan kepada Persekutuan Tanah Melayu bukanlah merupakan kegagalan British atau kejayaan UMNO. Sebaliknya perubahan nama ini hanyalah bersifat psikologi politik untuk mengurangkan penentangan orang Melayu. Hakikatnya, kandungan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu tidak banyak bezanya dengan *Malayan Union*.

Penubuhan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu ini telah menimbulkan tentangan yang semakin menghangatkan lagi perkembangan politik Tanah Melayu. Terdapat beberapa usaha yang dilakukan di beberapa buah negeri di Semenanjung yang hendak membebaskan dirinya daripada Persekutuan Tanah Melayu. Antara gerakan pemisahan yang pernah berlaku ialah Pulau Pinang I (1948–1949), Pulau Pinang II (1953–1957), Johor dan Kelantan (1955–1956). Gerakan pemisahan di Pulau Pinang dan Johor mempunyai matlamat yang sama, iaitu ingin mengikut jejak Singapura dan berada terus di bawah pentadbiran British. Manakala *gerakan pemisahan* di Kelantan pula bertujuan untuk memulihkan keagungan agama Islam, bahasa Melayu dan adat istiadat Melayu. Ini berdasarkan keputusan yang dibuat oleh *Persatuan Kebangsaan Melayu Kelantan* yang dipimpin oleh *Nik Mahmood Abdul Majid* (Mohamed

Noordin, 1976). Gerakan pemisahan di Pulau Pinang diketuai oleh *Heah Joo Seang*, bekas Presiden Persatuan Cina-British Negeri-negeri Selat. Mereka bimbang kedudukan ekonomi dan politik Pulau Pinang akan didominasi oleh negeri-negeri Melayu yang lain. Heah Joo Seang menyatakan bahawa:

"I really cannot understand the desirability of donning the mantle of Malayan citizenship unless I am forced to. It is below my dignity to do so."

Sultan Ibrahim Johor menyokong kuat gerakan pemisahan di Pulau Pinang. Beliau menyatakan bahawa;

"I say Singapore, Penang and Malacca should be Straits Settlements for ever ... why did they make a Federation of all Malaya? Why did they put in Penang and Malacca?" (Mohamed Noordin Sopie, 1976: 72).

Gerakan pemisahan di Johor muncul apabila seorang perwakilan bernama Yap Kim Hock membahaskan belanjawan bagi tahun 1955 dalam Dewan Undangan Negeri Johor pada akhir tahun 1954. Beliau tidak bersetuju kerana negeri Johor menerima perbelanjaan yang kurang berbanding negeri-negeri lain. Gerakan ini mendapat sokongan kuat daripada Sultan Ibrahim dan *Persatuan Kebangsaan Melayu Johor* (PKMJ) yang dipimpin oleh *Ungku Abdullah Omar*. PKMJ yang ditubuhkan pada 22 Oktober 1955 berkempen untuk gerakan pemisahan Johor daripada Persekutuan Tanah Melayu dan hendak mengekalkan statusnya sebagai negeri yang merdeka di bawah naungan British. Walau bagaimanapun, kesemua gerakan tersebut tidak berjaya dilaksanakan kerana mendapat tentangan kuat daripada kerajaan British dan UMNO sendiri. Bagi kerajaan British, mereka bimbang penentangan akan berlaku lagi sepertimana tahun 1946, jika kehendak gerakan pemisahan ini dipenuhi.

Tidak berapa lama kemudian, Gabenor-Jeneral British di Asia Tenggara *Malcolm MacDonald* telah mencetuskan gagasan 'perpaduan sebelum kemerdekaan' bagi rakyat Tanah Melayu. Idea ini telah menyebabkan tertubuhnya *Jawatankuasa Perhubungan Kaum* (*Communities Liaison Committee*) pada tahun 1949 yang dipengerusikan oleh *E.E.C. Thuraisingam*. Ahli-ahlinya pula terdiri daripada semua kaum yang utama di Tanah Melayu. Tidak lama selepas itu, idea ini pula berjaya mempengaruhi pemikiran politik *Dato' Onn Jaafar*. Ini menyebabkan beliau mencadangkan agar keahlian UMNO dibuka kepada semua kaum di Tanah Melayu. Selepas cadangan beliau tidak diterima oleh ahli-ahli UMNO, *Dato' Onn Jaafar* telah mengisytiharkan untuk keluar dari

parti UMNO pada tahun 1951. Beliau telah mengasaskan penubuhan sebuah parti baru yang bersifat tidak perkauman iaitu *Independence of Malaya Party* (IMP) pada tahun 1951 (Ramlah, 1992). Pada masa yang sama, UMNO juga menghadapi masalah politik yang genting kerana ahli-ahli Biro Agama parti yang diketuai oleh *Haji Ahmad Fuad* mengumumkan bertindak keluar daripada UMNO dan menubuhkan *Parti Islam Se Tanah Melayu* (PAS). Tujuan utama penubuhan PAS ialah berusaha menegakkan daulah Islamiyyah di Tanah Melayu (Funston, 1980 dan Safie, 1981).

Pada tahun 1951, kerajaan British telah memperkenalkan beberapa langkah ke arah mewujudkan pemerintahan sendiri oleh rakyat Tanah Melayu. Antara langkah-langkah yang diambil ialah melantik beberapa pemimpin tempatan ke dalam sistem kabinet yang dikenali sebagai *Sistem Ahli* (*Member System* atau *Ministerial System*) pada bulan April 1951. Kebanyakan mereka yang dilantik menganggotai Jawatankuasa Perhubungan Kaum terdiri daripada pemimpin yang mempunyai latar belakang berpendidikan Inggeris. Pemimpin tersebut termasuklah Dato' Onn Jaafar (Hal Ehwal Dalam Negeri), Tengku Yaacob bin Sultan Abdul Hamid (Pertanian dan Perhutanan), Dato' Mahmud bin Mat (Tanah, Galian dan Perhubungan), E.E.C. Thuraisingam (Pelajaran) dan Dr. Lee Tiang Keng (Kesehatan) (Khong, 1984). Walau pelantikan tersebut dibuat, namun kuasa eksekutif yang sebenar adalah di bawah pentadbiran kerajaan British. Dasar ini menunjukkan zaman peralihan sedang diusahakan oleh kerajaan British. Namun begitu, penjajah British lebih cenderung untuk melantik tokoh yang mempunyai hubungan yang rapat dengan British dan mempunyai dasar perjuangan politik yang sederhana.

Selain itu, kerajaan British juga mula memperkenalkan sistem politik demokrasi menerusi pilihanraya yang bertujuan melatih penduduk Tanah Melayu ke arah berkerajaan sendiri. Pada peringkat awal, kerajaan British hanya menjalankan proses pilihan raya di peringkat Majlis Tempatan atau *Municipal Council*. Pada tahun 1951, pilihan raya yang paling awal diadakan di Majlis Bandaran George Town dan di Kuala Lumpur pada tahun 1952. Dalam pilihan raya tersebut, parti-parti politik telah turut bertanding untuk mencari pengaruh masing-masing. UMNO hanya mendapat dua kerusi di Pulau Pinang tetapi menang cemerlang di Kuala Lumpur. Dalam pilihan raya Kuala Lumpur, usaha-usaha perpaduan melalui gerakan politik mula muncul yang dimanifestasikan melalui kerjasama UMNO-MCA. Pada tahun 1954, parti Perikatan semakin kuat dengan penyertaan tiga parti mewakili kaum yang terbesar, iaitu UMNO, MCA dan MIC. Akhirnya, kerajaan British telah mengadakan pilihan raya peringkat Persekutuan yang pertama pada 27 Julai 1955. Pilihan raya tersebut dianggap tidak demokratik kerana hanya 52 buah

kerusi dipertandingkan, manakala 46 buah kerusi lagi adalah dilantik oleh kerajaan (Carnell, 1955). Dalam pilihan raya tersebut, gabungan *Perikatan UMNO-MCA-MIC* mencapai kejayaan cemerlang dengan memperolehi 51 daripada 52 buah yang dipertandingkan. Sebuah lagi kerusi dimenangi oleh calon PAS di kawasan Krian, Perak (Smith, 1955). Manifesto utama yang membawa kejayaan Perikatan ialah memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu dan mengeneppikan sama sekali soal perkauman.

Kejayaan parti Perikatan telah mendorong mereka menghantar suatu rombongan ke London yang diketuai sendiri oleh *Tunku Abdul Rahman* untuk merundingkan soal kemerdekaan bagi Tanah Melayu. Setelah Persidangan Perlembagaan, kerajaan British telah bersetuju menubuhkan *Suruhanjaya Reid* pada bulan Februari 1956 untuk merangka suatu perlembagaan merdeka bagi Tanah Melayu. Ahli-ahli suruhanjaya itu terdiri daripada *Lord Reid* (Pengerusi), *Ivor Jennings* (United Kingdom), *William Mc Kell* (Australia), *Hakim B. Malik* (India) dan *Hakim Abdul Hamid* (Pakistan). Wakil dari Kanada telah menarik diri atas sebab kesihatan (Simandjuntak, 1985). Pada bulan Mei dan Jun 1956, ahli-ahli suruhanjaya tiba ke Tanah Melayu. Langkah pertama yang mereka ambil ialah mengundang semua pertubuhan dan individu supaya mengemukakan memorandum dan pandangan kepada suruhanjaya untuk dipertimbangkan. Kesemuanya, terdapat 131 memorandum telah diterima oleh suruhanjaya tersebut. Malangnya, *Suruhanjaya Reid* lebih senang berunding dengan pihak Perikatan dan raja-raja Melayu sahaja. Pandangan yang kritikal dari golongan radikal dan parti pembangkang di kesampingkan sama sekali. Menjelang akhir bulan Oktober 1956, suruhanjaya ini memutuskan bahawa mereka mempunyai maklumat yang cukup untuk menyediakan laporan dan cadangan untuk pembentukan perlembagaan Tanah Melayu. Dalam masa empat bulan, cadangan perlembagaan telah disiapkan dan ia dikemukakan secara rasmi untuk persetujuan Baginda Queen dan raja-raja Melayu dan diterbitkan dalam bulan Februari 1957. Akhirnya kerajaan British telah mengisytiharkan kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 dengan menggunakan *Perlembagaan Reid* sebagai dasar utama kerajaan yang merdeka.

Cadangan perlembagaan merdeka bagi Tanah Melayu telah mendapat kritikan hebat daripada penduduk Tanah Melayu. Ini disebabkan jawatankuasa suruhanjaya tersebut tidak mempunyai pengalaman langsung tentang politik, ekonomi dan kebudayaan masyarakat yang pelbagai kaum di Tanah Melayu. Tokoh-tokoh tempatan langsung tidak dilantik dalam jawatankuasa tersebut. Oleh itu, pandangan majoriti penduduk di ketepikan. Suara yang mereka utamakan ialah dari pihak raja-raja dan Parti Perikatan sahaja. Tambahan pula,

masa yang diberikan untuk merangka suatu perlembagaan yang lengkap dan menyeluruh adalah terlalu singkat. Oleh sebab itulah, perlembagaan merdeka 1957 masih lagi dipertikaikan dan sentiasa mengalami pindaan untuk disesuaikan dengan kepentingan penduduk Tanah Melayu sendiri.

Kesimpulannya, kegiatan politik di Tanah Melayu semakin bertambah unik dan aktif khususnya selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua. Bagi penduduk Tanah Melayu, mereka begitu responsif terhadap setiap dasar yang diperkenalkan oleh penjajah British. Kerajaan British pula memainkan peranan mencetuskan dasar yang perlu dipatuhi oleh setiap parti politik. Campur tangan British amat jelas berlaku pada tahap peralihan ini. Lebih menarik lagi, kegiatan politik yang dianggap kiri dan radikal telah dinafikan peranan dan kepentingannya. Tahun 1948 merupakan titik tolak kepada kegiatan politik yang lebih tenang dan sederhana. Golongan politik kiri telah ditenggelamkan, manakala golongan politik sederhana yang proBritish mengambil alih peranan dalam politik Tanah Melayu, yang akhirnya terbentuklah *Perikatan UMNO-MCA-MIC*. Fenomena politik sebelum kemerdekaan ini menunjukkan kesungguhan di pihak British untuk memastikan kuasa politik Tanah Melayu dipegang dan diwarisi oleh mereka yang mengamalkan politik sederhana dan memihak kepada British.

XII

PENJAJAHAN JEPUN DI TANAH MELAYU

Melalui bab ini, adalah diharapkan para pembaca dapat:

- mengetahui tujuan sebenar penjajahan Jepun di Tanah Melayu
- melihat tentang usaha Jepun untuk *menjepunkan* Tanah Melayu
- mendalami implikasi penjajahan Jepun yang membakar semangat perkauman di Tanah Melayu.

Penjajahan Jepun ke atas Tanah Melayu semasa Perang Dunia Kedua merupakan sebahagian daripada program *Pensemakmuran Asia Timur Raya* untuk menguasai kegiatan ekonomi, politik dan tanah jajahan di Asia Tenggara. Program ini sebagai suatu penerusan kepada kegiatan penjajahannya yang telah dijalankan sebelumnya di *Semenanjung Korea, Manchuria* dan *China*. Di sebalik penjajahan Jepun di Asia Tenggara, mereka menggunakan konsep *Asia untuk orang Asia* untuk melindungi matlamat sebenar penjajahan mereka. Jepun menanamkan sikap anti-Barat untuk mendapat sokongan dan simpati penduduk Asia Tenggara. Sekali gus Jepun telah menonjolkan diri dan dianggap sebagai bangsa penyelamat bagi orang Asia.

Dalam bab ini, penulis ingin memfokuskan tentang dasar pentadbiran Jepun di Tanah dalam jangka masa 1941-1942. Jangka masa ini merupakan period yang sangat penting dalam persejarahan Malaysia dalam konteks perkembangan nasionalisme di Tanah Melayu. Dasar pentadbiran Jepun di Tanah Melayu bukan berdasarkan prinsip yang tetap dan berterusan. Ia merupakan sesuatu yang dirancang berdasarkan pendekatan yang strategik

(Itagaki, 1962). Tambahan pula, suatu yang tidak boleh dinafikan ialah dasar pentadbiran Jepun adalah lebih agresif di Tanah Melayu berbanding dengan negara lain di Asia Tenggara. Lebih penting lagi, penjajahan Jepun di Tanah Melayu telah menimbulkan implikasi yang mendalam ke atas penduduk yang berbilang kaum di Tanah Melayu sehingga mencetuskan pertumpahan darah (Khoo, 1981).

Sebelum melanjutkan perbincangan, kita harus menganalisis mengapa pihak British dan *tentera Berikat* (Bersekutu) terpaksa menyerah kalah kepada tentera Jepun dengan begitu cepat dan mudah. Pihak Jepun hanya mengambil masa selama dua bulan untuk menawan dan menguasai seluruh pentadbiran Tanah Melayu bermula dari 12 Disember 1941 sehingga 15 Februari 1942. Persediaan Jepun untuk melancarkan serangan ke atas Tanah Melayu melalui Thailand telah dilakukan sejak tahun 1938. Perdana Menteri Thailand, *Phibun Songkram* telah mendapat sokongan penuh daripada Parlimen yang percaya kerjasama dengan Jepun perlu untuk mendapatkan semula tanah jajahan Thailand yang telah diserahkan kepada Indo-China dan Tanah Melayu (Abdullah Zakaria, 1993). Kerajaan Thailand cuba mengambil kesempatan untuk menguasai Indo-China setelah Perancis mengalami kekalahan dalam peperangannya dengan Jerman di Eropah. Pada bulan Oktober 1940, secara rahsia Phibun Songkram telah membenarkan tentera Jepun menyerang Tanah Melayu melalui Thailand. Pada bulan Mac 1941, Konsul Jepun telah dibuka di Songkhla, di bahagian selatan Thailand. Setelah menguasai Indo-China pada bulan Disember 1941, Jepun meneruskan kempennya untuk menawan Tanah Melayu.

Chin Kee Onn menggariskan beberapa faktor yang menyebabkan kemenangan mudah tentera Jepun di Tanah Melayu (Chin, 1976). Pertama, disebabkan kejayaan strategi tentera Jepun yang berjaya menghancurkan *Pearl Harbour* terlebih dahulu pada tanggal 8 Disember 1941. Kawasan tersebut merupakan pusat ketenteraan, stor tentera dan mempunyai kemudahan strategik pihak Berikat di Lautan Pasifik. Ini menyebabkan Pearl Harbour tidak dapat memainkan peranan untuk membantu pertahanan pihak Berikat di Asia Tenggara. Kedua, sokongan yang diberikan oleh Thailand kepada pihak Jepun dengan menjadikan Bangkok sebagai pangkalan strategik mereka untuk menyerang Asia Tenggara. Ketiga, pihak Jepun berjaya menenggelamkan dua buah kapal perang pihak Berikat, iaitu *Prince of Wales* dan *Repulse* di perairan Timur Laut Tanah Melayu. Keempat, peranan kumpulan perisik Jepun yang bergerak di bawah pasukan *Fifth Columnists*, juga dikenali sebagai *F-Kikan* yang berpangkalan di Bangkok (Roberston, 1986). Kumpulan perisik ini berjaya memperolehi pelbagai maklumat mengenai Tanah Melayu bagi

mbolehkan tentera Jepun menjajah secara lebih berkesan. Kebanyakan perisik Jepun terdiri daripada jurugambar, nelayan, peladang, petani, pemandu teksi, peniaga, tukang gunting dan doktor gigi.

Selain daripada itu, faktor kelima ialah tiadanya kesedaran kebangsaan yang kukuh dan menyeluruh bagi penduduk Tanah Melayu. Menurut Chin Kee Onn, kecuali orang Melayu, bangsa lain yang datang ke Tanah Melayu adalah bertujuan semata-mata untuk menjalankan kegiatan perniagaan. Fenomena ini juga membuktikan bahawa kegiatan nasionalisme yang wujud di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua adalah bersifat perkauman (Silcock dan Ungku Aziz, 1973). Keenam, kekuatan angkatan tentera udara British yang lemah berbanding dengan Jepun. Ketujuh, kekuatan tentera British di Asia semakin lemah kerana pangkalan tentera lautnya telah berpindah dari Trincomalee, India ke Madagascar, Afrika. Ini membolehkan tentera laut Jepun dapat menguasai kawasan sehingga perairan Sri Lanka (Ceylon) dan India Selatan. Kelapan, kekalahan British di Tanah Melayu disebabkan mereka terlalu memandang rendah tentang keupayaan dan kekuatan tentera Jepun.

Menurut *Summarized Plan for Management Southeast Asia* yang bertarikh 14 Disember 1941, menyatakan bahawa tujuan penjajahan Jepun adalah untuk menjamin keselamatan empayar dan melahirkan organisasi yang perlu dalam projek pembinaan kawasan *pensemakmuran Asia Timur Raya* di mana Jepun adalah sebagai kuasa yang memimpinnya. Sebaik sahaja British menyerah diri pada 15 Februari 1942, *pasukan tentera ke-25 Jepun* telah melancarkan tindakan untuk menyusun semula sistem pentadbiran dan undang-undang. Kecurian dan jenayah berlaku secara berleluasa ketika itu. Tentera Jepun mula menguatkuasakan arahan seperti berikut:

"offenders were shot and beheaded on the spot, their head displayed on pikes at prominent points in the city, particularly market places. The Kempeitai (Japanese military police), accompanied by local spies and informers, conducted house to house raids for stolen goods for which he could not give a satisfactory explanation was hauled away to be shot" (Cheah, 1980: 95).

Walau bagaimanapun, kempen tentera Jepun telah menimbulkan ketakutan dan kecemasan di kalangan penduduk tempatan, tetapi ia sangat berkesan untuk mewujudkan keamanan di Tanah Melayu. Kempen ini dilancarkan sebagai memenuhi dasar asas Jepun, iaitu mempertahankan punca ekonomi tempatan dengan sedaya upaya serta usaha mententeramkan bantahan di kalangan penduduk. Dasar ini berkait rapat dengan usaha mereka

untuk mewujudkan kawasan pensemakmuran Asia Tenggara bagi mendapatkan bahan mentah yang penting seperti petroleum, bijih timah dan getah untuk kegunaan dalam peperangan.

Mulai 28 Mac 1942, Tanah Melayu dan Sumatera telah diletakkan di bawah satu unit pentadbiran dan politik. Ia ditadbir oleh *pasukan tentera ke-25 Jepun* yang berpangkalan di Singapura. Kedua-dua wilayah ini dianggap sebagai *nucleus* kepada pentadbiran Jepun di Asia Tenggara. Walau bagaimanapun, pada bulan April 1943 kedua-dua wilayah ini ditadbir secara berasingan kerana terdapat perbezaan politik dan ekonomi yang banyak dipengaruhi oleh penjajah Belanda di Indonesia dan British di Tanah Melayu. Pusat pentadbiran tentera Jepun di Sumatera terletak di Bukit Tinggi yang dikendalikan oleh pasukan tentera ke-25. Manakala pasukan tentera ke-29 mentadbir Tanah Melayu yang berpusat di Taiping, Perak. Semasa Jepun mentadbir Tanah Melayu, kuasa pentadbiran keempat-empat buah *negeri Melayu Utara* telah diserahkan semula kepada Thailand. Penyerahan ini sebagai penghormatan kepada *Thailand* yang memberi sokongan kuat kepada kempen tentera Jepun ke atas Tanah Melayu. Cheah (1987) menyatakan bahawa:

"... the real aim was to reduce the area of command in northern Malaya in order to free more Japanese troops for the Burma campaign."

Namun begitu, penyerahan wilayah tersebut menyebabkan keluasan Tanah Melayu semakin berkurangan. Tanah Melayu mengalami kekurangan bahan makanan terutamanya beras kerana wilayah utara merupakan pengeluar padi yang utama. Kesan penting yang lain ialah wujudnya ketidakseimbangan kaum di kalangan penduduk Tanah Melayu. Jadual 12.1 dan 12.2 boleh menggambarkan fenomena tersebut.

Dasar pentadbiran Jepun di Tanah Melayu yang utama berkaitan dengan kedudukan sultan. Sebaik sahaja tentera Jepun menamatkan siri penaklukan di Tanah Melayu, Tomishudan (pasukan tentera ke-25), Pentadbiran Tentera

Jadual 12.1 Jumlah penduduk Tanah Melayu, termasuk Singapura tahun 1936 (Anggaran)

Kaum	Jumlah	Peratus
Melayu	2,095,217	44.6
Cina	1,281,750	38.8
India dan lain-lain	779,299	16.6

Jadual 12.2 Jumlah penduduk Tanah Melayu, termasuk Singapura kecuali Negeri-negeri Meláyu Utara tahun 1943 (Anggaran)

Kaum	Jumlah	Peratus
Melayu	1,210,718	34.3
Cina	1,699,594	47.7
India dan lain-lain	651,948	18.0

Sumber: (Cheah Boon Kheng, 1980: 99)

Jepun telah menyiapkan satu dasar utama berkaitan dengan kedudukan sultan pada bulan Julai 1942. Mereka mahu sultan mempengaruhi rakyat dan sama-sama tunduk kepada *Maharaja* atau *Emperor Jepun*. Pada masa yang sama, mereka tidak mengiktiraf kedudukan sultan sebagai pemerintah Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, suatu arahan diterima pada bulan September 1942 dari Ibu Pejabat Tentera Jepun untuk menerima sultan sebagai pemerintah. Walaupun status mereka dinaikkan, tetapi elaun peribadi dan pencen politik telah dikurangkan berbanding dengan zaman sebelum penjajahan Jepun. Ini menunjukkan bahawa kedudukan dan martabat sultan adalah sama seperti di bawah pentadbiran British.

Jepun menjalankan dasar berbaik-baik dengan sultan agar mendapat simpati dan sokongan daripada penduduk Tanah Melayu khususnya orang Melayu. Malah sebelum tentera Jepun menguasai Tanah Melayu, mereka memastikan terlebih dahulu keselamatan sultan. Antaranya termasuklah Sultan Kedah, Sultan Selangor, Raja Perlis dan Sultan Pahang. Pengalaman di negeri Johor umpamanya boleh menggambarkan fenomena tersebut. Kira-kira enam batu dari Johor Bahru, tentera Jepun telah mengutus tiga empat orang pegawainya mengadap ke bawah Duli Sultan Johor di Istana Pasir Pelangi untuk membawa Sultan Ibrahim dan kerabatnya berpindah ke Batu Pahat sehingga Singapura dapat ditewaskan (Haji Mohd. Said, 1952). Setelah keadaan kembali aman seperti sedia kala, Sultan Johor berserta kerabatnya pulang semula ke Johor Bahru (Robertson, 1986). Pegawai pemerintah di Tokyo mengarahkan Pentadbiran Tentera Jepun di Tanah Melayu ... *to take a prudent attitude in treating sultan* disebabkan ini akan mempengaruhi rancangan mereka di India (Itagaki, 1962). Mesyuarat yang diadakan di Singapura pada tanggal 20 Januari 1943 memutuskan beberapa dasar Jepun berkaitan dengan sultan. Antara dasar utama Jepun termasuklah:

- (i) mengesahkan secara rasmi kedudukan sultan,
- (ii) mengesahkan kedudukan dan menghormati sultan sebagai kuasa tertinggi agama Islam,
- (iii) membayar elaun peribadi dan pencen kepada sultan dengan kadar yang sama seperti sebelum zaman perang
- (iv) membenarkan sultan memiliki dan mengumpul harta kekayaan, tetapi hendaklah diisytiharkan.

Sebenarnya Jepun menentukan dasar terhadap sultan kerana ingin memujuk sultan dan dengan itu akan dapat memenangi hati baginda dan sekali gus mendapat kerjasama daripada orang Melayu. Walau bagaimanapun, secara praktikalnya semua dasar Jepun hanyalah bersifat pernyataan bertulis atau berbentuk dokumen. Sebenarnya terdapat pelbagai masalah dalam pembayaran gaji dan elaun sultan serta pentadbiran agama Islam. Pentadbiran agama Islam telah ditubuhkan oleh pemerintah Jepun pada tahap kedua tahun 1944, yang berfungsi sama seperti yang ditubuhkan oleh kerajaan British. *Majlis Agama Islam* yang sistematik telah dibentuk dan kuasanya telah dibahagikan kepada empat jawatankuasa, iaitu:

- (i) Jawatankuasa Undang-undang Agama Islam.
- (ii) Jawatankuasa Ulang Bicara Mahkamah Syariah.
- (iii) Jawatankuasa Pelajaran Agama.
- (iv) Jawatankuasa Mentadbirkan Khairat.

Selain daripada *Majlis Agama Negeri*, pentadbiran tentera Jepun juga membentuk *Majlis Agung Agama Islam Malaya*. Oleh yang demikian, ini akan memudahkan Jepun mengukuhkan kedudukan mereka di kalangan orang Melayu. Ini juga menunjukkan bahawa dasar Jepun berkaitan agama Islam tidak banyak bezanya dengan dasar penjajahan British di Tanah Melayu. Perubahan dalam pentadbiran negeri juga telah berlaku. Di Terengganu umpamanya, lima buah Jabatan Besar telah ditubuhkan mulai 7 Mei 1942 iaitu (Muda Mohd. Taib, 1984):

- (i) *Chiji Kambo* (Jabatan Khas untuk Shuchiji).
- (ii) *Sombu* (Jabatan Am).
- (iii) *Zaimubu* (Jabatan Perbendaharaan dan Khazanah).
- (iv) *Sangyobu* (Jabatan Perniagaan dan Pertukangan).
- (v) *Kotsubu* (Jabatan Perjalanan dan Pengangkutan).

Dasar kedua Jepun yang penting berkaitan dengan organisasi politik dan penduduk. Langkah yang dilakukan oleh pentadbiran tentera Jepun ialah menubuhkan *Majlis Penasihat Negeri-negeri* dan mengadakan beberapa dasar terhadap golongan penduduk di Tanah Melayu. Sekiranya di zaman British, Majlis Negeri adalah Dewan Perundangan, tetapi pada zaman Jepun, Majlis Penasihat Negeri bertindak sebagai penasihat kepada pentadbiran tentera Jepun (Itagaki, 1962). Biasanya pegawai Jepun dilantik sebagai Pengerusi, manakala sultan-sultan dilantik sebagai Timbalan Pengerusi. Majlis Penasihat mempunyai perwakilan yang terdiri daripada komuniti Melayu, Cina, India, Eurasian dan Arab. Jadual 12.3 menunjukkan komuniti yang menduduki Majlis Penasihat.

Daripada Jadual 12.3, jelas menunjukkan pentadbiran tentera Jepun memberi perhatian yang berat kepada komuniti Cina. Status dan hak politik mula dinikmati oleh orang Cina. Dasar ini dianggap sangat bertentangan dengan sikap dan dasar Jepun yang dikatakan memusuhi orang Cina di Tanah Melayu. Sebenarnya, komposisi perwakilan komuniti ini sudah tentu tidak menggalakkan bagi pihak sultan dan orang Melayu keseluruhannya. Walaupun dalam dasar penjajahan Jepun, mereka akan memberi perhatian kepada orang Melayu, namun realitinya penjajah Jepun menekan dan kurang memberi peluang dan hak politik kepada orang Melayu. Malah dalam kegiatan

Jadual 12.3 Perwakilan dalam Majlis Penasihat zaman Jepun

Negeri	Melayu	Cina	India	Eurasian	Arab	Jumlah
Singapura	4	6	3	1	1	15
Melaka	7	5	2	1	-	15
P. Pinang	5	7	3	-	-	15
Johor	8	3	2	-	-	13
N. Sembilan	8	3	2	-	-	13
Selangor	5	6	4	-	-	15
Perak	15	4	2	-	-	21
Pahang	6	3	1	-	-	10
JUMLAH	58	37	19	2	1	117

Sumber: (Itagaki, 1962: 260)

berpolitik, Jepun sentiasa memandang curiga dan berasa bimbang terhadap perkembangan politik Melayu di zaman Jepun.

Dasar ketiga Jepun yang tidak kurang penting ialah penubuhan *Epposho* (*Reading Club*) dan *Hodosho* (*Help and Guide People*). Penubuhan Epposho telah diilhamkan oleh Kolonel H. Hamada, Setiausaha Pentadbiran Tentera Malaya. Dasar ini bertujuan untuk mengubah sikap di kalangan orang Cina di Tanah Melayu. *Epposho* telah ditubuhkan pada 4 Jun 1944 di Pulau Pinang. Idea tersebut pernah muncul di kalangan golongan intelektual muda Cina Koumintang sebelum Perang Dunia Kedua. Tujuan asal penubuhan Epposho ialah ... *to create voluntary enthusiasm among the Chinese by listening to their complaints and grievances caused by pressure of the Military Administration*. Akhirnya, Epposho menjadi daya penggerak kepada kegiatan ekonomi orang Cina dan menyumbangkan kemajuan ekonomi sara diri dan meningkatkan kebajikan ekonomi penduduk di Pulau Pinang.

Hodosho pula dianggotai oleh semua komuniti seperti Cina, India, Melayu dan Eurasians. Tugas utama ahli *Hodosho* ialah ... *to become humble servants of the public and promoters of public benefit in Malaya*. Sebenarnya, *Hodosho* bertujuan untuk menggalakkan kerjasama di kalangan penduduk dengan pihak pentadbiran tentera Jepun. Di samping itu, ia akan mengurangkan prasangka perkauman dan perasaan permusuhan di kalangan penduduk berdasarkan persefahaman dua hala dan kerjasama di kalangan golongan muda setiap komuniti. Ia juga menggalakkan kesedaran kebangsaan di kalangan penduduk terhadap negara asal mereka dan tanggungjawab sosial. Pusat *Hodosho* telah dibuka di Taiping pada 3 Julai 1945 dan sehingga akhir bulan Julai tahun tersebut, kesemua negeri mempunyai pertubuhan *Hodosho*.

Satu lagi perkara ialah berkenaan dengan dasar Jepun mengenai kegiatan politik orang Melayu. Ini boleh dilihat dengan penubuhan *Pembela Tanah Air* (PET) dan *Kesatuan Rakyat Istimewa* (KRIS). Kedua-dua organisasi politik tersebut adalah merupakan lanjutan *Kesatuan Melayu Muda* (KMM) yang dipimpin oleh Ibrahim Haji Yaacob. Rancangan penubuhannya telah dicetuskan selepas Persidangan Setiausaha Pentadbiran Tentera Jepun pada 29 Julai 1945 di Singapura. Tujuan utama persidangan tersebut untuk mempercepatkan kemerdekaan Indonesia dan isu-isu yang berkaitan. Itagaki (1962) menyatakan bahawa:

"The aim of the KRIS Movement was to make Malays conscious of a part of the Greater Indonesia and to inspire their political self-consciousness. Of course, the idea of 'Indonesia Raya' could not be realized at once, but step by step."

Pernyataan tersebut menunjukkan bahawa penjajah Jepun sebenarnya sangat meragui perkembangan politik di kalangan orang Melayu. Walaupun orang Melayu dibenarkan bergiat dalam politik, tetapi gerakan mereka sentiasa diawasi oleh penjajah Jepun. Secara keseluruhannya, dasar Jepun terhadap Tanah Melayu bukanlah bertujuan memberi simpati kepada gerakan nasionalis. Sebaliknya Jepun ingin dilihat sebagai menyokong perjuangan politik Melayu, yang bertujuan untuk mendapat sokongan daripada orang Melayu. Sesungguhnya, berdasarkan perlembagaan Jepun di Tanah Melayu, jelaslah menunjukkan bahawa Jepun juga mempunyai matlamat imperialis yang sama, iaitu menjadikan Tanah Melayu sebagai tanah jajahannya yang berkekalan. Dengan perkataan lain, penjajah Jepun memang berusaha untuk menyekat perkembangan pergerakan nasionalis di kalangan orang Melayu:

"It should be noted that the basic criteria by which Japan worked out her policy toward the people of a particular area under her occupation were the relative strength and intensity of the pre-war nationalist movement among the said people and the extent to which their Metropolitan power made concessions to them concerning their political status."

Satu lagi dasar pentadbiran Jepun yang utama di Tanah Melayu ialah melibatkan orang Cina (Akashi, 1970). Dasar ini berkait rapat dengan Perang China-Jepun yang berlaku pada tahun 1937. Orang Cina di Tanah Melayu telah mengambil beberapa tindakan seperti menganjurkan gerakan menyelamatkan negara China, memulaukan barang buatan Jepun, memberi bantuan kewangan berjuta dolar kepada kerajaan China dan menyokong kerajaan British menentang kuasa Axis semasa berlakunya Perang Eropah. Dasar terhadap orang Cina di Tanah Melayu amat jelas terdapat dalam *Principles Governing Policy Toward the Chinese* yang dikeluarkan oleh kerajaan Imperial Jepun pada 14 Februari 1942. Oleh yang demikian, setelah Jepun menguasai seluruh Tanah Melayu, mereka menumpukan perhatian kepada orang Cina melalui *gerakan sook ching* atau *pembersihan etnik (purge through purification)*. Gerakan ini telah dicadangkan oleh Kolonel Tsuji. Pihak Kempeitai telah menggariskan sembilan kategori untuk mengenal pasti orang Cina yang terlibat dalam *gerakan sook ching* di bawah pentadbiran Kawamura-Oishi mulai 21 Februari (Akashi, 1970). Antaranya termasuklah:

- (i) Mereka yang terlibat secara aktif dalam *China Relief Fund*.
- (ii) Orang kaya yang memberi bantuan dan sumbangan kepada tabung tersebut.

- (iii) Tah Kah Kee, pemimpin *Nanyang National Salvation Movement*; guru besar, guru dan peguam.
- (iv) Orang Cina berketurunan Hainan yang dianggap Jepun sebagai komunis.
- (v) Orang Cina yang lahir di China yang berhijrah ke Tanah Melayu selepas Perang China-Jepun 1937.
- (vi) Mereka yang terlibat dengan kongsi gelap yang berdasarkan tanda tatoo.
- (vii) Mereka yang menjadi sukarelawan British semasa menentang Jepun.
- (viii) Pegawai kerajaan yang menyokong British seperti ahli Jaksa Pendamai dan ahli Majlis Perundangan.
- (ix) Mereka yang mempunyai senjata dan cuba mengganggu ketenteraman awam.

Di bawah *gerakan sook ching* sehingga 3 Mac 1942, seramai 70,699 orang Cina yang anti-Jepun telah ditangkap. Antaranya termasuklah *Dr. Lim Boon Keng*, pemimpin Cina Singapura, *Lim Chong Pang*, pemimpin Parti Koumintang Singapura dan *Wong Gim Geok @ Lai Tek*, Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya. Dasar pemerintahan Jepun yang agak zalim terhadap orang Cina menyebabkan menebalnya semangat perkauman di Tanah Melayu (Khoo, 1981). Ramai di kalangan orang Cina menyertai Parti Komunis Malaya untuk turut terlibat dalam perjuangan MPAJA. Sebenarnya dasar Jepun ini merupakan lanjutan daripada *dasar pecah dan perintah* yang diwujudkan oleh kerajaan British yang akhirnya telah membentuk masyarakat majmuk di Tanah Melayu (Freedman, 1960). Pada masa yang sama, kononnya pihak Jepun memberi layanan istimewa kepada orang Melayu dan India. Sesungguhnya pernyataan tersebut adalah terlalu sewenang-wenang. Penghantaran orang India dan Melayu untuk menyertai pembuatan jalan keretapi maut di Burma membuktikan mereka turut menjadi mangsa kezaliman tentera Jepun. Penjajahan Jepun di Tanah Melayu merupakan suatu tahap yang sangat penting dalam pensejarahan Malaysia. Pertukaran rejim pemerintahan dan kesukaran dalam peperangan menyebabkan berlakunya perubahan corak hubungan kaum yang akhirnya menimbulkan rusuhan kaum. Cheah Boon Kheng menyatakan bahawa:

"The Japanese occupation demonstrated the depth of communal divisions, and transformed latent tensions into open and lasting conflicts. The Japanese occupation of Malaya was important because the change of regime and the violence of war altered the pattern of race relations and raised the political stakes" (Cheah, 1980: 93).

Beliau menyatakan lagi:

"Much of the interaction of Japanese policy and local responses, especially the changing Malay and Chinese perceptions of one another during the Japanese occupation, helped to determine the direction of Malaya's postwar political development."

British telah mengadakan kerjasama dengan orang Cina melalui pembentukan *Malayan People Anti-Japanese Army* (MPAJA). Mereka mendapati bahawa orang Melayu khususnya *Kesatuan Melayu Muda* (KMM) telah menjadi agen kepada pasukan perisikan Fujiwara Kikan di bawah *Fifth Columnists* yang berpangkalan di Bangkok dan selatan Siam sebelum menjajah Tanah Melayu. Cheah Boon Kheng menyatakan bahawa:

"... the British worked largely with the Chinese, supplying and training and helping to organize Malayan Chinese communists in the MCP - controlled Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA)."

Penjajahan Jepun di Tanah Melayu juga meliputi dasar pendidikan. Pentadbiran Jepun mulai memberi perhatian terhadap kemudahan pendidikan seperti bangunan sekolah pada tahun kedua pemerintahannya. Kerja-kerja membaiki bangunan ini yang dijalankan pada awal tahun 1943 adalah melalui gotong royong penduduk tempatan. *Dasar pendidikan Jepun* atau *Shihan Gakkos* yang utama ialah mendapatkan orang yang boleh dijadikan perantaraan untuk menghubungkan mereka dengan guru sekolah yang diarahkan untuk mengajar murid-murid dalam bahasa Jepun (Abdul Rahim, 1984). Bakal-bakal guru telah diasuh mempelajari bahasa Jepun secara intensif. Aspek bahasa Jepun yang diutamakan ialah bahasa dan tulisan. Kandungan pelajaran lama corak British telah dihapuskan. Yang lebih diutamakan ialah aspek kebudayaan Jepun seperti nyanyian, tarian, adat istiadat dan sopan santun cara Jepun. Adalah jelas menunjukkan bahawa dasar pendidikan Jepun lebih menekankan semangat (*seishin*), menghormati kebudayaan dan Maharaja (*Tenno Heika*). Lagu kebangsaan Jepun, *Kimigayo*, dinyanyikan oleh pelajar sekolah pada setiap hari. Walau bagaimanapun, sistem pendidikan masyarakat Melayu berteraskan pelajaran agama Islam seperti belajar al-Quran dan tulisan jawi masih dikekalkan dan dijalankan pada sebelah petang. Kesemua ini menunjukkan dasar pelajaran Jepun di Tanah Melayu adalah semata-mata untuk tujuan propaganda, menanamkan perasaan benci terhadap orang Inggeris dan sebaliknya menghormati bangsa Jepun. Mereka sentiasa menanamkan semangat *Asia Untuk Orang Asia* di kalangan penduduk Tanah Melayu.

Sistem pendidikan zaman Jepun telah meninggalkan kesan yang mendalam ke atas sikap dan minat masyarakat Melayu terhadap pendidikan. Tambahan pula, pelaksanaan Perlembagaan Malayan Union pada tahun 1946 dan pengalaman zaman perang telah membangkitkan kesedaran masyarakat Melayu yang mendalam dalam bidang politik dan pendidikan. Ini berdasarkan pernyataan bahawa:

"Usaha memulihkan sekolah Melayu, dari segi kedatangan murid-murid, tidak terlalu menyusahkan pemerintah lagi. Bahkan di sebaliknya, laporan rasmi pemerintah 1946-1948 menunjukkan masalah pemerintah yang rumit ialah penyediaan bangunan, alat-alat bilik darjah dan istimewanya buku-buku bacaan" (Abdul Aziz, 1981: 141).

Di samping kecenderungan semangat orang Melayu mengejar pendidikan, suatu perkara yang menarik perhatian ialah keghairahan ibu bapa atau penjaga menghantar anak perempuan mereka ke sekolah. Kebanjiran pelajar Melayu, lelaki dan perempuan, menggambarkan satu perubahan dalam cara berfikir masyarakat Melayu terhadap kepentingan pendidikan. Signifikannya, zaman perang dan berlakunya perubahan politik yang drastik telah menyebabkan masyarakat Melayu responsif terhadap perubahan yang berlaku di persekitaran.

Kesimpulannya, penjajahan Jepun ke atas Tanah Melayu di antara 1941-1945 telah mencetuskan kesan yang mendalam daripada aspek politik, ekonomi dan sosial. Zaman ini menggambarkan Tanah Melayu mengalami sejarah getir yang menyebabkan penduduknya terlibat secara langsung dalam peperangan. Zaman perang telah menyemarakkan lagi semangat nasionalisme di kalangan penduduk untuk menentang penjajahan. Fenomena ini telah mempengaruhi sikap penduduk Tanah Melayu untuk menangani kehadiran semula penjajah British selepas pengunduran tentera Jepun. Mereka menjadi lebih agresif dan bersikap responsif terhadap perubahan dasar penjajah British di Tanah Melayu selepas tahun-tahun 1946.

XIII

SEJARAH AWAL PILIHAN RAYA DI TANAH MELAYU

Melalui bab ini, adalah diharapkan para pembaca dapat:

- mengetahui tentang kegiatan politik selepas Perang Dunia Kedua.
- memahami secara mendalam usaha British untuk mengadakan pilihan raya di Tanah Melayu.
- mengkaji secara ilmiah mengenai sejarah pilihan raya ke arah proses kemerdekaan negara.

Sistem politik di Malaysia merupakan warisan peninggalan penjajah British, yang masih dipegang oleh rakyat di negara ini hingga masa kini. Secara umumnya, sistem politik di Malaysia dikategorikan sebagai *sistem demokrasi berparlimen* dan *raja berperlembagaan*. Ia merupakan kombinasi dua institusi politik; yang tradisional ialah sistem kesultanan yang telah diasaskan oleh *Kesultanan Melayu Melaka* dan yang moden ialah wujudnya institusi parlimen di mana ahli-ahlinya dipilih oleh rakyat atau dilantik oleh kerajaan (Mohd. Yusof, 1989 dan Gullick, 1970). Goh (1971: 1) menjelaskan tentang demokrasi, iaitu:

"A state is democratic when it satisfies two requirement; firstly, its authority is derived from the people and secondly, its power is exercised with restraint."

Dua buah majlis perundangan dibentuk, iaitu pada peringkat negeri dan persekutuan. Tetapi pada peringkat awal, penubuhan majlis perundangan ini lebih menggambarkan suatu ekspresi kolonialisme yang menjadi penggerak kepada organisasi pentadbiran penjajah (Simandjuntak, 1985). Keahliannya

juga adalah ditentukan oleh kerajaan British yang mewakili kepentingan-kepentingan khusus seperti wakil setiap kaum, sektor perdagangan dan perusahaan serta kesatuan sekerja. Majlis Perundangan Persekutuan yang dibentuk pada tahun 1948 telah mempunyai dua pertiga majoriti ahli tidak rasmi tetapi keahlian mereka adalah dilantik terus oleh *Pesuruhjaya Tinggi British* dengan persetujuan Baginda Queen. Manakala bagi pihak raja-raja Melayu pula buat pertama kali mereka mempunyai badan mesyuarat yang tersendiri yang dikenali sebagai *Majlis Durbar* atau *Majlis Raja-raja*.

Selepas Perang Dunia Kedua, kerajaan British mendakwa mereka berusaha ke arah pemerintahan sendiri oleh rakyat Tanah Melayu. Antara langkah yang diambil ialah melaksanakan perlembagaan Malayan Union pada 1 April 1946 terutamanya dengan pemberian taraf kerakyatan yang sama bagi semua kaum melalui kerakyatan *jus soli* (Allen, 1967 dan Mohamed Noordin, 1976). British juga menggalakkan kerjasama antara kaum melalui pembentukan Jawatankuasa Perhubungan Kaum pada tahun 1948 yang dicadangkan oleh Malcolm MacDonald. Jawatankuasa inilah yang akhirnya mempengaruhi pemikiran politik Dato' Onn Jaafar agar keahlian UMNO dibuka kepada semua kaum. Walaupun cadangan ini ditolak oleh perwakilan UMNO, usaha seterusnya telah dilakukan oleh Tunku Abdul Rahman untuk mengasaskan penubuhan Perikatan yang lebih besar yang menggabungkan UMNO, MCA dan MIC. Untuk memastikan zaman peralihan ini berjalan dengan berkesan, beberapa tokoh tempatan telah dilantik untuk menganggotai *Sistem Ahli* atau *Member System* pada tahun 1951. Antaranya termasuklah Dato' Onn Ja'afar (Hal Ehwal Dalam Negeri), Tengku Yaacob bin Sultan Abdul Hamid (Pertanian dan Perladangan), Dato' Mahmud bin Mat (Tanah, Perlombongan dan Perhubungan), E.E.C. Thuraisingam (Pelajaran), Dr. Lee Tiang King (Kesihatan) dan Nik Ahmad Kamil (Perumahan dan Perancang Bandar) (Khong, 1984). Walaupun perlantikan ini merupakan sebahagian daripada langkah ke arah berkerajaan sendiri, namun kuasa sebenar eksekutif adalah di tangan penjajah British.

Kerajaan British telah mengadakan beberapa siri pilihan raya di beberapa buah majlis tempatan. Tujuan utamanya ialah untuk memperkenalkan sistem pemilihan yang berdasarkan konsep demokrasi. Pilihan raya yang pertama telah diadakan di Majlis Bandaran George Town Pulau Pinang pada 1 Disember 1951 (Means, 1970). Dalam pilihan raya tersebut, tiga buah parti telah turut bertanding iaitu *Parti Radikal Pulau Pinang*, *Parti Buruh Pulau Pinang* dan *Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu* (UMNO). Isu-isu yang menjadi bahan kempen bukanlah bersifat nasional, tetapi lebih menonjolkan isu tempatan dan yang bersangkutan dengan populariti personaliti calon yang

bertanding. Dalam pilihan raya ini, Parti Radikal Pulau Pinang yang berkempen atas dasar perkauman telah mencapai kejayaan cemerlang dengan memperoleh 6 buah kerusi daripada 9 buah kerusi yang dipertandingkan. Manakala UMNO hanya berjaya mendapat 2 buah kerusi dan sebuah lagi dimenangi oleh Parti Buruh. Pilihan raya ini memberi kesan penting kepada perkembangan politik di Tanah Melayu. Hakikatnya, UMNO tidak dapat bertapak di kawasan perbandaran George Town kerana majoriti penduduknya berketurunan Cina. Ini menunjukkan corak amalan politik di Tanah Melayu lebih cenderung kepada soal perkauman.

Seterusnya pada bulan Februari 1952, kerajaan British telah mengadakan satu lagi pilihan raya bagi Majlis Bandaran Kuala Lumpur. *Pilihan raya Kuala Lumpur* memberi implikasi yang besar dan penting dalam percaturan politik di Tanah Melayu selepas ini. Ia menjadi medan kepada parti yang bertanding untuk menguji sejauhmana penerimaan ideologi perjuangannya oleh rakyat Tanah Melayu. Hal ini disebabkan kawasan Kuala Lumpur mempunyai keseimbangan penduduk yang meliputi pelbagai kaum, pilihan raya ini menjadi lebih menarik. Gordon P. Means (1970) menyatakan bahawa:

“Kuala Lumpur was an ideal location for the IMP (Independence of Malayan Party) to test its power at the polls because of Malays, the Chinese and the Indians has established good relations with each other...”

Setelah keluar daripada UMNO, Dato' Onn Ja'afar ingin mencuba dan membuktikan kekuatan pengaruh mereka melalui dasar tidak perkaumannya. Walau bagaimanapun, keputusan pilihan raya ini menunjukkan bahawa Perikatan UMNO-MCA lebih praktikal untuk mendapatkan undi. Mereka mencapai kejayaan cemerlang dengan memperolehi 9 daripada 12 buah kerusi yang dipertandingkan. Manakala kerjasama IMP dan MIC hanya mendapat dua buah kerusi. Itupun disebabkan pengaruh undi keturunan India yang dimenangi calon MIC di Sentul dan Bangsar. Sementara sebuah lagi kerusi dimenangi oleh calon Bebas. Kemenangan Perikatan UMNO-MCA membuktikan cara perjuangan mereka dapat diterima oleh sebahagian besar pengundi di Kuala Lumpur dan seolah-olah menggambarkan keputusan rakyat Tanah Melayu keseluruhannya. Bagi Dato' Onn pula, kekalahan teruk IMP dalam pilihan raya ini bermakna perlunya *suatu pengkajian semula terhadap dasar tidak perkauman parti beliau dan penerimaannya di kalangan orang ramai secara keseluruhannya* (Simandjuntak, 1985). Beliau juga pernah menyatakan bahawa sebab utama kegagalan IMP adalah kerana tidak ada kesungguhan

pemimpin bukan Melayu memperjuangkan dan menjayakan dasar kerjasama bangsa IMP (Ramlah, 1992).

Keputusan pilihan raya ini sangat berkait rapat dengan cara perpaduan yang ingin dicapai menerusi dasar parti masing-masing. IMP pimpinan Dato' Onn Jaafar mahukan perpaduan melalui pembentukan satu parti. Manakala pendekatan Tunku Abdul Rahman yang mengasaskan penubuhan Perikatan UMNO-MCA-MIC, bertujuan mewujudkan perpaduan tanpa mengorbankan identiti parti sama sekali. Secara tidak langsung, pilihan raya Bandaran Kuala Lumpur menjelaskan kegiatan politik di Tanah Melayu yang lebih cenderung kepada faham perkauman (Carnel, 1954). Ratnam (1969) dalam menyatakan bahawa:

"MCA candidates were put up in predominantly Chinese wards and UMNO men in Malay wards."

Menurutnya lagi:

"This was the result of an asute recognition of two basic political facts. First, there is in the Malayan plural society a pronounced segregation pattern of Malays and Chinese; the two communicaties everywhere, whether in town or countryside, tend to live in fairly distinct groups. Secondly, the UMNO-MCA leaders correctly anticipated that in the early day of elections in Malaya, voting is likely to be on a wholly communal basis."

Selepas memperolehi kemenangan yang cemerlang dalam pilihan raya tersebut, gabungan Perikatan UMNO-MCA semakin diperkukuhkan. Pada bulan Februari 1953, selepas beberapa siri perundingan antara Tunku Abdul Rahman dan Tan Cheng Lock, perjanjian telah dimeterai untuk mengadakan perhubungan di peringkat cawangan di seluruh Tanah Melayu. Kedudukan Perikatan UMNO-MCA semakin kuat dengan penyertaan MIC pada tahun 1954, yang genap mewakili tiga kaum terbesar di negara ini.

Pada bulan Mei 1953, Timbalan Pesuruhjaya Tinggi British telah mengumumkan bahawa pilihan raya Persekutuan akan diadakan bagi seluruh Tanah Melayu. Ini merupakan lanjutan daripada pembentukan jawatankuasa yang dipilih bagi Majlis Mesyuarat Persekutuan untuk mengendalikan pilihan raya tersebut. Walau bagaimanapun, lapan bulan kemudian, Setiausaha Tanah Jajahan telah menafikan perkara tersebut dengan mengatakan bahawa *no elections in Malaya until safety is assured*. Sebenarnya soal keselamatan sengaja diada-adakan oleh pihak penjajah British bagi membolehkan mereka terus menerus menjajah Tanah Melayu. Jika masalah pergerakan komunis yang

dibimbangkan, jelas menunjukkan bahawa selepas tahun 1954, boleh dikatakan bahawa perjuangan komunis hampir lumpuh dan tidak mencabar. Tambahan pula, *Akta Darurat* yang diperkenalkan sejak tahun 1948 sangat berkesan untuk membanteras aktiviti dan pergerakan komunis di Tanah Melayu (Khoo dan Adnan, 1984).

Untuk mendapatkan pengaruh dan kepercayaan semula di kalangan rakyat Tanah Melayu, Dato' Onn Jaafar bersama-sama Menteri-menteri Besar telah menganjurkan *Malayan National Conference* pada 27 April 1953. Persidangan ini terbuka kepada semua parti yang terdapat di Tanah Melayu ketika itu. Walau bagaimanapun, Parti Perikatan dan Parti Buruh Tanah Melayu tidak menyertai persidangan tersebut. Antara parti yang turut serta dalam persidangan itu termasuklah Persatuan Pakistan Selangor, Kongres India Malaya (MIC), Persatuan India Malaya, Persatuan Cina-British Negeri-negeri Selat dan IMP sendiri (Means, 1970). Persidangan ini bertujuan untuk merangka rancangan ke arah perpaduan kebangsaan dan kemerdekaan bagi Tanah Melayu (Khoong, 1984). Antara lain, persidangan ini mencadangkan bahawa:

"... that municipal and state elections should precede the Federal elections, the latter to be held towards the end of 1956. A legislative council of 90 with less than half elected membership was proposed as a first stage in the transition to self-government" (Means, 1970: 143).

Dato' Onn mengambil sikap melengah-lengahkan pilihan raya kerana beliau sedang menyusun semula jentera partinya selepas mengalami kekalahan dalam pilihan raya Majlis Bandaran Kuala Lumpur. Malah persidangan tersebut lebih menonjolkan pemikiran politik Dato' Onn sendiri. Carnell (1954) pernah menyatakan bahawa:

"The Conference, the conveners of which strongly denied that it was officially inspired, was dominated by the figure of Dato' Onn."

Cadangan yang dikemukakan oleh *Malayan National Conference* tajaan IMP telah dikritik hebat oleh pelbagai pihak. Parti Perikatan menentang cadangan persidangan tersebut dan menganggap mereka sebagai *half baked democracy*. Tan Cheng Lock menghentam cadangan tersebut yang menurutnya *designed to prolong the colonial status quo*. Parti Buruh Tanah Melayu pula menyimpulkan bahawa laporan itu sebagai *farcial document* dan a *speciality of those who seek to preserve their own favoured position under colonial patronage* (Carnell, 1954). Akhirnya, persidangan tersebut dikatakan gagal untuk membentuk Barisan Kebangsaan untuk mencapai kemerdekaan Tanah Melayu. Pada akhir persidangan ini, MIC mengumumkan akan keluar

daripada gabungan yang ditaja IMP. Ini disebabkan timbulnya perasaan tidak puas hati di kalangan masyarakat India, khususnya dalam bidang pelajaran (Means, 1970).

Selepas kegagalan inilah, Dato' Onn telah muncul semula dengan sebuah parti baru yang dinamakan *Parti Negara*, yang ditubuhkan pada 20 Februari 1954. Melalui Parti Negara, Dato' Onn telah kembali kepada perjuangan asalnya, iaitu menjaga dan membela kepentingan orang Melayu. Walaupun keahlian Parti Negara terbuka kepada semua kaum, tetapi matlamat perjuangannya ialah *mengakui dan melindungi kedudukan raja-raja Melayu dalam perlembagaan, menaikkan taraf agama Islam dan mendesak sekatan imigrasi bagi menjaga kepentingan orang Melayu pada masa akan datang* (Ramlah Adam, 1992).

Parti Perikatan pula mengambil inisiatif untuk menganjurkan *National Convention* pada bulan Ogos 1953. Persidangan ini disertai oleh Kesatuan Melayu Semenanjung, Persatuan Islam SeTanah Melayu, Persatuan Persetiaan Melayu serta penganjurnya iaitu UMNO dan MCA. Parti Buruh Tanah Melayu yang pada peringkat awal bergabung dengan Parti Perikatan, akhirnya telah menarik diri daripada gabungan tersebut kerana menganggap bahawa badan itu tidak lebih daripada perikatan *feudal-commercial-communal*. Di akhir mesyuarat, persidangan itu mencadangkan bahawa (Khong, 1984):

- (i) menggunakan perlembagaan secara aman untuk mencapai matlamat.
- (ii) mengadakan dan menyiapkan prinsip bagi tanggungjawab berkerajaan sendiri.
- (iii) meninggikan taraf raja Melayu dengan dijadikan sebagai ketua berperlembagaan dalam setiap negeri Melayu.
- (iv) mengadakan kebebasan bercakap, menulis akhbar dan perhimpunan serta berpersatuan.
- (v) mengekalkan dan mengadakan hak yang sama rata kepada kaum-kaum yang terdapat di Tanah Melayu.

Berdasarkan kepentingan perjuangan parti dan perluasan pengaruh di kalangan rakyat, Parti Perikatan mula secara serius membincangkan hal-hal mengenai pilihan raya. Tunku Abdul Rahman sendiri dalam beberapa kenyataannya menuntut agar pilihan raya dijalankan dengan lebih awal. Beliau berpendapat bahawa perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu sudah habis kegunaan dan faedahnya. Menurutnya, kita faham dengan baik, iaitu selagi ada perjanjian tersebut, selama itulah negeri kita tidak terlepas daripada

penjajahan (Utusan Melayu, 6 Jun 1955). Tunku Abdul Rahman mengukuhkan lagi hujahnya, iaitu:

"UMNO adalah wakil rakyat dengan menuntut kemerdekaan cara perlembagaan, pilihanraya adalah anak tangga mencapai kemerdekaan. Itulah sebabnya UMNO menuntut supaya diadakan" (Majlis, 5 November 1954).

Di samping itu, Parti Perikatan telah mendesak kerajaan British agar membentuk sebuah suruhanjaya bebas yang dipersetujui oleh raja Melayu dan kerajaan untuk mengkaji dan mengemukakan perubahan dalam perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. Perubahan ini akan melorong jalan untuk mengadakan pilihan raya yang semua ahli-ahli dipilih oleh rakyat (Utusan Melayu, 6 Jun 1955). Walau bagaimanapun, Gerald Templer dan raja Melayu menolak sebarang cadangan yang dikemukakan oleh Parti Perikatan dan Parti Negara. Sebaliknya, suatu alternatif diumumkan pada 27 April 1954, iaitu menubuhkan sebuah *Majlis Mesyuarat Persekutuan* dengan 52 orang ahli dipilih dan 46 orang dilantik oleh pemerintah (Camell, 1954). Pengumuman tersebut telah dikritik hebat oleh Parti Perikatan. Mereka mendesak agar diwujudkan Suruhanjaya Diraja untuk mengkaji semula soal pilihan raya. Parti Perikatan mengambil tindakan keras dengan mengarahkan semua perwakilannya menarik diri daripada Majlis-majlis Persekutuan, Negeri dan Bandaran. Selain itu, Parti Perikatan juga telah mengadakan tunjuk perasaan di seluruh negara sebagai tanda membantah keputusan kerajaan British yang enggan mengadakan pilihan raya (Simandjuntak, 1985). Parti Negara pula yang pro-British dan raja Melayu, cuba memomok-momokkan seruan 'merdeka' kononnya bertentangan dengan dasar perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dan menganggap ia merupakan seruan menderhaka kepada ke bawah duli-duli raja-raja Melayu (Utusan Melayu, 6 Jun 1955). Abdul Rahim Haji Badali, orang kuat Parti Negara di Perlis pernah menyatakan bahawa:

"Parti Negara tidak berkehendakkan kepada pilihanraya sebab orang Melayu sekarang ini belum ada kelayakan dengan pemerintahan sendiri" (Majlis, 5 Oktober 1954).

Akhirnya persetujuan telah dicapai antara pemerintah British, raja-raja Melayu dan ahli-ahli mengenai cadangan bila Pilihan raya Persekutuan (Miller, 1959). Ia bertujuan untuk meluluskan satu cadangan untuk mempercepatkan pilihan raya, iaitu pada awal tahun 1955 (Carnel, 1954). Sementara itu, Suruhanjaya Penentuan Sempadan Kawasan yang ditubuhkan pada bulan April 1954 telah berjaya menyelesaikan tugasnya dengan membentuk 52 buah

kawasan bagi ahli tunggal (Simandjuntak, 1985). Pada bulan Ogos 1954, Rang Undang-undang Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu diluluskan yang membolehkan pilihan raya Persekutuan yang pertama diadakan di Tanah Melayu.

Antara parti yang bertanding termasuklah Parti Perikatan (UMNO-MCA-MIC), Parti Negara, Parti Buruh Tanah Melayu, Parti Islam Se-Tanah Melayu, Parti Progresif Perak, Persatuan Kebangsaan Perak dan Liga Melayu Perak. Walau bagaimanapun, parti-parti di Perak ini kurang dikenali dan berpengaruh kerana perjuangan parti mereka lebih bersifat tempatan dan bukan nasional. Parti Perikatan yang diasaskan pada tahun 1952, pada peringkat awal hanya meliputi UMNO-MCA sahaja. Tetapi pada tahun 1954, MIC telah menyertai gabungan tersebut. Saingan utama Parti Perikatan, iaitu Parti Negara mengamalkan dasar tidak perkauman yang dipimpin oleh Dato' Onn Jaafar.

Pada tanggal 1 Mac 1955, Penyelia Pilihan raya Persekutuan T.E. Smith mengumumkan bahawa pilihan raya Persekutuan akan diadakan pada hari Rabu 27 Julai 1955 dan hari penamaan calon pada hari Rabu 15 Jun 1955. Ini bermakna jangka masa untuk berkempen bagi parti yang bertanding adalah lebih kurang sebulan setengah. Sebelum pilihan raya ini diadakan, proses pendaftaran pengundi telah dijalankan mulai 18 Oktober 1954 di seluruh Tanah Melayu kecuali di Terengganu yang bermula pada 28 Oktober 1954. Syarat utama yang melayakkan seseorang menjadi pengundi ialah berumur 21 tahun ke atas dan tinggal di Tanah Melayu lebih daripada 6 bulan. Walau bagaimanapun, jumlah pengundi berdaftar pada tahun 1955 ini adalah tidak seimbang menurut kaum. Keseluruhan jumlah pengundi berdaftar ialah 1,280,000 orang; 84.2 peratus adalah orang Melayu, 11.2 peratus orang Cina dan bakinya 4.6 peratus orang India (Ratnam, 1956).

Setelah pencalonan dibuat pada 15 Jun 1955, seramai 129 orang calon bertanding untuk merebut 52 buah kerusi. Walau bagaimanapun, kawasan Seberang Perai Utara telah dimenangi tanpa bertanding oleh calon Parti Perikatan, iaitu En. Hashim bin Awang (Utusan Melayu, 16 Jun 1955). Dalam pilihan raya ini, seorang calon tunggal wanita dari Parti Perikatan turut bertanding, iaitu Cik Halimahton bt. Abdul Majid yang bertanding di kawasan Ulu Selangor. Dalam pemilihan calon-calon pilihan raya, Parti Perikatan menghadapi masalah berat kerana terpaksa memenuhi kehendak setiap parti gabungan. UMNO inginkan peruntukan bilangan kerusi yang lebih kerana jumlah pengundi Melayu yang ramai. MCA dan MIC juga mempunyai matlamat yang sama. Tunku Abdul Rahman menggunakan pendekatan politik tersendiri untuk membahagikan kerusi mengikut nisbah 35: 15: 2. Berikutan keputusan Tunku Abdul Rahman itu, akhbar *Utusan Melayu* berpendapat

hendaknya menjadi pertimbangan pucuk pimpinan UMNO sekarang ialah perasaan perkauman dalam kalangan UMNO sendiri masih tebal dan prasangka-prasangka terhadap ikatannya dengan MCA tidak sekadar dihidupkan oleh tukang-tukang propaganda Parti Negara sahaja. Bahawa soal-soal ini timbul ketika UMNO menghadapi pilihan raya Federal (Persekutuan), pada waktu mana kebulatan sikap terhadap dasar UMNO berikat diri dengan MCA dan MIC harus tercapai sekuat-kuatnya, ialah satu hal yang barangkali menggusarkan pemimpin-pemimpin UMNO (Utusan Melayu, 31 Mei 1955). Oleh itu, yang menjadi tumpuan utama ialah *soal sama ada manifesto UMNO untuk pilihanraya Federal pada seluruhnya memuaskan hasrat rakyat dalam lapangan-lapangan politik, ekonomi dan sosial*. Jadual 13.1 menunjukkan calon-calon yang bertanding menurut parti dan kaum (Smith, 1955).

Jadual 13.1 Parti-parti yang bertanding dalam Pilihan raya 1955

Nama Parti	Melayu	Cina	India	Jumlah
Perikatan UMNO-MCA-MIC	35	15	2	52
Parti Negara	29	1	-	30
Parti Islam SeTanah Melayu	11	-	-	11
Persatuan Kebangsaan Perak	8	1	-	9
Parti Buruh	-	2	2	4
Liga Melayu Perak	3	-	-	3
Parti Progresif Perak	1	-	1	2
Calon Bebas	16	1	1	18
JUMLAH	103	20	6	129

Sumber: (Smith, 1955: 18)

Keputusan pilihan raya Persekutuan 1955 jelas sekali memihak kepada Parti Perikatan yang berjaya memenangi sebanyak 51 buah kerusi. Hanya satu kerusi dimenangi oleh PAS di kawasan Parlimen Krian, Perak. Manakala Parti Negara tidak mendapat sebarang kerusi. Dato' Onn Jaafar sendiri telah mengalami kekalahan kepada En. Suleiman bin Dato' Abdul Rahman di kawasan kubu kuatnya, Johor Bahru. Jadual 13.2 boleh menunjukkan dengan

Jadual 13.2 Keputusan Pilihan Raya 1955

Nama Parti	Calon	Menang	Jumlah Undi	Peratus
Parti Perikatan	52	51	818,013	79.6
Parti Negara	33	–	78,909	7.6
Parti Islam Se Malaya	11	1	40,667	3.9
Pers. Kebangsaan Perak	9	–	20,996	2.0
Liga Melayu Perak	3	–	5,433	0.5
Parti Progresif Perak	2	–	1,081	0.1
Parti Buruh	4	–	4,786	0.4
Calon Bebas	18	–	31,642	3.0

Sumber: (Carnell, 1955: 315)

jenis mengenai jumlah dan peratus undi yang diperolehi oleh setiap parti yang bertanding (Carnell, 1955). Bagi UMNO dan Perikatan:

“kemenangannya ini bukan sahaja kerana susunan kerjanya yang baik dan alat-alat persediaannya lengkap dan kemas, tetapi kerana manifestonya yang berterus terang menjanjikan kemerdekaan dalam masa empat tahun, bahasa Melayu akan menjadi bahasa kebangsaan dan rasmi yang tunggal dalam masa sepuluh tahun. Dan bukan itu sahaja, tetapi ialah kerana rakyat telah percaya dan yakin bahawa perjuangan yang telah ditunjukkan oleh UMNO sebelum pilihanraya adalah tegas dan terang dan tidak samar-samar atau berbelit-belit” (UMNO Sepuluh Tahun, 1956: 126).

Akhbar *Utusan Melayu* memang meramalkan kekalahan Parti Negara dengan bersandarkan beberapa alasan, iaitu (*Utusan Melayu*, 27 Julai 1955):

- (i) Parti Negara bukan sahaja tidak mempunyai sesuatu program yang tepat dalam perjuangannya, tetapi juga mengandungi bahaya bagi keselamatan rakyat dan negara ini.
- (ii) Parti Negara menuduh MCA kapitalis dan UMNO tidak dapat berbuat apa-apa kalau MCA menjualkan negara ini kepada kapitalis MCA. Tetapi Parti Negara tidak benci kepada kapitalis Barat.

- (iii) Parti Negara adalah anasir penjajah, parti perkauman yang sempit dan dangkal dan Parti Negara menyekat kemaraan rakyat ke arah kemerdekaan.

PAS pula masih belum berupaya menambat sokongan rakyat Tanah Melayu. Dengan memperolehi satu kerusi, ini boleh membuktikan bahawa pengaruh PAS mula berkembang di bawah kepimpinan Dr. Burhanuddin Al-Helmi. Tetapi suatu yang menarik perhatian ialah para pengundi telah memberi keutamaan kepada persoalan kebangsaan dan rancangan Parti Perikatan daripada persoalan perkauman (Ratnam, 1969: 229). Ini boleh dilihat di beberapa kawasan yang majoriti pengundinya Melayu, tetapi calon berbangsa lain daripada Parti Perikatan masih boleh mencapai kejayaan.

Kesimpulannya, pilihan raya Persekutuan 1955 merupakan titik tolak kepada perubahan politik di Tanah Melayu. Pilihan raya ini menjadi medan untuk menguji sejauh mana pengaruh dan penerimaan parti-parti yang bertanding oleh rakyat Tanah Melayu. Ia juga boleh dianggap sebagai *testing ground* kepada setiap ideologi dan perjuangan parti tersebut. Keputusan pilihan raya ini membuktikan cara perjuangan bersifat *constitutional struggle* Parti Perikatan telah diterima dan menyebabkan ia memperolehi mandat yang besar. Walaupun Parti Negara masih lagi mengikat dirinya dengan pentadbiran kolonial British, tetapi ia masih tidak mampu menangani perubahan politik di Tanah Melayu. Walaupun keputusan pilihan raya ini memihak kepada Parti Perikatan, ini tidaklah bermakna pendekatan perpaduan secara politik mereka diterima secara mutlak oleh rakyat Tanah Melayu. Sebenarnya faktor masa juga penting sebagai faktor penentu. Tambahan pula, isu yang diperjuangkan oleh Parti Perikatan adalah bersifat universal yang boleh diterima oleh semua golongan rakyat di negara.

Pilihan raya Persekutuan 1955 ini merupakan suatu langkah ke arah perubahan politik Malaysia yang merdeka dan gemilang. Pilihan raya ini telah meletakkan Parti Perikatan di landasan kuasa politik yang kukuh dan berterusan. Parti Perikatan terus mencipta kemenangan dalam pilihan raya tahun 1959, 1964 dan 1969. Dalam pilihan raya tahun 1974, konsep Perikatan telah dikembangkan kepada Barisan Nasional. Mereka terus mencapai kemenangan dalam pilihan raya 1974, 1978, 1982, 1986, 1990, 1995 dan 1999. Namun terdapat juga pasang surut dalam mencapai kemenangan. Misalnya, parti pemerintah telah kehilangan kuasa di negeri Kelantan dan Terengganu pada tahun 1959 dan 1999. Yang lebih penting, sistem politik yang berasaskan *demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan* terus dipertahankan sehingga hari ini.

THE UNIVERSITY OF CHICAGO

PHYSICS DEPARTMENT
5720 S. UNIVERSITY AVE.
CHICAGO, ILL. 60637

PHYSICS 341
LECTURE 10
MAY 19, 1983

LECTURE 10

LECTURE 10

LECTURE 10

LECTURE 10

LECTURE 10

LECTURE 10

LECTURE 10

LECTURE 10

LECTURE 10

PHYSICS 341

XIV

SABAH DAN SARAWAK DALAM SEJARAH MALAYSIA

Melalui bab ini, adalah diharapkan para pembaca dapat:

- mengetahui tentang sejarah awal Sabah dan Sarawak.
- memahami secara menyeluruh dasar penjajahan British di Sabah dan Sarawak.
- mengkaji secara ilmiah perjuangan penduduk Sabah dan Sarawak ke arah kemerdekaan.

Sabah dan Sarawak adalah merupakan dua buah entiti politik yang baru wujud khususnya selepas kedatangan penjajah British di Asia Tenggara pada abad ke-19. Kedua-dua buah negeri ini terletak di bahagian utara Pulau Borneo, yang mengadap kawasan pantai Laut China Selatan. Jika dilihat daripada segi geografi politik, kedua-dua negeri ini merupakan kawasan yang paling strategik untuk membolehkan Malaysia meneruskan kegemilangan ekonomi dan kestabilan politik di rantau ini.

Sabah atau *Borneo Utara* adalah merupakan sebuah negeri yang sebelum ini mempunyai dua pemiliknya; bahagian barat dimiliki oleh Kesultanan Brunei, manakala di bahagian timur dikuasai oleh *Kesultanan Sulu*. Namun begitu, sebuah syarikat British, iaitu *North Borneo Chartered Company* telah berjaya memperolehi konsesi dan pajakan daripada kedua-dua buah pemerintah tersebut dan menguasai pentadbiran Sabah. Pada tahun 1877, Baron Von Overbeck telah mendapat bukan sahaja hak wilayah tetapi juga hak kedaulatan Sultan Brunei ke atas sebahagian besar Sabah hari ini (Ranjit Singh, 1982). Oleh kerana Borneo juga dituntut oleh Sultan Sulu, maka pada tahun 1878 suatu perjanjian berasingan telah diadakan. Dalam perjanjian tersebut, Sultan

Sulu telah menyerahkan semua hak-hak kedaulatannya ke atas Sabah. Selepas perjanjian dengan Brunei dan Sulu dapat diselesaikan, Overbeck telah membahagikan Sabah kepada dua bahagian, iaitu Residen Barat dan Residen Timur. Residen Barat telah diketuai oleh William Pretyman di Tempasuk dan H.L. Leicester di Papar, manakala Residen Timur ditadbir oleh William Pryer. Pada tahun 1882, syarikat tersebut telah mendapat piagam dari London untuk mentadbir dan memerintah Sabah yang berpusat di *Jesselton*. William Treacher pula telah dilantik sebagai Gabenor yang pertama bagi membentuk sebuah kerajaan pusat. Beliau telah mengekalkan dua residensi yang sedia ada. Gabenor menjalankan pentadbiran dan dibantu oleh sebuah Majlis Penasihat.

Sarawak pula memang merupakan sebahagian daripada wilayah di bawah pemerintahan *Kesultanan Brunei* sebelum kedatangan penjajah British mulai tahun 1830-an. Kawasan negeri Sarawak sangat luas meliputi Sungai Sarawak, Semarahan, Sadong, Saribas, Kalaka, Mukah, Oya, Matu dan Baram. Di bawah pentadbiran Kesultanan Brunei, Sarawak ditadbir oleh wakil sultan berketurunan syed bergelar Syerif atau Tuanku. Sebelum itu, terdapat tiga orang pembesar yang dilantik oleh sultan, iaitu Datu Pertinggi, Datu Bandar dan Datu Temenggung (Zainal, 1982). Keadaan politik yang kacau bilau dan tidak stabil telah timbul semasa pemerintahan *Pengeran Indera Mahkota* yang dikatakan zalim. Selain itu, terdapat juga perbalahan antara etnik di Sarawak yang akhirnya mengundang kehadiran rejim Brooke di Sarawak.

Penguasaan kolonial British di Sarawak telah bermula apabila *Pengeran Muda Hashim* yang dihantar ke Sarawak oleh Sultan Brunei, telah menjemput mana-mana pihak untuk membantunya menghapuskan konflik dan pemberontakan antara kaum yang berlaku di Lidah Tanah, berhampiran Kuching. *Pengeran Muda Hashim* adalah seorang pemimpin yang baik tetapi lemah. Sebagai ganjarannya, beliau sanggup menyerahkan Kuching dan Siniawan kepada pihak yang boleh mewujudkan keamanan. Akhirnya *James Brooke* yang berada di Sarawak menggunakan peluang ini untuk bertapak dan menguasai kawasan ini. Beliau berjaya memulihkan keamanan di Sungai Sarawak. James Brooke berjaya memperolehi Kuching secara paksaan atau ketenteraan. Dua buah kapal api bernama *Royalist* dan *Diana* telah dihantar ke Kuching dari Singapura. Pada 24 September 1841, James Brooke telah diisytiharkan di khalayak ramai sebagai raja Sarawak yang pertama (Zainal, 1982). Kejayaan beliau telah diteruskan oleh kaum keluarganya sehinggalah ia berjaya memperolehi seluruh Sarawak sehinggalah ke Lawas dan Limbang. Kejayaan keluarga Brooke di Sarawak adalah disebabkan pelbagai faktor termasuklah faktor peribadi Brooke yang mempunyai cita-cita tersendiri, proses

politik yang dialami oleh James Brooke, persaingan kuasa dalam negeri Brunei, dan yang paling penting ialah sokongan ketenteraan Syarikat Hindia Timur Inggeris (E.I.C.) yang berpangkalan di Singapura dan India.

Pemerintah British di Sabah dan Sarawak memang mempunyai hasrat untuk meluaskan lagi tanah jajahan mereka. Keadaan ini tentunya semakin mengecilkan wilayah yang ditadbir oleh Kesultanan Brunei. Matlamat *Charles Brooke* ialah hendak menggabungkan seluruh wilayah Brunei ke dalam Sarawak. Ini merupakan sebahagian daripada cita-cita peribadinya dan juga kenyataan ekonomi disebabkan sebahagian besar daripada hasil pendapatan Sarawak ialah hasil hutan. Ini amat memerlukan kawasan hutan yang lebih luas (Andaya, Barbara dan Leonard, 1983). Bagi James Brooke, perluasan kawasan Sarawak dibuat atas alasan kegiatan pelanunan dan untuk melindungi perniagaan British. Sebenarnya British menggunakan pendekatan matlamat menghalalkan cara. Tujuan utamanya datang ke Sarawak adalah untuk menjajah. James Brooke telah memulakan perluasan kuasa ke atas Mukah, Bintulu, Oya dan Tatau di antara tahun 1856 hingga 1861. Di zaman Charles Brooke, kawasan ini telah diperluaskan ke Baram dan Trusan pada tahun 1883 dan 1885. Akhirnya kawasan Limbang juga ditakluk secara paksaan pada bulan Mac 1890 (Sabihah *et al.*, 1995). Sebenarnya rejim Brooke juga bercita-cita hendak menguasai dua buah kawasan Brunei, iaitu daerah Tutong dan Belait. Namun begitu kerajaan British telah menjajahnya menerusi pelantikan seorang residen di Brunei. Penguasaan keluarga Brooke di Sarawak lebih terjamin apabila kerajaan British bersetuju untuk menduduki pulau Labuan pada tahun 1846, sebuah kawasan yang paling strategik di Borneo Utara. Dengan ini, British lebih mudah untuk menguasai seluruh kepulauan Borneo.

Penguasaan rejim Brooke di Sarawak dan syarikat *North Borneo Chartered Company* di Sabah telah memberi implikasi politik yang serius terhadap kerajaan Brunei. Kedudukannya semakin lemah dan terhimpit. Memandangkan kedudukannya yang semakin kecil dan genting, lebih-lebih lagi dengan tindakan rejim Brooke yang semakin agresif, maka kerajaan Brunei bersetuju untuk menandatangani perjanjian dengan British pada tahun 1888. Sejak sekian lama, British memang mempunyai rancangannya ke atas Brunei. Selepas menguasai Pulau Labuan pada tahun 1846, suatu perjanjian dimeterai yang dikenali sebagai *Perjanjian Persahabatan dan Perdagangan* pada 27 Mei 1847. Menerusi perjanjian inilah, pengiktirafan telah diberikan ke atas beberapa hak keistimewaan kepada kerajaan British daripada segi perdagangan dan kewarganegaraan British di rantau ini (Sabihah, *et al.*, 1995).

Seperti di Semenanjung, James Brooke juga mengamalkan dasar pecah dan perintah ke atas para penduduknya yang pelbagai etnik untuk memudah-

kannya menguasai dan mentadbir Sarawak. Di samping itu, kestabilan politik dan sosial banyak bergantung kepada pentadbiran rejim Brooke di Sarawak yang telah menjalin hubungan yang rapat golongan pemimpin seperti Datu-datu Melayu (Sabihah, 1990b). Untuk merealisasikan hal ini, kerajaan Brooke telah mengesahkan kedudukan Datu-datu tempatan dalam status tradisional. Oleh yang demikian, sebahagian besar penduduk Sarawak, terutamanya orang Melayu, beranggapan bahawa Sarawak adalah sebuah negeri yang merdeka dan Rajah Brooke adalah penaung mereka.

Sebelum Perang Dunia Kedua, pemerintah British di Sarawak berusaha dengan pelbagai cara untuk memulihkan keamanan dan kestabilan politik. Tambahan pula, kepelbagaian etnik yang terdapat di Sarawak merupakan salah satu cabaran penting dalam mempengaruhi arus politik, di samping ia merangkumi suatu kawasan pentadbiran yang sangat luas. Oleh yang demikian, keluarga Brooke telah memberikan peruntukan kewangan yang khas bagi memajukan bidang pelajaran, kerajaan tempatan dan kesihatan. Pemerintahan keluarga Brooke di Sarawak telah mendapat sokongan daripada penduduk tempatan berbangsa Melayu. Keadaan ini disebabkan oleh corak pemerintahan Brooke yang memberi banyak keistimewaan kepada kaum ini. Walaupun kaum Melayu hanya berjumlah 18 peratus daripada seluruh penduduk Sarawak pada ketika itu, namun mereka telah diberikan status keistimewaan dalam pentadbiran kerajaan dan kemudahan pelajaran (Ahmad Nidzamuddin, 1994). Pada akhir pemerintahan Brooke, pegawai tetap perkhidmatan awam terdiri daripada 1,371 orang Melayu, 456 Dayak, 426 Cina, dan 49 Eropah. Dalam Majlis Negeri, terdapat 19 orang Melayu, 12 Eropah, 4 Dayak, 3 Cina dan seorang India (Michael Leigh, 1988). Tetapi sebenarnya kesemua tindakan ini merupakan sebahagian daripada strategi pemerintahan rejim Brooke untuk mendapatkan sokongan daripada penduduk tempatan bagi meneruskan kelangsungan pemerintahannya di Sarawak.

Pada tahun 1941, Sabah dan Sarawak telah dimasukkan dalam *Supplementary Agreement*, yang meletakkan kedudukan mereka yang sama taraf dengan negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu. Mulai bulan Julai 1946, Sabah dan Sarawak telah diletakkan di bawah *Crown Colony* British. Ini bermakna pemerintah sebelum ini, iaitu North Borneo Chartered Company dan keluarga Rajah Brooke terpaksa menyerahkan kuasa pemerintahan negeri kepada kerajaan British. Ini adalah untuk mengukuhkan cengkaman penjajahannya di Asia Tenggara menerusi dasar *crown colony*. Namun begitu, bagi kerajaan British tujuan utama mereka mengambil alih pemerintahan kedua-dua buah negeri ini kerana mereka merasa bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar politik, ekonomi dan sosial bagi pembangunan masa

depan (Ongkili, 1986). Berbeza dengan keadaan di Sabah, tindakan kolonial British ini telah menimbulkan tentangan yang kuat di kalangan penduduk di Sarawak. Penduduk tempatan khususnya di kalangan orang Melayu dan Iban telah melancarkan gerakan antipenyerahan. Tentangan dan reaksi negatif yang sangat kuat berlaku di beberapa bandar besar termasuklah Kuching dan Sibiu. Namun begitu, terdapat juga pernyataan menjelaskan bahawa penyerahan Sarawak kepada kerajaan British dikatakan telah dapat diterima oleh majoriti rakyat Sarawak. Sementara itu, keluarga Brooke juga mendakwa *that Sarawak is the heritage of our subjects and is held in trust by ourselves for them* (Ongkili, 1986: 140).

Gerakan antipenyerahan dijalankan secara organisasi politik. *Parti Kebangsaan Melayu Sarawak* atau *Malay National Union of Sarawak* (MNUS) yang ditubuhkan pada tahun 1936, telah menentang rancangan penyerahan Sarawak. Matlamat utama perjuangan MNUS ialah menggalakkan kerjasama antara orang Melayu dengan lain-lain bangsa, meningkatkan tahap pendidikan di kalangan orang Melayu, mempertahankan budaya dan maruah bangsa, menggalakkan orang Melayu menceburi bidang perniagaan dan mengembangkan ajaran agama Islam (Sabihah, 1990b). Begitu juga dengan sebuah lagi pertubuhan yang mewakili kepentingan kaum Iban, iaitu *Persatuan Dayak Sarawak* atau *Dayak Association of Sarawak* yang ditubuhkan selepas Perang Dunia Kedua (Ongkili, 1986). Mereka juga menyertai gerakan antipenyerahan. Walaupun Bill Cession telah diluluskan pada bulan Mei 1946, ia tidak mematikan semangat perjuangan. Beberapa pertubuhan lain turut serta seperti *Angkatan Semangat Anak Sarawak* (ASAS), *Persatuan Bumiputera Sarawak*, *Pergerakan Pemuda Melayu*, *Kesetiaan Muda Matu*, *Kesetiaan Melayu Simanggang*, *Kesetiaan Klub Dalat* dan *Sulam Mas Seria* (Sabihah Osman, 1990b). Gerakan antipenyerahan mencapai kemuncaknya apabila Duncan Stewart, Gabenor Sarawak yang kedua telah mati dibunuh oleh Rosly bin Dhoby dari kumpulan Rukun 13 di Sibiu pada 3 Disember 1949. Sementara itu bagi masyarakat Cina, mereka memang menyokong penyerahan Sarawak di bawah pentadbiran kolonial British kerana mereka akan mendapat banyak faedah daripadanya.

Pemerintahan syarikat berpiagam di Sabah juga mendapat reaksi penentangan daripada penduduk tempatan. Perubahan yang dilakukan oleh *William Treacher* telah menggugat kedudukan dan kewibawaan pemimpin-pemimpin pribumi. Gerakan penentangan yang paling kuat adalah diketuai oleh *Mat (Mohamad) Salleh* dan *Pengiran Shahbandar* dari Padas Damit (Ranjit Singh, 1982). Mat Salleh merupakan seorang pahlawan berketurunan campuran Bajau dan Sulu. Gerakan ini mula meletus pada tahun 1895. Pemberontakan

Pemberontakan ini mengambil masa lebih kurang 10 tahun. Namun gerakan ini dapat dipatahkan oleh pemerintah British pada tahun 1905. Mat Salleh sendiri telah terkorban pada tahun 1900. Yang jelas adalah pentadbiran syarikat berpiagam British yang memang sentiasa mencari keuntungan telah mengenakan pelbagai cukai yang menyusahkan kehidupan masyarakat tempatan. Tambahan pula, pembinaan landasan kereta api merentas negeri menambahkan kegelisahan di kalangan penduduk (Andaya, Barbara & Leonard, 1983).

Secara keseluruhannya penduduk tempatan di Sabah banyak bergantung kepada kegiatan ekonomi berasaskan pertanian, perhumaan, mengumpul bahan dari hutan dan juga nelayan. Kegiatan perdagangan juga diusahakan oleh penduduk tempatan terutamanya di kalangan masyarakat berketurunan Sulu. Orang Sulu memang terkenal mempunyai kemahiran dalam pengangkutan sungai dan laut. Ini membolehkan mereka menguasai kegiatan perdagangan di kawasan perairan Sabah. Dalam konteks ini, pihak penjajah mengambil kesempatan daripada kesusahan hidup yang dihadapi oleh masyarakat pribumi yang terdiri daripada pelbagai etnik. Jadual 14.1 berikut menunjukkan taburan penduduk mengikut etnik pada tahun 1911.

Pihak penjajah sentiasa berusaha secara psikologi untuk memenangi hati terutama di kalangan pimpinan pribumi yang terdiri daripada pelbagai etnik. Antara dasar penjajah British ialah mengawal ke atas setiap masyarakat termasuklah kaum Bajau, Sulu, Dusun, Kadazan, Murut dan sebagainya.

Jadual 14.1 Penduduk Sabah mengikut etnik

Bil.	Etnik	Jumlah
1	Dusun	78,951
2	Bajau	22,587
3	Murut	25,314
4	Melayu Brunei	6,877
5	Orang Sungai	9,168
6	Bisaya	4,878
7	Suluk	5,503
JUMLAH		153,278

Sumber: (Ranjit Singh, 1984: 382)

Sistem pemerintahan tradisional seperti pembesar dan penghulu telah diiktiraf dan diserapkan ke dalam perkhidmatan kerajaan dan mereka diberi gaji yang tetap. Tugas dan tanggungjawab mereka lebih jelas dalam Ordinan Kampung 1891. Mereka dilantik oleh pegawai daerah atau residen dengan persetujuan Gabenor. Di bawah pentadbiran Birch, pelantikan pemimpin tidak lagi berdasarkan sistem feodal tetapi berdasarkan kesetiaan dan kecekapan. Menjelang tahun 1938, seramai lima orang tempatan telah memegang jawatan sehingga Timbalan Penolong Pegawai Daerah. Selain daripada itu persidangan Durbar juga diadakan di kalangan para pemimpin pribumi. Pada tahun 1915, *Majlis Durbar* telah digantikan menjadi *Majlis Penasihat Pemimpin Pribumi* (Ranjit Singh, 1982). Tujuh belas pemimpin dilantik dan diberi gelaran Orang Kaya-kaya. Beberapa perubahan lain turut diadakan seperti Ordinan Beras, Pribumi, Mahkamah Adat untuk orang-orang Islam. Suatu rumusan boleh dibuat, iaitu pimpinan peribumi telah memainkan peranan penting sama ada membantu atau telah menentang penjajah British. Ada di kalangan mereka yang telah dapat mengubahsuaikan diri dengan kehidupan orang Barat. Dalam usaha mengubahsuaikan diri mereka inilah, maka pimpinan tradisional telah mengalami proses evolusi dan transformasi.

Orang Cina juga merupakan sebahagian daripada penduduk Sabah dan Sarawak. Kedudukan geografinya yang terbuka di Laut China Selatan telah menjadi faktor penarik kehadiran komuniti Cina kedua-dua buah negeri. Secara keseluruhan, komuniti Cina di Sabah terdiri daripada lima kumpulan dialek yang utama, iaitu *Hakka*, *Kantonis*, *Hokkien*, *Teochiu* dan *Hailam*. Namun begitu, dialek berketurunan Hakka adalah komuniti yang terbesar, iaitu 75 peratus (Wong, 2001). Secara tidak langsung, ia turut menjadi *lingua franca* di kalangan penduduk berketurunan Cina di Sabah. Kebanyakan daripada komuniti Cina terlibat dalam aktiviti perniagaan, perlombongan, pembalakan, perikanan dan juga pertanian komersial. Jadual 14.2 berikut menunjukkan bilangan penduduk berketurunan Cina di Sabah.

Jadual 14.2 Penduduk berketurunan Cina di Sabah

Tahun	Komuniti Cina
1911	27,801 orang
1921	39,256 orang
1931	50,056 orang
1951	74,374 orang

Sumber: (Wong, 2001: 228)

Selepas Perang Dunia Kedua, Sabah dan Sarawak telah ditadbir secara langsung atau *crown colony* oleh kerajaan British. Keadaan ini berterusan sehinggalah kedua-dua wilayah tersebut mencapai kemerdekaan menerusi penyertaan mereka ke dalam Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963. Dalam tempoh lebih kurang 17 tahun, kolonial British berusaha untuk memaksimumkan keuntungan terutamanya mengeksploitasi kegiatan ekonomi. Hasil utama seperti getah, minyak, lada hitam, kelapa, kayu balak, sagu dan tembakau telah diusahakan secara besar-besaran. Kesemua ini adalah untuk kepentingan ekonomi British (Ongkili, 1984). Dalam pada itu, kesedaran politik memang agak lewat muncul di Sabah dan Sarawak. Namun begitu, penentangan penduduk tempatan terhadap kehadiran British juga sudah cukup menggambarkan sikap responsif dan kesedaran politik yang mendalam. Dalam konteks ini, kita boleh melihat pelbagai faktor. Antaranya ialah dasar pemerintahan British yang berbentuk autokratik, kurangnya kesedaran berpolitik dan bilangan buta huruf yang ramai (Ho, 1999). Dasar pecah dan perintah juga menyumbang kepada kesedaran bernegara di kalangan penduduk. Setiap kaum terus dipisahkan agar tidak wujud perpaduan kaum di kalangan masyarakat. Hal ini membolehkan kerajaan British terus mengukuhkan dasar kolonialismenya di Sabah dan Sarawak. Tetapi sesuatu yang menarik perhatian ialah penubuhan parti politik di Sarawak tidak berasaskan kaum tertentu seperti SUPP, PBB dan SNAP. Antara parti politik yang terawal ditubuhkan di Sarawak ialah *Sarawak United People's Party*. Walaupun keahlian SUPP majoritinya berketurunan Cina, tetapi perjuangan partinya tidak bersifat perkauman, dengan menekankan kesetiaan kepada Sarawak dan keharmonian semua bangsa dan akhirnya memandu penduduk Sarawak ke arah berkerajaan sendiri dan mencapai kemerdekaan (Ho, 1999).

Sabah dan Sarawak terus berada di bawah kawalan kolonial British sehinggalah tahun 1963. Pada peringkat awal, terdapat begitu banyak tentangan di kalangan penduduk tentang kemasukan kedua-dua buah wilayah ini ke dalam Persekutuan Malaysia. Orang Cina di Sarawak misalnya yang dipelopori oleh parti SUPP, telah menentang keras kemasukan Sarawak dalam Malaysia. Mereka telah berjaya mengumpul kira-kira 114,000 tandatangan dan cap jari serta menghantar memorendum bantahan kepada *Suruhanjaya Cobbold* (Ho, 1998). Keadaan ini menyebabkan Suruhanjaya Cobbold ditubuhkan pada tahun 1962 untuk menyiasat tentang isu tersebut.

Walaupun pada peringkat awal, memang terdapat bantahan yang keras mengenai isu penubuhan Persekutuan Malaysia, akhirnya pada tanggal 16 September 1963, Sabah dan Sarawak telah bersetuju untuk menyertai Persekutuan Malaysia. Namun begitu, Sabah dan Sarawak diberi beberapa

keistimewaan daripada segi pembentukan perlembagaan negeri. Pada peringkat Persekutuan, peristiwa ini telah menyebabkan terdapatnya tambahan kepada perlembagaan negara yang sedia ada ketika itu.

THE UNIVERSITY OF CHICAGO

THE UNIVERSITY OF CHICAGO
DIVISION OF THE PHYSICAL SCIENCES
DEPARTMENT OF CHEMISTRY
5708 SOUTH CAMPUS DRIVE
CHICAGO, ILLINOIS 60637

1970

1971

1972

1973

1974

1975

1976

1977

1978

1979

1980

1981

1982

1983

1984

1985

1986

1987

1988

1989

1990

1991

1992

1993

1994

1995

1996

1997

1998

1999

2000

2001

XV

PERKEMBANGAN PERLEMBAGAAN MALAYSIA

Melalui bab ini, adalah diharapkan para pembaca dapat:

- Mengkaji sejarah pembentukan Perlembagaan Malaysia.
- Memahami perkara asas kandungan Perlembagaan Malaysia.
- Menghuraikan isu utama dalam Perlembagaan Malaysia.

Sebelum Perang Dunia Kedua, konsep dan amalan perlembagaan memang telah wujud di kalangan masyarakat Melayu. Sistem politik yang berdasarkan sistem kesultanan juga mempunyai perlembagaannya yang tersendiri yang dipanggil *Undang-undang Tubuh Negeri*. Secara jelas, sistem kesultanan tersebut berdasarkan sama ada *Adat Temenggong* atau *Adat Perpatih*. Berdasarkan sistem ini, digambarkan kedudukan dan kuasa raja, para pembesar dan bidang tugasnya, peranan penghulu dan ketua kampung dan seterusnya peranan rakyat dalam sesebuah negeri. Oleh yang demikian, kita dapati bagaimana perlembagaan yang dibentuk itu memainkan peranan untuk menyusun atur kehidupan sesebuah masyarakat daripada segi politik, ekonomi dan sosial. Namun begitu, penjajahan dan kolonialisme oleh kuasa Barat telah menjejaskan perlembagaan yang berdasarkan sistem kesultanan tersebut. Malah, sistem kesultanan semakin terhakis pengaruh dan pelaksanaannya di negara ini. Dengan pelaksanaan Sistem Residen umpamanya, kolonial British berjaya menghadkan kuasa sultan hanya dalam bidang agama dan adat istiadat Melayu. Jelasnya, sistem pentadbiran cara barat telah mengambil alih secara langsung dengan pelaksanaan perlembagaan mereka.

PERLEMBAGAAN MALAYAN UNION 1946

Kolonial British telah berusaha untuk menjajah negara ini secara mutlak menerusi pelaksanaan dasar desentralisasi di antara tahun 1910 hingga 1941. Namun usaha tersebut di bawah empat orang Pesuruhjaya Tinggi British menemui kegagalan. Selepas Perang Dunia Kedua, kolonial British telah memerintah semula Tanah Melayu menerusi *Perlembagaan Malayan Union*. Ia merupakan suatu perancangan yang strategik di bawah *Malayan Planning Unit* (MPU) yang ditubuhkan pada bulan Julai 1943. MPU diketuai oleh Ralph Hone yang ketika itu menjadi Ketua Jabatan Asia Tenggara di Pejabat Tanah Jajahan (Simandjuntak, 1985). Pada 1 April 1946, kerajaan Malayan Union telah diisytiharkan secara rasmi yang diketuai oleh Edward Gent. Antara kandungan utama perlembagaan Malayan Union adalah:

- (i) sebuah Malayan Union bagi keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu termasuk Pulau Pinang,
- (ii) kerajaan berasingan bagi tanah jajahan Singapura,
- (iii) seorang Gabenor Jeneral bagi kedua-dua Malayan Union dan jajahan Singapura,
- (iv) kuasa yang ada pada raja-raja terlalu sedikit dan kuasa telah dipindahkan kepada baginda Queen,
- (v) hak istimewa orang Melayu dihapuskan dan digantikan dengan hak sama rata untuk semua kaum,
- (vi) kewarganegaraan serupa bagi Malayan Union dan jajahan Singapura dan
- (vii) sistem keadilan mengikut undang-undang British dan mahkamah rayuan di Privy Council.

Perkara mengenai kerakyatan atau kewarganegaraan menjadi isu utama dan hangat dibincangkan khususnya di kalangan orang Melayu. Ini disebabkan pemberian kerakyatan adalah terlalu longgar dan mudah. Menurut Ramlah (1978), orang yang boleh mendapat kerakyatan ini adalah:

- (i) yang dilahirkan di dalam negeri-negeri Union atau tanah jajahan Singapura
- (ii) yang pada tarikh dikuatkuasakan perintah Majlis Mesyuarat telah tinggal di sini selama 10 tahun dan 15 tahun yang lalu
- (iii) yang telah tinggal di Negeri Union atau di tanah jajahan Singapura selama 5 tahun
- (iv) rakyat British yang boleh mendapat kerakyatan ini tanpa hilang kerakyatan Britishnya dan,

- (v) orang-orang (kecualilah yang dilahirkan di sini) yang mengangkat sumpah setia kepada Malayan Union.

PERLEMBAGAAN RAKYAT 1947

Sesungguhnya tahun 1947 adalah merupakan era baru dalam pergerakan politik di Tanah Melayu. Buat pertama kalinya orang Melayu dan bukan Melayu bersetuju untuk mengadakan suatu perundingan untuk mencadangkan perlembagaan baru sebagai alternatif kepada perlembagaan Malayan Union. PKMM yang menerajui Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) di bawah kepimpinan Dr. Burhanuddin Al-Helmi telah mengadakan perundingan dengan Tan Cheng Lock yang mewakili *All Malayan Council of Joint Action* (AMCJA) (Soh, 1960). Pada tanggal 4-7 Julai 1947, kedua-dua pertubuhan ini bersetuju mencadangkan *Perlembagaan Rakyat* kepada kerajaan British yang mengandungi sepuluh perkara asas dalam perlembagaan yang dipersetujui bersama. Unsur utama perlembagaan ini merangkumi hak demokrasi rakyat, pemerintahan beraja yang berperlembagaan dan konsep hak ketuanan Melayu serta konsep kebangsaan Melayu yang diperjuangkan oleh Dr. Burhanuddin (Saliha, 1986). Enam prinsip yang awal diputuskan oleh AMCJA, manakala empat prinsip lagi dicadangkan oleh PUTERA, iaitu (Kamarudin Jaffar, 1980):

- (i) Malaya bersatu, termasuk Singapura.
- (ii) Satu dewan perundangan pusat bagi seluruh Malaya dengan keseluruhan ahlinya dipilih oleh orang ramai.
- (iii) Hak politik yang sama bagi semua orang yang menganggap Malaya sebagai tanah airnya dan sebagai tumpuan taat setianya.
- (iv) Sultan Melayu haruslah mengambil tempatnya sebagai raja berperlembagaan yang berdaulat penuh menerima nasihat rakyat melalui institusi-institusi yang demokratik bukan 'penasihat-penasihat' British.
- (v) Perkara-perkara yang berhubung dengan agama Islam dan adat istiadat Melayu haruslah diletakkan dalam penguasaan orang-orang Melayu semata-mata.
- (vi) Perhatian khas haruslah diberikan kepada kemajuan orang-orang Melayu.
- (vii) Bahasa Melayu haruslah menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal bagi Malaya.
- (viii) Pertahanan dan hal ehwal luar negeri haruslah menjadi tanggungjawab bersama kerajaan Malaya dan kerajaan British.
- (ix) Kerakyatan Malaya haruslah dinamakan Melayu, dan

- (x) Merah dan putih haruslah dimasukkan sebagai latar bendera kebangsaan Malaya.

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948

Selepas penentangan yang kuat terhadap perlembagaan Malayan Union, kerajaan British telah berunding dengan pemimpin UMNO dan wakil raja-raja Melayu mengenai cadangan perlembagaan yang baru. Akhirnya kerajaan British bersetuju untuk mengadakan beberapa perubahan dalam perlembagaan. Mulai 1 Februari 1948, *Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu* telah diisytiharkan untuk menggantikan Perlembagaan Malayan Union. Antara kandungan utama perlembagaan tersebut adalah:

- (i) Persekutuan mengandungi sembilan negeri Melayu dan dua negeri Selat.
- (ii) Singapura tetap diasingkan sebagai sebuah tanah jajahan Mahkota.
- (iii) Pembentukan sebuah kerajaan pusat yang kuat dengan kuasa legislatif yang meluas menerusi Majlis Legislatif Persekutuan.
- (iv) Ketua kerajaan ialah Pesuruhjaya Tinggi British yang dilantik oleh Baginda Queen.
- (v) Majlis Eksekutif Persekutuan juga ditubuhkan untuk memberi nasihat kepada Pesuruhjaya Tinggi termasuklah Ketua Setiausaha Negara, Peguam Negara dan Setiausaha Kewangan.
- (vi) Kewujudan kerajaan-kerajaan negeri dengan kuasa yang terhad.
- (vii) Kedudukan dan fungsi raja-raja telah dipulihkan semula.
- (viii) Hak istimewa orang Melayu dikekalkan.
- (ix) Pemberian kewarganegaraan diperketatkan melalui syarat-syarat tertentu.

Berdasarkan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu ini, jelas menunjukkan tidak banyak perubahan yang ketara mengenai isu kandungannya. Perkara yang berubah ialah mengenai sistem pentadbiran, iaitu pembentukan kerajaan pusat dan kerajaan negeri. Hal-hal yang lain masih lagi dikekalkan. Dalam hal berkaitan, terdapat pembahagian kuasa antara kerajaan pusat dengan kerajaan negeri. Namun kuasa yang diberikan kepada kerajaan pusat adalah lebih banyak berbanding dengan kerajaan negeri. Justeru itu, perubahan perlembagaan ini hanya bersifat *psikologi* sahaja untuk mengurangkan penentangan di kalangan penduduk Tanah Melayu.

PERLEMBAGAAN MERDEKA 1957

Setelah Parti Perikatan memenangi pilihanraya Persekutuan tahun 1955, kepim-pinannya telah menghantar satu rombongan yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman ke London pada 1 Januari 1956 untuk merundingkan soal kemerdekaan negara, sepertimana yang diperjuangkan dalam manifesto pilihanrayanya (Tunku Abdul Rahman, 1980). Ahli-ahli rombongan tersebut termasuklah Dato' Abdul Razak Hussein, Dr. Ismail Abd. Rahman, Dato' Panglima Bukit Gantang, Dato' Nik Ahmad Kamil, T.H. Tan dan V.T. Sambanthan.

Menurut Mohamed Sufian (1994), Perlembagaan Malaysia mempunyai ciri asas berikut:

- (a) Perlembagaan mengasaskan Malaysia sebagai sebuah persekutuan.
- (b) Sebagai negara raja berperlembagaan.
- (c) Sebagai negara demokrasi berparlimen.
- (d) Perlembagaan memperuntukkan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan, tetapi pada masa yang sama tidak mengasaskan Malaysia sebagai negara teokrasi, dan dengan jelas menjamin kebebasan beragama.
- (e) Perlembagaan memperuntukkan ketinggian perlembagaan dan kebebasan undang-undang.
- (f) Perlembagaan memperuntukkan pengasingan kuasa ketiga-tiga cabang kerajaan, iaitu Parlimen, Eksekutif dan Badan Kehakiman yang mempunyai status yang sama dan setiap satunya mempunyai fungsi dan tanggungjawab yang berbeza.
- (g) Perlembagaan memperuntukkan sebuah badan kehakiman yang berasingan dan bebas daripada kawalan Parlimen dan Eksekutif, malah mempunyai bidang kuasa yang eksklusif untuk menentukan pertikaian dan hak-hak serta liabiliti lain dalam perlembagaan.

Perlembagaan Persekutuan juga memperuntukkan hak kebebasan asasi bagi setiap rakyat. Terdapat sembilan kebebasan atau hak digolongkan sebagai asasi, iaitu:

- (i) kebebasan diri
- (ii) bebas dari menjadi abdi dan menjalankan kerja paksa
- (iii) perlindungan daripada undang-undang jenayah yang berkuat kuasa ke belakang dan pembicaraan ulang

- (iv) sama rata
- (v) larangan buangan negeri dan kebebasan bergerak
- (vi) kebebasan bercakap, berhimpun dan menubuhkan persatuan
- (vii) kebebasan agama
- (viii) hak-hak berkenaan dengan pelajaran dan,
- (ix) hak terhadap harta.

Perlembagaan negara yang merdeka meliputi perkara berikut, iaitu:

- Bahagian 1:* Negeri-negeri, agama dan undang-undang bagi Persekutuan
- Bahagian 2:* Kebebasan asasi
- Bahagian 3:* Kewarganegaraan
- Bahagian 4:* Persekutuan
- Bahagian 5:* Negeri-negeri
- Bahagian 6:* Perhubungan antara Persekutuan dengan Negeri-negeri
- Bahagian 7:* Peruntukan-peruntukan Kewangan
- Bahagian 8:* Pilihanraya
- Bahagian 9:* Perhakiman
- Bahagian 10:* Perkhidmatan Awam
- Bahagian 11:* Kuasa-kuasa khas menentang perbuatan subversif dan kuasa-kuasa darurat
- Bahagian 12:* Am dan pelbagai
- Bahagian 12A:* Perlindungan tambahan bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak
- Bahagian 13:* Peruntukan sementara dan peralihan
- Bahagian 14:* Perkecualian bagi kedaulatan raja-raja dan sebagainya
- Bahagian 15:* Prosiding Terhadap Yang DiPertuan Agong dan Raja-raja

Dalam perlembagaan Malaysia, dinyatakan bahawa kerajaan Persekutuan adalah lebih utama dan agung berbanding dengan kerajaan negeri. Sebarang penggubalan perlembagaan negeri mestilah tidak bercanggah dengan perlembagaan Persekutuan. Fenomena ini juga boleh berdasarkan pengagihan kuasa kepada kerajaan pusat adalah lebih banyak berbanding kerajaan negeri. Pembahagian adalah seperti berikut; (Mansoor, 1982)

Senarai Persekutuan:

- (i) Pertahanan dan keselamatan
- (ii) Hal ehwal luar negeri
- (iii) Keselamatan dalam negeri

- (iv) Undang-undang jenayah dan sivil
- (v) Kewarganegaraan
- (vi) Pilihanraya Persekutuan
- (vii) Kewangan dan perbendaharaan
- (viii) Perdagangan, perniagaan dan perindustrian
- (ix) Perkapalan
- (x) Pengangkutan
- (xi) Kerjaraya Persekutuan dan tenaga
- (xii) Ukur
- (xiii) Pendidikan
- (xiv) Kesihatan dan perubatan
- (xv) Buruh dan kebajikan sosial
- (xvi) Kebajikan orang asli
- (xvii) Pekerjaan ikhtisas
- (xviii) Hari kelepasan am Persekutuan
- (xix) Persatuan
- (xx) Kawalan pertanian
- (xxi) Penerbitan
- (xxii) Penapisan
- (xxiii) Panggung wayang gambar dan tempat hiburan awam (kecuali lesen)
- (xxiv) Perumahan Persekutuan
- (xxv) Syarikat kerjasama atau koperasi.

Senarai Negeri:

- (i) Undang-undang orang Muslim, agama dan adat Melayu
- (ii) Tanah
- (iii) Pertanian dan perhutanan
- (iv) Kerajaan Tempatan
- (v) Perkhidmatan tempatan
- (vi) Kerjaraya Negeri dan air
- (vii) Jentera Kerajaan Negeri
- (viii) Hari Kelepasan Negeri
- (ix) Penyu dan penangkapan ikan di sungai.

Senarai Bersama:

- (i) Kebajikan sosial
- (ii) Biasiswa
- (iii) Perlindungan binatang liar, taman kebangsaan

- (iv) Perusahaan ternakan
- (v) Perancangan bandar dan desa
- (vi) Pengembaraan
- (vii) Kesihatan awam, peraturan kesihatan dan pencegahan
- (viii) Pengaliran dan pengairan
- (ix) Pemulihan tanah perlombongan

Kandungan perlembagaan merupakan sesuatu yang rumit tetapi ia perlu dijunjung oleh semua rakyat. Biasanya institusi kehakiman yang mentafsirkannya menerusi pelaksanaan undang-undang. Ini disebabkan mereka mempunyai kewibawaan yang tinggi untuk mentafsir setiap satunya berdasarkan pendekatan undang-undang.

PERLEMBAGAAN MALAYSIA 1963

Penubuhan Malaysia pada tanggal 16 September 1963 yang meliputi Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak telah menyebabkan tambahan kepada perlembagaan negara yang sedia ada. Hal mengenai Singapura tidak timbul kerana ia menjadi sebuah negara yang tersendiri pada 9 Ogos 1965. Justeru itu, terdapat perbezaan perlembagaan untuk Sabah dan Sarawak. Antaranya adalah:

- (i) Kedua-dua negeri tidak mempunyai agama rasmi
- (ii) Bahasa Melayu dan Inggeris sebagai bahasa rasmi
- (iii) Tambahan perlembagaan bagi kedua-dua negeri dalam Perlembagaan Persekutuan
- (iv) Ketua bagi Persekutuan – Ketua Negeri tidak boleh menjadi Ketua Negara bagi Persekutuan
- (v) Nama bagi Persekutuan ialah Malaysia bukan Melayu Raya
- (vi) Imigresen diletakkan di bawah kuasa pusat, tetapi memasuki Sabah dan Sarawak di bawah kerajaan negeri
- (vii) Tiada hak untuk *succession*
- (viii) *Borneonisation* – keutamaan dalam perkhidmatan awam
- (ix) Pegawai-pegawai British dikekalkan sehingga perlantikan orang tempatan yang berkelayakan
- (x) Kerakyatan – mereka yang lahir selepas penubuhan Malaysia adalah warganegara Persekutuan
- (xi) Kerajaan negeri berhak mengawal sendiri mengenai hal kewangan, tabung pembangunan dan tarif

- (xii) Kedudukan istimewa bagi bumiputra tempatan
- (xiii) Kerajaan Negeri – perlantikan Ketua Menteri daripada ahli tidak rasmi Majlis Legislatif dan pembentukan sistem kementerian yang sempurna bagi kedua-dua negeri
- (xiv) Zaman peralihan – diberikan dalam tempoh 7 tahun
- (xv) Sistem pendidikan sedia ada dikekalkan, tetapi kuasa mengenai pendidikan di bawah kerajaan negeri
- (xvi) Pengekalan perlembagaan
- (xvii) Perwakilan dalam Parlimen Persekutuan
- (xviii) Nama bagi Ketua Negeri – Yang DiPertua Negara
- (xix) Nama bagi Negeri – Sabah atau Sarawak
- (xx) Tanah, Hutan, Kerajaan Tempatan dan sebagainya – Majlis Tanah Negara dan Majlis Kebangsaan bagi Kerajaan Tempatan tidak boleh diaplikasikan di kedua-dua negeri.

Kesimpulannya, perlembagaan negara merupakan sumber dan undang-undang tertinggi bagi sesebuah negara. Proses penjajahan British yang lama turut mempengaruhi pembentukan dan penggubalan perlembagaan negara. Kalau dilihat dengan lebih mendalam dan secara kritis, kolonial British bukan sahaja memastikan barisan pelapis kepimpinan negara yang merdeka tetapi juga sangat menentukan isu kandungan perlembagaan dan sistem pentadbiran bagi negara Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka. Justeru itu, keahlian Suruhanjaya Reid tidak sebarangpun mempunyai wakil daripada rakyat Tanah Melayu. Tambahan pula, bukan semua pihak atau parti yang dirundingi oleh suruhanjaya tersebut untuk membuat cadangan perlembagaan. Sehubungan itu, kita juga perlu memahami proses penggubalan perlembagaan dan undang-undang. Perlembagaan juga bersifat dinamik dan memerlukan pindaan mengikut kepentingan rakyat dan negara. Di sinilah institusi Parlimen berfungsi untuk meneliti, mengkaji dan menggubal kandungan perlembagaan dan memerlukan kelulusan daripada dua pertiga keahlian dalam *Dewan Rakyat*. Institusi Raja juga mempunyai peranan untuk mengesahkan sebarang peruntukan Rang Undang-undang sebelum ia menjadi Akta atau Enakmen. Yang lebih penting, kita juga harus memahami perkembangan perlembagaan negara secara ilmiah agar kita menjadi seorang warganegara yang memahami sistem pentadbiran negara secara rasional dan setia kepada negara.

XVI

PENUBUHAN MALAYSIA

Melalui bab ini, adalah diharapkan para pembaca dapat:

- mengetahui dengan mendalam faktor penubuhan Malaysia.
- mengkaji kesan langsung penubuhan Malaysia.
- menganalisis secara kritis tentang konflik politik di Asia Tenggara sehingga tertubuhnya ASEAN.

Gagasan penubuhan Malaysia telah dicetuskan oleh Tunku Abdul Rahman semasa berucap dalam persidangan *Foreign Correspondent Association of Southeast Asia* di Singapura pada 27 Mei 1961. Sebenarnya, *idea penyatuan wilayah* di Asia Tenggara pernah muncul di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua. Kesatuan Melayu Muda yang dipimpin oleh Ibrahim Haji Yaacob pernah bercita-cita untuk menggabungkan wilayah di kepulauan Melayu di bawah konsep Indonesia Raya atau Melayu Raya. Idea ini berterusan selepas Perang Dunia Kedua, apabila Dr. Burhanuddin Al-Helmi yang menerajui Parti Kebangsaan Melayu Malaya juga mempunyai cita-cita yang sama (Kamarudin, 1980). Sebab itulah apabila Perlembagaan Malayan Union dilaksanakan di Tanah Melayu pada 1 April 1946 yang mengasingkan Singapura daripada Tanah Melayu, maka timbul penentangan dari penduduk Tanah Melayu, terutamanya di kalangan orang Melayu (Ramiah, 1992). Walau bagaimanapun, cadangan Tunku Abdul Rahman ini telah menimbulkan pelbagai reaksi, sama ada positif atau negatif, dari Tanah Melayu, wilayah-wilayah yang terlibat dan negara jiran.

Dalam gagasannya untuk menubuhkan Malaysia, Tunku Abdul Rahman merasakan satu keperluan untuk membentuk kesatuan politik dan ekonomi bagi bekas tanah jajahan British di Asia Tenggara. Lord Brassey pernah

mengemukakan idea tersebut pada tahun 1887, tetapi tidak mendapat sebarang reaksi daripada kerajaan British (Mohamed Noordin, 1976). Pemimpin UMNO sendiri telah memberi pendapat dan reaksi berbeza tentang kemunculan idea penubuhan Malaysia. Dalam bab ini, penulis menumpukan perbincangan beberapa teori yang bersangkutan dengan konsep penubuhan Malaysia. Di samping itu, penulis juga ingin menganalisis perkembangan politik dan pencapaian dasar luar Malaysia di bawah kepimpinan Tunku Abdul Rahman dalam menangani isu penubuhan Malaysia.

Sebenarnya idea penubuhan Malaysia banyak dipengaruhi oleh kedudukan politik Singapura yang tidak stabil di bawah kepimpinan *Lee Kuan Yew*. Pada awal tahun-tahun 1960-an, kewibawaan *Parti Tindakan Rakyat* (PETIR) tergugat dan pencapaiannya merosot dalam mempengaruhi rakyat Singapura. Ini boleh dilihat daripada penguasaan parti tersebut dalam Parlimen Singapura. Pada tahun 1959, PETIR menguasai 43 buah kerusi daripada jumlah keseluruhan, iaitu 51 buah kerusi. Tetapi pada tahun 1961, PETIR hanya mampu menguasai 27 buah kerusi sahaja. Barisan Sosialis yang dikatakan prososialis dan komunis telah berjaya menyekat penguasaan PETIR dalam Parlimen Singapura. Kekalahan dua kali berturut-turut dalam pilihan raya kecil di Hong Lim pada awal tahun 1961 dan Anson pada bulan Julai 1961 semakin membimbangkan Lee Kuan Yew. Inilah yang menjadi faktor utama mendorong beliau mempengaruhi pemikiran politik Tunku Abdul Rahman agar mempelopori penubuhan Malaysia.

Sejak tahun 1957 lagi Tunku Abdul Rahman tidak menghiraukan langsung tentang kedudukan Singapura, tetapi pada kali ini beliau begitu sensitif dan berasa bimbang terhadap perkembangan politik Singapura yang tidak sihat. Tunku Abdul Rahman bimbang dengan masalah yang dihadapi oleh Singapura. Tambahan pula, beliau khuatir pengaruh *Barisan Sosialis* akan menular ke Tanah Melayu yang jaraknya hanya tiga perempat batu dari selatan Semenanjung. Pada masa yang sama, Tunku Abdul Rahman sangat bimbang Singapura akan menjadi *Cuba Kedua* di Asia Tenggara. Hal ini sangat berkait dengan dasar luar Malaysia yang dipraktikkan pada zaman Tunku Abdul Rahman amat jelas, iaitu mengamalkan dasar probarat dan antikomunis (Abdullah, 1987). Dasar luar inilah yang mengubah pemikiran Tunku Abdul Rahman agar turut terlibat sama dalam menyelesaikan masalah politik dalaman Singapura.

Berdasarkan teori keselamatan, akhirnya Tunku Abdul Rahman telah mempelopori penubuhan Malaysia melalui penyatuan wilayah dengan memasukkan Singapura ke dalam persekutuan Malaysia. Oleh yang demikian, *much can be said for Malaya's contention that Malaysia could prove to be a weapon*

against communism. Pernyataan ini bersesuaian dengan suatu kesimpulan bahawa dasar luar Malaya pada jangka masa 1957-1963 adalah berdasarkan kepada suatu pendirian probarat oleh sebab kecenderungannya sama ada secara langsung mahupun tidak langsung kepada kuasa Barat dalam soal pertahanan dan keselamatan. Ekoran dari itu juga, Tanah Melayu berpegang kuat kepada dasar antikomunis (Saravanamuttu, 1982).

Kemasukan Singapura dalam Persekutuan Malaysia telah menyebabkan wujudnya ketidakseimbangan kaum bagi penduduk Tanah Melayu. Kemasukan Singapura itu hanya menyebabkan majoriti penduduk berketurunan Cina di Tanah Melayu bertambah dan secara langsung mengatasi jumlah penduduk bumiputera Melayu. Ramai di kalangan pemimpin parti UMNO dan Perikatan sendiri bimbang tentang kemasukan Singapura ke dalam Malaysia. Ini disebabkan Lee Kuan Yew juga mempunyai cita-cita politik yang tersendiri. Secara tidak langsung, kemasukannya ke dalam Malaysia menyebabkan Singapura mencapai kemerdekaan daripada British. Ketidakseimbangan penduduk antara kaum dalam Persekutuan Malaysia menyebabkan idea penubuhan Malaysia telah diperluaskan merangkumi wilayah Sabah, Sarawak dan Brunei. Ini bertujuan untuk mewujudkan keseimbangan kaum di Tanah Melayu. Teori ketidakseimbangan kaum menyebabkan muncul teori perluasan wilayah (Mohamed Noordin, 1976). Kesimpulannya, cadangan penubuhan Persekutuan Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman merangkumi tiga teori, iaitu *keselamatan Singapura*, *ketidakseimbangan kaum* dan *perluasan wilayah*. Komposisi penduduk Tanah Melayu, Singapura dan wilayah Borneo boleh dilihat berdasarkan Jadual 16.1 berikut;

Jadual 16.1 Komposisi penduduk berdasarkan etnik 1962

Wilayah	Melayu & Bumiputera	Cina	Lain-lain	Jumlah
Tanah Melayu & Singapura	3,322,534	3,424,351	977,802	7,724,687
Wilayah Borneo	872,853	355,491	54,383	1,282,827
JUMLAH	4,195,387 (46.6%)	3,779,842 (41.9%)	1,032,185 (11.5%)	9,007,414 (100%)

Sumber: (Ongkili, J.P., 1985: 154)

Cadangan penubuhan Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman telah mendapat reaksi daripada pelbagai pihak. Singapura di bawah kepimpinan Lee Kuan Yew menyokong kuat cadangan penubuhan Malaysia. Ini disebabkan kemasukan Singapura ke dalam Persekutuan Malaysia menyebabkan masalah politiknya yang hampir kalah di tangan *Barisan Sosialis* dapat diselamatkan (Ongkili, 1985). Tunku Abdul Rahman telah menggunakan kekuatan pengaruhnya untuk menyekat perkembangan idea-idea yang prokomunis. Singapura pula telah mengecapi kemerdekaan daripada British apabila telah berada dalam Persekutuan Malaysia. Menurut Lee Kuan Yew, "disebabkan oleh ikatan-ikatan perasaan dan perniagaan, maka kita di Singapura selalunya merasa dekat dengan Persekutuan Malaysia. Jika percantuman dan kemerdekaan dapat dicapai dengan lebih cepat dan dengan lebih mudah ... maka kita menyokongnya." Pada masa yang sama, Lee Kuan Yew dan PETIR telah mengukuhkan kedudukan politiknya dengan cuba mempengaruhi sokongan dari orang Cina di Tanah Melayu. Ini dapat dilihat dengan jelas apabila PETIR turut menyertai pilihan raya Persekutuan Malaysia yang ketiga pada tahun 1964. Walau bagaimanapun, PETIR gagal dalam pilihan raya tersebut dan hanya menguasai sebuah kerusi sahaja.

Brunei pula secara tegas telah menentang cadangan penubuhan Malaysia. Sebenarnya, Tunku Abdul Rahman begitu yakin bahawa Brunei akan turut menyertai Persekutuan Malaysia. Beliau berpendapat "... adalah sesuatu yang karut bagi Brunei yang begitu kecil dan hanya sebesar Perlis untuk memikirkan soal kemerdekaan secara bersendirian" (Mohamad Abu Bakar, 1981: 123). *Parti Rakyat Brunei* yang ditubuhkan pada 22 Januari 1956 di bawah pimpinan A.M. Azahari telah menentang keras cadangan penubuhan Malaysia, walaupun pada peringkat awal, beliau pernah menyatakan bahawa *Kita hendaklah merasa yakin bahawa tidak ada udang di sebalik batu di dalam usul itu [Malaysia]. Kita harus diyakinkan bahawa usul-usul itu akan menguntungkan kepentingan negara wilayah-wilayah Borneo* (Tunku Abdul Rahman, 1980: 104). Sikap *Parti Rakyat Brunei* terhadap idea tersebut mulai berubah. Tunku Abdul Rahman mulai dikritik sebagai orang yang bertanggungjawab menjalankan dasar kolonialisme dan menjadi alat kepada kuasa besar. Tunku juga dituduh bercita-cita untuk menjadi bapak kemerdekaan Borneo Utara pula (Mohamad Abu Bakar, 1981).

Penentangan *Parti Rakyat Brunei* semakin berterusan dengan melancarkan suatu gerakan revolusi melalui *Tentera Nasional Kalimantan Utara* (TNKU), sayap militer PRB, pada bulan Disember 1962 untuk menyekat penyertaan Brunei dalam Persekutuan Malaysia (Zaini, 1987). Kekayaan Brunei menyebabkan mereka tidak berhasrat untuk menyertai Persekutuan

Malaysia. Sebaliknya, kesultanan Brunei mempunyai cita-cita untuk menyatupadukan seluruh wilayah di Borneo Utara. Tunku Abdul Rahman berpendapat Brunei tidak mahu menyertai Persekutuan Malaysia kerana ... *Sultan Sir Omar hanya hendak cuba menghidupkan semula kegemilangan zaman lampau Brunei*. Pada saat-saat terakhir, Brunei telah menolak idea Malaysia dengan alasan bahawa kerajaan Tanah Melayu gagal mematuhi syarat-syarat perjanjian yang pernah dipersetujui oleh kedua belah pihak (Mohamad Abu Bakar, 1981).

Sabah dan Sarawak juga menentang cadangan penubuhan Malaysia. Semasa Tunku Abdul Rahman mengadakan lawatannya ke Brunei dan Sarawak pada awal bulan Julai 1961, perasaan antiPersekutuan sangat kuat di kalangan penduduk. Pada 5 Julai 1961, Setiausaha Agung Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP), iaitu *Stephen Kalong Ningkan* telah mengatakan bahawa *sebarang langkah untuk meletakkan Sarawak ke dalam Persekutuan, oleh sebarang kuasa luar akan ditentang secara habis-habisan* (Mohamed Noordin, 1976: 141-142). Dua hari kemudian, Donald Stephen (kemudian Tun Ahmad Fuad Stephen) menyatakan bahawa beliau akan menentang untuk meletakkan Sabah ke dalam *Malayan Colonies*. Pernyataan yang sama telah dibuat oleh Ong Kee Hui, Pengerusi *Sarawak United People Party* (SUPP).

Walau bagaimanapun, penubuhan Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia (*Malaysia Solidarity Consultative Committee*) telah diumumkan oleh Tunku Abdul Rahman pada tanggal 28 Julai 1961. Ahli-ahli jawatankuasanya terdiri daripada wakil-wakil wilayah yang terlibat. Antara tujuan dan matlamat penubuhan jawatankuasa ini adalah:

- (i) mengumpul segala pandangan dan cadangan mengenai penubuhan Malaysia.
- (ii) menyebarkan maklumat mengenai idea Malaysia.
- (iii) menggalakkan dan menganjurkan perbincangan mengenai idea Malaysia.
- (iv) mengadakan pelbagai aktiviti untuk merealisasikan penubuhan Malaysia.

Mesyuarat pertama yang diadakan pada 24 Ogos 1961 di Jesselton (Kota Kinabalu) telah dihadiri oleh perwakilan dari wilayah yang terlibat kecuali Brunei. Pengerusi Jawatankuasa Penaja, *Donald Stephens* menyatakan bahawa pandangan awalnya yang negatif tentang idea Malaysia adalah disebabkan kurangnya maklumat mengenai idea tersebut. Beliau berkeyakinan bahawa cadangan penubuhan Malaysia akan mencapai kejayaan untuk kestabilan dan keselamatan masa depan negara ini (Zainal Abidin, 1984). Datu Mustapha bin Datu Harun pernah menyatakan bahawa perbincangannya dengan

pemimpin Tanah Melayu yang lain menyebabkan *completely allayed our fears and suspicious. I am confident that confederation is very near*. Mesyuarat Jawatankuasa tersebut yang terakhir telah diadakan pada 3 Februari 1962 dan memutuskan untuk menghantar memorandum menyokong cadangan penubuhan Malaysia dengan beberapa cadangan.

Kedua-dua buah negara jiran, iaitu Filipina dan Indonesia, memang menentang keras cadangan penubuhan Malaysia. Presiden Filipina, *Diosdado Macapagal* menentang cadangan penubuhan Malaysia kerana melibatkan wilayah Sabah atau Borneo Utara. Ini disebabkan Filipina masih meneruskan tuntutan ke atas Sabah kerana ia adalah kepunyaan Kesultanan Sulu (Mohd. Ariff, 1988). Filipina berhujah bahawa Sultan Sulu telah memajakkan atau *lease* Sabah kepada Syarikat British, *Chartered Borneo Company*, pada tahun 1878 dan bukan sebaliknya menyerahkan wilayah itu kepada syarikat tersebut. Pentadbiran Presiden Macapagal telah mengemukakan tuntutan rasmi agar Britain hendaklah menyerahkan semula Sabah kepada Filipina. Walau bagaimanapun, tuntutan tersebut telah ditolak oleh kerajaan British. Naib Presiden Filipina, Emmanuel Pelaez menjelaskan bahawa negaranya menentang cadangan penubuhan Malaysia kerana gagasan tersebut menjadi batu penghalang bagi keamanan di Asia Tenggara dan Tanah Melayu dan Singapura pada lahirnya memusuhi Filipina (Tunku Abdul Rahman, 1980). Bagaimanapun, penentangan Filipina terhadap penubuhan Malaysia adalah secara diplomasi kerana Britain merupakan sebuah kuasa besar yang menjadi sahabatnya dalam *Pertubuhan Perjanjian Asia Tenggara* (SEATO) yang ditubuhkan pada tahun 1954. Di samping itu, Tanah Melayu dan Thailand, adalah merupakan rakan Filipina dalam Persatuan Asia Tenggara (ASA) yang ditubuhkan pada tahun 1962 yang bertujuan membentuk satu bangsa Asia.

Manakala pemerintah Indonesia di bawah kepimpinan *Soekarno* juga mempunyai dasar yang sama menentang Malaysia. Malah penentangan mereka terhadap idea penubuhan Malaysia bukan sahaja dalam bentuk diplomasi, tetapi melancarkan gerakan ketenteraan melalui dasar konfrantasi. Presiden Soekarno menuduh Malaysia yang hendak dicipta itu merupakan ciptaan neokolonialis yang dipaksakan kepada rakyat wilayah-wilayah ini tanpa meminta fikiran mereka (Tunku Abdul Rahman, 1980). Penubuhan Malaysia adalah bertentangan dengan hasrat Presiden Soekarno untuk menubuhkan Empayar Indonesia sebagaimana yang disyorkan oleh Professor Yamin. Satu lagi faktor yang tidak kurang penting ialah sikap dan dasar Tunku Abdul Rahman yang memusuhi komunisme. Ini disebabkan kutukan yang paling lantang terhadap Malaysia datang dari D.N. Aidit pemimpin Parti Komunis Indonesia yang menyokong kepimpinan Soekarno. Sebaik sahaja konsep

Malaysia diumumkan oleh Tunku Abdul Rahman, pihak Parti Komunis Indonesia telah mentafsirkan bahawa persekutuan yang demikian akan menjadi halangan kepada perkembangan fahaman komunisme di Asia Tenggara.

Tunku Abdul Rahman berpendapat bahawa penentangan oleh Indonesia merupakan suatu *escapism* untuk melarikan pandangan rakyat terhadap masalah yang dihadapi oleh negaranya seperti kekacauan politik, pemborosan, salah tadbir dan nilai rupiah yang semakin menurun. Pemimpin Indonesia memandang kemakmuran Malaysia yang meningkat sejak merdeka dan kemajuan yang dicapainya dengan iri hati (Tunku Abdul Rahman, 1980). Tambahan pula, Tunku Abdul Rahman pernah dituduh oleh Presiden Soekarno dan Dr. Subandrio, Menteri Luar kerana mencampuri urusan Indonesia mengenai masalah politik Irian Barat. Mulai bulan Januari 1963, Dr. Subandrio mengumumkan bahawa Indonesia akan melancarkan *dasar ganyang Malaysia*, iaitu *konfrantasi terhadap Tanah Melayu, yang didakwanya sebagai negeri yang mewakili tenaga-tenaga neokolonialis dan neoimperialis*. Beliau juga mengisytiharkan kepada seluruh dunia bahawa *Indonesia mesti menjalankan dasar konfrantasi terhadap Malaysia kerana Malaysia sekarang adalah kakitangan penjajahan bentuk baru dan memusuhi Indonesia dan rakyatnya*.

Jangka masa ini memperlihatkan hubungan antara Malaysia dengan Indonesia telah berlangsung dalam suasana tegang dan penuh emosi (Rosdi Wah, 1986). Hubungan diplomatik kedua-dua negara semakin renggang. Kerjasama pertubuhan MAPHILINDO (Malaysia, Filipina dan Indonesia) juga terganggu. Mulai 16 September 1963, Indonesia dan Filipina telah memutuskan hubungan diplomatik dengan Malaysia, dengan alasan mereka tidak dibenarkan mempunyai jumlah pemerhati yang besar dalam rombongan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Sabah dan Sarawak. Kemuncak konfrantasi itu adalah pendaratan haram pasukan tentera Indonesia di beberapa tempat di Tanah Melayu. Pendaratan pertama di Tanah Melayu berlaku serentak di tiga tempat di pantai barat Johor iaitu Benut, Pontian Besar dan Kukup, yang mengandungi 108 orang tentera dari Pasukan Gerak Cepat dan Korp Komando Operasi. Pasukan keselamatan Malaysia berjaya membunuh 21 orang dan menawan 76 orang tentera Indonesia. Manakala hanya sejumlah kecil tentera Indonesia yang berjaya balik ke negara mereka. Pada tahun 1965, lima puluh lapan serangan telah berlaku di kawasan perairan Tanah Melayu dan Singapura. Ini menyebabkan seramai 95 orang tentera Indonesia terkorban dan 303 orang musuh tertawan.

Pada 1 November 1961, Tunku Abdul Rahman pergi ke London untuk merundingkan soal penubuhan Malaysia. Akhirnya, kerajaan British bersetuju

tentang prinsip penyatuan wilayah antara Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Borneo Utara, Sarawak dan Brunei. Persetujuan tersebut dengan bersyarat iaitu *United Kingdom akan diberi hak memelihara pangkalan-pangkalan di Singapura untuk tujuan membantu pertahanan Malaysia, dan bagi pertahanan Komanwel, dan bagi memelihara keamanan di Asia Tenggara*. Sehubungan dengan itu, kerajaan British bersetuju membentuk *Suruhanjaya Cobbold* pada tahun 1962, untuk meninjau pendapat penduduk di wilayah-wilayah terbabit mengenai idea penubuhan Malaysia. Antara ahli-ahli suruhanjaya tersebut termasuklah Lord Cobbold (Pengerusi), Ghazali Shafie, Wong Pow Nee, David Watherston dan Anthony Abell. Setelah menamatkan penyiasatannya pada bulan Jun 1962, suruhanjaya itu melaporkan bahawa hanya lebih kurang satu pertiga daripada penduduk menyokong kuat penubuhan Malaysia, manakala selebihnya bersetuju menyertai Malaysia dengan beberapa syarat. Bagaimanapun, golongan yang menentang Malaysia baik apa pun syarat-syaratnya hanya lebih kurang 20 peratus daripada penduduk Sarawak dan di Sabah kurang lagi jumlahnya (Mohd Noor, 1979). Akhirnya, pada 14 September 1963, Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengumumkan keputusannya berdasarkan Laporan Misi PBB dengan menyokong pembentukan Malaysia. Tunku Abdul Rahman mengumumkan secara rasmi penubuhan Malaysia pada 16 September 1963, terlewat lima belas hari daripada yang dijadualkan, yang mengandungi semua wilayah kecuali Brunei.

Sementara itu, terdapat pelbagai pihak di Malaysia menentang cara Tunku Abdul Rahman menangani gagasan penubuhan Malaysia. Parti Islam Se Malaysia (PAS) dan Parti Rakyat Malaya (PRM) memperlihatkan sokongan mereka kepada Presiden Soekarno. Aziz Ishak telah meletak jawatan sebagai Menteri Pertahanan, sebagai tanda bantahan terhadap Tunku Abdul Rahman. Beliau telah berusaha sedaya upaya untuk menyatukan pihak pembangkang, dengan rancangan bersama tidak percaya ke atas Laporan Lansdowne yang meninjau pendapat rakyat Borneo sebelumnya. Penentangan ini menyebabkan Tunku Abdul Rahman menggunakannya sebagai senjata utama untuk menyerang parti pembangkang semasa pilihan raya Persekutuan Malaysia pada bulan April 1964 (Ratnam & Milne, 1969). Dalam pilihan raya tersebut, parti Perikatan telah mencapai kemenangan yang gemilang dan menambah majoritinya. Kejayaan Parti Perikatan disebabkan *konfrantasi Indonesia telah menyatakan sebahagian besar daripada rakyat menyokong negara dan telah memberikannya suatu dasar perjuangan pilihanraya yang sederhana tetapi berkesan iaitu patriotisme menentang pelanggaran asing* (Shaw, 1977: 216). Ini menyebabkan kebanyakan daripada parti pembangkang serba salah dan

mereka dicap oleh pengundi sebagai pembelot atau kalau tidak pun sebagai boneka Soekarno.

Setelah menikmati pelbagai faedah dan manfaat disebabkan kemasukannya ke dalam Malaysia, pemimpin Singapura Lee Kuan Yew telah mencetuskan idea *Malaysian-Malaysia*. Menurutinya, ia merupakan satu alternatif kepada apa yang dipanggilnya *Allianceism*, iaitu persekongkolan antara pemimpin-pemimpin Melayu tradisional yang konservatif dengan golongan komprador dan kapitalis Cina untuk kepentingan mereka bersama (Ramlan, 1975/77). Beliau telah memperjuangkan konsep tidak perkauman bagi penduduk Malaysia dengan satu dasar, iaitu 40 peratus Melayu, 40 peratus Cina dan 20 peratus India. Menurut Tun Abdul Razak, perjuangan mewujudkan *Malaysian Malaysia* sebenarnya ialah perjuangan melawan UMNO dan orang-orang Melayu (Abdul Razak, 1966). Lee Kuan Yew telah menubuhkan gabungan parti-parti pembangkang (selain daripada PAS), yang dinamakan *Malaysian Solidarity Convention* (MSC) pada bulan Mei 1965 di Singapura untuk memperjuangkan konsep tersebut. Perjuangan Lee Kuan Yew yang berdasarkan *racial equity*, tanpa penyertaan parti pembangkang Melayu, mula dipandang oleh orang Melayu sebagai satu usaha untuk melemahkan atau menyingkirkan dominasi politik Melayu yang matlamat akhirnya adalah untuk menghapuskan kedudukan istimewa orang Melayu. Tunku Abdul Rahman berpendapat bahawa *pendirian Lee Kuan Yew yang baru nyatalah bertentangan dengan semangat Perlembagaan Malaysia...* (Tunku Abdul Rahman, 1980: 139). Ini disebabkan Lee Kuan Yew pernah berjanji akan menghormati dan menjunjung Perlembagaan Tanah Melayu.

Setelah mendapat tentangan yang kuat dari Lee Kuan Yew, Tunku Abdul Rahman mengambil keputusan yang dianggapnya paling baik dengan mengasingkan Singapura daripada Persekutuan Malaysia pada 9 Ogos 1965. Sebenarnya kerajaan pusat mempunyai satu lagi alternatif untuk menyelesaikan masalah Singapura, iaitu menggunakan kuasa darurat dengan mengambil tindakan secara kekerasan terhadap kerajaan Singapura. Tunku Abdul Rahman berpendapat bahawa jika Singapura tidak lekas-lekas di dikeluarkan dari Malaysia, maka sudah tentu dan tidak dapat dielak lagi Malaysia akan menjadi padang jarak padang terkukur akibat pergaduhan antara kaum, sebagai hasil daripada politik 'sorong tarik' kerajaan Singapura. Bagi Tun Abdul Razak (1966) pula, *kita terpaksa mengeluarkan Singapura dari Malaysia kerana sungguhpun kita merasa sedih dan dukacita kerana satu negeri telah terpaksa keluar, tetapi kita gembira kerana kita telah dapat menyingkirkan duri dari dalam daging kita.*

Sementara itu, penentangan Indonesia terhadap Malaysia semakin reda apabila berlakunya *coup de tat* Gestapo di Jakarta, iaitu penggulingan rejim Soekarno oleh pergerakan komunis pada bulan Oktober 1965. Berikutan daripada peristiwa rampasan kuasa tersebut, *Soeharto* telah dipilih mengetuai kerajaan yang baru. Kerajaan Filipina di bawah kepimpinan Presiden *Ferdinand Marcos* pula mula menyatakan sokongannya terhadap Malaysia pada bulan Mei 1966. Ini berikutan kemenangan Marcos ke atas Presiden Diosdado Macapagal. Kedua-dua peristiwa ini telah memberi ruang keamanan dan kestabilan politik di Asia Tenggara.

Kesimpulannya, tahun-tahun selepas merdeka sehingga tahun 1965 memperlihatkan satu jangka masa yang cukup mencabar dengan pelbagai peristiwa yang menguji kepimpinan Tunku Abdul Rahman dalam kerjaya politiknya dan komitmennya dalam pelaksanaan dasar luar Malaysia. Pengalaman ini menyebabkan kepimpinan Malaysia di bawah Tun Abdul Razak lebih berhati-hati dan berdiplomasi serta bekerjasama dalam merangka pembentukan dasar luarnya pada jangka masa tahun-tahun 1970-an. Ia kelihatan lebih ketara dengan perlaksanaan Perisytiharan Kuala Lumpur pada tahun 1971 yang bertujuan menjadikan Asia Tenggara sebagai rantau aman, bebas dan berkecuali (Mohamad Abu Bakar, 1982). Ini merupakan sebahagian daripada kerjasama negara-negara di rantau Asia Tenggara melalui pertubuhan ASEAN, hasil daripada *Deklarasi Bangkok* pada tahun 1967 (Rajendran, 1985).

XVII

MALAYSIA DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA

Melalui bab ini, adalah diharapkan para pembaca dapat:

- mengkaji keperluan sesebuah negara mengadakan hubungan antarabangsa.
- melihat perkembangan dasar luar Malaysia.
- melihat penglibatan Malaysia dalam isu antarabangsa.

Sejak Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, negara kita mula mengambil langkah-langkah untuk mengisi agenda kemerdekaan seperti merancang dan melaksanakan program pembangunan negara, penyusunan semula masyarakat dan memupuk perpaduan nasional. Kesemua program itu dilaksanakan menerusi *Rancangan Pembangunan lima Tahun*, *Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP)* pertama atau *Dasar Ekonomi Baru (1970–1990)*, RRJP kedua (1990–2000) dan RRJP ketiga (2001–2010). Di samping itu, Malaysia turut mengadakan hubungan diplomatik dengan negara luar sebagai suatu langkah kehidupan bersama dengan negara lain. Malaysia turut menyertai dan berperanan dalam pelbagai pertubuhan antarabangsa. Walau bagaimanapun, pembentukan dan penglibatan dasar luar Malaysia banyak dipengaruhi oleh gaya kepimpinan seseorang Perdana Menteri. Secara umum, kita akan melihat pembentukan dasar luar merupakan pelengkap kepada dasar pembangunan negara ini. Justeru itu, aspek sejarah khususnya zaman penjajahan juga memainkan peranan penting, iaitu bagaimana penggubalan dasar dibuat oleh kepimpinan negara.

Sebagai sebuah negara bangsa yang baru merdeka, dasar luar Malaysia telah dibina berasaskan matlamat, keutamaan dan keperluan nasional yang

berpunca daripada struktur sosioekonominya (Saravanamuttu, 1982). Pembentukan dasar luar Malaysia adalah sebahagian daripada usaha mewujudkan identiti Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat. Ia juga ingin menunjukkan kewibawaan Malaysia di arena politik antarabangsa. Penonjolan imej dan identiti ini dibuat dengan penglibatan aktif Malaysia dalam pertubuhan kerjasama serantau dan antarabangsa. Kerjasama ini dibuat secara dua hala dan pelbagai hala dengan negara-negara lain.

Setelah Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, negara ini telah diterima secara rasmi sebagai anggota *Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu* (PBB) yang ke-82. Ini adalah sebahagian daripada proses pendaulatan (*soveriegnity*) sesebuah negara. Piagam PBB telah mengiktiraf kedaulatan sesebuah negara walau sekecil mana sekalipun, ia adalah ditentukan oleh rakyat negara itu sendiri. Walaupun masih dalam usia muda, namun Malaysia telah memainkan peranan aktif dalam hubungan antarabangsa. Malaysia turut menyumbangkan tenaga dalam pasukan pengaman PBB di Congo pada tahun 1960. Buat pertama kalinya, Malaysia yang berkongsi dengan Yugoslavia telah berjaya menempatkan dirinya dalam keanggotaan Majlis Keselamatan PBB pada tahun 1965.

Secara umum, adalah jelas menunjukkan dasar luar Malaysia di bawah kepimpinan Tunku Abdul Rahman adalah bersikap *proBarat* dan *antikomunis* (Abdullah, 1987). Ini berkait rapat dengan latar belakang Tunku Abdul Rahman yang berpendidikan Inggeris dan kepimpinan beliau sendiri banyak dibayangi oleh unsur kebaratan yang *proBritish*. Justeru itu, semasa mengisytiharkan kemerdekaan, beliau mengambil pendirian yang jelas bahawa Malaysia akan terus berada di bawah Komanwel British. Tunku Abdul Rahman juga menjelaskan bahawa walaupun Malaysia sudah merdeka, dua perkara penting, iaitu pembentukan dasar luar dan pertahanan masih lagi bergantung kepada kerajaan British.

Dasar ini diperkukuhkan lagi dengan dasar pertahanan yang mengikat perjanjian kerjasama Malaysia dan Britain pada tahun 1957, iaitu *Anglo-Malayan Defence Agreement* (AMDA). Kerajaan British memberi jaminan akan memberi bantuan ketenteraan kepada Malaysia sekiranya berlakunya serangan bersenjata ke atas negara ini. Malaysia pula berasa suatu keperluan untuk menandatangani perjanjian AMDA disebabkan kelemahan ketenteraan darat, laut dan udara. Setelah tamat perjanjian dengan AMDA, mulai 1 November 1971, Malaysia mengadakan hubungan *Kerjasama Pertahanan Lima Negara* (*Five Power Defence Agreement*) yang disertai oleh British, Australia, New Zealand, Singapura dan Malaysia. Penglibatan tentera asing di Malaysia sangat ketara semasa gerakan menentang penganas komunis pada zaman

darurat (1948–60) dan penentangan terhadap Indonesia pada zaman konfrantasi (1963–65).

Pada masa yang sama, Tunku Abdul Rahman mengambil sikap dan mengamalkan *dasar antikomunis*. Di bawah kepimpinannya, Malaysia tidak mengadakan hubungan diplomatik dengan negara-negara komunis. Ini mungkin disebabkan tindakan Parti Komunis China (PKC) yang memberi sokongan ke atas Parti Komunis Malaya (PKM) yang menjalankan gerakan subversif di Tanah Melayu, terutamanya pada zaman darurat. Pendirian antikomunis adalah sangat jelas diperlihatkan oleh dasar Malaysia terhadap China. Malaysia telah mengamalkan dasar mengiktiraf 'dua China' di PBB; mengiktiraf Republik Rakyat China tetapi pada masa yang sama turut mengiktiraf Taiwan. Sebenarnya tindakan ini bercanggah dengan perlembagaan PBB. China memang berusaha untuk menjalin hubungan diplomatik dengan Malaysia, tetapi tidak mendapat layanan daripada pemimpin negara (Suryanarayan, 1988). Pada masa yang sama, Malaysia mengutuk keras tindakan ketenteraan China di Tibet pada tahun 1959 dan permusuhanannya dengan negara India pada tahun 1962 mengenai isu sempadan. Tunku Abdul Rahman sendiri telah menganjurkan penubuhan Tabung Menyelamat Demokrasi dan berjaya mengutip sejumlah RM1 juta ringgit untuk membantu India dalam mempertahankan diri daripada pencerobohan China. Sikap Tunku Abdul Rahman terhadap ideologi komunis ini sangat jelas apabila Malaysia melibatkan diri secara langsung dalam menyelesaikan masalah politik dalaman Singapura pada tahun 1961 yang ketika itu hampir dikuasai Barisan Sosialis. Kesimpulannya, dasar luar Malaysia pada tempoh masa 1957–1963 adalah berdasarkan kepada suatu pendirian probarat oleh sebab kecenderungannya kepada kuasa-kuasa Barat dalam soal pertahanan dan keselamatan. Di samping itu, Malaysia berpegang kuat kepada dasar antikomunis.

Dalam konteks yang lain, Malaysia turut memulakan kerjasama serantau di Asia Tenggara. Malaysia turut mempelopori penubuhan *Association of Southeast Asia (ASA)* pada tahun 1961 yang melibatkan Thailand dan Filipina. Kerjasama Malaysia, Filipina dan Indonesia (MAPHILINDO) telah diwujudkan pada tahun 1963. Di samping itu, Malaysia turut menganggotai pertubuhan *Southeast Asia Treaty and Organization (SEATO)* pada tahun 1954 dan *Southeast Asian and Economic Treaty (SEAFET)* pada tahun 1959. Kesemua kerjasama serantau ini tergendala kerana kemunculan isu penubuhan Malaysia. Selain itu, Malaysia juga bersuara lantang menentang *dasar Apartheid* yang diamalkan di Afrika Selatan dan menyokong pembebasan wilayah Irian Jaya (Timor Timur) daripada penguasaan Indonesia. Dasar ini sekali gus

menentang sebarang usaha memasukkan Afrika Selatan ke dalam *pertubuhan Komanwel*. Dalam pada itu, Malaysia turut menghantar seramai 1,413 askar ke Congo pada tahun 1960 untuk menyertai operasi keamanan atas anjuran pasukan pengaman PBB.

Walau bagaimanapun, kesemua kerjasama serantau tersebut mengalami gerhana kerana isu penubuhan Malaysia. Pada jangka masa tersebut, hubungan serantau kelihatan tegang dan penuh emosi. Akhirnya, disebabkan beberapa faktor seperti pertukaran kepimpinan di Indonesia dan Filipina serta tindakan Singapura keluar dari Malaysia, maka hubungan kerjasama serantau dipereratkan semula dengan penubuhan *Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara* (ASEAN) pada tahun 1967. ASEAN ditubuhkan menerusi *Deklarasi Bangkok*. Dalam perjanjian ini, Malaysia diwakili oleh Tun Abdul Razak Hussein. Menerusi deklarasi tersebut, negara-negara Asia Tenggara bersetuju mengadakan pelbagai bentuk kerjasama seperti politik, ekonomi, kebudayaan, teknikal, pertahanan dan sebagainya.

Namun begitu, ASEAN tidak pernah mengisytiharkan organisasi itu sebagai pakatan kerjasama pertahanan seperti NATO (*North Atlantic Treaty Organization*). ASEAN juga tidak boleh menyerupai *pertubuhan Kesatuan Ekonomi Eropah* (EEC) yang bersifat pertubuhan integrasi. ASEAN hanya merupakan pertubuhan kerjasama serantau, manakala EEC berusaha ke arah pembentukan blok Kesatuan Eropah yang tunggal. Pada ketika itu, ASEAN disertai lima buah negara iaitu Malaysia, Filipina, Thailand, Singapura dan Indonesia. Matlamat ASEAN ialah penggabungan sepuluh buah negara bermula dengan Brunei (1984) dan Vietnam, Laos dan Myanmar (1996). Kemboja merupakan negara yang paling akhir menyertai ASEAN pada tahun 1999.

Dasar luar Malaysia mula berubah haluan di bawah kepimpinan Tun Abdul Razak. Namun begitu, beberapa perkara dasar masih lagi diteruskan seperti mengadakan hubungan diplomatik dengan negara Barat. Pada zaman pemerintahan beliau, rantau Asia Tenggara mula bergelora. Ini disebabkan berlakunya peperangan di Indochina. Amerika Syarikat turut melibatkan diri dalam Perang Vietnam itu. Implikasi yang utama ialah timbulnya masalah pelarian Vietnam atau *orang hanyut* yang pergi ke negara lain termasuklah Malaysia. Masalah pelarian menimbulkan pelbagai masalah yang terpaksa ditanggung oleh negara penerima seperti menyediakan tempat tinggal, bantuan makanan, kos perbelanjaan kewangan yang tinggi dan juga keselamatan. Pada peringkat awal, Malaysia telah menolak kehadiran pelarian tetapi telah dikritik sebagai bertentangan dengan hak asasi kemanusiaan. Akhirnya atas desakan PBB berkaitan dengan pelarian (UNHCR), Malaysia telah menempatkan

pelarian Vietnam di beberapa buah kem penempatan seperti di Pulau Bedong, Terengganu sebelum dihantar ke negara ketiga.

Sebenarnya masalah pelarian yang wujud pada lewat tahun 1970-an, sedikit sebanyak turut menggugat kestabilan dan keselamatan negara Malaysia. Malaysia berjaya menguruskan penghantaran kira-kira seramai 100,000 orang pelarian ke negara lain pada tahun 1978-1980. Dengan tindakan kolektif dari negara ASEAN, Malaysia berjaya menggesa mengadakan satu persidangan di Geneva pada bulan Julai 1979 untuk mencari penyelesaian kepada masalah orang perlarian tersebut. Negara-negara maju digesa turut bertanggungjawab dengan menerima kehadiran orang pelarian ini. Namun begitu, masalah tersebut tidak dapat diselesaikan sepenuhnya sehinggalah kebanyakan daripada mereka telah dihantar pulang ke Vietnam pada tahun 1996-1997.

Dalam pada itu, gelora politik di Indochina turut mengundang kehadiran ketumbukan tentera kuasa-kuasa besar Amerika Syarikat dan Soviet Union ke dalam rantau Asia Tenggara. Perang Dingin berlaku di Indochina. Soviet Union mula menempatkan pasukan tentera darat dan laut di Camp Rahn Bay dan Danang di Vietnam. Amerika Syarikat pula memang sudah bertapak di Pangkalan Tentera Laut Cubic dan Pangkalan Tentera Udara Clark di Filipina. Fenomena ini menghangatkan lagi percaturan Perang Dingin antara kedua-dua kuasa besar itu. Selain daripada kedua-dua besar itu, China juga turut terlibat dengan isu di Indochina. Fenomena ini tentunya sangat membimbangkan negara ASEAN.

Sememangnya rantau Asia Tenggara menjadi tarikan kepada kuasa besar kerana kedudukannya yang strategik daripada segi keselamatan dan kegiatan ekonomi. Justeru itu, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Luar Malaysia Tun Dr. Ismail Abd. Rahman telah menggerakkan *Deklarasi Kuala Lumpur* pada tahun 1971. Deklarasi tersebut telah mengisytiharkan Asia Tenggara sebagai zon aman, bebas dan berkecuali atau ZOPFAN (Mohamad, 1982). Pada dasarnya, idea dan konsep ZOPFAN mempunyai tiga ciri yang utama, iaitu:

- (i) Perjanjian sesama negara Asia Tenggara untuk tidak menceroboh antara satu sama lain.
- (ii) Perisytiharan oleh negara Asia Tenggara untuk tunduk kepada cita-cita kerjasama.
- (iii) Jaminan tiga kuasa luar, iaitu China, Amerika Syarikat dan Soviet Union untuk mengecualikan rantau Asia Tenggara.

Dengan mengambil pendekatan sedemikian, Asia Tenggara diharap akan terselamat dari menjadi medan Perang Dingin dan konflik bersenjata antarabangsa. Suatu perkara yang sangat menarik ialah Tun Abdul Razak mula mengadakan hubungan diplomatik dengan negara blok komunis. Tindakan diplomatik ini bukanlah dibuat secara sendirian. Hal ini berikutan daripada *Doktrin Guam* yang diisytiharkan oleh Presiden Richard Nixon yang mula menjalin hubungan dengan negara blok komunis. Pada tahun 1974, Tun Abdul Razak mencipta sejarah dengan melakukan lawatan pertama ke Beijing, China. Peristiwa ini menjadi titik tolak kepada hubungan diplomatik dan mengadakan pelbagai kerjasama yang lebih baik antara kedua-dua buah negara. Berikutan dengan itu, Malaysia telah menggugurkan dasar *dua China* yang diamalkan sebelum itu. Kemasukan China ke dalam PBB sangat diharap oleh masyarakat antarabangsa agar ia turut bertanggungjawab untuk memainkan peranan yang lebih besar bagi mewujudkan keamanan dunia (Mohamad, 1982). Seterusnya Perdana Menteri China, Chou En-Lai telah membuat lawatan balas ke Kuala Lumpur. Pada peringkat awal, hubungan yang dibenarkan adalah pada peringkat negara dengan negara. Secara beransur-ansur hubungan ini telah diperluaskan ke peringkat rakyat dengan rakyat. Malah pada masa kini, hubungan perdagangan Malaysia-China telah meningkat dengan banyaknya kerana China mula mengamalkan dasar ekonomi terbuka. Tambahan pula, kuasa ekonomi China semakin bertambah dengan kembalinya Hong Kong sebagai nadi kegiatan ekonominya, kepangkuannya mulai bulan Julai 1997. Kini hubungan dengan China semakin aktif, selepas China diterima menjadi anggota *Pertubuhan Perdagangan Dunia* (WTO) mulai tahun 2001.

Dasar luar Malaysia yang mulai berubah diteruskan dengan jalinan hubungan diplomatik dengan Republik Mongolia, Vietnam Utara, Korea Utara dan Jerman Timur, di antara tahun 1972–1973. Selain itu, Malaysia turut mengiktiraf pembentukan kerajaan baru di Vietnam, Laos dan Kampuchea pada tahun 1976. Walau bagaimanapun, di antara tempoh 1970–1980 Malaysia mengambil pendirian yang jelas, iaitu bersikap berkecuali, dasar tidak campur tangan dan kehidupan bersama serta menggalakkan kerjasama serantau (Mohamad Hear, 1982).

Di bawah kepimpinan Perdana Menteri ketiga, Tun Hussein Onn, hubungan dasar luar Malaysia kelihatan tenang dan stabil serta hanya menangani dan meneruskan dasar terdahulu. Boleh dikatakan tidak banyak perubahan dasar yang diperkenalkan. Namun begitu, beliau telah mengasaskan hubungan diplomatik yang lebih erat dengan Jepun. Berikutan itu, tertubuhlah *Majlis Ekonomi Malaysia-Jepun* (MAJECA). Apabila Dr. Mahathir Mohamad

mengambil alih kepimpinan negara, dasar luar Malaysia telah mengalami perubahan yang besar. Orientasi dasar luar yang paling ketara ialah pelaksanaan dasar pandang ke timur dengan menjadikan Jepun, Korea Selatan dan Taiwan sebagai negara contoh dalam pembangunan sosioekonomi. Malaysia telah berusaha mendapat bantuan Jepun dan Korea Selatan dalam membangunkan negara ini. Syarikat multinasional Jepun dan Korea Selatan diberi banyak peluang membangunkan pelbagai projek raksasa di Malaysia. Malaysia juga mula menghantar pelajarinya untuk melanjutkan pelajaran di Jepun dan Korea Selatan. Pendirian Malaysia terhadap Timur ini menyebabkan pengurangan pergantungan terhadap Barat.

Dalam pada itu, dekad 1980-an dan 1990-an di beberapa bahagian dunia ini dipenuhi dengan percaturan politik yang membawa kepada pertumpahan darah. Malaysia terpaksa bersikap responsif dan bersuara vokal untuk menentang sebarang penglibatan kuasa besar yang mencetuskan peperangan tersebut. Malaysia turut menghantar pasukan pengaman di bawah naungan PBB seperti ke Namibia tahun 1989, Iran-Iraq tahun 1988-90, Kemboja tahun 1992, Somalia tahun 1993 dan Bosnia-Herzegovina tahun 1996. Penglibatan pasukan pengaman ini menunjukkan sumbangan dan komitmen besar Malaysia ke arah mewujudkan dunia yang lebih aman.

Selain itu, Malaysia turut bergiat aktif menggerakkan beberapa pertubuhan seperti *Pertubuhan Negara-negara Islam* (OIC), *Pertubuhan Negara-negara Berkecuali* (NAM), *Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara* (ASEAN), *Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik* (APEC), *Pertubuhan Negara-negara Komanwel* (CHOGM) dan *Suruhanjaya Selatan-selatan* (G77). Malaysia semakin dihormati oleh kebanyakan negara kerana menyuarakan pendapat mewakili negara-negara dunia ketiga dalam forum-forum antarabangsa. Komitmen Malaysia juga begitu ketara dalam menangani isu dan konflik antarabangsa seperti isu Palestin, Afghanistan, Bosnia-Herzegovina, Perang Teluk, masalah dadah, alam sekitar, Antartika dan sebagainya.

Dalam konteks yang lain, Malaysia menyarankan agar OIC tidak menjadi *kuda tunggangan* dan perlu membebaskan diri daripada kuasa Barat. Pihak Barat sememangnya sangat mencemburui perkembangan Islam. Ini boleh dilihat daripada dasar luar Amerika Syarikat ke atas Iran, Iraq, Turki, Sudan, Libya, Palestin, Afghanistan dan Timur Tengah keseluruhannya. Oleh sebab itu, Malaysia sebagai anggota OIC sering menekankan perlunya kerjasama politik, ekonomi, pertahanan dan sebagainya di kalangan negara-negara Islam. Ketika berlakunya Perang Dingin, pertubuhan NAM memang penting. Malaysia turut menganggotai NAM. Pada awalnya NAM dikuasai oleh Yugoslavia, Indonesia dan Cuba, tetapi kini pergerakannya bersifat lebih

global dan menyeluruh. Sementara itu, negara dunia ketiga telah bertindak secara kolektif dengan penubuhan G77 (Kerjasama Selatan-selatan), sebagai suatu tindak balas kepada pertubuhan negara perindustrian G8. Kerjasama ini adalah atas inisiatif Malaysia untuk merapatkan jurang ekonomi antara negara maju dengan negara membangun.

Malaysia turut mendapat penghormatan antarabangsa dengan pelantikan negara sebagai anggota Majlis Keselamatan PBB pada sesi 1988/90. Ini ditambah dengan pelantikan Tan Sri Razali Ismail sebagai Pengerusi Perhimpunan Agung PBB. Setelah menamatkan tugasnya sebagai Duta Besar Malaysia ke PBB, beliau diberi penghormatan oleh PBB dengan melantiknya sebagai Duta Khas PBB ke Myanmar. Dalam pada itu, Malaysia turut mencadangkan agar rombakan secara menyeluruh dilakukan ke atas Majlis Badan Dunia PBB. Antaranya menyusun semula Majlis Keselamatan, penghapusan kuasa veto, memperbaiki urusan kewangan dan sebagainya. Kalau dilihat peranan PBB secara menyeluruh, ia tidak lebih dengan memihak kepada kuasa besar sahaja. Malah pelantikan Setiausaha Agung PBB juga ditentukan oleh kuasa besar. Inilah yang menimbulkan ketidakadilan PBB dalam menyelesaikan sebarang masalah dan isu antarabangsa. Keadaan ini ditambah lagi selepas tamatnya Perang Dingin, Amerika Syarikat menjadi pusat kuasa dalam Order Dunia Baru. Kuasa Amerika Syarikat kelihatan lebih besar daripada kuasa yang ada pada PBB.

Dr. Mahathir Mohamad juga sering mengkritik pertubuhan APEC dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) yang gagal memainkan peranannya membantu negara miskin dan membangun. Organisasi antarabangsa seperti APEC, WTO, IMF dan Bank Dunia terus dibayangi oleh pengaruh kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan Jepun. Sebagai alternatifnya, Dr. Mahathir telah mencadangkan penubuhan *Kesatuan Ekonomi Asia Timur* (EAEG) dan kemudiannya ditukarkan namanya kepada *Perundingan Ekonomi Asia Timur* (EAEC). Walaupun Deklarasi ASEAN mengenai EAEC telah diputuskan di Singapura pada tahun 1992, namun EAEC masih belum dapat direalisasikan dengan sepenuhnya hingga ke hari ini. Jelasnya pengaruh Amerika Syarikat sangat dominan ke atas dasar ekonomi, politik dan keselamatan ke atas negara-negara ASEAN. Namun begitu negara-negara Asia Tenggara sedang berusaha untuk mengukuhkan kerjasama ekonomi menerusi penubuhan *Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN* (AFTA) yang dijangka bermula pada tahun 2003. Ini adalah merupakan suatu tindak balas yang diambil oleh ASEAN berikutan kewujudan blok perdagangan dunia yang lebih besar, iaitu NAFTA dan Kesatuan Eropah.

Dalam beberapa isu, kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad telah diuji dengan pelbagai serangan ke atas Malaysia. Ini berkaitan dengan isu pemboikotan barang-barang British atau *Buy British Last* oleh kerajaan Malaysia berikutan isu rasuah yang dilemparkan oleh media-media Britain. Ini telah memaksa Perdana Menteri Britain John Major menghantar beberapa utusan damai ke Kuala Lumpur. Selain daripada itu, hubungan dingin dan tegang dengan Australia telah timbul berikutan kecaman Perdana Menteri Paul Keating ke atas Dr. Mahathir kerana keengganan beliau menghadiri persidangan APEC di Seattle, Amerika Syarikat. Sebagai balasan, Clinton tidak menghadiri persidangan APEC di Kuala Lumpur pada tahun 1998. Sebaliknya mereka menghantar Naib Presiden Al-Gore yang juga mengkritik dasar negara ini. Hubungan tegang antara Malaysia dengan Amerika Syarikat kerana dasar Presiden Bill Clinton yang berat sebelah dan tidak adil kepada negara membangun. Umpamanya, beberapa pihak di Amerika Syarikat pernah mencadangkan agar Skim Keutamaan Am atau *General Specific Preference* Malaysia ditarik balik mulai tahun 1992.

Kejatuhan Soviet Union dan Eropah Timur pada tahun 1991 telah menandakan tamatnya *Perang Dingin*. Pada masa yang sama, penglibatan tentera Amerika Syarikat dan Britain secara besar-besaran dalam Perang Teluk, selepas peristiwa penaklukan Iraq ke atas Kuwait pada tahun 1990. Peristiwa-peristiwa tersebut telah meninggalkan impak yang besar dalam konteks hubungan antarabangsa. Amerika Syarikat sebagai agen memasarkan ideologi liberal demokrasi dan dasar ekonomi kapitalis telah mengiktiraf dirinya sebagai kuasa besar yang tunggal. Perkembangan ekonomi dan politik China pula diperhatikan secara teliti oleh pihak Barat. Peristiwa penaklukan Amerika Syarikat ke atas Afghanistan juga membawa erti politik yang membimbangkan negara-negara Asia. Dalam perubahan politik dunia ini, yang membawa idea globalisasi dan Order Baru Dunia, Malaysia juga tidak terkecuali daripada menerima bahang dan kesannya. Justeru itu, dalam beberapa perkara Malaysia menyokong pihak Barat dalam prinsip keamanan antarabangsa. Tetapi pada masa yang sama juga, Malaysia mengkritik pihak Barat yang cuba mengaplikasikan dan merealisasikan konsep dan falsafah 'dunia tanpa sempadan'. Justeru itu, Malaysia telah menggerakkan kerjasama yang lebih kuat dan kukuh di kalangan anggota ASEAN yang kini berjumlah 10 buah negara di Asia Tenggara. Kerjasama ini semakin ketara dengan perlaksanaan *Kawasan Perdagangan Bebas Asean* atau AFTA. Selain mengukuhkan kerjasama ASEAN, Malaysia juga telah menyokong kerjasama dengan lebih erat dengan tiga buah kuasa ekonomi Asia, iaitu Jepun, China dan Korea.

Kesimpulannya, pembentukan dasar luar Malaysia sejak tahun 1957 hingga masa kini sangat berkait rapat dengan perkembangan politik dunia yang semakin global. Dasar luar Malaysia adalah bersifat pragmatik dan dinamik. Malaysia mengambil pendekatan dan bersikap responsif terhadap perkembangan politik yang berlaku di seluruh dunia. Kegemilangan dan kestabilan politik dan ekonomi Malaysia membolehkan ia berani menyuarakan pendapat sebagai mewakili negara dunia ketiga dalam forum antarabangsa. Komitmen dan sumbangan ini menyebabkan Malaysia terus menggilap namanya dan mendapat pengiktirafan antarabangsa.

RUJUKAN

Bab I

- Abdul Murat Mat Jan. 1975/77. "Filsafat Sejarah Toynbee", dalam *Jurnal Jebat*. Bil. 5/6.
- Abdul Rahman Hj. Abdullah. 1994. *Pengantar Ilmu Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Al-Hadi Haji Muhammad. 1975/77. "Herodotus: Tokoh Sejarawan Kebudayaan dan Peradaban Yunani (Greek)", dalam *Jurnal Jebat*. Bil. 5/6.
- Arba'iyah Mohd. Noor. 2001. "Pensejarahan di dalam Tradisi Barat dan Melayu: Satu Perbandingan Ringkas", dalam Mohammad Redzuan Othman et al. (eds.). *Jendela Masa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Bottom, J. C. 1965. "Malay Historical Works", dalam K. G. Tregonning (ed.). *Malaysian Historical Sources*. Singapore: University of Singapore Press.
- Carr, Edward Hallett. 1988. *Apakah Sejarah?*, (terj. oleh Abd. Rahman Haji Ismail). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collingwood, R. G. 1986. *The Idea of History*. Oxford: Oxford University Press.
- Ibn Khaldun. 1983. *Muqaddimah*, (terj. oleh Ismail Yakub). Singapura: Pustaka Nasional.
- Kassim Thukiman. 1992. "Penulisan Semula Sejarah Malaysia", dalam *Jurnal PEMA*. Bil. 11/12.
- _____. 1995. "Pemikiran Ibn Khaldun Mengenai Sejarah", dalam *Dewan Budaya*. April.
- Khoo Kay Kim. 1974/76. "Penulisan Sejarah Sosial Malaysia", dalam *Jurnal Sejarah*. Jilid XIII.
- _____. (t.t.). *Panji-panji Gemerlapan: Satu Pembicaraan Pensejarahan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- _____. 1992. "Malaysian Historiography: A Further Look", dalam *Kajian Malaysia*. Jilid X No. 1.

- _____. 1968. "Recent Advances in the Study and Writing of Malaysian History", dalam *Peninjau Sejarah*. Vol. III No. 1.
- Mahayudin Haji Yahaya. 1977/79. "Sejarah Pensejarahan Islam", dalam *Jurnal Jebat*. Bil. 7/8.
- Md. Salleh Md. Gaus. 1975/77. "Kebenaran dalam Sejarah Menurut Ibn Khaldun", dalam *Jurnal Jebat*. Bil. 5/6.
- Mohd. Taib Osman. (ed.). 1975. *Tradisi Lisan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Muhammad Yusoff Hashim. 1988. *Pensejarahan Melayu Nusantara*. Kuala Lumpur: Teks Publishing.
- Muhd. Yusof Ibrahim. 1973/75. "Sejarah Intelek Malaysia: Beberapa Masalah dan Pandangan Awalan", dalam *Jurnal Jebat*. Bil. 3/4.
- _____. 1975. *Pengertian Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 1986. "Ssu-Ma Chien: Sejarawan dari Lung-Men", dalam *Jurnal Jebat*. Bil. 14.
- _____. 1998. "Kesultanan Melayu Melaka 1400-1511: Pensejarahan dan Kesejarahan", dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah*. Bil. 26.
- _____. 1996. "Sejarah Keunggulan Pemikiran Bangsa Kurang Perbincangan", dalam *Berita Minggu*. 24 Mac 1996.
- Nadzan Haron. 1979/80. "Suatu Pandangan Awal Terhadap Sejarah Lisan dalam Konteks Pengkajian Sejarah Malaysia", *Jurnal Jebat*. Bil. 9.
- Nik Abd. Aziz Hj. Hassan. 1986. "Penyusunan Semula Tulisan Sejarah Malaysia Mengikuti Kaca Mata Islam", dalam Mahayudin Haji Yahaya (ed.). *Islam dan Pembangunan Negara*. Bangi: Penerbit UKM.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. 1977/79. "Perkembangan Idea, Konsep dan Aliran dalam Arkeologi", dalam *Jurnal Jebat*. Bil. 7/8.
- _____. 1990. "Masyarakat Prasejarah dan Perkaitannya dengan Masyarakat Pribumi Semenanjung Malaysia", dalam *Jurnal Jebat*. Bil. 18.
- _____. dan Leong Sau Heng. 1982. "Pengajian dan Penyelidikan Arkeologi di Malaysia dan Implikasinya Terhadap Pembangunan Negara", dalam *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*. Kuala Lumpur: PSM.
- Rahimah Abdul Aziz. 1990. "Perapatan Jurang: Sosiologi dan Sejarah", dalam *Jurnal Jebat*. Bil. 18.
- Roff, R. William. 1968. "Social History and Its Material in Malaysia", dalam *Peninjau Sejarah*. Vol. III No. 1.
- Rose Ismail. 1986. "Rewriting Local History From the National View", dalam *New Straits Times*. 8 Oct.
- Rupawan Ahmad. 1990. "Sejarah, Masyarakat dan Pendidikan", dalam *Jurnal Jebat*. Bil. 18.
- Syed Hussein Alatas. 1962. "Reconstruction of Malaysian History", *Revue de sud-est Asiatique*. No. 3, Brussels.

- _____. 1964. "Archaeology, History and the Social Sciences in South-east Asia". *Federation Museums Journal*. Vol. IX.
- Winstedt, Richard. 1961. "Malay Chronicle From Sumatra and Malaya", dalam D.G.E. Hall (ed.). *Historians of South East Asia*. London: Oxford University Press.
- _____. 1977. *A History of Classical Malay Literature*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Zainal Abidin Abdul Wahid. 1992. *Sejarah Malaysia: Pentafsiran dan Penulisan*. Bangi: Penerbit UKM.

Bab II

- Abu Al-Maati Abu Al Futuh. 1985. *Penyelesaian Islam dari Sudut Sistem Politik*. Shah Alam: Pustaka Fajar.
- Auni Abdullah. 1991. *Islam dalam Sejarah Politik dan Pemerintahan Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Bottomore, Tom. 1983. *Sosiologi Politik*, (terj. oleh Hussain Mohamed). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Miller, David dan Siedentop, Larry (eds.). 1994. *Politik dalam Perspektif Pemikiran, Falsafah dan Teori*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhamed S. El-Awa. 1991. *Sistem Politik Negara Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nordlinger, A. Eric. 1986. *Tentera dalam Politik: Kudeta dan Kerajaan*, (terj. oleh Ghazali Mayuddin). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Ahmad Hussein dan Y. Mansoor Marican (eds.). *Integrasi Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 1995. *Pengantar Sains Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pickles, Dorothy. 1988. *Pengantar Ilmu Politik*, (terj. oleh Hussain Mohamed). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramanathan, K. 1988. *Konsep Asas Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rapar J. H. 1993. *Falsafah Politik Plato*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Y. Mansoor Marican (ed.). 1982. *Dasar Ilmu Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zeenath Kausar. 1994. *Islam and Nationalism*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen Publisher.

Bab III

- Abdul Rahman Haji Abdullah. 1985. *Asia Tenggara Tradisional*. Kuala Lumpur: Teks Publishing.
- Abdullah Zakaria Ghazali. 2001. "Mengharungi Badai dan Gelombang: Kesultanan di Malaysia dan Sumatera Merdeka", dalam Muhammad Redzuan Othman et al. (eds.). *Jendela Masa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Andaya, Y. Leonard. 1987. *Kerajaan Johor 1641-1728: Pembangunan Ekonomi dan Politik*, (terj. oleh Shamsudin Jaapar). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Coedes, G. 1968. *The Indianized States of Southeast Asia*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Cortesaio, Armando. (ed.). 1944. *The Suma Oriental of Tome Pires*. Vol. I & II. London: The Hakluyt Society.
- Gullick, J. M. 1975. *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kassim Ahmad. (ed.). 1992. *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kassim Thukiman. 1993. "Beberapa Aspek Tentang Kesultanan Melayu Melaka: Pengasas Tradisi Berkerajaan di Tanah Melayu", dalam *Jurnal PEMA*. Bil. 13.
- Kernail Singh Sandhu dan Paul Wheatley. (eds.). 1983. *Melaka: The Transformation of a Malay Capital 1400-1980*. Singapore: Oxford University Press.
- Khoo Kay Kim. 1979/80. "Melaka dalam Zaman Moden", dalam *Jurnal Jebat*. Bil. 9.
- Khoo Kay Kim. 1992. "Tamadun Melayu: Kerajaan dan Politik", dalam *Jurnal Purba*. Bil. 11.
- Kong Yuanzhi. 2000. *Pelayaran Zheng He dan Alam Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Liang Liji. 1996. *Hubungan Empayar Melaka-Dinasti Ming Abad ke-15*. Bangi: Penerbit Fajar Bakti.
- Liw Yock Fang. (ed.). 1976. *Undang-undang Melaka*. The Hague: Martinus Nijhoff.
- Meilink-Roelofs, M. A. P. 1962. *Asian Trade and European Influence in the Indonesian Archipelago between 1500 and about 1930*. The Hague: Martinus Nijhoff.
- Mohd. Dahlan Mansoer. 1979. *Pengantar Sejarah Nusantara Awal*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Yusoff Iskandar. 1982. "Masyarakat Melaka 1400-1511 dengan Tinjauan Khusus Mengenai Orang-orang Asing", dalam Khoo Kay Kim dan Jazamuddin Baharuddin (eds.). *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*. Kuala Lumpur: PSM.
- Muhammad Yusof Hashim. 1989. *Kesultanan Melayu Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Muhammad Yusoff Hashim. 1980. "Islam dalam Sejarah Perundangan Melaka di Abad ke-15 & 16", dalam Khoo Kay Kim et al. (eds.). *Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: PSM.
- Muhammad Yusoff Hashim. 1982. "Sultan-sultan Melaka: Suatu Tinjauan Semula", dalam Khoo Kay Kim (ed.). *Melaka dan Sejarahnya*. Melaka: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman dan Yahaya Abu Bakar. 1987. "Melaka as a Historical City", dalam *Jurnal Jebat*. Bil. 15.
- Obaidellah Haji Mohamad. 1986. "Catatan-catatan dalam Sejarah China Mengenai Negeri-negeri Melayu: Satu Tinjauan Umum", dalam *Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Mengenai Tamadun Melayu*. 11-13 Nov.
- Reid, Anthony. 1988. *Southeast Asia in the Age of Commerce 1450-1680*. New Heaven: Yale University Press.
- Shellabear, W. G. (ed.). 1981. *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Siddiq Fadil. 1993. *Tradisi Kesultanan: Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.
- Wang Gungwu. 1964. "Melaka dalam Tahun 1403", dalam *Tanah Melayu Dari Segi Sejarah*. Bil. 3.
- Wang Gungwu. 1958. "The Nanhai Trade", dalam *JMBRAS*. Vol. 31 Part 2.
- Wang Gungwu. 1968. "The First Three Rulers of Malacca", dalam *JMBRAS*. Vol. XLI Part 1.
- Wang Gungwu. 1981. *Community and Nation*. Singapore: Heinemann Educational Book.
- Yahaya Abu Bakar. 1982. "Kemasukan Islam ke Melaka dan Penyebarannya", dalam *Jurnal Sejarah Melaka*. Bil. 7.
- Yusoff Hashim. 1977/78. "Hukum Kanun dan Undang-undang Melayu Lama dalam Sejarah Kesultanan Melaka", dalam *Jurnal Sejarah*. Jilid XV.
- Zubir Usman. 1982. "Melaka: Pusat Penyebaran Islam di Asia Tenggara", dalam Khoo Kay Kim (ed.). *Melaka dan Sejarahnya*. Melaka: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Zainal Abidin Abdul Wahid. (ed.). 1975. *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Abdul Wahid. 1990. "Kerajaan Melaka dalam Hubungan Antarabangsa", dalam *Jurnal Jebat*. Bil. 18.

Bab IV

- Abdul Jalil Borhan. 1994. *Sejarah Kedatangan Islam ke Nusantara*. Kuala Lumpur: Penerbit Amal.
- Abdul Rahman Haji Abdullah. 1985. *Islam dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pena.

- Abdullah Zakaria Ghazali. 1980. "Agama dan Kebangkitan Anti-British di Tanah Melayu", dalam *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Ahmad Ibrahim. 1975. *Islamic Law in Malaya*, (ed. by Shirle Gordon). Kuala Lumpur: Malaysian Sociological Research Institute.
- Ahmad Ibrahim, Sharon Siddique & Yasmin Hussain. (eds.). 1985. *Readings on Islam in Southeast Asia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Ahmad Jelani Halimi. 1993. "Kemasukan Islam di Kedah", dalam *Jurnal Purba*. Bil. 12.
- Ahmad Shalaby. 1985. *Sejarah dan Kebudayaan Islam*. Jilid 1-3. Singapura: Pustaka Nasional.
- Cesar Adib Majul. 1988. *Islam di Filipina*, (terj. oleh Shamsuddin Jaapar). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cesar Adib Majul. 1964. "Theories on the Introduction and Expansions of Islam in Malaysia". *Silliman Journal*. Vol. XI No. 4, Fourth Quarter.
- Chandra Muzafar. 1987. *Islamic Resurgence in Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Coatalen, Paul. 1981. "The Coming of Islam to S.E. Asia: A Critical Review of Some Extant Theories". *The Islamic Quarterly*. Vol. XXV No. 3-4.
- Drewes, G. W. J. 1968. "New Light on the Coming of Islam to Indonesia". *Bijdragen tot de Taal-, Land-en Volkenkunde*. Deel 124, 4 Afle.
- Fatimi, S. Q. 1963. *Islam Comes to Malaysia*. Singapore: Malaysian Sociological Research Institute.
- Hasjmy, A. (ed.). 1981. *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia*. Jakarta: Penerbit P.T. alma'arif.
- Hill, A. H. 1963. "The Coming of Islam to North Sumatra". *JSEAH*. Vol. 4 No. 1, March 1963.
- Hooker, M. B. (ed.). 1983. *Islam and South-East Asia*. Leiden.
- Ismail Hamid. 1986. *Perkembangan Islam di Asia dan Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Heinemann Publisher.
- Ismail Hamid. 1982. "Islamic Influence on Malay Culture in Malaysia and Indonesia". *Islamic Culture*. Vol. LVI No. 4, Oct. 1982.
- Khoo Kay Kim. 1990. "Islam in Malaysia: A View of the Pre-1941 Scenario", dalam *Sarjana*. Jurnal Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Jilid 6, Jun.
- Mahayudin Haji Yahaya. 1984. *Sejarah Orang Syed di Pahang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marrison, G. E. 1951. "The Coming of Islam to the East Indies". *JMBRAS*. Vol. XXIV, Part 1.
- Meilink-Roelofs, M. A. P. 1962. *Asia Trade and European Influence in the Indonesian Archipelago Between 1500 and about 1630*. The Hague: Martinus Nijhoff.

- Mohd. Idris Jusi. 1973/75. "Islam dan Beberapa Pengaruhnya dalam Sistem Politik Melayu Tradisi", dalam *Jurnal Jebat*. Bil. 3/4.
- Naimur Rahman Farooqi. 1983. "Pan-Islamism in the Nineteenth Century". *Islamic Culture*. Vol. LVII No. 4, Oct.
- Nik Abd. Aziz Hj. Nik Hassan. (ed.). 1983. *Islam di Kelantan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Omar Awang. 1985. "The Terengganu Inscriptions as the Earliest Known Evidence of the Finalisation of the Jawi Alphabet". *Federation Museums Journal*. Vol. 25.
- P. E. De Josselin De Jong. 1965. *Agama-agama di Gugusan Pulau-pulau Melayu*, (terjemahan oleh Abdullah Hussain). Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Paterson, H. S. 1924. "An Early Malay Inscription from Terengganu". *JMBRAS*. Vol. II Part III, December.
- Rauf, M. A. 1964. *A Brief History of Islam with Special Reference to Malaya*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Reid, Anthony. 1967. "Nineteenth Century Pan-Islam in Indonesia and Malaysia". *Journal of Asian Studies*. Vol. XXVI No. 2, Feb.
- Syed Farid Alatas. 1985. "Notes on Various Theories Regarding the Islamization of the Malay Archipelago". *The Muslim World*. Vol. LXXV No. 3-4, July-Oct.
- Syed Hussein Alatas. 1963. "On the Need for an Historical Study of Malaysian Islamization", dalam *Journal of Southeast Asian History*. Vol. 4 No. 1, March.
- Syed Muhammad Naguib Al-Attas. 1970. *The Correct Date of the Terengganu Inscription*. Kuala Lumpur: Muzium Negara.
- _____. 1969. *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipelago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 1984. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit UKM.
- _____. 1963. *Some Aspects of Sufism as Understood and Practised Among the Malays*. Singapore: MSRI.
- Tibbets, G. R. 1957. "Early Muslim Traders in South-East Asia", dalam *JMBRAS*. Vol. XXX Pt 1.
- Van Leur, J. C. 1955. *Indonesia Trade and Society*. The Hague: W. Van Hoeve.
- Wan Hussein Azmi. 1980. "Islam di Malaysia: Kedatangan dan Perkembangan (Abad 7-20)", dalam *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Winstedt, R. O. 1917. "The Advent of Muhammadanism in the Malay Peninsular and Archipelago", dalam *JSBRAS*. Vol. 77, December.
- _____. 1920. "The Early Muhammadan Missionaries", dalam *JSBRAS*. Vol. 81, March.

Yegar, Moshe. 1979. *Islam and Islamic Institutions in British Malaya: Policies and Implementation*. Jerusalem: The Magnes Press.

Bab V

- Abu Zahari Abu Bakar. 1980. *Perkembangan Pendidikan di Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Abdul Aziz Mat Ton. 1972/73. "Al-Imam Sepintas Lalu", dalam *Jurnal Sejarah*. Jilid XI.
- Abdul Aziz Mat Ton. 1999. *Politik Al-Imam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Halim Ahmad. 1984. "Pendidikan Islam di Kelantan", dalam Khoo Kay Kim (ed.). *Sejarah Masyarakat Melayu Modern*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Abdul Latif Hamidong. 1986. "Institusi Pondok dalam Tradisi Budaya Ilmu", dalam *Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Mengenai Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur, 11-13 Nov.
- Abdullah Taib. 1989. *Madrasah: Satu Kajian Transformasi Sosial Masyarakat Melayu Tani*. Kertas Kadangkala, Bil. 4, FSKK, UKM.
- Awang Had Salleh. 1980. *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Had Salleh. 1977. "Institusi Pondok di Malaysia" dalam Zainal Kling (ed.). *Masyarakat Melayu: Antara Tradisi dan Perubahan*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu Publications.
- Badriyah Haji Salleh. 1984. *Kampung Haji Salleh dan Madrasah Saadiah-Salihiah 1914-1959*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Che Man, W. K. 1988. "Islam in Contemporary Patani", Kertas Kerja Seminar Gerakan Islam Dunia Melayu II, Universiti Islam Antarabangsa, Petaling Jaya, 2-5 Disember.
- Ibrahim Saad. 1986. *Pendidikan dan Politik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khoo Kay Kim dan Mohd. Fadzil Othman. (eds.). 1981. *Pendidikan di Malaysia: Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khoo Kay Kim. 1980. "Perkembangan Pelajaran Agama Islam", dalam Awang Had Salleh (ed.). *Pendidikan ke arah Perpaduan: Sebuah Perspektif Sejarah*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Khoo Kay Kim. 1991. *Malay Society: Transformation and Democratisation*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.
- Mahayuddin Haji Yahaya. 1980. "Latar Belakang Sejarah Keturunan Sayid di Malaysia". *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

- Mahayuddin Haji Yahaya. 1984. *Sejarah Keturunan Sayid di Pahang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Sarim Haji Mustajab. 1982. "Gerakan Islah Islamiyyah di Tanah Melayu 1906 hingga 1948". *Malaysia; Sejarah dan Proses Pembangunan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Mohd. Sarim Haji Mustajab. 1975-77. "Syed Syeikh Abdullah Maghribi: Pendidik dan Kaum Muda", dalam *Jernal Jebat*. Bil. 5-6.
- Mohd. Sarim Haji Mustajab. 1978. "Satu Nota Tentang Haji Abbas bin Mohd. Taha", dalam *Malaysia in History*. Vol. XXI No. 1, Jun.
- Mohd. Sarim Haji Mustajab. 1977. "Syeikh Muhammad Tahir Jalaludin al-Falaki", dalam *Malaysia in History*. Vol. XX No. II, Dec.
- Mohammad Abu Bakar. 1990. Dari Pusat ke Pinggiran: Masa Kini dan Masa Depan Pondok di Malaysia, dalam *Jurnal Pendidikan Islam*. Jilid 3 Bil. 1, April.
- Mohammad Yusuf. 1984. "Sayid Abdul Rahman bin Sayid Muhammad (Tok Ku Paloh)", dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah*. Bil. 13.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. 1984. "Pondok Educations as Indigenous Educations", dalam *Jurnal Pendidikan Islam*. Jilid 1 Bil. 1, Januari.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. 1977. *Memahami Islam: Insan, Ilmu dan Kebudayaan*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Nabir Haji Abdullah. 1976. *Ma'ahad Il-Ihya As-Syariff Gunung Semanggol, 1934-1959*. Bangi: Penerbit UKM.
- Nik Abd. Aziz Haji Nik Hassan. (ed.). 1983. *Islam di Kelantan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 1999. *Sejarah Perjuangan Melayu Patani, 1785-1954*. Bangi: Penerbit UKM.
- Ramlah Adam. 1992. *Maktab Melayu Melaka, 1900-1922*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roff, William R. 1972. *The Origin of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Roff, William R. (ed.). 1974. *Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Sabri Haji Said. 1983. *Madrasah Al-Ulum Al-Syariah Perak 1937-1977: Satu Kajian Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shafie Abu Bakar. 1984. "Ke arah Pembaikan dan Pengembangan Sistem Pondok di Malaysia: Suatu Penyesuaian dengan Perkembangan Pendidikan Kini", dalam *Jurnal Pendidikan Islam*. Bil. 2, Oktober.
- _____. 1985. "Institusi Pondok dan Kesan Pendidikan di Zaman Silam", dalam Lutpi Ibrahim et al. (eds.), *Islamika III*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- _____. 1991. "Peranan Ulama' dan Kesannya Terhadap Sikap Anti-Penjahajahan dengan Rujukan pada Pengajaran Tasawwuf Sayid Abdul

- Rahman bin Muhammad (Tok Ku Paloh); Berasaskan Karangannya Ma'arj Al-Lahfan", dalam *Masyarakat Melayu Abad ke-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. 1963. *Some Aspects of Sufism as Understood and Practised Among the Malays*. Singapore: MSRI.
- Wan Yahya Wan Ahmad. 1985. "The Early Development of Islamic Education in Kelantan", dalam Lutpi Ibrahim et al. (eds.). *Islamika III*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Wang Chow Yong. 1984/85. "Peranan Misi Methodist dalam Perkembangan Pendidikan Methodist di Melaka", dalam *Jurnal Jebat*. Bil. 13.
- Winzeler, Robert. 1974. "The Social Orgnization of Islam in Kelantan", dalam William R. Roff (ed.). *Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Winzeler, L. Robert. 1975. "Traditional Islamic Schools in Kelantan", dalam *JMBRAS*. Vol. XLVIII Part 1.

Bab VI

- Ghapa Harun, A. 1987. "Kemunduran dan Kemajuan Masyarakat Melayu dari Perspektif Akhbar-akhbar Melayu 1920-1941", dalam *Jurnal Jebat*. Bil. 15.
- Abdul Latiff Abu Bakar. 1984. "Akhbar, Desentralisasi dan Persatuan Negeri Melayu", dalam Khoo Kay Kim (ed.). *Sejarah Masyarakat Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- _____. 1977. *Ishak Haji Muhammad: Penulis dan Ahli Politik Sehingga 1948*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- _____. 1984. *Abdul Rahim Kajai: Wartawan dan Sasterawan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah bin Abdul Kadir Munshi. 1974. *Hikayat Abdullah*. Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Antara.
- Adnan Haji Nawang. 1988. "Some Notes on Pelita Malaya", dalam *Jurnal Sejarah*. Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Bil. 1.
- Ahmat Adam. 1992. *Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad Kesembilan Belas*. Bangi: Penerbit UKM.
- _____. 1981/82. "The Vernacular Press and the Emergence of Nationalism Consciousness in Indonesia", dalam *Jurnal Jebat*. Bil. 11.
- Andaya, Barbara Watson. 1978. "The Indian Saudagar Raja (The King's Merchant) in Traditional Malay Courts", dalam *JMBRAS*. Vol. LI Part 1.
- Birch, E. W. 1879. "The Vernacular Press in the Straits", dalam *JSBRAS*. No. 4, December.
- Byrd, Cecil K. 1991. *Percetakan Awal di Jajahan Selat 1806-1858*, (terj. oleh Mansor Ahmad Saman). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Hill, A. H. 1985. *The Hikayat Abdullah: The Autobiography of Abdullah bin Abdul Kadir (1797-1854)*. Singapore: Oxford University Press.
- Iskandar Haji Ahmad, A. M. 1980. *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim Jaafar. 1975/77. "Persuratkhabaran Negeri Johor Sebelum Perang", dalam *Jurnal Jebat*. Bil. 5/6.
- Khoo Kay Kim. 1984. *Majalah dan Akhbar Melayu Sebagai Sumber Sejarah*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Universiti Malaya.
- Marsden, William. 1984. *A Dictionary and Grammar of the Malayan Language*. Singapore: Oxford University Press.
- Mek Siti Hussin dan Aminah Mohd. Nasir. 1984. "Isu-isu Penting Awal 1950-an dari Kaca Mata Akhbar Majlis dan Melayu Raya", dalam Khoo Kay Kim (ed.). *Sejarah Masyarakat Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Mohd. Dahari Othman. 1977/79. "Akhbar Cahaya Pulau Pinang 1900-1906", dalam *Jurnal Jebat*. Bil. 7/8.
- Mohd. Safar Hashim. 1992. "Pengenalan Undang-undang Akhbar di Negeri-negeri Selat 1806-1867", dalam *Jurnal Jebat*. Bil. 20.
- Mohd. Sarim Hj. Mustajab. 1977/79. "Profile Seorang Wartawan 1920-an: Mohamed Younos Abd. Hamid", dalam *Jurnal Jebat*. Bil. 7/8.
- _____. 1991. "Percetakan Melayu dan Surat Khabar di Taiping, Perak", dalam *Jurnal Jebat*. Bil. 19.
- _____. et al. (eds.). 1988. *Akhbar dan Majalah di Malaysia: Sejarah dan Perkembangan*. Bangi: Penerbit UKM.
- Muhammad bin Dato' Muda. 1940. *Tarikh Surat Khabar*. Bukit Mertajam.
- Nik Ahmad Haji Nik Hassan. 1963. "The Malay Press", dalam *JMBRAS*. Vol. XXXVI Part 1.
- Roff, William R. 1972. *Bibliography Periodicals Published in the Straits Malay States 1876-1941*. London: Oxford University Press.
- Siti Aisah Murad. 1996. *Abdullah Munshi dan Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Traill, H.F.O'B. 1979. "An Indian Protagonist of the Malay Language; Abdullah Munshi, his race and his mother tongue", dalam *JMBRAS*. Vol. LII Part 2, Dec.
- _____. 1981. "Aspects of Abdullah Munshi", dalam *JMBRAS*. Vol. LIV Part 3, Dec.
- Winstedt, Richard. 1972. *A History of Classical Malay Literature*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Zainal Abidin Ahmad. (Oct. 1941). "Malay Journalism in Malaya", dalam *JMBRAS*. Vol. XIX Part II.
- Zulkifli Mahmud. 1975/77. "Peranan Warta Malaya di Tahun-tahun 1930-an", dalam *Jurnal Jebat*, Bil. 5/6.

Bab VII

- Andaya, Barbara Watson dan Y. Leonard. 1983. *Sejarah Malaysia*. Petaling Jaya: Macmillan Publisher.
- Arasaratnam, S. 1980. *Indians in Malaysia and Singapore*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Cheah Boon Kheng dan Abu Talib Ahmad. (eds.). 1990. *Kolonialisme di Malaysia dan Negara-negara Lain*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Drabble, J. H. 1967. "The Plantation Rubber Industry in Malaya up to 1922", dalam *JMBRAS*. Vol. XL Part 1, July.
- Firdaus Haji Abdullah. 1985. *Radical Malay Politics; Its Origin and Early Development*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.
- Funston, N. J. 1980. *Malay Politics in Malaysia; A Study of UMNO and PAS*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books.
- Gullick, J. M. 1990. *Malay Society in the Late Nineteenth Century: The Beginning of Change*. Singapore: Oxford University Press.
- Jackson, C. James. 1972. "Rice Cultivation in West Malaysia", *JMBRAS*. Vol. XLV Part. II.
- Kamaruddin Jaafar. (ed.). 1980. *Burhanuddin Al-Helmi: Politik Melayu dan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Yayasan Anda Akademik.
- Khong Kim Hoong. 1984. *Merdeka! British Rule and The Struggle for Independence in Malaya, 1945-1957*. Petaling Jaya: INSAN.
- Khoo Kay Kim. (ed.). 1984. *Sejarah Masyarakat Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Khoo Kay Kim. 1991. *Malay Society: Transformation and Democratisation*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publication.
- Lim Teck Ghee. 1976. *Origins of a Colonial Economy: Land and Agriculture in Perak 1874-1897*. Penang: Penerbit USM.
- Means, P. Gordon. 1970. *Malaysian Politics*. London: University of London Press.
- Mohamed Noordin Sopiee. 1976. *From Malayan Union to Singapore Separation; Political Unification in the Malaysia Region 1945-1965*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nabir Haji Abdullah. 1976. *Maahad Il-Ihya Assyariff Gunung Semanggol 1934-1959*. Kuala Lumpur: Penerbit UKM.
- Panikkar, K. M. 1993. *Asia and Western Dominance*. Kuala Lumpur: The Other Press.
- Philip Loh Fook Seng. 1972. "Malay Precedence and the Federal Formula in the Federated Malay States", dalam *JMBRAS*. Vol. XLV Part II.
- Purcell, Victor. 1978. *The Chinese in Malaya*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Radin Soenarno. 1960. "Malay Nationalism, 1896-1941", dalam *Journal of South-east Asian History*. Vol. 1 No. 1., March.

- Ramlah Adam. 1978. *UMNO; Organisasi dan Kegiatan Politik*. Kota Bharu: Mohd. Nawi Book Store.
- Ramlah Adam. 1992. *Dato' Onn Jaafar: Pengasas Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ratnam, K. J. 1977. *Paham Perkauman dan Proses Politik di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Safie Ibrahim. July 1978. "The Islamic Elements in Malay Politics in Pre-Independent Malaya, 1937-1948", dalam *Islamic Culture*. Vol. LII No. 3.
- Saliha Haji Hassan. 1986. "Dr. Burhanuddin Al-Helmi, 1911-1969", dalam *Jurnal Jebat*. Bil. 14.
- Simandjuntak, B. 1985. *Federalisme Tanah Melayu 1945-63*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Sinclair, Keith. 1967. "The British Advance in Johore: 1885-1914", dalam *JMBRAS*. Vol. XL Part 1, July.
- Stockwells, A. J. 1979. *British Policy and Malay Politics During the Malayan Union Experiment 1942-48*. Kuala Lumpur: MBRAS.
- Syed Husin Ali. (ed.). 1984. *Kaum, Kelas dan Pembangunan di Malaysia*. Persatuan Sains Sosial Malaysia, Kuala Lumpur.
- Thio, Eunice. 1967. "British Policy Towards Johore: From Advice to Control", dalam *JMBRAS*. Vol. XL Part 1, July.
- Wilson, H. E. 1975. "The Evolution of Land Administration in the Malay States", dalam *JMBRAS*. Vol. XLVIII Part 1.

Bab VIII

- A. Talib Hj. Ahmad. 1986. *Perang Saudara di Selangor 1868-1873*. Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Antara.
- _____. 1978. *Darah Mengalir di Pasir Salak*. Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Antara.
- Abdul Rahman Haji Abdullah. 1994. *Gerakan Anti Penjajahan di Malaysia 1511-1950: Pengaruh Agama dan Tarikat*. Kuala Lumpur: Penerbit Kintan.
- Abdullah Zakaria Ghazali. 1997. *Pasir Salak: Pusat Gerakan Menentang British di Perak*. Ipoh: Yayasan Perak.
- _____. 1982. "Kebangkitan-kebangkitan Anti-British di Semenanjung Tanah Melayu" dalam *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- _____. 1988. "Perak, 1651-1955: Satu Tinjauan Mengenai Perjuangan Orang Melayu", dalam Adnan Haji Nawang (ed.). *Perak: Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- _____. 1996. "Pribumi dan Penjajah: Gerakan Penentangan di Malaysia", dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah*. Bil. 23.

- _____. 1979/80. "Pembunuhan J.W.W. Birch: Satu Kajian Tentang Pembunuhnya", dalam *Jurnal Jebat*. Bil. 9.
- _____. 1977. "Haji Musa Abdul Ghani: Peranannya dalam Kempen Anti-British di Terengganu", dalam *Malaysia in History*. Vol. XX No. 1.
- _____. 1976. "Haji Abdul Rahman bin Abdul Hamid [Haji Abdul Rahman Limbong]", dalam *Malaysia in History*. Vol. XIX No. 1, Jun.
- _____. 1977/78. "Perjuangan Orang Melayu Naning Menentang Inggeris 1831/32" dalam *Jurnal Sejarah*. Jilid XV.
- _____. 1984. "Diplomasi Kapal Perang: Pembedilan ke atas Terengganu 1862", dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah*. Bil. 13.
- Buyong Adil, Haji. 1983. *Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajahan Abad 15-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Firdaus Haji Abdullah. 1985. *Radical Malay Politics; Its Origin and Early Development*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.
- Jang Aisyah Muttalib. 1972. *Pemberontakan di Pahang 1891-1895*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Khoo Kay Kim. (ed.). 1984. *Sejarah Masyarakat Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Khoo Kay Kim. 1991. *Malay Society: Transformation and Democratisation*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publication.
- Maymon Arif. 1973/74. "Kegiatan Politik Melayu Tahun 1930-an", dalam *Jurnal Jebat*. Bil. 3/4.
- Mohd. Nor Long. 1967/68. "Gerakan Kebangsaan Sebelum Perang Dunia Kedua", dalam *Journal of the Historical Society University of Malaya*. Vol. VI.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 1999. *Tok Janggut; Pejuang atau Penderhaka?*. Bangi: Penerbit UKM.
- Timah Hamzah. 1981. *Pemberontakan Tani 1928 di Terengganu: Satu Kajian Ketokohan dan Kepimpinan Haji Abdul Rahman Limbong*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wong Geok Lan. 1990. "Campur Tangan Inggeris dan Kepentingan Ekonomi: Kes Pahang Corporation Limited, 1880-1888", dalam Cheah Boon Kheng dan Abu Talib Ahmad (eds.). *Kolonialisme di Malaysia dan Negara-negara Lain*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.

Bab IX

- Abdul Aziz Mat Ton. 1972/73. "AI-Imam Sepintas Lalu", dalam *Jurnal Sejarah*. Jilid XI.
- Abdul Aziz Mat Ton. 1972/73. "Gerakan Ansarul Sunnah dalam Kegiatan Kaum Muda Melaka". Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Abdul Aziz Mat Ton. 2000. *Politik Al-Imam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Haji Abdullah. 1989. *Gerakan Islah di Perlis; Sejarah dan Pemikiran*. Kuala Lumpur: Penerbitan PENA.
- Abu Bakar Hamzah. 1991. *Al-Imam; Its Role in Malay Society 1906-1908*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Abu Latif Abu Bakar. 1977. *Ishak Haji Muhammad: Penulis dan Ahli Politik Sehingga 1948*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdullah Hussain. 1982. Harun Aminurrashid: Pembangkit Semangat Kebangsaan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hj. Jaafar. 1984. "Al-Imam", dalam Khoo Kay Kim (ed.). *Sejarah Masyarakat Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Bachtiar Djamily. 1985. *Ibrahim Yaacob: Pahlawan Nusantara*. Kuala Lumpur: Pustaka Budiman.
- Firdaus Haji Abdullah. 1985. *Radical Malay Politics; Its Origin and Early Development*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.
- Khasnor Johan. 1984. *The Emergence of the Modern Malay Administrative Elite*. Singapore: Oxford University Press.
- Khoo Kay Kim. 1982. "Suasana Politik di Tanah Melayu Sebelum Perang Dunia II", dalam *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Kohn, Hans. 1960. *The Idea of Nationalism: A Study in its Origins and Background*. New York: Collier Books.
- Leong Yee Fong. 1978. "Permulaan Kesedaran Perburuhan Cina di Tanah Melayu, 1920-1940". *Kertas Kerja Kongres Sejarah Malaysia*. UKM, Bangi, 10-12 April.
- Maymon Arif. 1973/74. "Kegiatan Politik Melayu Tahun 1930-an". *Jurnal Jebat*. Bil. 3/4.
- Mohd. Nor Long. 1967/68. "Gerakan Kebangsaan Sebelum Perang Dunia Kedua", dalam *Journal of the Historical Society University of Malaya*. Vol. VI.
- Mohd. Sarim Haji Mustajab. 1975/77. "Syed Syeikh Abdullah Maghribi: Pendidik dan Kaum Muda", dalam *Jurnal Jebat*. Bil. 5-6.
- Mohd. Sarim Haji Mustajab. Dec. 1977. "Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki: Pelopor Gerakan Islah Islamiyyah di Tanah Melayu", dalam *Malaysia in History*. Vol. XX No. II.
- Mohd. Sarim Haji Mustajab. Jun 1976. "Satu Nota Tentang Haji Abbas bin Mohd. Taha", dalam *Malaysia in History*. Vol. 2 No. 1.
- Mohd. Sarim Haji Mustajab. 1982. "Gerakan Islah Islamiyyah di Tanah Melayu 1906 hingga 1948", dalam *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Mohamad Abu Bakar. 1985. "Islam dan Kebangsaan Melayu", dalam Abdul

- Latiff Abu Bakar (ed.). *Warisan Dunia Melayu: Teras Peradaban Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit GAPENA.
- Nabir Haji Abdullah. 1976. *Maahad Il-Ihya Assyariff Gunung Semanggol 1934-1959*. Kuala Lumpur: Penerbit UKM.
- Naimur Rahman Farooqi. Oct. 1983. "Pan-Islamism in the Nineteenth Century", dalam *Islamic Culture*. Vol. LVII No. 4.
- Radin Soenarno. 1960. "Malay Nationalism, 1896-1941", dalam *Journal of South-east Asian History*. Vol. 1 No. 1, March.
- Reid, Anthony. 1967. "Nineteenth Century Pan-Islam in Indonesia and Malaysia", dalam *Journal of Asian Studies*. Vol. XII No. 2, Feb.
- Roff, R. William. 1980. *The Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: UM Press.
- Roff, R. William. 1968. "The Persatuan Melayu Selangor: An Early Malay Political Association", dalam *Journal of Southeast Asian History*. Vol. IX No. 1, March.
- Roff, R. William R. 1964. "The Malayo-Muslim World of Singapore at the Close of the Nineteenth Century", dalam *Journal of Asian Studies*. Vol. XII No. 1, November.
- Safe Ibrahim. 1978. "The Islamic Elements in Malay Politics in Pre-Independent Malaya, 1937-1948", dalam *Islamic Culture*. Vol. LII No. 3, July.
- Siddiq Fadzil. 1992. "Nasionalisme Melayu Berteraskan Islam", dalam *Berita Minggu*. 4 Okt.
- Suntharalingam, R. dan Abdul Rahman Haji Ismail. (eds.). 1985. *Nasionalisme: Satu Tinjauan Sejarah*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- William L. Holland. (ed.). 1973. *Asian Nationalism and the West*. New York: Octagon Books.

Bab X

- Barber, Noel. 1972. *The War of the Running Dogs: How Malaya Defeated the Communist Guerrillas*. London: Fontana Books.
- Cheah Boon Kheng. 1982. *Komrad Bertopeng: Suatu Kajian Mengenai Barisan Bersatu Komunis di Tanah Melayu 1945-48*, (terj. oleh Hj. Zubir Ismail). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cheah Boon Kheng. 1987. *Red Star Over Malaya*. Singapore: Singapore University Press.
- Cheah Boon Kheng. 1968/69. "The MDU: A Brief History", dalam *Journal of the Historical Society University of Malaya*. Vol. VII.
- Hairi Abdullah. 1973/75. "Kebangkitan dan Gerakan Tentera Selendang Merah dalam Sejarah Daerah Muar dan Batu Pahat", dalam *Jurnal Jebat*. Bil. 3/4.
- Hasan Yusof. 1997. "Pasukan Polis di Tanah Melayu Semasa Bermula Kempen Keganasan Komunis Sehingga Pengisytiharan Undang-undang Darurat:

- 1947-Ogos 1948", dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah*. Bil. 25.
- Hasan Yusof. 1998. "Sejarah Polis: Zaman Kemajuan dan Malayanisasi 1952-1963", dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah*. Bil. 26.
- Heng Pek Koon. 1988. *Chinese Politics in Malaysia: A History of the MCA*. Singapore: Oxford University Press.
- Khong Kim Hoong. 1984. *Merdeka! British Rule and the Struggle for Independence in Malaya, 1945-1957*. Petaling Jaya: INSAN.
- Khoo Kay Kim. 1971/72. "Keterlibatan Orang-orang Melayu dalam Persatuan-persatuan Sulit", dalam *Jurnal Sejarah*. Jilid XIV.
- Khoo Kay Kim. 1971/72. "Komunisma di Tanah Melayu: Peringkat Awal", dalam *Jurnal Sejarah*. Jilid X.
- Khoo Kay Kim dan Adnan Hj. Nawang. (eds.). 1984. *Darurat 1948-1960*. Kuala Lumpur: Penerbit Muzium Angkatan Tentera.
- Leong Yee Fong. (t.t.). "Perkembangan Kesatuan Sekerja dan Dasar Kolonial di Malaya, 1945-1957". *Kertas Kerja Jabatan Sejarah Universiti Malaya*. Kuala Lumpur.
- Leon Comber. 1985. *Peristiwa 13 Mei: Sejarah Perhubungan Melayu-Cina*. Petaling Jaya: International Book Service.
- Mahmud E. 1991. "Perkembangan Awal Gerakan Komunis Tanah Melayu 1924-30", dalam *Jurnal Jebat*. Bil. 19.
- Mahmud Embung. 1992. "Penglibatan Orang Melayu dalam Pergerakan Komunis Peringkat Awal di Tanah Melayu, 1924-1938", dalam *Jurnal Purba*. Bil. 11.
- Mahmud Embung. 1992. "Parti Komunis Malaya, 1931-1937", dalam *Kertas Kerja Seminar Sejarah Malaysia Moden*. Jabatan Sejarah UKM, 21-22 Disember.
- Mohd. Reduan Haji Asli. 1993. *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 1990. "Tunku Abdul Rahman - Chin Peng Amnesty Talks and British Response", dalam *Jurnal Jebat*. Bil. 18.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 2001. "Kerjasama Awal Tanah Melayu-Thailand Menentang Penganas-penganas Komunis di Perbatasan, 1948-1957", dalam Muhammad Redzuan Othman et al. (eds.). *Jendela Masa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Oong Hak Ching. 1990. "Kerjasama British dengan Parti Komunis Malaya dan Koumintang: Kesan-kesannya Terhadap Dasar-dasar British di Tanah Melayu (1941-45)", dalam *Jurnal Jebat*. Bil. 18.
- Ongkili, James. 1973/74. "Darurat dan British, 1948-1960: Suatu Penilaian", dalam *Jurnal Sejarah*. Jilid XII.
- Purcell, Victor. 1978. *The Chinese in Malaya*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Ramlan Hamzah. 1973/74. "Parti Komunis Malaya: Penubuhan, Peranan dan Implikasinya", dalam *Jurnal Jebat*. Bil. 3/4.

- Rupawan Ahmad. 1984/85. "Parti Komunis China dan Kedudukan Kaum Tani dalam Revolusi, 1922-1937: Satu Perbincangan Ringkas", dalam *Jurnal Jebat*. Bil. 13.
- Short, Anthony. 1965. "Communism and the Emergency", dalam Wang Gungwu (ed.). *Malaysia: A Survey*. New York: Frederick A. Praeger Publisher.
- Stubbs, Richard. 1989. *Hearts and Minds in Guerrilla Warfare: The Malayan Emergency 1948-1960*. Singapore: Oxford University Press.
- Wan Hamzah Awang. 1985. *Detik Sejarah Rundingan Baling*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.

Bab XI

- Abdul Aziz Mat Ton. 1981. "Persekolahan Melayu 1945-1948: Satu Manifestasi Semangat Perjuangan Melayu", dalam Khoo Kay Kim & Mohd. Fadzil Othman (eds.). *Pendidikan di Malaysia: Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Abdul Aziz Mat Ton. 1988. "Sekitar Penubuhan Partai Kebangsaan Melayu Malaya", dalam Adnan Haji Nawang (ed.). *Perak: Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Abdul Latiff Abu Bakar. 1977. *Ishak Haji Muhammad: Penulis dan Ahli Politik*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Latiff Abu Bakar. 1984. *Abdul Rahim Kajai: Wartawan dan Sasterawan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Zakaria Ghazali. 1988. "Perak, 1651-1955: Satu Tinjauan Mengenai Perjuangan Orang Melayu", dalam Adnan Haji Nawang (ed.). *Perak: Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Abdullah Zakaria Ghazali dan Adnan Haji Nawang. (eds.). 1997. *Biografi Tokoh Pilihan Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdullah Hussain dan Khalid Hussain. 1974. *Pendeta Za'ba dalam Kenangan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Adnan Haji Nawang. 1994. *Za'ba: Patriot dan Pendeta Melayu*. Kuala Lumpur: Yayasan Penataran Ilmu.
- Ahmad Boestamam. 1979. *Carving the Path to the Summit*, (terj. oleh William R. Roff). Athens: Ohio University Press.
- Cheah Boon Kheng. 1984. "Perpecahan dan Perpaduan dalam Gerakan Kemerdekaan Selepas Perang Dunia Kedua", dalam S. Husin Ali (ed.). *Kaum, Kelas dan Pembangunan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sains Sosial.
- Cheah Boon Kheng. (ed.). 1987. *A. Samad Ismail: Journalism and Politics*. Kuala Lumpur: Singamal Publishing Bureau.
- Funston, John. 1980. *Malay Politics in Malaysia: A Study of the UMNO and Party Islam*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Book.

- Ishak Tadin. 1960. "Dato' Onn and Malay Nationalism, 1946-1951", dalam *Journal of Southeast Asian History*. Vol. 1, No. 1, March.
- Kamarudin Jaafar. (ed.). 1980. *Dr. Burhanuddin Al-Helmy: Politik Melayu dan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Yayasan Anda.
- Khong Kim Hoong. *Merdeka! British Rule and the Struggle for Independence in Malaya, 1945-1957*. Petaling Jaya: Penerbit INSAN.
- Manderson, Lenore. 1981. *Wanita, Politik dan Perubahan: Pergerakan Kaum Ibu UMNO, Malaysia, 1945-1972*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Memoir Khatijah Sidek: Puteri Kesateria Bangsa*. 1995. Bangi: Penerbit UKM.
- Memoir Politik Asri; Meniti Arus*. 1993. Bangi: Penerbit UKM.
- Memoir Pak Sako; Putera Gunung Tahan*. 1997. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohamed Noordin Sopiee. 1976. *From Malayan Union to Singapore Separation; Political Unification in the Malaysia Region 1945-1965*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohamad Yunus Hamidi. 1966. *Sejarah Pergerakan Kebangsaan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Antara.
- Mohammad Redzuan Othman. 1988. "Perjuangan Politik Zulkifli Muhammad (1927-1964).", dalam Adnan Haji Nawang (ed.). *Perak: Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Ongkili, P. James. 1986. *Nation-building in Malaysia, 1946-1974*. Singapore: Oxford University Press.
- Ramlah Adam. 1978. *UMNO: Organisasi dan Kegiatan Politik 1945-1951*. Kota Bharu: Mohd. Nawi Book Store.
- Ramlah Adam. 1992. *Dato' Onn Jaafar: Pengasas Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlah Adam. 1998. *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ramlah Adam. 1994. *Ahmad Boestamam: Satu Biografi Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlah Adam. 1996. *Burhanuddin Al-Helmi: Suatu Kemelut Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ratnam, K. J. 1965. "Political Parties and Pressure Groups", dalam Wang Gungwu (ed.). *Malaysia: A Survey*. New York: Frederick A. Praeger.
- Ratnam, K. J. 1969. *Paham Perkauman dan Proses Politik di Malaya*, (terj. oleh Kassim Ahmad). Singapura: University of Malaya Press.
- Shafie Ibrahim. 1981. *The Islamic Part of Malaysia: Its Formative Stages and Ideology*. Kota Bharu: Nuawi Ismail Publisher.
- Simandjuntak, B. 1985. *Federalisme Tanah Melayu 1945-1963*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Stockwell, A. J. 1979. *British Policy and Malay Politics During the Malayan Union Experiment 1942-1948*. Monograph No. 8. Kuala Lumpur: MBRAS.

- The Memoirs of Dato' Sir Mahmud bin Mat. 1997. *Tinggal Kenangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Abdul Wahid. 1977/79. "Semangat Perjuangan Melayu", dalam *Jurnal Jebat*. Bil. 7/8.

Bab XII

- Abu Talib Ahmad. 1986. "Kenang-kenangan Pentadbiran Tentera Jepun di Burma, 1942-43 oleh Lt. General Iida Shojiro, Komander pasukan tentera Jepun di Burma, 1941-43: Pengenalan dan Terjemahan", dalam *Jurnal Jebat*. Bil. 14.
- Abdul Aziz Mat Ton. 1981. "Persekolahan Melayu 1945-1948: Satu Manifestasi Semangat Perjuangan Melayu", dalam Khoo Kay Kim & Mohd. Fadzil Othman (eds.). *Pendidikan di Malaysia: Dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Abdullah Zakaria Ghazali. 1992. "Pentadbiran Terengganu di Masa Pendudukan Jepun, 1942-1945", dalam *Kertas Kerja Seminar Sejarah Malaysia Moden*. UKM, Bangi 21-22 Disember.
- Abdullah Zakaria Ghazali. 1996. *Pentadbiran Tentera Jepun di Terengganu 1942-1945*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Akashi, Yoji. 1970. "Japanese Policy Towards the Malayan Chinese 1941-1945", dalam *Journal of Southeast Asian Studies*. Vol. 1 No. 2, September.
- Azhar Mad Aros. 1999. "Pendudukan Jepun di Tanah Melayu, 1941-1945: Satu Kajian Mengenai Bibliografi" dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah*. Bil. 27.
- Cheah Boon Kheng. 1977. "Some Aspects of the Interegnum in Malaya (14 August-3 September 1945)", dalam *Journal of Southeast Asian Studies*. Vol. VIII No. 1, March.
- Cheah Boon Kheng. 1980. "The Social Impact of the Japanese Occupation of Malaya (1942-1945)", dalam Alfred W. McCoy (ed.). *Southeast Asia Under Japanese Occupation*. Monograph No. 22, New Haven: Yale University South-east Asia Studies.
- Cheah Boon Kheng. 1982. *Komrad Bertopeng: Suatu Kajian Mengenai Barisan Bersatu Komunis di Tanah Melayu 1945-48*, (terj. Oleh Hj. Zubir Ismail). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cheah Boon Kheng. 1987. *Red Star Over Malaya*. Singapore: Singapore University Press.
- Cheah Boon Kheng. 1968/69. "The MDU: A Brief History", dalam *Journal of the Historical Society University of Malaya*. Vol. VII.
- Chin Kee Onn. 1976. *Malaya Upside Down*. Singapore: Federal Publications.
- Chin Kee Onn. 1981. *Ma-Rai-Ee*. Singapore: Eastern Universities Press.
- Ghazali Mayudin. 1978. *Johor Semasa Pendudukan Jepun 1942-45*. Jabatan Sejarah, UKM.

- Hairi Abdullah. 1973/75. "Kebangkitan dan Gerakan Tentera Selendang Merah dalam Sejarah Daerah Muar dan Batu Pahat". *Jurnal Jebat*. Bil. 3/4.
- Itagaki, Yoichi. 1962. "Some Aspects of the Japanese Policy for Malaya Under the Occupation, with Special Reference to Nationalism", dalam K.G. Tregonning (ed.). *Papers on Malayan History*. Singapore: Journal Southeast Asian History.
- Kassim Thukiman. 1992. "Penglibatan Orang-orang Jepun dalam Sektor Ekonomi di Negeri Johor pada Awal Abad ke-20", dalam *Jurnal Jebat*. Bil. 20.
- Khoo Kay Kim. 1981. "Sino-Malaya Relations in Peninsular Malaysia Before 1942", dalam *Journal of Southeast Asian Studies*. Vol. XII No. 1, March.
- Kobkua Suwannathat-Pian. 1989. "Thai-Japanese Bargaining over the Return of the Four Malay States to Thailand", dalam *Jurnal Jebat*. Bil 17.
- Lebra, C. Joyce. 1971. *Jungle Alliance: Japan and the Indian National Army*. Singapore: Asia Pacific Press.
- Lewis, T. P. M. 1992. *Changi: Tahun-tahun Gerhana 1941-1945*, (terj. oleh Mohd. Nor Long). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Memoir Takao Fusayama: A Japanese Soldier in Malaya & Sumatera*. 1997. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohd. Zamberi A. Malek. 1999. *Harimau Malaya: Biografi Tengku Mahmood Mahyiddeen*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohamad Isa Othman. 1992. *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu (1942-1945) (Tumpuan di Negeri Kedah)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muda Mohd. Taib A. Rahman. 1984. "Pendudukan Jepun di Terengganu" dalam Khoo Kay Kim (ed.). *Sejarah Masyarakat Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 1982. "Kelantan di bawah Pentadbiran Tentera Jepun dan Pentadbiran Tentera Thai, 1941-45: Suatu Kajian Sepintas Lalu" dalam *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*. Kuala Lumpur: PSM.
- Robertson, Eric. 1986. *The Japanese File: Pre-War Japanese Penetration in Southeast Asia*. Singapore: Heinemann Asia.
- Shaharom Husain. 2000. *Di bawah Hujan Peluru*. Bangi: AFY Communications.
- Stockwell, A. J. 1979. *British Policy and Malay Politics During the Malayan Union Experiment 1942-1948*. Monograph No. 8. Kuala Lumpur: MBRAS.
- Trenowden, Ian. 1983. *Malayan Operations Most Secret - Force 136*. Singapore: Heinemann Asia.

Bab XIII

- Ahmad Kamal Ariffin. 2001. "Pilihanraya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur, 1952", dalam Muhammad Redzuan Othman et al. (eds.). *Jendela Masa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Carnell, G. Francis. 1954. "Constitutional Reform and Elections in Malaya", dalam *Pacific Affairs*. Vol. XXVII No. 3, September.
- Carnell, G. Francis G. 1955. "The Malayan Elections", dalam *Pacific Affairs*. Vol. XXVIII No. 4, December.
- Funston, John. 1980. *Malay Politics in Malaysia: A Study of the UMNO and Party Islam*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Book.
- Goh Cheng Teik. 1971. *The May Thirteenth Incident and Democracy in Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Goh Cheng Teik. 1989. *Racial Politics in Malaysia*. Kuala Lumpur: FEP Publisher.
- Harold Crouch, Lee Kam Hing dan Michael Ong. (eds.). 1980. *Malaysian Politics and the 1978 Election*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Hawkin, Gerald. 1953. "First Steps in Malayan Local Government", dalam *Pacific Affairs*. Vol. XXVI No. 2, June.
- Kamarudin Jaafar. (ed.). 2000. *Pilihanraya 1999 dan Masa Depan Politik Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit IKDAS.
- Kassim Thukiman. 1986. *Pilihanraya Persekutuan 1955*. Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Khong Kim Hoong. *Merdeka! British Rule and the Struggle for Independence in Malaya, 1945-1957*. Petaling Jaya: Penerbit INSAN.
- Malaysia, Penyata Pilihanraya Umum Parlimen dan Dewan Negeri, 1964.
- Malaysia, Penyata Pilihanraya Umum Parlimen dan Dewan Negeri, 1969.
- Malaysia, Penyata Pilihanraya Umum Parlimen dan Dewan Negeri, 1974.
- Malaysia, Penyata Pilihanraya Umum Parlimen dan Dewan Negeri, 1978.
- Malaysia, Laporan Pilihanraya Umum, 1982.
- Malaysia, Laporan Pilihanraya Umum, 1986.
- Malaysia, Laporan Pilihanraya Umum, 1990.
- Malaysia, Laporan Pilihanraya Umum, 1995.
- Mauzy, K. Diane. 1983. *Barisan Nasional; Coalition Government in Malaysia*. Kuala Lumpur: Marican and Sons.
- Means, P. Gordon P. 1970. *Malaysian Politics*. London: University of London Press.
- Miller, Harry. 1959. *The Prince and Premier*. London: George G. Harrap and Co.
- Mohamed Noordin Sopiee. 1976. *From Malayan Union to Singapore Separation; Political Unification in the Malaysia Region 1945-1965*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ramlah Adam. 1978. *UMNO: Organisasi dan Kegiatan Politik 1945-1951*. Kota Bharu: Mohd. Nawi Book Store.
- Ramlah Adam. 1992. *Dato' Onn Jaafar: Pengasas Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ratnam, K. J. 1965. "Political Parties and Pressure Groups", dalam Wang Gungwu (ed.). *Malaysia: A Survey*. New York: Frederick A. Praeger.

- Ratnam, K. J. 1969. *Paham Perkauman dan Proses Politik di Malaya*, (terj. oleh Kassim Ahmad). Singapura: University of Malaya Press.
- Ratnam, K. J. and R. S. Milne. 1969. *The Malayan Parliamentary Election of 1964*. Singapore: University of Malaya Press.
- Report on the Introduction of Elections in the Municipality of George Town, Penang, 1951*. 1953. Kuala Lumpur.
- Simandjuntak, B. 1985. *Federalisme Tanah Melayu 1945-1963*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Smith, T. E. 1960. "The Malayan Elections of 1959", dalam *Pacific Affairs*. Vol. XXXIII No. 1, Mac.
- Smith, T. E. 1955. *Report on the First Election of Members to the Legislative Council of the Federation of Malaya*. Kuala Lumpur.
- Soh Eng Lim. 1960. "Tan Cheng Lock: His Leadership of the Malayan Chinese", dalam *Journal of Southeast Asian History*. Vol. 1 No. 1, March.
- Tinker, Irene. 1956. "Malayan Election: Electoral Pattern for Plural Societies", dalam *Western Political Quarterly*. Vol. 9, June.
- UMNO 10 Tahun*. Kuala Lumpur: Daud Press.
- UMNO 38 Tahun Zaman Gemilang*. Kuala Lumpur: AMW Communications.

Bab XIV

- Ahmad Nidzammuddin Sulaiman et al. 1994. *Politik Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baker, M. H. 1965. *Sabah: The First Ten Years as a Colony, 1946-1956*. Singapore: Malaysian Publishing House.
- Brown, D. E. 1970. *Brunei: The Structure and History of a Borneo Malay Sultanate*. Brunei: Star Press.
- Buyong Adil, Haji. 1974. *Sejarah Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chater, W. J. 1994. *Sarawak Long Ago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chin Ung-Ho. 1996. *Chinese Politics in Sarawak: A Study of the Sarawak United People's Party*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Danny Wong Tze-Ken. 1999. "Chinese Migration to Sabah Before the Second World War", dalam *Jurnal ARCHIPEL*. No. 58 Vol. III.
- Danny Wong Tze-Ken. 2001. "The Early Profile of a People: The Hakkas in Sabah, 1882-1941", dalam Mohammad Redzuan Othman et al. (eds.). *Jendela Masa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ho Hui Ling. 1998. "Rancangan Malaysia: Bantahan Orang Cina Sarawak Melalui Suruhanjaya Cobbold", dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah*. Bil. 26.
- Ho Hui Ling. 1999. "Perjuangan Sarawak United People's Party (SUPP), 1959-1963", dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah*. Bil. 27.

- Ian Black. 1968. "The Ending of Brunei Rule in Sabah", dlm. *JMBRAS*. Vol. 41 No. 2.
- Jayum A. Jawan. 1994. *Iban Politics and Economic Development; Their Patterns and Change*. Bangi: Penerbit UKM.
- Kerajaan Negeri Sarawak. 1988. *Adat Resam Penduduk Sarawak*. Kuching.
- Leigh, B. Michael. 1974. *The Rising Moon: Political Change in Sarawak*. Sydney: Sydney University Press.
- Lockard, A. Craig dan Saunders, E. Graham. 1992. *Sarawak Purba*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ongkili, P. James. 1984. "Sarawak and Sabah in the 1950s: Constitutional Development and Economic Planning", dalam Muhammad Abu Bakar et al. (eds.). *Historia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Ongkili, P. James P. 1986. *Nation-building in Malaysia 1946-1974*. Singapore: Oxford University Press.
- Ranjit Singh. 1984. *Brunei 1839-1983: The Problem of Political Survival*. Singapore: Oxford University Press.
- Ranjit Singh, D. S. 1982. "Evolusi Pimpinan Pribumi di Sabah Menjelang 1941", dalam *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Ranjit Singh, D. S. 1984. "The Structure of the Indigenous Economy in Sabah in the 1860s and 1870s", dalam Muhammad Abu Bakar et al. (eds.). *Historia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Reece, R. H. W. 1982. *The Name of Brooke: The End of White Rajah Rule in Sarawak*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Roff, Margaret Clark. 1974. *The Politics of Belonging: Political Change in Sabah and Sarawak*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Runciman, Steven. 1960. *The White Rajahs: A History of Sarawak from 1841-1946*. London: Cambridge University Press.
- Sabihah Osman. 1990a. *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak 1841-1941*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sabihah Osman. 1990b. "The Malay-Muslim Respons to Cession of Sarawak to the British Crown 1946-1951", dalam *Jurnal Jebat*. Bil. 18.
- Sabihah Osman, Muhamad Hadi Abdullah & Sabullah Hj. Haki. 1995. *Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sanib Said. 1976. *Anti-Cession Movement 1946-1951; The Birth of Nationalism in Sarawak*. Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Sanib Said. 1985. *Malay Politics in Sarawak 1946-1966; The Search for Unity and Political Ascendancy*. Singapore: Oxford University Press.
- Suffian Mansor. 2001. "Utusan Sarawak Sepanjang 1949 sehingga 1963", dalam Mohammad Redzuan Othman et al. (eds.). *Jendela Masa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Tarling, Nicholas. 1971. *Britain, the Brookes and Brunei*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Tarling, Nicholas. 1970. "Britain and Sarawak in the 20th Century", dalam *JMBRAS*. Vol. 42 No. 2.
- Tregonning, K. G. 1965. *A History of Modern Sabah: North Borneo, 1881-1963*. Singapore: University of Malaya Press.
- Wookey, W. K. C. 1956. "The Mat Salleh Rebellion", dalam *Sarawak Museum Journal*. Vol. VII, Dec.
- Wright, L. R. 1970. *The Origin of British Borneo*. Hong Kong: Hong Kong University Press.
- Zainal Kling. 1982. "James Brooke dan Sarawak: Pertembungan Budaya Timur dan Barat di Kurun ke-19", dalam *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

Bab XV

- Abu Bakar Hamzah. 1983. *Ke Arah Perlembagaan Islam*. Singapura: Penerbit Pustaka Nasional.
- Ahmad Ibrahim. 1975. *Islamic Law in Malaya*, (ed. by Shirle Gordon). Kuala Lumpur: Malaysian Sociological Research Institute.
- Ahmad Ibrahim. 1985. "The Position of Islam in the Constitution of Malaysia", dalam Ahmad Ibrahim, Sharon Siddique & Yasmin Hussain (eds.). *Readings on Islam in Southeast Asia*. Singapore: ISEAS.
- Ahmad Ibrahim. 1995. *Mendekati Sejarah Undang-undang di Malaysia dan Singapura*, (terj. oleh Muhammad Bukhari Abd. Hamid). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned. 1992. *Sistem Undang-undang di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cheah Boon Kheng. 2001. "The Malay Nationalist Demystifications of the Malay Rulers During the Debates on the 1983 & 1993 Constitutional Amendments", dalam Muhammad Redzuan Othman et al. (eds.). *Jendela Masa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Groves, H. E. 1965. "Constitutional Problems", dalam Wang Gungwu (ed.). *Malaysia: A Survey*. New York: Frederick A. Praeger Publisher.
- Hamid Jusoh. 1992. *Kedudukan Undang-undang Islam dalam Perlembagaan Malaysia: Suatu Rujukan Khas Terhadap Kes-kes Konversi dalam Undang-undang Keluarga*, (terj. oleh Raja Rahawani Raja Mamat). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hooker, M. B. 1972. *Adat Law in Modern Malaya*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Mohamed Suffian Hashim. 1984. *Mengenal Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohamed Suffian, H. P. Lee dan F. A. Trindade. 1983. *Perlembagaan Malaysia, Perkembangannya: 1957-1977*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Mohd. Aris Osman. 1983. *Perkembangan Perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Ridzuan Awang. 1994. *Undang-undang Tanah Islam: Pendekatan Perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Simandjuntak, B. 1985. *Federalisme Tanah Melayu 1945-1963*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Tunku Abdul Rahman. 1980. *Pandang Balik*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational.
- Y. Mansoor Marican. 1982. "Federalisme: Sistem Kerajaan Malaysia", dalam Zuraina Majid (ed.). *Masyarakat Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit USM.

Bab XVI

- Broinowski, Alison. (ed.). 1983. *Understanding ASEAN*. London: Macmillan Press.
- Ho Hui Ling. 1998. "Rancangan Malaysia: Bantahan Orang Cina Sarawak Melalui Suruhanjaya Cobbold", dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah*. Bil. 26.
- Kassim Thukiman. 1994. "Penubuhan Malaysia, 1963-1965: Suatu Tinjauan Pencapaian Dasar Luar Malaysia", dalam *Jurnal PEMA*. Bil. 14 & 15.
- Khaw Guat Hoon. 1982. "Dasar Malaysia Terhadap Persaingan Kuasa-kuasa Besar di Asia Tenggara", dalam Zurainah Majid (ed.). *Masyarakat Malaysia*. P. Pinang: Penerbit USM.
- Kunaseelan a/l Muniandy. 1996. *Hubungan Malaysia-Indonesia 1957-1970*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mackie, J. A. C. 1974. *Konfrantasi: The Indonesian-Malaysia Disputes 1963-1966*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Memoir Lee Kuan Yew*. 1998. Singapore: Times Media.
- Mohamad Abu Bakar. 1988. "The Sabah Claim and the Corregidor Affair: A Crisis Episode in Malaysia-Philippine Relations". *The Eight Conference IAHA*. Bangi: UKM.
- Mohamad Abu Bakar. 1990. "Politik Brunei Menjelang Penubuhan Malaysia", dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah*. Bil. 10.
- Mohd. Ariff Haji Othman. 1988. *Tuntutan Filipina Terhadap Sabah; Implikasi dari Segi Sejarah, Undang-undang dan Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Noor Abdullah. 1979. *Kemasukan Sabah dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed Noordin Sopiee. 1976. *From Malayan Union to Singapore Separation; Political Unification in the Malaysia Region 1945-1965*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Nabir Haji Abdullah. 1978. "Tangah Melayu-Malaysia: Satu Tinjauan Tentang Nama", dalam *Malaysia in History*. Vol. XXI No. 1, June.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 2000. *Konfrontasi Malaysia Indonesia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 2001. *Tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara*. Bangi: Penerbit UKM.
- Ongkili, P. James. 1985. *Nation-Building in Malaysia 1946-1974*. Singapore: Oxford University Press.
- Ramlah Adam. 2001. "Kepimpinan Tunku Abdul Rahman: Satu Pandangan Awal", dalam Muhammad Redzuan Othman et al. (eds.). *Jendela Masa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ramlan Hamzah. 1975/77. "Malaysia, 1963-1965: Suatu Tinjauan Politik", dalam *Jurnal Jebat*. Bil. 5/6.
- Saravanamuttu, J. 1982. "Rupabentuk dan Perkembangan Dasar Luar Malaysia Sejak 1957", dalam Zurainah Majid (ed.). *Masyarakat Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Syed Othman Syed Omar. 1999. *Tentera Malaysia dalam Era Konfrantasi*. Bangi: Penerbit UKM.
- Tunku Abdul Rahman. 1980. *Pandang Balik*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books.
- Tunku Abdul Rahman. 1986. *Political Awakening*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.
- Wang Gungwu. (ed.). 1965. *Malaysia; A Survey*. Frederick A. New York: Praeger Publisher.
- William Shaw. 1977. *Tun Razak: Riwayat Hidup dan Zamannya*. Kuala Lumpur: Penerbit Longman.
- Zainal Abidin Abdul Wahid. 1984. "The Formation of Malaysia: The Role of the Malaysia Solidarity Consultative Committee", dalam Muhammad Abu Bakar et al. (eds.). *Historia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

Bab XVII

- Balakrishnan, K. S. 2001. "Regionalisme dan Isu-isu Keselamatan Asia Tenggara", dalam *Jurnal Pemikir*. Bil. 25.
- Broinowski, Alison. (ed.). 1983. *Understanding ASEAN*. London: Macmillan Press.
- Chandra Muzafar. 1993. *Human Rights and the New World Order*. Penang: Just World Trust.
- Chandran Jeshurun. 1980. *Malaysian Defence Policy: A Study in Parliamentary Attitudes 1963-73*. Kuala Lumpur: UM Press.
- Danny Wong Tze Ken. 1995. *Vietnam Malaysia Relations During the Cold War 1945-1990*. Kuala Lumpur: UM Press.
- Jurnal Pemikir*. 1998. "Tata Dunia dan Kolonialisme Baru". Bil. 12.

- Jurnal Pemikir*. 1998. "Kegawatan Ekonomi Asia". Bil. 12.
- Jurnal Pemikir*. 2000. "Asia Tenggara Alaf Baru". Bil. 21.
- Ghazali Shafie. 2000. *Malaysia, ASEAN and the New World Order*. Bangi: Penerbit UKM.
- _____. 2002. "Asean, Regionalisme dan Isu Keselamatan", dalam *Jurnal Pemikir*. Bil. 27.
- Kamarulnizam Abdullah. 1999. "Agenda Baru Keselamatan di Era Pasca Perang Dingin", dalam *Jurnal Kinabalu*. Bil. 5.
- Khaw Guat Hoon. 1982. "Dasar Malaysia Terhadap Persaingan Kuasa-kuasa Besar di Asia Tenggara", dalam Zurainah Majid (ed.). *Masyarakat Malaysia*. P. Pinang: Penerbit USM.
- Kunaseelan a/l Muniandy. 1996. *Hubungan Malaysia-Indonesia 1957-1970*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mittelman, H. James. 1997. *Globalization, Peace and Conflict*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohd. bin Samsudin. 2000. "Malaysia-U.S. Relation in the 1990's: Changing Attitudes and Perspectives", Kertas Kerja dalam *The 16th. International Association Historian of Asia Conference*. Kota Kinabalu, Sabah, 27-31 Julai.
- Mohd. Azizuddin Mohd. Sani. 2001. "Strategi Amerika Kuasai Rantau Asia Timur", dalam *Jurnal Pemikir*. Bil. 24.
- Mohamad Abu Bakar. 1982. "Ideal dan Realiti Dasar Pengecualian Asia Tenggara", dalam *Malaysia Dari Segi Sejarah*. *Jurnal PSM*, Bil. 11.
- _____. 1981. "Islam dalam Hubungan Antarabangsa", dalam *Islamika*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- _____. 2002. "Persekitaran Strategik Umat Islam Abad 21", dalam *Jurnal Pemikir*. Bil. 27.
- Mohamed Noordin Sopiee. 1976. *From Malayan Union to Singapore Separation; Political Unification in the Malaysia Region 1945-1965*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Muhammad Abu Bakar et al. (eds.). 1984. *Historia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Muhammad Hear Haji Awang. 1982. "Malaysia dan Kerjasama Serantau di Asia Tenggara", dalam *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*. Kuala Lumpur: PSM.
- Nair, K. K. 1988. "ASEAN-Indochina Diplomacy, 1975-1982", dalam *Jurnal Sejarah*. Bil. 1.
- Nor Azizan Idris. 1990. "Peranan dan Pengaruh Tunku Abdul Rahman dalam Sejarah Dasar Luar Negara: Tahun-tahun Awal 1957-1962", dalam *Jurnal Jebat*. Bil. 18.
- Norani Othman & Sumit K. Mandal. (eds.). 2000. *Malaysia Menangani Globalisasi: Peserta atau Mangsa*. Bangi: Penerbit UKM.

- Pathmanathan, Murugesu. 1988. "Malaysia Defence Policy: The Phasing Out of Anglo Malay Defence Agreement". *The Eight Conference IAHA*. Bangi: Penerbit UKM.
- Pathmanathan, Murugesu dan Lazarus, David. 1984. *Winds of Change: The Mahathir Impact on Malaysia's Foreign Policy*. Kuala Lumpur: Eastview Productions.
- Qasim Ahmad. 1998. "PBB dan Runtunan Kuasa", dalam *Jurnal Pemikir*. Bil. 11.
- Rajendran, M. 1984. "ASEAN Diplomacy and the Indochina Crisis", dalam Muhammad Abu Bakar et al. (eds.). *Historia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- _____. 1985. *Asean's Foreign Relations: The Shift to Collective Action*. Kuala Lumpur: Arenabuku Sdn. Bhd.
- Saravanamuttu, J. 1982. "Rupabentuk dan Perkembangan Dasar Luar Malaysia Sejak 1957", dalam Zurainah Majid (ed.). *Masyarakat Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Solehah Abdul Hamid. 1997. *Pembangunan Ekonomi ASEAN*. Sintok: Penerbit UUM.
- Sufian Mansor. 2002. "Cabaran China Sebagai Kuasa Besar Baru", dalam *Jurnal Pemikir*. Bil. 27.
- Suryanarayan, V. 1988. "Malaysia's China Policy: 1957-1974", dalam *The Eight Conference IAHA*. Bangi: Penerbit UKM.
- Syed Husin Ali. 1998. "Kesan Buruk Globalisasi", dalam *Utusan Malaysia*. 25 Jun 1998.
- Winks, W. Robin. 1965. "Malaysia and the Commonwealth", dalam Wang Gungwu (ed.). *Malaysia; A Survey*. Frederick A. New York: Praeger Publisher.
- Yoshihara Kunio. 2001. *Globalization and National Identity: The Japanese Alternative to the American Model*. Petaling Jaya: Falcon Press.
- Zainal Abidin Abdul Wahid. 1965. "Malaysia, Southeast Asia and World Politics" dalam Wang Gungwu (ed.). *Malaysia; A Survey*. Frederick A. New York: Praeger Publisher.

1. Introduction

The purpose of this study is to investigate the effects of various factors on the performance of a system. The study is organized as follows: Section 2 describes the methodology used in the study. Section 3 presents the results of the study. Section 4 discusses the implications of the findings. Section 5 concludes the study.

The methodology used in this study is a combination of experimental and analytical methods. The experimental part of the study involves the use of a test system to measure the performance of the system under various conditions. The analytical part of the study involves the use of mathematical models to analyze the results of the experiments.

The results of the study show that the performance of the system is significantly affected by the various factors investigated. The most significant factor is the input data, which has a strong positive effect on the performance of the system. Other factors, such as the system configuration and the user interface, also have a significant effect on the performance of the system.

The implications of the findings of this study are that the performance of a system can be improved by optimizing the input data and the system configuration. The user interface can also be designed to improve the performance of the system. These findings have important implications for the design and development of systems.

In conclusion, this study has shown that the performance of a system is significantly affected by the various factors investigated. The most significant factor is the input data, which has a strong positive effect on the performance of the system. Other factors, such as the system configuration and the user interface, also have a significant effect on the performance of the system.

The study has shown that the performance of a system can be improved by optimizing the input data and the system configuration. The user interface can also be designed to improve the performance of the system. These findings have important implications for the design and development of systems.

The study has shown that the performance of a system is significantly affected by the various factors investigated. The most significant factor is the input data, which has a strong positive effect on the performance of the system. Other factors, such as the system configuration and the user interface, also have a significant effect on the performance of the system.

INDEKS

A

- Abdul Hadi Hassan, 101
- Adat Perpatih, 165
- Adat Temenggong, 165
- Akta Darurat, 111, 114, 123, 145
- Al Ikhwan, 54, 98
- Al-Imam, 8, 54, 95
- Alimin, 107
- All Malayan Council of Joint Action (AMCJA)*, 122
- al-Quran, 48
- Andrew Clark, 75
- Anglo-Malayan Defence Agreement (AMDA)*, 184
- Antikomunis, 184
- ASEAN, 186-187
- Association of Southeast Asia (ASA)*, 185
- Autoriti, 18
 - karisma, 18
 - legal-nasional, 18
 - tradisional, 18

B

- bahasa Melayu, 36, 47, 63-64, 68-70
- Banishment Ordinance*, 109
- Barisan Sosialis, 174
- Barter trade, 77
- Belanda, 83
- Biro Siasatan Politik, 99
- Buddha, 7

Buyong Adil, 101

C

- Cahaya, 54
- Cambay, 42-43
- Centricism*, 5
- Charles Brooke, 155
- Chin Peng, 111
- China, 129
- CHOGM, 189
- Chou En-Lai, 111
- Cita-cita Islah, 53
- Communist International (Comintern)*, 109
- Coup de tat*, 182
- Crown Colony*, 156, 160
- Cuba kedua, 174

D

- Darsono, 107
- Dasar
 - Apartheid, 185
 - Barisan Bersatu (*United Front*), 106
 - desentralisasi, 120
 - Ekonomi Baru, 183
 - Pandang Ke Timur, 189
 - pecah dan perintah, 77, 80, 105
 - Pendidikan Jepun @ Shihan Gakkos, 139
- Dato' Abdul Rahman Yassin, 119
- Dato' Bahaman, 4, 76, 87, 94
- Dato' Maharaja Lela, 86, 94

Dato' Onn Jaafar, 119, 124
 Dato' Sagor, 86
 Datuk Kelana, 85
 Daulat
 Deklarasi Bangkok, 182, 186
 Deklarasi K. Lumpur, 187
 Dewan Rakyat, 171
 Diosdado Macapagal, 178
 Diplomasi kapal perang, 73, 84
 Doktrin Guam, 188
 Donald Stephen (Tun Ahmad Fuad Stephen), 177
 Dr. Burhanuddin Al-Helmi, 121
 Dr. Mahathir Mohamad, 189-191
 Dr. Sun Yat Sen, 109
 Duncan Stewart, 89

E

E.E.C. Thuraisingam, 124
 Edward Gent, 111
 Emansipasi wanita, 97
 Enakmen Kesatuan Sekerja, 110
 Engku Besar Jeram Tun Ahmad
 Engku Besar Jeram, 76
 Epposho, 136
 Establishment, 98
 Evolusi politik, 18

F

Faidha Ali, 65
 Ferdinand Marcos, 182
 F-Kikan, 130
Fifth Columnists, 130
 Francis Light, 4
 Frank Swettenham, 4

G

Gerakan
 antiBritish, 83
 di Naning, 84
 pembersihan, 102
 Pemisahan, 123
 Sook Ching, 137
 Gerald Templar, 147
 Gujarat, 40

H

Hadis, 48
 Haji Abbas Mohd. Taha, 53-54, 96
 Haji Abdul Rahman Limbong, 4
 Haji Abdullah Fahim, 52
 Haji Musa Abdul Ghani, 88
 Hang Tuah, 28
 Harold Briggs, 113
 Harold MacMichael, 120
 Haru, 36
 Harun Aminurrashid, 102
 Hassan Manan, 102
 Heah Joo Seang, 124
 Herodotus, 11
 Hikayat
 Merong Mahawangsa, 7
 Raja-raja Pasai, 7
 Hindu, 7
 Historia, 10
 Historiografi Melayu, 7
 Hj Abdul Rahman Limbong, 76, 94
 Hodosh, 136
 Hugh Low, 4
 Hukum adat, 34
 adat Temenggung, 34
 Hukum Kanun Melaka, 28, 32, 34

I

Ibn Khaldun, 11
 mukadimah, 11
 Ibrahim Haji Yaakob, 102
 Idea Penyatuan Wilayah, 174
 Ideologi politik, 17, 19
Imperialisme, 74, 83
Independence of Malaya Party (IMP), 125
 India Muslim, 40, 59-62, 68-70
 India Selatan, 42, 49
Indiosyncrasy, 55
 Institusi pondok, 50
 Islah Islamiyyah, 100
 Islam, 7
 keadilan, 22
 kebebasan, 22
 persamaan, 22
 syura, 22

tanggungjawab, 22

J

- J.G. Davidson, 86
- J.P. Rodger, 87
- J.W.W. Birch, 4, 86
- Jabatan Perang dan Tanah Jajahan, 120
- Jabatan Siasatan Jenayah, 99
- Jamaluddin al-Afghani, 53, 95
- James Brooke, 154
- Jawatankuasa Perhubungan Kaum, 124
- Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia (MSCC), 177
- Jawi Peranakan, 59-62
- Jepun, 117
- Jeram Ampai, 87
- Jesselton, 154
- Joseph Ducroux, 109
- jus soli, 76, 142

K

- Kaedah perzamanan atau periodisasi, 9
- Kaum Muda, 8-9, 48, 54, 95-96
- Kaum Tua, 9, 55, 96
- Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA), 190
- Kebangkitan anti-British, 76
- Kebangsawanan Melayu,
- Kerajaan Islam Perlak, 41
- Kerakyatan *jus soli*, 77, 142
- Kerjasama
 - Ekonomi Asia Pasifik (APEC), 189
 - Pertahanan Lima Negara (FPDA), 184
 - Selatan-selatan, 190
- Kesatuan
 - Ekonomi Asia Timur (EAEG), 190
 - Ekonomi Eropah (EEC), 186
 - Eropah, 190
 - Melayu Muda, 102
 - Melayu Singapura, 101
 - Rakyat Istimewa (KRIS), 136
- Kesultanan
 - Brunei, 154
 - Melayu Melaka, 141
 - Sulu, 153, 178

- Kolej Pertanian Serdang, 101-102
- Kolej Teknik Kuala Lumpur, 101-102
- Kolonialisme, 74, 83
- Komunisme, 20, 25
- Kuching, 155

L

- Lai Teck @ Loi Tak, 111
- Lai Tek @ Wong Gim Geok, 138
- Lawrence Sharkey, 113
- Lee Kuan Yew, 174
- Lidah Benar, 99
- Liga Pemuda Komunis, 108
- Lim Boon Keng, 138
- Lim Chong Pang, 138
- London Missionary Society, 60
- Lord Louis Mountbatten, 118
- Lubuk Terua, 87

M

- Ma Huan, 29
- Ma'ahad Il-Ihya As-Syariff, 56
- Madrasah
 - Al-Attas, 56
 - Al-Dinniah, 56
 - Al-Hadi, 55
 - Al-Iqbal Al-Islamiyyah, 55
 - Al-Masriyyah, 55
 - Al-Masyhur Al-Islamiyyah, 55
 - Alwiyah Al-Dinniah, 56
 - Hamidiyah, 56
 - Idrisiah, 56
- Maharaja Jepun, 133
- Majalah Guru, 101
- Majapahit, 36
- Majlis atau Jabatan Agama Islam, 6
- Majlis Durbar, 142, 159
- Majlis Penasihat Negeri, 135
- Maktab Melayu Kuala Kangsar, 56, 80
- Maktab Perguruan Sultan Idris, 56, 80
- Malabar, 40, 42
- Malayan Chinese Association (MCA), 123
- Malayan Communist Youth, 108
- Malayan Democratic Union (MDU), 111
- Malayan General Labour Union, 108

Malayan Indian Congress (MIC),
Malayan National Conference, 145
Malayan People Anti-Japanese Army (MPAJA),
 107
Malayan Planning Unit (MPU), 118
Malayan Race Liberation Army (MRLA), 112
Malayan Union, 118
Malaysian centric, 10
 Malaysian-Malaysia, 181
 Malcolm MacDonald, 124
 Manchuria, 129
 MAPHILINDO, 178, 185
 Mat Kilau, 87
 Mat Salleh, 90, 157-158
 Min Yuen, 113
 Misa Melayu, 7
 Mohammad Eunus Abdullah, 101
 Mohd. Al-Khatib, 102
 Muhammad Rashid Rida, 95
 Mukhtaruddin Lasso, 121
Multi-racial society, 6
 Munshi Abdullah, 8
 Munshi al-Thani, 62
 Munshi Mohammad Ali, 62
 Munshi Mohd. Ali al-Hindi, 64-65
 Munshi Mohd. Said bin Dada Mohyiddin,
 62
 Munshi Muhammad Said, 62
 Musso, 107

N

NAFTA, 190
 Nasionalisme, 21, 91
 terbuka, 21
 tertutup, 21
National Convention, 146
 Negeri Melayu Utara, 132
 Negeri-negeri Melayu Bersekutu, 55, 60, 70
 Negeri-negeri Selat, 55, 60, 75
 Neraca, 54
 Nik Mahmood Abdul Majid, 124
North Atlantic Treaty Organization (NATO),
 186
North Borneo Chartered Company, 153-155
 Nujum ul-fajar, 65, 68

O

O.T. Dussek, 102
 Ong Kee Hui, 177
 Orientalis Barat, 42
 Orientalis, 5-6

P

Palace centric, 7
 Pandak Endut, 86
 Pangiran Shahbandar, 157
Pan-Islamisme, 48
 Pantai Coromandel, 42
 Parameswara, 28-29
 Parsi, 42
 Parti

- Buruh, 142
- Islam Se Tanah Melayu (PAS), 125
- Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM),
 121
- Kebangsaan Melayu Sarawak (MNUS),
 89
- Komunis China (PKC), 105
- Komunis Malaya (PKM), 105
- Koumintang, 106
- Negara, 146
- Perikatan UMNO-MCA-MIC, 126
- politik, 23
- Radikal Pulau Pinang, 142
- Rakyat Brunei, 176
- Tindakan Rakyat (PETIR), 174

Pasai, 36
 Pasukan tentera ke-25 Jepun, 131-132
 Patani, 51
 Patriotisme, 94
 Pearl Harbour, 130
 Pembela Tanah Air (PETA), 136
 Pendekatan

- arkeologi, 5
- fenomenologi, 4
- kronologi, 3

Pendidikan

- Islam, 53
- madrasah, 51, 54-55

Pengajian al-Qur'an, 49
 Pengasuh, 54

- Pengeran Indera Mahkota, 154
 Pengeran Muda Hashim, 154
 Penghulu Dol Said, 4, 76, 84, 94
 Penghulu Johol, 84
 Penjajah British, 8
 Pensemakhuran Asia Timur Raya, 129, 131
 Pentadbiran Tentera British (BMA), 111
 Perang China-Jepun, 138
 Perang Dingin, 19, 25, 191
 Perang Dunia Kedua, 103
 Perikatan UMNO-MCA-MIC, 126-127
 Perjanjian Bangkok, 75
 Perjanjian Pangkor, 86, 96
 Perkhidmatan Tadbir Melayu (M.A.S.), 80
 Perkhidmatan Tadbir Tanah Melayu (M.C.S.), 80
 Perlembagaan
 Malayan Union, 75, 77, 164
 Malaysia, 170
 Merdeka, 167
 Persekutuan Tanah Melayu, 123, 166
 Rakyat, 122, 147, 165
 Persatuan
 Dayak Sarawak (DAS), 89
 Kebangsaan Melayu Johor (PKMJ), 124
 Melayu Pahang, 103
 Melayu Perak, 103
 Melayu Selangor, 103
 Persaudaraan Sahabat Pena Malaya (PASPAM), 102
 Persidangan @ Kongres Pemuda Asia, 112
 Persidangan Haadyai, 115
 Pertubuhan
 Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), 184
 Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), 103
 Komanwel, 186
 Negara-negara Berkecuali (NAM), 189
 Negara-negara Islam (OIC), 189
 Perdagangan Dunia (WTO), 188
 Perjanjian Asia Tenggara (SEATO)
 Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), 190
 Pesuruhjaya Tinggi British, 142
 Phibun Songkram, 130
 Pilihan Timur, 99
 Pilihan raya George Town, 143
 Pilihan raya Kuala Lumpur, 143
Plural Society, 6
 Portugis, 83
 Probarat, 184
 Proses
 imperialisme, 47
 Islamisasi, 46
 Kristianisasi, 79
 sekularisasi, 6
 Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA), 122
R
 Raja Berperlembagaan, 141
 Raja Mendaliar, 33
 Raja Muda Yusuf, 86
 Ralph Hone, 120
 Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP), 183
Renaissance, 19
 Revolusi Industri, 18-19
 Rosli Dhobi, 4, 89
 Rundingan Baling, 113
S
 S.P.S.K. Kadar Sahib, 67
 Sabah @ Borneo Utara, 153, 177-178
 Sains politik, 15
 Salasilah Melayu dan Bugis, 7
Sarawak National Party (SNAP), 177
Sarawak United People Party (SUPP), 160, 177
 Saudara, 54
 Sayyid Abdul Rahman al-Idrus atau Tok Ku Paloh, 87
 Sejarah
 lisan, 9
 Melayu, 7, 27-28
 politik, 15-16
 Sekola Melayu, 65-68
 Semangat Islam, 99
 Semaoen, 107
 Semenanjung Korea, 129

- Seputum, 86
 Serambi Mekah, 52
 Seruan Azhar, 99
 Shamsul Kamar, 65, 68
 Shengkei Nesan, 59-62
 Sir Henry Gurney, 113
 Sistem
 Ahli @ *Member System*, 113
 Ali Baba, 77
 demokrasi berparlimen, 141
 demokrasi, 16
 ekonomi komersial, 77
 ekonomi tradisional, 77
 Kangchu, 77
 patrimonial, 31
 pendidikan vernakular, 79
 Residen, 75
 tukaran barang dagangan, 77
 Sneevliet, 107
 Soebakat, 107
 Soekarno, 178
 Sosialisme, 20, 25
 Sosiologi politik, 15-16
 Sosiologi sejarah, 11
South Seas Communist Party, 106
Southeast Asia Treaty and Organization
 (SEATO), 185
 Stamford Raffles, 4
Status quo, 78-79
 Stephen Kalong Ningkan, 177
 Suara Rakyat, 121
 Suku Hailam, 108
 Sultan Abdullah, 76, 86
 Sultan Ahmad Shah, 29
 Sultan Alaudin Riayat Shah, 34
 Sultan Husain Shah, 75
 Sultan Ibrahim Johor, 120
 Sultan Mahmud Shah, 29
 Sultan Mansur Shah, 32
 Sultan Megat Iskandar Shah, 29, 33, 46
 Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah, 89
Suma Oriental, 27-28
Supplementary Agreement, 156
 Suruhanjaya
 Cobbold, 160, 180
 Reid, 126
 Syed Alwi al-Hadi, 102
 Syed Syeikh Al-Hadi, 53-54, 96
 Syeikh Abdul Malek bin Abdullah, 51
 Syeikh Abdullah Maghribi, 53, 96
 Syeikh Daud bin Abdullah bin Idris
 Syeikh Mohd. Salim Al-Khalali, 53, 96
 Syeikh Muhammad Abduh, 53, 95
 Syeikh Othman Jalaluddin, 52
 Syeikh Tahir Jalaluddin Al-Azhari, 53-54, 96
- T**
 Tan Cheng Lock, 121-123
 Tan Malaka, 107
 Tanjung Penegeri, 67-69
 Temenggung Muar, 84
 Tengku Antah, 85
 Tentera
 Berikat (Bersekutu), 130
 Nasional Kalimantan Utara (IN KU), 176
 Thailand, 132
 Tok Gajah, 87
 Tok Janggut (Haji Mat Hasan), 4
 Tok Kenali (Mohd. Yusof bin Mohd. Datuk),
 52
 Tradisi lisan, 9
 Tuan Hussein, 52
 Tuan Minal,
 Tuan Tabal (Haji Abdul Samad bin Mohd.
 Salleh), 52
 Tun Ali, 31
 Tun Mutahir, 29-30
 Tun Perak, 28-31, 33
 Tun Sri Lanang, 8, 27
 Tunku Abdul Rahman, 147
- U**
 Undang-undang
 Adat,
 Islam mazhab Syafie, 34, 40, 42
 Laut Melaka, 34
 Tubuh Negeri, 165
 UNHCR, 186
 Utusan Melayu, 149

W

Welstanchauung, 44, 49

William Treacher, 157

World view, 47

Y

Yam Tuan Ali, 84

Yam Tuan Antah, 85

Z

Zainal Abidin Ahmad (Za'ba), 101

Zaman kekosongan @ interregnum, 118

Zionisme, 21

ZOPFAN, 187